

# Malaysian Journal of Youth Studies

EDISI KHAS BELIA & 1MALAYSIA

---

Volume  
Jilid **2**

ISSN 2180-1649

June  
Jun **2010**

---

*Articles/Makalah*

- Gagasan 1Malaysia: Perutusan Sempena Penerimaan  
Jawatan Perdana Menteri Malaysia Ke-6** 1  
MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK
- 1Belia 1Malaysia:  
Perutusan Perdana Menteri Malaysia Ke-6  
Sempena Hari Belia Negara 2009** 4  
MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK
- Semangat 1Belia 1Malaysia:  
Asas Agenda Hari Ini dan Akan Datang** 7  
AHMAD SHABERY CHEEK
- Slogan 1Malaysia dalam Konteks Evolusi  
Demokrasi Malaysia** 17  
KAMARUDDIN MOHD. SAID
- Gagasan 1Malaysia: Nuansa Baru dalam Mengisi  
Agenda Pembentukan Bangsa Malaysia** 35  
MOHAMED MUSTAFA ISHAK
- Belia dan 1Malaysia: Antara Cabaran dan Harapan** 53  
SHAHARUDDIN BADARUDDIN, AZMAN AYOB &  
MAZLAN CHE SOH
- 1Semangat Patriotisme Menjana Konsep 1Malaysia:  
Realiti atau Fantasi** 77  
NOOR SULAISTRY YURNI AHMAD

<b>Dynamics of The Media and Youth Transformation In Malaysia: An Observation</b> CHIN YEE MUN & LEE YOK FEE	<b>93</b>
<b>Peranan dan Cabaran Mahasiswa Melestarikan Gagasan 1Malaysia</b> SARJIT S. GILL & CHARANJIT KAUR	<b>105</b>
<b>Peranan Beliawanis Sebagai Modal Insan Memenuhi Gagasan 1Malaysia</b> SITI KHARIAH MOHD ZUBIR & MOHD RA'IN SHAARI	<b>119</b>
<b>Gagasan 1Malaysia dan Semangat Patriotisme Belia PLKN</b> AHMAD TARMIZI TALIB, SARJIT S. GILL, MOHD MAHADEE ISMAIL, JAYUM A JAWAN & ZAID AHMAD	<b>143</b>
<b>Fenomena Mat Rempit: Cabaran dan Peluang kepada Pengisian Gagasan 1Malaysia</b> MOHD MURSYID ARSHAD, ISMI ARIF ISMAIL, STEVEN ERIC KRAUSS & TURIMAN SUANDI	<b>161</b>

**GAGASAN 1MALAYSIA:  
PERUTUSAN SEMPENA PENERIMAAN JAWATAN  
PERDANA MENTERI MALAYSIA KE-6**

MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK

*Bismillahirrahmanirrahim Assalammualaikum Dan Salam Sejahtera*

Bagi pihak seluruh Rakyat Malaysia, pertama sekali saya merakamkan rasa penghargaan dan ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Ahmad Badawi atas sumbangan khidmat cemerlang sepanjang 31 tahun kepada negara. Begitulah juga komitmen Yang Amat Berbahagia Tun dalam pengukuhan demokrasi dan institusi penting dalam negara, serta teladan kepemimpinan yang cukup berhikmah.

Secara peribadi, saya amat berterima kasih atas keyakinan Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah menamakan saya sebagai penggantinya. Saya juga merakamkan ucapan junjungan kasih setinggi-tingginya atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melantik saya sebagai Perdana Menteri dalam istiadat mengangkat sumpah jawatan pagi tadi.

Dengan penuh rasa tawaduk dan kerendahan hati, saya menerima amanah tanggungjawab ini untuk berkhidmat kepada Rakyat dan Negara. Sesungguhnya seawal usia yang masih muda, dan sepanjang hidup dewasa, telah saya abdikan berkhidmat untuk rakyat. Semua ini lahir hasil daripada inspirasi dan dorongan serta suri teladan Allahyarham Ayahanda saya. Memang saya tersentuh dan terpanggil untuk meneruskan agenda besar kerajaan untuk membasmi kemiskinan, menstrukturkan semula masyarakat Malaysia, meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti untuk semua, serta meniupkan semangat sebuah generasi baru untuk menumpahkan khidmat kepada Malaysia.

Justeru itulah, sepanjang khidmat awam saya, pentingnya aspek keberhasilan sentiasa ditekankan. Sama ada melalui kemudahan yang lebih selesa bagi para pendidik, meningkatkan kualiti hidup para perwira tanah air, mahupun dalam memperkasakan ekonomi bagi memelihara kesejahteraan rakyat di saat kita menghadapi cabaran ekonomi global.

Dalam waktu terdekat ini, saya akan bertukar-tukar pendapat dengan pelbagai lapisan pemimpin masyarakat dari seluruh negara dalam menentukan keutamaan kerajaan. Dalam hal ini, saya amat menyedari bahawa kita perlu mengambil manfaat dari kejayaan kini dan mengambil iktibar pula dengan pengajaran masa lalu.

Pada asasnya, kepimpinan yang bakal diwujudkan wajar membawa pendekatan baru, bagi menempa sebuah zaman baru, demi menjelmakan sebuah kerajaan yang mengutamakan prestasi berpaksikan keutamaan rakyat.

Rakyat diutamakan akan merentasi seluruh lapisan masyarakat dan kumpulan etnik di setiap pelosok tanah air. Tidak ada sesiapa yang patut merasakan diri mereka tercicir atau terpinggir daripada wacana nasional. Kita akan rapatkan hubungan Rakyat dan Kerajaan dari dikelirukan dan diperdaya oleh permainan muslihat politik.

Dalam hal ini, potensi golongan anak muda akan kita bangunkan setinggi-tingginya. Kita percaya merekalah generasi pewaris bakal pendidik, doktor, peguam, akauntan, saintis, jurutera, tokoh perniagaan, cerdik pandai dan saf pemimpin masa depan.

Maka dengan itu, pada hari yang bersejarah ini saya berikrar untuk bekerja tanpa mengenal erti jemu atau penat lelah, berkhidmat dan membela untung nasib rakyat. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengumumkan bahawa pihak kerajaan akan menarik balik larangan penerbitan sementara bagi DUA surat khabar serta membebaskan TIGABELAS tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) berkuat kuasa serta-merta. Proses kajian semula terhadap Akta ISA akan juga dimulakan.

Saya sedar sudah tepat masanya kita mengambil langkah-langkah demikian untuk mengukuhkan lagi keyakinan rakyat terhadap pihak yang berwajib atas soal keselamatan negara serta mengembalikan keutamaan kita untuk menangani ancaman-ancaman yang dianggap merbahaya dan munasabah. Kementerian Dalam Negeri akan memberikan butir-butir selanjutnya selepas ini.

Atas segalanya, saya menyedari bahawa sekarang adalah masa yang cukup mencabar bagi setiap warga. Saya komited memastikan kepimpinan

terus berdiri teguh bagi menghadapi krisis ekonomi yang kini melanda seluruh dunia termasuk di negara kita. Saya akan tetap berpegang kepada iltizam untuk memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.

Dengan ini saya mengajak seluruh warga untuk sama-sama melaksanakan satu transformasi besar buat negara dengan semangat **1Malaysia Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan**. Saya panjatkan doa ke hadrat Ilahi supaya terus dikurniakan kekuatan, kemudahan serta hikmah dalam menjalankan amanah besar ini. Dengan izin Allah jua, marilah kita memulakan langkah perjalanan hebat ini - bersama sama.

*Wabillah hitaufik Walhidayah Wassammualaikum Warah  
Matullahiwarokatuh.*

***Sumbangan Ikhlas***

*YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abd Razak*

*Perdana Menteri Malaysia*

*Perutusan Sempena Penerimaan Jawatan Perdana Menteri Malaysia Ke-6*

*03 April 2009*

**1BELIA 1MALAYSIA:  
PERUTUSAN PERDANA MENTERI MALAYSIA KE-6  
SEMPENA HARI BELIA NEGARA 2009**

MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK

*Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.*

Saudara dan saudari,  
Pertama sekali saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Belia Negara kepada semua warga belia Malaysia. Sesungguhnya sambutan hari belia menjadi bukti pengiktirafan berterusan oleh pihak kerajaan dalam menjadikan golongan belia sebagai rakan kongsi utama untuk membangun dan memajukan negara ini.

Teringat saya kepada kata-kata sarjana Islam tersohor iaitu Imam Al-Ghazali bahawa, untuk menaakul rupa bentuk sesebuah negara pada masa hadapan, maka lihatlah pada anak-anak mudanya pada hari ini. Kata-kata ini menunjukkan perihal negara yang mempunyai kepentingan dalam masa depan saudara dan saudari semua sebagai penentu rupa wajah Malaysia pada masa hadapan. Hakikatnya kejayaan saudara dan saudari adalah kejayaan negara.

Menyedari realiti saudara dan saudari sebagai anggota masyarakat yang paling idealistik, saya mencabar saudara semua untuk jangan lagi sekadar berpuas hati berada di gerigi peristiwa, sebaliknya marilah bersama-sama untuk mencipta sejarah. Marilah bersama-sama pentadbiran saya sebagai pelaku-pelaku aktif dalam proses membawa pembaharuan dan perubahan ke arah mencipta Malaysia yang kita impikan. Saya amat yakin sebagai orang muda saudara dan saudari tentunya mempunyai banyak idea untuk dikongsi dalam menjana pembangunan negara.

Justeru, sebagai langkah penghakupayaan dan pewajaan saya menyarankan ruang dialog yang lebih luas diadakan di antara saudara dan saudari dengan kepimpinan tertinggi negara. Langkah ini merupakan usaha kerajaan bagi memahami keperluan, kehendak dan kemahuan para belia. Malah, pendapat yang mengatakan bahawa hanya kerajaan mengetahui apa yang baik untuk golongan belia sudah ketinggalan. Lantas untuk memahami aspirasi dan denyut nadi belia, kerajaan kini lebih bersedia

menjadi pendengar yang baik dan mempunyai empati terhadap sudut pandangan, keluh kesah, rintihan, pendapat serta saranan saudara dan saudari sekalian.

Namun pada waktu sama, pertubuhan-pertubuhan belia perlu insaf bahawa masih ramai rakan-rakan saudara yang berada di luar lingkungan keahlian pertubuhan-pertubuhan sedia ada. Cabarannya di noktah ini ialah bagaimana saudara saudari semua dapat menambat hati golongan tersebut agar mereka juga dapat menyumbang ke arah pembinaan sebuah negara bangsa. Kita tahu, era dan revolusi bidang ICT menuntut kepada pendekatan yang penuh kreatif dan inovatif dalam berkomunikasi dengan mereka. Oleh yang demikian, media alternatif mesti dimanfaatkan sepenuhnya dalam menawan imaginasi golongan muda.

Dalam konteks ini, saya menyeru kepada semua agensi kerajaan yang berurusan dengan golongan belia untuk mengkaji semula pendekatan mereka. Janganlah kita bersifat menghakimi dan menghukum. Kita sewajarnya cuba memahami apakah cita rasa golongan muda. Kita perlu lebih akomodatif dan prihatin kepada citra mereka. Turunlah padang dan dengarlah suara-suara belia akar umbi dan tidak sekadar menunggu mereka untuk datang berjumpa dengan kita. Dalam melaksanakan sebarang program pula, berundinglah dengan kumpulan sasar kita iaitu golongan belia agar aktiviti-aktiviti yang dijalankan nanti lebih menepati warna dan sentuhan jiwa golongan muda.

Dewasa ini pula, Malaysia berhadapan dengan cabaran besar untuk merealisasikan wawasan menjadi sebuah negara maju dengan rakyat yang berpendapatan tinggi atau *high income*. Baru-baru ini saya telah menggariskan matlamat kerajaan untuk mencipta model baru ekonomi negara yang berasaskan kreativiti dan inovasi. Atas sebab itu, sebagai generasi pewaris, saudara dan saudari harus menyediakan diri untuk model baru ekonomi ini. Sebaiknya, bagi memastikan kejayaan, warga belia perlu mendakap konsep pembelajaran seumur hidup dan bersedia untuk *learn*, *unlearn* dan *relearn* ilmu pengetahuan serta kemahiran secara berterusan. Jelasnya, Kerajaan tidak akan berdikit dalam iltizam mempersiapkan-siagakan warga belia dengan peluang-peluang untuk menggarap ilmu dan kemahiran dengan secukupnya agar mereka “*not only survive but thrive in this new economy*”.

Saudara dan saudari,

Pada hemah saya, sebagai golongan yang dilahirkan pascamerdeka, umur belia adalah tapak paling subur untuk merealisasikan konsep 1Malaysia. Ingatlah bahawa di mana bumi dipijak, di situlah langit dijunjung. Lantaran itu, saudara saudari sekalian harus melihat antara satu sama lain dengan pandangan Malaysia. Dalam kata lain sungguh pun kita terdiri daripada pelbagai agama, bangsa dan suku mahupun keturunan, kita harus insaf bahawa di bumi Malaysia inilah kita dilahirkan, di bumi inilah kita mencipta kehidupan dan di bumi inilah kita bersemadi. Maka di bumi inilah juga kita wajib menumpahkan biah, setia, waad dan janji.

Sedarlah bahawa kerukunan yang kita capai selama ini bukanlah sesuatu yang mudah. Ia telah dirintis oleh mereka yang terdahulu dengan segala jerih dan kepayahan. Kerana itulah saya percaya, 1Malaysia akan menjadi lebih bermakna sekiranya golongan muda turut mengambil pendekatan **1Youth – 1Malaysia atau 1Belia-1Malaysia**. Ini adalah konsep penting untuk diterapkan dalam pergerakan belia kita. Langkah yang seribu itu bermula dengan yang satu, Malaysia tidak akan menjadi 1 sekiranya belianya tidak berpadu. Dari itu, terletak di jemala para belia satu amanah sebagai pewaris yang sewajarnya meneruskan perjalanan yang mulia ini dengan memupuk dan menyuburkan perpaduan nasional yang telah dibina. Jika tidak segala apa yang kita bangunkan akan hancur dan ranap begitu sahaja.

Akhir kata, kepada para belia dan anak muda remaja, ayuhlah bersama menyingsing lengan bagi menabur bakti demi pertiwi. Sememangnya tidak ada perkhidmatan yang lebih tinggi nilainya mahupun lebih mulia daripada mencurah jasa kepada negara. Jadikanlah waktu muda ini sebagai landasan bagi mengumpul bekal dan pengalaman untuk meniti hari-hari mendatang. 1Malaysia belia berwawasan, penggerak kejayaan.

*Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

***Sumbangan Ikhlas***

*YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abd Razak*

*Perdana Menteri Malaysia Ke-6*

*Perutusan Sempena Hari Belia Negara 2009*

*14 Mei 2009*



**SEMANGAT 1BELIA 1MALAYSIA:  
ASAS AGENDA HARI INI DAN AKAN DATANG**

AHMAD SHABERY CHEEK

Pertamanya saya ingin mengalu-alukan dan mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga di atas kehadiran semua anggota Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) ke persidangan kita kali ini. Saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk memohon berbanyak maaf di atas kelewatan persidangan ini yang sepatutnya diadakan di pertengahan tahun ini. Bagi memenuhi tuntutan peruntukan Akta yang menghendaki mesyuarat ini diadakan dua kali setahun, Insya ALLAH kita akan adakan sidang kedua untuk tahun ini pada bulan Disember akan datang. Saya telah meminta pihak Kementerian menganjur satu perhimpunan yang lebih besar diadakan serentak dengan beberapa acara lain yang akan menuntut perahan minda yang lebih komprehensif mengenai pembinaan belia negara.

Amanah yang diberikan kepada saya di Kementerian ini menuntut saya mengambil sedikit masa, cuba belajar, memahami dan menghayati tugas dan tanggungjawab baru di Kementerian ini. Terima kasih saya kepada pegawai-pegawai di Kementerian, jabatan dan agensi yang banyak memberi petunjuk tentang perjalanan Kementerian serta ruang tugas yang perlu dilaksanakan. Terima kasih juga kepada rakan-rakan dari pergerakan belia, termasuk kepimpinan Majlis Belia Malaysia yang turut memberi pelbagai pandangan yang begitu bermakna sekali tentang harapan golongan belia dan peranan yang saya perlu mainkan bagi memajukan perjalanan persatuan-persatuan belia tanah air.

Saya sedar dan insaf, harapan besar rakyat terhadap sebuah kerajaan itu sentiasa dicerminkan melalui harapan yang terpancar daripada golongan mudanya. Masa depan negara ialah mengenai masa depan orang mudanya. Orang muda yang merasakan diri mereka tidak ada masa depannya di sini, akan cepat mencemuh dan memandang rendah kepada kerajaannya. Negara yang dipenuhi oleh pemuda dan pemudi yang lesu akan menjadikan negara itu lemah dan tidak ada masa depannya. Sebaliknya tenaga muda yang digembeleng dengan betul adalah jana kuasa terkuat dalam memacu negara itu menjadi negara yang maju, yang cemerlang yang disegani oleh kawan dan lawan.

Tahap aktivisme golongan muda, sering menjadi kayu pengukur kepada dinamisme masyarakat dan keupayaan sebenar sesebuah negara. Banyak negara yang kaya-raya kerana hasil bumi yang melimpah ruah akhirnya menjadi lemah kerana kelesuan anak mudanya. Sebaliknya banyak negara yang dahulunya miskin tetapi menjadi kuat kerana tenaga mudanya yang penuh dengan idealisme dan berwawasan, sentiasa dijanakan untuk kekuatan negaranya. Sebab itulah persoalan sentiasa timbul apakah negara kita dipenuhi dengan anak-anak muda yang kuat, aktif dan sentiasa peka kepada dunianya? Atau apakah kita lemah dan dilanda dengan simptom anak muda yang “*lethargic*” yakni lesu, “*apathy*” yakni acuh tak acuh terhadap persekitarannya? Sejauh manakah mereka bertindak balas terhadap isu dan permasalahan semasa? Atau mereka berdiam diri selagi permasalahan itu tidak menyentuh diri mereka dan hanya bertindak sekiranya ia memberi kesan secara langsung kepada mereka. Dalam lain perkataan apakah negara kita hanya dipenuhi oleh anak muda yang aktif hanya untuk kepentingan dirinya?

Atau, berapa ramai di kalangan kita yang memiliki pelbagai idealisme, yang peka kepada apa yang berlaku, namun lesu ketika diminta bergerak menjadi aktivis masyarakat? Benar, idealisme dan kepekaan adalah pra-syarat menjadikan seseorang di panggil pemimpin, namun berapa ramai pula di kalangan mereka sedia berkorban, masa, tenaga dan wang ringgit untuk sama-sama memacu masyarakatnya ke arah kebaikan? Atau di kalangan mereka berapa ramai pula yang menjadi mangsa kepada individu *megalomaniac*, iaitu individu yang menjadikan anak muda kita kuda tunggangannya, yang memainkan api amarah yang memusuhi musuh peribadinya. Atau, melalui idealisme palsu, membakar semangat anak muda bagi memenuhi kehendak dan cita-cita peribadi orang berkenaan.

Cabaran saya di sini ialah cuba mengenali lebih ramai anak muda yang memiliki pelbagai harapan dan pelbagai kepentingan. Sebahagian daripada mereka diwakili oleh pelbagai persatuan dan organisasi yang berada di dewan ini. Namun sebahagian besar daripada mereka tidak diwakili oleh sesiapa.

Saya sering mengingatkan rakan-rakan saya di Kementerian, tanggungjawab kita adalah berat. Kira-kira 12 juta atau 40 peratus rakyat negara ini terdiri di kalangan belia. Sekiranya Kementerian yang menjaga golongan belia tidak memahami dan mengambil berat impian dan harapan

golongan belia ini, siapa lagi? Siapa lagi yang harus di pertanggungjawabkan untuk menyelami hati nurani dan impian ini dengan membina arena aktivisme belia supaya lebih ramai belia yang aktif, yang mampu memimpin, yang mampu berorganisasi, yang mampu berkomunikasi di antara satu sama lain? Siapa lagi yang patut menterjemahkan tuntutan pemimpin kita dulu dan sekarang untuk menjadikan kepelbagaian kita sebagai kelebihan kita? Siapa lagi yang patut menyatukan kepelbagaian ini menjadi suatu bola salji yang membesar dan membesar hingga menjadi satu kekuatan yang tidak boleh ditandingi? Itulah semangat 1Malaysia. Tidak mungkin 1Malaysia akan terjadi sekiranya ia tidak dibina oleh anak muda kita terlebih dahulu. Maka semangat 1Belia 1Malaysia, menjadi asas agenda kita hari ini dan akan datang.

1Malaysia adalah suatu idealisme yang perlu dihayati oleh semua golongan belia. Saya percaya ia tidak mungkin dapat dihayati semua tanpa penghayatan di kalangan kami terlebih dahulu. Tidak mungkin kami boleh menggerakkan dan menyemarakkan idealisme ini sekiranya kami tidak terlebih dahulu memahami apa itu idealisme belia dan apa itu aktivisme belia. Tidak mungkin kami boleh mencergaskan yang lesu sekiranya kami sendiri dilihat lesu. Tidak mungkin kami boleh mengubat symptom acuh tidak acuh di kalangan belia, sekiranya kami sendiri dilihat "*apathy*" atau renggang dari realiti masyarakat kita. Di kalangan kami, baik saya yang bergelar menteri, rakan-rakan timbalan menteri atau rakan-rakan yang bergelar pegawai, kami sedar bahawa kami di tuntutan untuk menjadi pejuang terlebih dahulu, sebelum mengajak seluruh rakyat berjuang mencapai matlamat dan merealisasikan impian idealisme yang dicanangkan.

1Malaysia bukan sekadar satu panggilan. Ia adalah satu tuntutan masa kini. Ia perlu difahami dan dihayati. Ia terbit bukan sekadar dari cetusan hati seorang pemimpin yang melihat keperluan semasa, ia adalah gugusan daripada rentetan perjalanan sejarah negara kita yang unik. Rentetan sejarah yang dibangunkan melalui pelbagai kesusahan, krisis dan cabaran telah melahirkan ramai individu yang berjaya. Negara kita telah di angkat daripada negara miskin yang menjadi bakul sumbangan orang lain, kini menjadi antara negara yang termaju di rantau ini dan mampu menjadi penyumbang kepada orang lain. Kita melahirkan ramai profesionalisme korporat dan golongan menengah yang mampu berdikari atas kaki sendiri dan bebas dari kebergantungan ekonominya. Namun, kejayaan ini telah melahirkan banyak individu individualistik. Tinggi

keegoan dirinya, tetapi rendah tindakan kolektifnya. Kemajuan teknologi maklumat melalui perkembangan media baru pula membolehkan mereka melepaskan perasaan dan egoisme mereka tanpa perlu keluar dari rumah atau pejabat dan bertemu dengan sesiapa. Tanpa berpersatuan mereka boleh mencetuskan tanggapan dan pendapat umum yang kuat dan amat bertenaga. Rangkaian mereka bukan lagi fizikal tetapi mental. Ledakan baru ini amat popular di kalangan anak muda kita. Ada kalanya baik, ada kalanya memerlukan masa untuk membuktikan kebaikannya.

Dalam masa yang sama ia merenggangkan kembali usaha kesatuan yang pernah diusahakan sebelum ini. Kita berada pada zaman amukan siber yang sukar dikawal. Kebebasan membenarkan individu melepaskan geram mereka, tanpa mengira sensitiviti kaum, agama dan lokaliti yang ada dalam negara kita. Mereka yang menganggap diri mereka progresif kerana dikatakan anti perkauman kadangkala melindungi sifat perkauman sebenar dalam diri mereka. Ia menjadi begitu tajam kerana ia dibuat secara kreatif dan berkesan sekali. Tidak pernah dalam sejarah kita melihat secara terbuka orang mencaci dan menghamun agama dan keturunan orang lain seperti yang kita lihat pada hari ini melalui media baru ini. Kemudiannya ia menjadi tindakan fizikal yang hodoh. Ekstremisme melahirkan lebih ramai ekstremisme yang lain.

Anak muda hari ini dilihat membesar dalam dunia yang sama tetapi berada dalam dimensi yang berbeza. Mereka makan, minum, tidur dan berpakaian yang tidak banyak berbeza dengan orang terdahulu, tetapi cara berfikir, berkomunikasi, bahasa yang berbeza dan berpersatuan amat berbeza dari mereka yang terdahulu. Sekiranya tiada sebarang penyesuaian baru dibuat kita akan menyaksikan keruntuhan seluruh struktur yang memberi keseimbangan kepada masyarakat kita yang pelbagai ini. Malaysia adalah ingatan bahawa kita perlu bersatu. Kita perlu menghargai perbezaan di antara kita, dan yang paling penting mencari titik pertemuan agar perbezaan dimensi dan landasan tadi dapat mencantumkan kita semua menjadi suatu bangsa yang lebih kuat daripada yang terdahulu.

Semua ini menuntut kepada pengubahsuaian yang amat segera dilakukan dalam setiap tindak tanduk kita. Transformasi yang ditunjukkan oleh parti yang menjadi tunggak pemerintahan negara ini adalah membuktikan keupayaan kepimpinan negara membuat tindakan drastik bagi menyesuaikan kehendak zaman. Idealisme yang berasaskan kepada

kepentingan rakyat dan keupayaan prestasi kepimpinan ditunjukkan dengan kesediaan pemimpin yang sudah pun berkuasa menurunkan tirai-tirai besi yang melindungi kedukaan dan kekuasaan masing-masing. Kalau dahulu orang sering berkata, undang-undang biasanya dibuat untuk menjaga kepentingan mereka yang berkuasa, kini sebuah perlembagaan dirombak untuk memberi kuasa kepada golongan yang lebih besar menentukan masa depan mereka sendiri.

Dulu, pendemokrasian adalah nyanyian dendangan aktivis masyarakat sivil, NGO bagi memperlekehkan kewibawaan mereka dan kerajaan yang berkuasa. Kini demokrasi sudah terpahat untuk dijadikan pegangan mereka yang berkuasa. Kini giliran mereka yang berkuasa pula menuntut perubahan sikap yang mendalam seluruh apparatus pemerintah dan masyarakat sivil dalam negara kita. Prinsip demokrasi bukanlah undang-undang semata-mata, ia bermula dari amalan. Amalan menjadi tabiat, tabiat menjadi budaya dan budaya menjadi tamadun.

Siapakah yang boleh membina tamadun ini, kalau tidak bermula dengan pancaran idealisme pemuda dan pemudi kita? Demokrasi bukan sekadar pilihan raya, tetapi semangatnya ialah bagaimana kita memahami prinsip kuasa itu adalah amanah dan tanggungjawab. Kesediaan untuk menjadi telus dan sedia dipersoalkan. Tidak terpukau kepada pangkat dan kekayaan yang bukan milik peribadinya. Sedia untuk memberi ruang kepada mereka yang lebih baik untuk menggantikan kedudukan yang didudukinya. Prinsip pengenerasian (*regeneration*) adalah unsur terpenting dalam semangat demokrasi. Yang kekal hanyalah Tuhan, yang lain hanyalah sementara yang perlu diganti apabila tiba masanya. Pemimpin yang berjaya, bukan diukur kepada berapa lama atau berapa penggal ia memimpin tetapi berapa ramai pemimpin yang lebih baik darinya dapat dibina sebaik sahaja ia menjadi pemimpin pada hari ini.

Kini idealisme ini sudah dipahat oleh Perdana Menteri kita di dalam parti yang di terajui. Setiap kata dan tindakan beliau menjurus kepada masa hadapan orang muda. Ia bukan mudah, tetapi ini detik-detik transformasi yang menuntut kesedaran dan penghayatan yang akan digerakkan oleh setiap nadi yang berdenyut dalam masyarakat kita. Sudah tentu denyutan nadi anak muda lebih kuat daripada nadi orang lain yang lebih tua dari mereka. Sudah tentu aliran darah orang muda ini lebih mudah digerakkan kerana idealisme pendemokrasian dan keterbukaan sudah jauh dipacu oleh

kerajaan yang memerintah. Pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman adalah contoh idealisme pemimpin kerajaan. Ia sepatutnya menjadi pemangkin masyarakat baru yang lebih demokratik dan amanah yang mesti dihayati oleh masyarakat sivil, belia dan lain-lain.

Saya percaya, aktivis dan pemimpin belia di dewan ini lebih mampu menjadi pejuang dan penggerak utama kepada transformasi ini. Saya percaya saudara-saudari lebih berupaya memulakan amalan, membiasakan tabiat dan membina budaya demokrasi ini di dalam organisasi saudara-saudari berbanding organisasi lain. Tidak mungkin kita dapat membina tamadun besar sekiranya ia tidak terlebih dahulu dijadikan asas perjuangan golongan muda yang sepatutnya lebih tinggi idealisme berbanding orang lain? Sudah tentu apa jua impian indah sesuatu perjuangan itu tidak akan kesampaian kalau ia tidak bermula dari impian orang muda.

Lebih-lebih lagi, kita sentiasa berda pada tahap transformasi kita sendiri pada saat ini. Pembentukan Pendaftar Pertubuhan Belia atau ROY adalah hasil kelahiran Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668). Semangat Akta ini ialah mengenai regenerasi. Iaitu membeliakan pergerakan belia kita. Antara lainnya ialah mengenai usia keanggotaan pertubuhan belia kita. Proses perlaksanaannya ialah sekarang. Tarikh tamatnya pun ialah sekarang. Yakni dalam masa yang terdekat. Saya melihat walaupun ia melalui liku-liku tidak semudah yang dijangka, namun saya yakin dan percaya ianya akan berjaya dilaksanakan pada hujung tahun ini. Tahniah kepada semua pertubuhan yang telah menyempurnakan proses ini. Mari kita rakamkan jutaan terima kasih kepada semua pemimpin belia yang telah banyak berjasa kepada nusa dan negara di atas kepimpinan mereka sebelum ini. Jasa mu tetap dikenang. InsyaAllah kementerian akan mengaturkan suatu himpunan besar tanda penghargaan rakyat dan kerajaan kepada mereka dalam bulan Disember ini.

Sehubungan itu, adalah tanggungjawab kita bersama juga untuk melihat transformasi ini bukan sekadar pertukaran pengawal semata-mata. Lebih penting ialah roh pendemokrasian dan regenerasi tadi dihayati oleh mereka selepas ini. Orang muda tidak semestinya memahami semua idealisme progresif yang sepatutnya dipelopori oleh

orang muda. Mereka perlu dididik tentang konsep ketelusan dan prinsip regenerasi yang menuntut mereka segera melepaskan jawatannya, memberi laluan kepada yang lebih muda pula dari mereka selepas ini. Wang Intensif bagi penubuhan persatuan di bawah ROY adalah wang rakyat. Ia bukan habuan kepada pemimpin tetapi ia mesti dibelanjakan secara telus dan bertanggungjawab. Oleh itu, mereka perlu dipandu dan mereka perlu dididik bagaimana menghargai amanah rakyat. Sindrom penolakan (*withdrawal syndrome*) mungkin akan berlaku apabila elemen baru dimasukkan dalam tubuh badan kita. Mungkin di kalangan mereka yang diberikan amanah memimpin tidak ada pengalaman memimpin dan menunjukkan pelbagai kelemahan sewaktu mula memimpin.

Harapan saya juga, mari kita semua mengamalkan sikap berhemah untuk tidak mengkritik secara terbuka terhadap pemimpin baru kita. Jadilah ibu bapa atau guru baik, yang sentiasa membantu anak dan muridnya dengan penuh kasih sayang, walaupun ada kalanya mereka melakukan kesilapan. Ibu bapa dan guru yang mencemuh muridnya di khalayak ramai akhirnya akan dicemuh pula oleh masyarakatnya sendiri.

Kedudukan 20 orang lantikan menteri menganggotai Majlis ini adalah pendekatan baru sejajar dengan semangat transformasi ini. Atas semangat ROY saya mulakan dengan melantik mereka yang berusia lingkungan belia. Atas semangat keterbukaan kami mengiklankan perkara ini kepada semua belia negara ini untuk menawarkan diri masing-masing. Pemilihan dibuat berdasarkan kriteria tertentu yang dipersetujui oleh panel pemilihan. Hampir semua daripada mereka bukanlah terdiri daripada mereka yang saya kenal dengan dekat. Namun saya yakin mereka dapat memberi wajah baru kepada MPBN sejajar dengan semangat transformasi ini. Saya sudah mengingatkan kepada mereka, kerja mereka adalah sukarela. Tidak ada elaun atau ganjaran menjadi anggota Majlis ini. Kedudukan ini jangan dilihat sebagai peluang bergeser bahu dengan menteri dan pembesar negara untuk mendapat pulangan ekonomi. Tugas mereka adalah menjadi penghubung terutamanya di kalangan belia yang tidak berpersatuan di luar sana. Tugas mereka adalah memberi input baru kepada kementerian dalam melakar program untuk kepentingan belia semuanya. Terima kasih di atas kesudian saudara-saudari, selamat datang ke alam aktivisme belia yang penuh cabaran dan menuntut pelbagai pengorbanan.

Sesungguhnya kami sedar, sasaran 1 juta belia berpersatuan bukanlah mudah. Namun, sekalipun berjaya, ia tidak bermakna kita berjaya merangkumi semua belia. 1 juta bermakna tidak sampai 10 peratus daripada keseluruhan masyarakat belia kita. Bahkan sebagaimana yang disebutkan tadi terdapat lebih ramai belia yang tidak berpersatuan tetapi dapat mencorakkan pandangan umum yang lebih kuat dan bertenaga di negara kita. Semua ini menuntut pandangan dan pendekatan baru yang diharapkan dapat dilahirkan daripada persidangan kali ini. MPBN dahulu telah melahirkan resolusi penting yang perlu dilaksanakan. Ini termasuk usul mengenai “Generasi Bebas Jenayah”, “Kempen 1Komuniti 1Persatuan”, “Bantuan Program Bimbingan Usahawan Muda” (naik dari RM2,000 kepada RM3,000), Radio Belia dan melaksanakan 4 program Jawatankuasa MPBN diperingkat negeri dan daerah. Hampir semuanya dilaksanakan walaupun keberkesanannya perlu dikaji semula.

Hari ini saya akan menimba pengalaman baru bersama saudara-saudari dalam sidang ini. Saya akan meneliti pandangan yang diberi dan cuba sedaya memahami hasrat yang tersirat. Pelaksanaan ROY menuntut pengembelengan sumber yang lebih besar. Saya menghargai peranan Majlis Belia Malaysia yang telah menggerakkan belia-belia kita di samping menjadi tempat mengadu pelbagai aktivis belia di negara kita. Atas pandangan yang dikemukakan kepada saya sebelum ini, saya bersedia untuk menimbangkan skim peruntukan kepada Majlis-majlis Belia kita. Sukacita saya umumkan bahawa untuk tahun hadapan kita akan meningkatkan jumlah bantuan pentadbiran tahunan untuk Majlis Belia Malaysia akan dinaikkan dari RM500,000 setahun kepada RM 1 Juta. Manakala untuk Majlis-majlis Belia Negeri juga akan dinaikkan dari RM20,000 setahun kepada RM50,000.

Pandangan agar perlunya ada pendekatan pelbagai Kementerian dalam menangani permasalahan belia turut dipandang berat. Apa yang dicadangkan oleh Presiden MBM sebentar tadi telahpun saya catatkan. Saya telah pun mengarahkan pihak Kementerian untuk menyediakan memorandum kabinet mengenai cadangan mewujudkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Belia yang dipimpin oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan dianggotai oleh kementerian-kementerian lain yang berkaitan. Saya harap kertas ini disegerakan seberapa yang boleh. InsyaAllah saya akan cuba sedaya upaya supaya hasrat penubuhan jawatankuasa kabinet ini akan menjadi realiti dalam masa yang terdekat.



Penubuhan Rakan Muda ialah bertujuan memberi suntikan aktivisme di kalangan anak-anak muda kita. Terasnya ialah mengenai pemupukan gaya hidup yang pelbagai. Sebahagian besar bajet pembangunan belia kita dicurahkan kepada pemupukan gaya hidup ini. Tidak dinafikan melalui aktiviti ini kita melihat keceriaan yang berpanjang di kalangan mereka yang menyertainya. Namun kita perlu melihat sejauh manakah juga keceriaan yang berpanjang di kalangan mereka yang menyertainya. Namun kita perlu melihat sejauh manakah juga keceriaan ini disertai dengan penanaman idealisme yang sepatutnya menjadi asas pembinaan bangsa. Saya tidak mahu usaha mengubat *symptom lethargy* atau lesu belia kita mencetuskan pula *symptom apathy* yakni acuh tak acuh di kalangan belia terhadap permasalahan sekitarnya. Saya sedih sekiranya di kalangan mereka yang sibuk dengan pelbagai gaya hidup tetapi tidak membaca akhbar dan melihat perkembangan sekeliling yang memerlukan tindak balas anak muda dalam masa yang serta merta.

Prinsip "*Value for money*" atau perbelanjaan yang berbaloi sentiasa diingatkan oleh YAB Perdana Menteri kepada kita dalam melaksanakan program-program kerajaan. Saya sedia mengkaji balik sejauh manakah atau berapa banyak program-program Rakan Muda kita benar-benar mempunyai nilai "*value for money*" yang tinggi dan perlu dikekalkan pada masa akan datang. Lebih-lebih lagi bajet akan datang dijangkakan menuntut kita lebih berhemah dalam menggunakan wang rakyat. Kita tidak mahu generasi akan datang dibebani dengan tanggungan hutang besar kerana menanggung kemewahan kita pada hari ini. Ini bermakna, pada masa akan datang kita akan meneliti kembali semua pendekatan kita dalam berbelanja. Ini termasuk memberi penarafan bintang atau "*star rating*" kepada setiap organisasi belia yang menerima peruntukan kerajaan. Mereka mesti mampu untuk menguruskan bantuan tersebut dan mempunyai "*good governance*" dalam pertubuhan mereka.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang menjayakan persidangan kali ini. Termasuk rakan-rakan yang mewakili pelbagai persatuan dan pergerakan belia negara ini. Khususnya kepada Kepimpinan MBM yang banyak berjasa dalam menggerakkan dan memberi pengisian kepada aktivisme belia kita. Terima kasih juga kepada anggota-anggota lantikan menteri yang sudi memberi pandangan dan teguran kepada kita semua. Terima kasih kepada rakan-rakan Kementerian yang bertungkus lumus menjayakan sidang ini. Harapan saya, sidang ini tidak menjadi arena "*blame game*" atau permainan mencari kesilapan,

tetapi mencari jalan dalam melaksanakan transformasi penting impian YAB Perdana Menteri demi masa depan Malaysia negara kita tercinta.

Semoga Allah memberkati kita dan menyatukan hati-hati kita semua. Selamat bersidang. Salam 1Malaysia. Dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim. Saya merasmikan Sidang 1, Penggal 27, tahun 2009/2010, Majlis Perundingan Belia Negara.

*Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

***Sumbangan Ikhlas***

*YB Dato' Ahmad Shabery Cheek*

*Menteri Belia Dan Sukan Malaysia*

*Ucap Utama Persidangan Majlis Perundingan Belia Negara*

*Sidang 1, Penggal 27, 2009/2010*

## **SLOGAN 1MALAYSIA DALAM KONTEKS EVOLUSI DEMOKRASI MALAYSIA**

KAMARUDDIN MOHD. SAID

### **ABSTRAK**

*Institusi politik moden telah sekian lama memanfaatkan slogan sebagai alat untuk mempromosikan visi serta agenda pemimpin utama politik negara. Sejarah perkembangan politik Malaysia, sejak perjuangan mencapai kemerdekaan pada penghujung dekad 1940an hingga kini, mencatatkan kelahiran dan penggunaan berbagai slogan oleh para pemimpin utama organisasi politik yang berkuasa. Makalah ini membicarakan kelahiran dan penggunaan slogan politik oleh para pemimpin UMNO sejak zaman Dato' Onn yang mengasaskan penubuhan parti tersebut hingga ke era Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia kini. Menerusi penelitian terhadap berbagai slogan politik ini ingin dibuktikan bahawa mesej yang dibawa menerusi setiap slogan, pada umumnya, selari dengan kondisi dan kesedaran sosio-politik zamannya. Slogan 1Malaysia dilahirkan oleh kondisi sosio-politik Malaysia Abad ke-21 dan oleh keputusan Pilihan Raya Umum Malaysia 2009.*

**Kata kunci:** Politik Malaysia, 1Malaysia, Najib Tun Razak, Slogan Politik, UMNO

### **ABSTRACT**

*Modern political institution has been making use of slogan as a political instrument to promote vision and political agendas of key national-leaders. Since the era of nationalism fighting for independence in the late of 1940s until now, the political history of Malaysia has witnessed numerous political slogans been introduced and used by key leaders of the ruling political parties. This article discusses the usage of political slogans by UMNO leadership from the era of Dato' Onn Jaafar to the era of Dato' Seri Najib Tun Razak, the present President of UMNO and the Prime Minister of Malaysia. Studying the chronological order of appearances and usages of political slogans over the years would enable us to understand the Malaysian political and social backgrounds that gave birth to these slogans.*

**Keywords:** Malaysian Politic, 1Malaysia, Najib Tun Razak, Politic Slogan, UMNO

## PENDAHULUAN

Institusi politik moden, sama ada di bawah sistem demokrasi berperwakilan ataupun di bawah sistem oligarki, telah sekian lama menggunakan slogan untuk mempromosikan visi serta agenda pemimpin utama politik negara. Sejak proses politik demokrasi mula diamalkan di Malaysia, slogan mula memainkan peranannya untuk memujuk dan mendapatkan sokongan daripada warga organisasi politik dan juga para pengundi. Setiap slogan yang diguna pakai oleh para pemimpin politik Malaysia tentulah telah melalui satu proses pemikiran yang teliti supaya mencapai matlamat penggunaannya, iaitu untuk mendapatkan sokongan politik para pengundi menerusi proses demokrasi berperwakilan. Makalah ini membincangkan kelahiran slogan 1Malaysia dalam konteks evolusi kelahiran dan penggunaan berbagai slogan politik dalam sejarah kepimpinan politik Malaysia menerusi UMNO, sejak era perjuangan nasionalisme pra merdeka pimpinan Dato' onn Jaafar hingga kini, iaitu era Dato' Seri Mohd. Najib Tun Razak.

Banyak kajian tentang amalan sistem demokrasi yang dilakukan di Britain dan Amerika Syarikat kini menekankan bahawa sistem tersebut sedang mengalami proses audit, iaitu proses menilaikan sejauhmana prinsip-prinsip demokrasi benar-benar diamalkan (Beetham & Weir 1998, Shapiro 2001). Dalam zaman kehebatan teknologi maklumat dan global kini, amalan demokrasi turut mengalami perubahan (Goodhart 2005). Teori "hegemoni" ciptaan Gramsci yang sebelum ini sering digunakan pakai untuk memahami tingkah laku demokrasi tidak lagi mencukupi untuk menerangkan tentang minda para pengundi terhadap pihak pemerintah (Gill 2003). Dunia telah berubah, dan demokrasi juga sedang mengalami perubahan. Dan dalam konteks perubahan ini, slogan yang diguna pakai oleh pemimpin politik juga menghadapi proses audit demokratiknya sendiri.

### SLOGAN 1MALAYSIA DATO' SERI NAJIB TUN RAZAK

1Malaysia: 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' ialah satu gagasan sosial, ekonomi dan politik yang ditujukan kepada semua rakyat Malaysia yang berbilang etnik. Gagasan yang diungkapkan oleh YAB Datuk Seri Najib Razak, Perdana Menteri Malaysia ke- Enam (sejak 3

April 2009) ini menekankan tiga perkara: (1) Peluang hidup yang lebih baik terbuka kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang etnik dan sub-etnik, (2) Meneruskan prestasi pembangunan dan perindustrian yang tinggi bagi Malaysia selari dengan hasrat Wawasan 2020, dan (3) Memupuk perpaduan rakyat berteraskan perasaan hormat-menghormati dan kepercayaan satu sama lain.

Slogan 1Malaysia diperkenalkan setelah Barisan Nasional, yang dipimpin oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi, mencapai kemenangan tipis dalam Pilihan Raya Umum pada 2008. Keputusan pilihan raya umum tersebut jelas membayangkan bahawa UMNO dan Barisan Nasional tidak mendapat sokongan padu daripada para pengundi Malaysia, khususnya pengundi Melayu. Oleh itu, slogan ini 1Malaysia tidak ditujukan kepada orang Melayu sahaja, malah ditujukan kepada seluruh rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berdasarkan tiga rasional di atas.

Ungkapan “Rakyat Didahulukan” ini, secara berdiplomasi, mengutarakan gagasan kesaksamaan peluang bagi semua rakyat. Konsep “hak istimewa” Orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak yang termaktub dalam Perkara 153 Perlembagaan Malaysia dan Dasar Ekonomi Baru (DEB-1970-1990) akan mengalami perubahan dari segi pelan tindakannya, walaupun peruntukan Perlembagaan tersebut tidak akan dipinda. Hal ini terjadi bukan kerana orang Melayu tidak lagi bersatu dan bersepakat menyokong golongan nasionalis (UMNO) yang menggubal Perkara 153 tersebut dan juga yang telah melaksanakannya menerusi Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada dekad 1970an dan 1980an. Walaupun pelbagai program tindakan afirmatif yang bertujuan membantu memperbaiki taraf hidup orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak berterusan dalam dekad 1990an, terdapat bukti bahawa sokongan pengundi Melayu terhadap UMNO semakin merosot, khususnya sejak penghujung dekad 1990an tersebut. Ini membayangkan bahawa pengundi Melayu tidak lagi berpegang kepada alasan terhutang budi kepada DEB lalu memberikan sokongan kepada UMNO dan Barisan Nasional. Oleh itu, konsep 1Malaysia, diandaikan oleh kepimpinan UMNO, walaupun akan mengguriskan hati pengundi Melayu, tetapi impak politiknya terhadap UMNO mungkin kecil kerana majoriti pengundi Melayu telahpun memperlihatkan sikap politiknya tidak menyokong parti tersebut. Dengan demikian, UMNO memberikan perhatian kepada para pengundi bukan Melayu dengan menekankan prinsip keadilan sosial yang terkandung

dalam konsep 1Malaysia. Di bawah konsep 1Malaysia, dasar tindakan afirmatif yang dilaksanakan menerusi DEB akan diteruskan, tetapi turut mengambil kira soal keadilan untuk seluruh rakyat Malaysia yang berbilang kaum (Bernama 15 Jun 2009). Konsep 1Malaysia ini berpegang kepada lapan nilai utama, iaitu: mengutamakan budaya kecemerlangan dalam prestasi kerja, ketabahan dalam pelaksanaan tugas, rendah hati dan berbudi bahasa, penerimaan terhadap kepelbagaian, kesetiaan kepada Raja dan Negara, meritokrasi dan mengiktiraf pencapaian, pencapaian pendidikan dan mempertahankan integriti (Jabatan Penerangan Malaysia Jun, 2009).

Ungkapan “Pencapaian Diutamakan” ini merujuk kepada agenda pembangunan, perindustrian dan pencapaian Wawasan 2020 yang telah diumumnya pada 1991 (oleh Tun Dr. Mahathir). Malah secara implisit, gagasan 1Malaysia ini menekankan bahawa demi menjamin penerusan dan prestasi agenda pembangunan negara maka prinsip kesaksamaan peluang bagi semua rakyat Malaysia perlu diberikan perhatian yang serius dari segi perlaksanaannya. Tersirat dalam slogan ini ialah prinsip meritokrasi, keadilan semula jadi dan kepentingan dialog antara etnik yang akan diguna pakai bagi menentukan siapakah yang akan mendapat layanan yang setimpal daripada pihak Kerajaan.

### KONSEP “SLOGAN POLITIK”

Slogan ialah ungkapan pendek atau motto yang mudah diingat yang digunakan pakai secara berulang-ulang dalam dunia politik, perniagaan, keagamaan dan sebagainya sebagai satu cara menanamkan sesuatu mesej ke dalam minda orang ramai atau kumpulan sasaran. Sesuatu slogan boleh juga digabungkan dengan simbol imejan atau grafik, warna, bunyi, muzik, stuktur fizikal dan sebagainya. Slogan diguna pakai dalam bentuk lisan (laungan dan retorik pidato dan siaran radio), cetakan akhbar, risalah, buku, dan kain rentang, tayangan televisyen dan sebagainya. Kini, dalam era digital, slogan tersebar menerusi ruang siber. Malah slogan juga boleh wujud secara terpendam sebagai simbol ikon zahir, sebagai contoh, sebuah tugu, menara dan sebagainya.

Dalam dunia politik, sama ada yang mengamalkan demokrasi atau tidak, slogan politik yang ringkas tetapi mengandungi makna yang luas dan mendalam memainkan peranan penting dalam usaha sesuatu organisasi atau parti politik itu untuk mendapatkan sokongan ramai. Slogan berfungsi

menanamkan inti ideologi ke dalam minda kumpulan sasaran (Fawler 1979, Van Dijk 1998). Dalam sistem politik yang demokratik, slogan digunakan oleh parti-parti untuk memujuk para pengundi supaya mempunyai keyakinan dan memberikan undi mereka kepada parti berkenaan.

## SLOGAN DATO' ONN

Ketika Dato' Onn Ja'afar berusaha menyatukan orang Melayu supaya bangkit dan bersatu menentang penubuhan Malayan Union oleh pihak berkuasa kolonial Inggeris pada 1946, beliau menggunakan slogan "Hidup Melayu" (Anwar Abdullah 2004). Empat ucapan pentingnya sebagai Presiden pengasas UMNO (1946-1951) diakhiri dengan laungan "Hidup Melayu". Kali pertama Dato' Onn melaungkan slogan ini ialah ketika menamatkan ucapan sulungnya sebagai Pengerusi Kongres Melayu Pertama (yang melahirkan UMNO) pada 1 Mac 1946, di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur. Slogan ini dilaungkan setelah beliau merayu supaya orang Melayu ketika itu bersatu dan berusaha supaya, "...Insya-Allah pada suatu hari kita akan hidup di dalam cahaya sinaran kemerdekaan sama taraf dengan orang yang merdeka dan menjadi kemegahan kepada diri kita sendiri" (Abdul Rahman Abdul Aziz & Mustapa Kassim-Dato' Onn Jaafar 2009: 5). Tidak syak lagi bahawa dengan slogan "Hidup Melayu" tersebut Dato' Onn telah berjaya memujuk orang Melayu supaya bersatu menentang penubuhan Malayan Union oleh kuasa kolonial Inggeris di Tanah Melayu. Kerana perpaduan Melayu ketika itu, dan dengan sokongan Raja-Raja Melayu yang turut mengiktiraf kepimpinan Dato' Onn, maka Malayan Union telah dibubarkan tidak lama setelah ia ditubuhkan. Sebagai ganti, kuasa kolonial telah menubuhkan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu di mana Raja-Raja Melayu terus bersemayam di kemuncak sistem pentadbiran Negeri-Negeri Melayu, kecuali Melaka dan Pulau Pinang.

Penggunaan slogan "Hidup Melayu" tersebut, besar kemungkinan, mengingatkan orang Melayu ketika itu akan slogan yang telah diguna pakai oleh Hang Tuah, pahlawan Melayu dalam zaman Kesultanan Melayu Melaka Abad ke-15 dan awal Abad ke-16, iaitu "Tak akan Melayu hilang di dunia". Slogan tersebut dilaungkan oleh Hang Tuah ketika beliau bermati-matian mengetuai para pahlawan Melaka melawan serangan Majapahit pada 1509. Slogan tersebut tidak dapat menyelamatkan Melaka

daripada ditawan oleh Portugis dua tahun kemudian. Kejatuhan Melaka telah memulakan kemasukan dan dominasi kuasa-kuasa asing (Portugis, Belanda, Inggeris, Jepun dan Inggeris sekali lagi) di Tanah Melayu. Ketika Dato' Onn melaungkan slogan "Hidup Melayu" tersebut, Tanah Melayu, khususnya Melaka, telah pun dikuasai oleh kuasa-kuasa asing selama 435 tahun. Walaupun semangat perpaduan politik Melayu telah dapat dibangkitkan oleh Dato' Onn, beliau telah tidak berjaya memujuk ahli-ahli UMNO untuk menjadi parti tersebut sebuah parti berbilang kaum dengan alasan untuk mempercepatkan pencapaian kemerdekaan Tanah Melayu. Namun begitu, dalam ucapan terakhirnya sebelum menamatkan tugasnya sebagai Presiden UMNO pada 25 Ogos 1951, beliau tidak lagi melaungkan slogan tersebut. Ketika Dato' Onn memimpin dua buah parti barunya, iaitu Independence of Malaya Party (IMP) dan Parti Negara, beliau tidak mempunyai sebarang slogan yang dapat membantu mempopularkan partinya itu di kalangan orang Melayu. Namun begitu, Dato' Onn telah diberikan gelaran "Pengasas UMNO".

#### SLOGAN TUNKU ABDUL RAHMAN

Ketika Tunku Abdul Rahman menggantikan Dato' Onn sebagai Presiden UMNO, beliau tidak melaungkan sebarang slogan politik. Ungkapan "Merdeka" diguna pakai dalam ucapan sulungnya sebagai Presiden UMNO, tetapi tidak dilaungkan sebagai satu slogan. Ini ialah kerana Tunku bimbang jika laungan slogan tersebut akan menyebabkan Inggeris memandang serong kepadanya sebagai pemimpin organisasi politik Melayu yang berpengaruh (Ramlah Adam 2005: 114). Sebetulnya, ungkapan "Merdeka" telah pun disebut-sebut oleh Dato' Onn beberapa bulan sebelum beliau meninggalkan UMNO. Namun begitu, Tunkulah yang tidak berselindung lagi apabila bercakap tentang kemerdekaan:

"Tetapi kita mestilah ingat kiranya kita hendak timbang-menimbang di atas perasaan hawa nafsu bangsa-bangsa asing (penduduk berketurunan Cina dan India ketika itu) apakah yang akan jadi kepada bangsa Melayu kita, dan apakah maknanya yang terkandung di dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu? (yang diperjuangkan oleh Dato' Onn). Ini negeri hak Melayu dan berilah kelebihan kepada Melayu..."

Seperkara lagi yang penting bagi kita pada masa ini ialah kemerdekaan. Adapun cita-cita itu berpatutan dengan keadaan masa sekarang semua jiran



kita ada di sekeliling kita telah merdeka! Lihatlah Thailand, Indonesia dan Filipina. Mereka adalah bangsa yang merdeka. Maka mengapa dan apakah sebabnya kita tidak mendapat kemerdekaan?... Pada masa ini cogan yang kita pakai ialah “Merdeka”... Orang Melayu kita menaruh cita-cita untuk mencapai kemerdekaan itu dengan jalan perlembagaan... Negeri ini diterima daripada Melayu maka patutlah diserahkan balik kepada Melayu”. (Abdul Rahman Abdul Aziz & Mustapa Kassim – Tunku Abdul Rahman 2009: 5-6).

Tetapi pada 1952, Tunku mencadangkan supaya ungkapan “Tabik Tuan” yang diucapkan oleh orang Melayu ketika berhadapan dengan pegawai kolonial Inggeris ditukar kepada ungkapan “Merdeka”. Slogan “Merdeka” ini mengisi kalbu politik Melayu hingga Ogos 1957, ketika mereka turut mengikuti program UMNO untuk menjadikan Islam sebagai agama rasmi Kerajaan Persekutuan, Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan kebangsaan, memperhalusi dasar kerakyatan bagi orang Cina dan India, memperhalusi soal hak istimewa orang Melayu dan kedudukan Raja-Raja Melayu sebagai ketua Kerajaan Persekutuan dan Merdeka kelak. Kesemua perkara ini diperincikan untuk mengisi Perlembagaan Persekutuan yang baru. Kesemua agenda ini menjadi slogan dalam kalbu orang Melayu pra-Merdeka.

Tunku menjadi Presiden UMNO selama 20 tahun (1951-1971). Setelah berjaya merundingkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dengan pihak British, beliau memegang jawatan Perdana Menteri sejak 1957 hingga 1970. Di sepanjang kerjaya politiknya ini Tunku telah berhadapan dengan pilihan raya kedua pada 1959, pembentukan Malaysia pada 1963, tindakan konfrantasi oleh Indonesia (1963-65), pilihan raya ketiga (1964), Singapura keluar dari Malaysia (1965), pilihan raya keempat (1969) dan peristiwa 13 Mei (1969). Kesemua episod ini boleh dianggap sebagai peristiwa politik yang cukup besar dan penuh dengan ketegangan dan tidak dapat dibantu oleh slogan politik dalam suasana yang tenteram. Namun begitu, ketegangan yang dicetuskan oleh peristiwa-peristiwa tersebut berkemungkinan besar telah melahirkan pelbagai slogan terpendam, misalnya hadapi “Ganyang Malaysia” (oleh Sukarno), di kalangan orang Melayu dan rakyat berbilang kaum Persekutuan Tanah Melayu dan Malaysia dan memberikan impak positif dan negatif terhadap kepimpinan Tunku dan UMNO. Walaupun begitu, setelah tercetusnya peristiwa 13 Mei, politik Malaysia mula memasuki era baru, iaitu era pasca-13 Mei yang menyaksikan gaya kepimpinan

Tun Abdul Razak yang melahirkan beberapa slogan politik baru. Namun begitu, Tunku telah diberikan gelaran “Bapa Kemerdekaan Malaysia”.

## SLOGAN TUN ABDUL RAZAK

Tun Abdul Razak ialah Perdana Menteri Malaysia kedua dan Presiden UMNO ketiga. Beliau memegang jawatan Perdana Menteri (1970-1976) setelah Tunku Abdul Rahman meletakkan jawatan ekoran teretusnya peristiwa 13 Mei dan penggantungan Parlimen Malaysia. Sebelum memegang jawatan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak memegang jawatan Pengarah Majlis Gerakan Negara, badan pemerintah Negara Malaysia yang ditubuhkan di bawah undang-undang Darurat, setelah teretus peristiwa 13 Mei tersebut.

Peristiwa pergaduhan kaum yang telah terjadi itu dengan sendirinya telah melahirkan slogan terpendam yang besar, iaitu “13 Mei, Satu Pengajaran” dan “13 Mei, Jangan Berulang Lagi” yang disebut berulang kali bukan sahaja oleh Tun Razak, bahkan juga oleh para pemimpin UMNO yang lain. Slogan ini lahir sebagai satu mesej hitam yang memberikan kesan yang positif dari segi mengawal kelakuan politik rakyat Malaysia. Selama lebih daripada 25 tahun, ketenangan politik perkauman di Malaysia telah dapat dipertahankan dengan pujukan slogan terpendam ini.

Sebelum itu, slogan politik Tun Abdul Razak telah muncul secara halus dalam bentuk “Laporan Razak”(1957), iaitu dokumen berkaitan situasi dan dasar pelajaran kebangsaan yang dibentangkannya serta dilaksanakan oleh Kerajaan setelah kemerdekaan tercapai. Laporan Razak ini dihasilkan berdasarkan “Penyata Razak” yang telah dibentangkan pada 1956, hasil kajian yang dibuat oleh satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Tun Abdul Razak sendiri yang berjawatan Menteri Pelajaran dalam era pra-Merdeka. Oleh itu, “Dasar” dan “Sistem Pelajaran Kebangsaan” ialah satu slogan yang menyatakan hasrat serta matlamat institusi pendidikan formal negara ke arah melahirkan generasi muda yang bukan sahaja mempunyai pelajaran yang mencukupi bahkan juga dapat hidup dalam masyarakat yang berbilang kaum. Seiring dengan kewujudan dasar pelajaran ini, Tun Abdul Razak juga melaksanakan program mengangkat darjat bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa pengantar bagi Sistem Pelajaran Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. “Bahasa Jiwa

Bangsa” ialah slogan yang diguna pakai dalam usaha mempertingkatkan darjat bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu.

Sebagai Timbalan Perdana Menteri dalam tahun-tahun awal era kemerdekaan, Tun Razak mula dikenali sebagai seorang tokoh pembangunan, khususnya pembangunan luar-bandar. Oleh itu, ungkapan “Pembangunan” ialah slogan utama yang diguna pakai oleh Tun Abdul Razak. Penubuhan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) ialah salah satu langkah untuk mengisi agenda pembangunan masyarakat luar bandar, khususnya masyarakat Melayu. Kejayaan beliau menubuhkan Felda pada 1956 untuk melaksanakan program pembangunan pertanian moden yang melibatkan penduduk desa yang ketiadaan tanah menjadi mercu tanda kejayaan Tun Abdul Razak hingga kini (Rokiah Talib 2009). Dengan demikian, Felda telah menjadi satu jenama yang memperagakan satu slogan pembasmian kemiskinan serta program pembangunan yang dilaksanakan oleh Tun Abdul Razak.

Slogan Tun Abdul Razak yang terpenting ialah “Rukun Negara” (1970) dan “Dasar Ekonomi Baru” (DEB, 1971) mempunyai impak berterusan hingga kini. Rukun Negara ialah satu himpunan prinsip lima perkara yang diharapkan menjadi panduan kehidupan rakyat Malaysia setelah mengalami peristiwa pergaduhan kaum 13 Mei 1969. Oleh itu Rukun Negara turut berperanan sebagai satu slogan pujukan yang menggariskan hala tuju kehidupan masyarakat Malaysia dalam jangka panjang, iaitu pengekalan kestabilan dan keharmonian sosial. Rukun Negara mengandungi lima slogan yang juga merupakan gagasan besar yang ingin dicapai oleh Tun Abdul Razak, iaitu:

- (1) Mencapai perpaduan dengan lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
- (2) Memelihara satu cara hidup demokratik;
- (3) Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
- (4) Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak,
- (5) Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden ([www.penerangan.gov.my](http://www.penerangan.gov.my)).

Paling penting ialah pengumuman dan pelaksanaan DEB, iaitu satu pelan induk pembangunan yang mengandungi dua matlamat iaitu pembasmian kemiskinan rakyat dan penyusunan semula struktur sosio-ekonomi masyarakat Malaysia yang berbilang kaum supaya jurang kaya-miskin yang lebar berdasarkan perbezaan kaum dapat diperkecilkan. Sebagai permulaan, DEB ini dilaksanakan menerusi Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975). Mesej Tun Abdul Razak yang terpancar menerusi slogan “DEB” ini disampaikan dalam ucapan beliau sebagai Presiden UMNO pada Perhimpunan Agung UMNO 1971:

“Kerajaan sedar bahawa perpaduan negara tidak akan wujud sekiranya kedudukan ekonomi yang tidak seimbang di kalangan rakyat pelbagai kaum tidak diatasi dan kemajuan serta kemakmuran negara tidak dinikmati dengan lebih adil dan saksama. Dari itu, perlulah bagi kerajaan menjalankan rancangan-rancangan yang telah disusun supaya matlamat merapatkan jurang perbezaan di antara golongan yang berada dan tidak berada dapat dicapai dengan seberapa segera. Tetapi saya suka menegaskan di sini bahawa dalam melaksanakan dasar ini kita akan bersifat adil kepada semua pihak. Kita tidak sekali hendak mengambil atau merampas hak-hak yang ada pada orang bukan Melayu. Sebaliknya kita harap dan percaya yang mereka itu akan memberi kerjasama untuk menjalankan dasar bagi mewujudkan perpaduan penduduk-penduduk daripada pelbagai kaum dan menjamin keselamatan dan keutuhan negara kita”. (Abdul Rahman Abdul Aziz & Mustapa Kassim – Tun Abdul Razak Hussein 2009: xxiv).

Penubuhan Institut Teknologi MARA, singkatannya ITM (1967) dan Universiti Kebangsaan Malaysia juga merupakan hasil usaha Tun Abdul Razak. ITM ditubuhkan sebagai lanjutan daripada Dewan Latihan RIDA (1956) yang kemudiannya bertukar nama kepada Maktab MARA (1964). ITM ialah nama baru dengan pengisian baru program pendidikan profesional yang dilaksanakan oleh Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar ketika itu (Rokiah Talib 2009). UKM pula ditubuhkan oleh Tun Abdul Razak untuk menjadi tonggak kepada Sistem Pendidikan Kebangsaan yang juga diasaskan oleh beliau sejak 1957 lagi. Gabungan kewujudan ITM dan UKM boleh dianggap sebagai “laungan” slogan pembangunan pendidikan bagi generasi muda daripada kawasan luar bandar yang sebahagian besarnya terdiri daripada orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak.

Penubuhan Barisan Nasional hasil gabungan parti-parti politik pada 1974 bukan saja memulakan satu era baru bagi politik Malaysia kerana ia melahirkan satu slogan dan amalan baru mengenai perkongsian kuasa. Lambang neraca yang digunakan oleh Barisan Nasional menjadi satu ikon slogan politik yang dapat bertahan hingga ke hari ini. Tun Abdul Razak sering digelar “Bapa Pembangunan Malaysia”.

### SLOGAN TUN HUSSEIN ONN

Tun Hussein Onn memegang jawatan Perdana Menteri Malaysia yang ketiga pada tahun 1976, menggantikan Tun Abdul Razak yang meninggal dunia secara mengejut. Walaupun beliau ialah anak kepada pengasas UMNO iaitu Dato’ Onn dan sebelum itu memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri di bawah Tun Abdul Razak, namun beliau tidak bersedia dengan visi dan slogan kepimpinannya dalam memenuhi tugas mengejut yang disandangnya itu. Pada umumnya Tun Hussein Onn menjalankan tugasnya meneruskan segala perancangan yang telah diatur oleh Tun Abdul Razak, terutamanya meneruskan pelaksanaan DEB menerusi Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980). Dalam ucapan sulungnya sebagai Presiden UMNO pada 1976, Tun Hussein Onn membayangkan slogan UMNO pimpinannya, iaitu “Keadilan dan Kesaksamaan”. Kata beliau:

“Sekalipun UMNO itu mewakili dan menyuarakan hak orang Melayu, saya inginlah memberikan jaminan bahawa pelaksanaan dasar kerajaan yang didukung oleh UMNO ialah keadilan dan kesaksamaan atau justice and fairplay”. (Abdul Rahman Abdul Aziz & Mustapa Kassim – Tun Hussein Onn 2009: 18).

Pada 1977, dalam ucapannya sebagai Presiden UMNO, Tun Hussein Onn telah mengumumkan satu “seruan baru” yang akan diguna pakai oleh parti tersebut, iaitu “Bersatu”. Kata beliau:

“BERSATU dengan menyatu padu serta mengembelengkan kekuatan kita.  
Kita BERSATU mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara.  
Kita BERSATU menjamin keselamatan negara.  
Kita BERSATU mengeratkan perpaduan dan persefahaman.  
Kita BERSATU menjayakan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga, dan  
Kita BERSATU mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru”.

Cukup jelas di sini bahawa Tun Hussein Onn memasukkan lima agenda besar yang telah dirancang oleh pemimpin UMNO yang terdahulu ke dalam satu karung slogan, iaitu “Bersatu.”

Dalam era kepemimpinan Tun Hussein, Kerajaan telah menubuhkan Permodalan Nasional Berhad (PNB) pada 1978 dan kemudiannya melancarkan skim Amanah Saham Nasional pada 1981 sebagai satu kaedah bagi golongan Bumiputra membeli dan memiliki saham syarikat-syarikat awam di Malaysia. PNB, menerusi beberapa lagi skim saham amanahnya telah memainkan peranan sebagai agensi Kerajaan yang menghubungkan orang Melayu dan Bumiputra Sabah dan Sarawak dengan pasaran saham di Malaysia. Nama PNB dan skim amanah saham yang dilancarkannya boleh dikatakan telah menjadi popular sebagai salah satu slogan di bawah payung DEB. Tun Hussein seringkali digelar sebagai “Bapa Perpaduan Malaysia”.

#### SLOGAN TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

Tun Dr. Mahathir Mohamad Menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keempat selama 22 tahun (1981-2003). Di sepanjang zaman kepimpinannya, beliau boleh dikatakan paling banyak mencetuskan idea baru untuk dilaksanakan oleh Kerajaan pimpinannya. Seiring dengan idea-idea barunya itu, beliau turut melahirkan ungkapan-ungkapan singkat yang berbunyi slogan. Dalam ucapannya sebagai Presiden UMNO pada 10 September 1982, Dr. Mahathir membentangkan beberapa idea besar yang mempunyai slogannya masing-masing seperti: “Bersih, Cekap dan Amanah”, “Demi Kepentingan Bangsa, Agama dan Negara”, “Dasar Pandang Ke Timur (mempelajari cara dan pengalaman Jepun dan Korea Selatan memajukan ekonomi mereka)”, “Penerapan Nilai-Nilai Islam” di Malaysia (serentak dengan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Bank Islam), “Kepimpinan Melalui Teladan” dan “Malaysia Yang Bermaruah”. Kata Dr. Mahathir:

“Malaysia yang bermaruah ialah matlamat kita. UMNO akan menjadi teladan dan memimpin orang Melayu dan semua rakyat Malaysia ke arah matlamat yang mulia ini”. (Abdul Rahman Abdul Aziz & Mustapa Kassim – Tun Dr. Mahathir Mohamad 2009: 35).

Di sini terlihat bahawa visi besar Dr. Mahathir telah diungkapkan juga dengan slogan yang ringkas, tetapi padat dengan maksudnya yang mendalam. Selain itu, Dr. Mahathir telah melancarkan visi kepimpinannya menerusi pelaksanaan banyak lagi langkah penting seperti pengambilan semula Guthrie Corporation (yang memiliki 200,000 ekar tanah ladang getah dan kelapa sawit di Semenanjung Malaysia ketika itu) menerusi penguasaan sahamnya di pasaran saham London oleh PNB pada 1981, membangunkan Perusahaan Otomobil Nasional (Proton) pada 1983, menyiapkan kompleks UMNO berserta dengan Putra World Trade Centre pada 1985 (yang mula dirancang pembinaannya dalam era kepimpinan Tun Hussein Onn), membangunkan bandar pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putraya pada 1995, membangunkan koridoraya multimedia Malaysia pada 1996, membangunkan projek pembinaan Menara Berkembar Petronas, iaitu menara tertinggi di dunia ketika itu, pada 1998 dan sebagainya. Menara Berkembar Petronas ini bukan saja menjadi mercu tanda pencapaian syarikat petroliam milik Kerajaan Malaysia dalam zaman kepimpinan Dr. Mahathir, bahkan juga telah dijadikan simbol pembangunan dan perindustrian serta slogan motivasi dan jati diri masyarakat Malaysia. Namun begitu, slogan Dr. Mahathir yang mendapat sambutan yang sangat menggalakkan ialah “Wawasan 2020” yang dilancarkan pada 1991. Wawasan 2020 ialah satu pelan tindakan jangka panjang yang bertujuan menjadikan Malaysia sebuah negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020.

Pada penghujung kepimpinannya sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO (2001), Dr. Mahathir telah melaungkan satu slogan songsang yang berbunyi “Melayu Mudah Lupa”. Slogan ini meluahkan kekecewaannya terhadap kelemahan strategi politik Melayu, termasuklah amalan politik wang dalam UMNO dan sikap sebahagian tertentu orang Melayu tidak cukup berterima kasih kepada kepimpinan UMNO yang telah berusaha membebaskan mereka daripada belenggu penjajahan dan kemiskinan dan membimbing mereka memasuki dunia pendidikan moden dan ekonomi aliran utama negara. Dr. Mahathir melepaskan kedua-dua jawatannya dengan perasaan kurang berpuas hati terhadap pencapaian pembangunan negara. Namun begitu, boleh dikatakan kesemua projek yang dibangunkan sepanjang lebih dua dekad itu telah menjadi ikon nasional dan telah melahirkan satu rangkaian slogan dalam minda rakyat Malaysia. Sebagai contoh, slogan “Malaysia Boleh” telah diguna pakai bagi membayangkan maksud bahawa Malaysia dan rakyatnya boleh mencapai pembangunan

dan kemajuan yang membanggakan. Dr. Mahathir sering diberikan gelaran “Bapa Pemodenan Malaysia”.

### SLOGAN TUN ABDULLAH AHMAD BADAWI

Abdullah Ahmad Badawi menjadi Perdana Menteri Malaysia setelah Dr. Mahathir mengundurkan diri daripada jawatan tersebut pada 2003 hinggalah ke tahun 2009. Sepanjang kepimpinannya yang agak singkat, Tun Abdullah turut juga melaungkan beberapa slogan politik. Paling terkenal ialah gagasannya berkaitan “Islam Hadhari” yang mengandungi sepuluh prinsip, dan ungkapan “Cemerlang, Gemilang, Terbilang” yang merupakan matlamat yang ingin dicapai oleh masyarakat Malaysia pimpinannya. Slogan “Islam Hadhari” merujuk kepada pendekatan Islam yang mementingkan pencapaian pembangunan yang bersesuaian dengan tuntutan ekonomi global Abad ke-21. Huraian tentang Islam Hadhari ini dibentangkan oleh Tun Abdullah dalam ucapan sulungnya sebagai Presiden UMNO pada 23 September 2004. Ucapan ini disampaikan setelah UMNO dan Barisan Nasional memenangi Pilihan Raya Umum ke-11 dengan cemerlang (BN memenangi 199 daripada 219 kerusi Parlimen dan 452 daripada 505 kerusi Dewan Undangan Negeri). Tun Abdullah menekankan bahawa agenda kepimpinannya ialah untuk melahirkan modal insan berkualiti tinggi, terutamanya di kalangan orang Melayu, supaya mereka dapat bersaing dalam menghadapi cabaran ekonomi global. Oleh itu, Tun Abdullah diberikan gelaran “Bapa Pembangunan Modal Insan” Malaysia. Untuk mencapai matlamat ini, Tun Abdullah menyeru rakyat Malaysia untuk “Bekerja Bersama Saya” untuk Malaysia mencapai tahap “Cemerlang, Gemilang, Terbilang”. Ucapan sulungnya ini diakhiri dengan laungan: “Bersatu, Bersetia, Berkhidmat, Hidup UMNO, Hidup Melayu”. (Abdul Rahman Abdul Aziz & Mustapa Kassim – Tun Abdullah Ahmad Badawi 2009: 30).

Dalam ucapannya di perhimpunan agung UMNO pada 2005, Tun Abdullah tidak menimbulkan idea dan slogan baru. Tetapi pada 2006, ucapannya sebagai Presiden UMNO diisi dengan 12 gagasan kepimpinannya. Setiap gagasan dibentangkan dengan ayat-ayat panjang dan tidak dipadatkan menjadi slogan yang dapat diingati ramai. Ucapannya ini sekali lagi diakhiri dengan melaungkan slogan: “Bersatu, Bersetia, Berkhidmat, Hidup UMNO, Hidup Melayu” (Abdul Rahman Abdul Aziz & Mustapa Kassim – Tun



Abdullah Ahmad Badawi 2009: 85). Slogan yang serupa ini dilaungkan di akhir ucapannya sebagai Presiden dalam perhimpunan agung UMNO 2007 dan 2009. Walau bagaimanapun, pada Pilihan Raya Umum 2008, Barisan Nasional yang dipimpin oleh Tun Abdullah telah mencapai kemenangan tipis. Kepimpinannya telah dikritik dan beliau dicadangkan supaya meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia dan juga sebagai Presiden UMNO. Pada 2 April 2009, Tun Abdullah melepaskan kedua-dua jawatan tersebut, dan tempatnya digantikan oleh Dato' Seri Najib Tun Razak.

### SLOGAN 1MALAYSIA DAN AUDIT DEMOKRASI

Pilihanraya Umum 2008 berlangsung dalam situasi pegangan Melayu telah berpecah tiga, iaitu menyokong UMNO, Parti Islam Semalaysia (PAS) dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan pegangan politik Cina dan India bersatu menyokong parti pembangkang (DAP). Sebelum ini, terutamanya pada Pilihan Raya Umum 2004, kuantiti undi Melayu pernah menjadi penentu kepada proses politik dan pembentukan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri (kecuali Kelantan). UMNO yang menjadi pentakrif kuasa politik nasionalis Melayu diwatak-jahatkan oleh penentangannya yang terdiri daripada orang Melayu sendiri. Dalam tahun 2008 itu, orang Melayu sedang terlibat dalam satu proses politik benci yang cukup kompleks. Kebencian antara satu sama lain bukan saja diluahkan dalam proses pilihan raya, dalam kebebasan bersuara terutamanya di ruang siber, menerusi ceramah dan khutbah di masjid-masjid, dalam dewan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, malah di kamar hakim dan mahkamah. Demokrasi Malaysia pada 2008 ialah demokrasi politik benci-membenci.

Keputusan Pilihanraya Umum 2008 membayangkan bahawa UMNO sedang mengalami proses “dekonstruksi”. Setelah wujud dan memainkan peranan besar sebagai sebuah parti nasionalis Melayu, kini UMNO sedang mengalami proses penyusunan semula. Ideologi nasionalisme Melayu yang diperjuangkannya sejak 1946, telah menyebabkan UMNO berjaya menyatukan suara politik Melayu, berjaya menumbangkan Kerajaan *Malayan Union* di bawah pemerintah kolonial (pada 1946) dan digantikan dengan dasar Persekutuan Tanah Melayu (1948), berjaya menyelitkan Perkara 153 (hak istimewa Orang Melayu dan Bumiputra Sabah dan Sarawak) dan 152 (bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi) dalam Perlembagaan Persekutuan, berjaya mempertahankan Perlembagaan

(Undang-Undang Tubuh) Negeri-Negeri Melayu yang berjaya dan berjaya melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan berjaya membangunkan Malaysia yang kini menjadi salah sebuah negara yang paling pesat membangun dan mengindustri. Sejak 2001, seperti kata Tun Dr. Mahathir, orang Melayu telah lupa akan asal usul mereka yang dhaif dan telah berjaya menikmati hasil pembangunan. Oleh itu, keputusan Pilihanraya Umum 2008 membayangkan bahawa “Agenda Melayu” dan “Ketuanan Melayu” yang menjadi misi kepimpinan UMNO sebelum ini tidak lagi menjadi keutamaan. Konsep 1Malaysia memberikan keutamaan kepada prinsip keadilan semula jadi (*natural justice*).

Konsep 1Malaysia ialah satu gagasan baru, hasil kompromi UMNO terhadap semangat Perkara 153, Perlembagaan Malaysia. Konsep “kedudukan istimewa orang Melayu” (kerana ketiadaan 1 Melayu yang menyokong agenda nasionalis) akan berubah menjadi “kedudukan istimewa semua rakyat Malaysia yang berkelayakan dan wajar diberikan bantuan.”, “Bumiputeraisme” akan berubah menjadi “Malaysianisme”. Ini bermakna bahawa prinsip meritokrasi akan dilaksanakan dengan digandungi oleh prinsip “tindakan afirmatif”. Ini juga bermakna bahawa jika golongan nasionalis telah berjaya menyusun strategi dan pelan tindakan bagi melaksanakan hasrat Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan selama hampir 40 tahun, maka golongan nasionalis ini juga kini, yang ingin mengubahsuai pelan tindakan ini lantaran ketiadaan 1 Melayu tersebut.

## PENUTUP

Walaupun gagasan 1Malaysia ini wujud akibat ketiadaan 1 Melayu yang menyokong agenda nasionalis, ia akan menjadi satu pelan tindakan jangka panjang memandangkan gagasan ini lebih berintegriti, berjiwa murni dan boleh diletakkan di singgahsana falsafah keadilan semula jadi. Gagasan 1Malaysia ini akan memadamkan perwatakan jahat Melayu dan Bumiputera di pentas nasional dan antarabangsa. Gagasan 1Malaysia akan meningkatkan darjat, jati diri, maruah dan harga diri Melayu generasi muda. Warga generasi muda ingin dilihat sebagai golongan yang berkebolehan di bawah payung meritokrasi dan bukan golongan yang “diistimewakan”. Konsep 1Malaysia ini, sebagai satu implikasi teoritis adalah selari dengan kehendak audit demokrasi yang kini sedang berkembang di negara-negara maju, terutamanya Britain dan Amerika Syarikat.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdul Aziz & Mustapa Kassim. 2009. *Amanat Presiden – Dato' Onn Jaafar*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Abdul Rahman Abdul Aziz & Mustapa Kassim. 2009. *Amanat Presiden – Tunku Abdul Rahman*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Abdul Rahman Abdul Aziz & Mustapa Kassim. 2009. *Amanat Presiden – Tun Abdul Razak*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Abdul Rahman Abdul Aziz & Mustapa Kassim. 2009. *Amanat Presiden – Tun Hussein Onn*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Abdul Rahman Abdul Aziz & Mustapa Kassim. 2009. *Amanat Presiden – Tun Dr. Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Abdul Rahman Abdul Aziz & Mustapa Kassim. 2009. *Amanat Presiden – Tun Abdullah Ahmad Badawi*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Anuwar Abdullah. 2004. *Biografi Dato' Onn: Hidup Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Beetham, D. & Stuart Weir. 1998. *Political Power and Democratic Control in Britain*. London: Routledge.
- Chilton, P. 2004. *Analyzing Political Discourse Theory and Practice*. London: Routledge.
- Eagleton, T. 1999. *The Idea of Culture*. Oxford: Blackwell.
- Fairclough, N. 1999. *Critical Discourse Analysis: the Critical Study of Language*. London: Longman.
- Fowler, R. et al. 1979. *Language and Control*. London: Routledge.
- Gill, S. 2003. *Power and Resistance in the New World Order*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Goodhart, M. 2005. *Democracy as Human Rights: Freedom and Equality in the Age of Globalization*. London: Routledge.
- Jabatan Penerangan Malaysia. 2009. <http://www.penerangan.gov.my>
- Klug, F., K. Starmer & S. Weir. 1996. *The Three Pillars of Liberty: Political Rights and Freedoms in the United Kingdom*. London: Routledge.
- Kramsch, C. 1998. *Language and Culture*. Oxford: Oxford University Press.
- Ramlah Adam. 2005. *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rokiah Talib. 2009. *Raja Muhammad Alias: The Architect of Felda*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shapiro, I. 2001. *Democratic Justice*. Yale: Yale University Press.
- Sharkansky, I. 2002. *Slogan as policy*. *Journal of Comparative Policy*

*Analysis: Research and Practice, Volume 4, Issue 1, ms. 75 – 93.*

Thompson, B. J. 1988. *Ideology and Modern Culture*. London: Polity Press.

Van Dijk, T.A. 1998. *Ideology: A Multidisciplinary Approach*. Newbury Park: Sage.

*Profil Penulis*

***Kamaruddin Mohd. Said, Ph.D***

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan dan*

*Ketua Pusat Penerbitan dan Percetakan*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*43600 Bangi, Selangor*

*kamaruddinsaid1988@gmail.com*

**GAGASAN 1MALAYSIA:  
NUANSA BARU DALAM MENGGISI AGENDA  
PEMBENTUKAN BANGSA MALAYSIA\***

MOHAMED MUSTAFA ISHAK

ABSTRAK

*Malaysia telah lama bergelut dalam upaya mengurus kepelbagaian etnik ke arah pembentukan satu Bangsa Malaysia yang terintegrasi dan bersatu padu dalam erti kata yang luas yang merangkumi aspek sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik. Inilah agenda nasional Malaysia yang masih belum selesai sejak merdeka pada 1957. Etnisiti telah lama mewarnai kehidupan politik Malaysia. Ia merupakan perkara paling fundamental dalam politik negara ini, mengatasi lain-lain persoalan dan isu. Hakikatnya, fenomena kepelbagaian etnik merupakan satu legasi kolonialisme Inggeris yang Malaysia tidak mempunyai banyak pilihan, melainkan harus menerima dan mengurusnya sebaik mungkin. Justeru pembentukan satu identiti nasional yang dapat memadukan rakyat yang berbilang etnik ini sangat penting bagi Malaysia. Namun, upaya pembentukan satu identiti nasional sering bergeser dengan identiti etnik yang masih kental di dalam masyarakat. Walaupun sentiasa berhadapan dengan pelbagai masalah, isu dan rintangan, secara relatifnya Malaysia agak bernasib baik kerana persoalan mengurus kepelbagaian ini berjaya dilakukan secara harmoni semenjak lima dekad yang lampau. Inilah resipi penting kestabilan politiknya dan pembangunan sosioekonomi yang telah dicapainya sehingga kini. Gagasan 1Malaysia yang dicetuskan oleh Dato' Seri Najib Tun Razak selepas mengambil alih teraju pemerintahan sebagai Perdana Menteri harus dilihat dalam perspektif dan kerangka mengurus kepelbagaian yang dimaksudkan ini. Kertas kerja ini merumuskan bahawa Gagasan 1Malaysia adalah satu nuansa baru yang memberi pengukuhan kepada upaya pembentukan satu Bangsa Malaysia yang telah dicetuskan dua dekad yang lalu oleh Tun Dr Mahathir Mohamad. Persoalan baru yang timbul ialah, sejauh manakah pengisian dan pemasyarakatan nuansa 1Malaysia ini dapat dimanfaatkan sehingga memberi dampak yang efektif dalam upaya pembentukan Bangsa Malaysia.*

**Kata Kunci:** *Bangsa Malaysia, Identiti Nasional, Identiti Etnik, 1Malaysia*

## ABSTRACT

*Malaysia has long struggled in its efforts to manage its multi-ethnicity, as it heads towards the formation of one Bangsa Malaysia that is integrated and united in the broad sense of the word, encompassing socio-cultural, socio-economic and socio-political aspects. This is the Malaysian national agenda that has yet to be completed since its start during independence in 1957. Ethnicity has for a long time influenced the politics of Malaysia. It is the most fundamental factor in the politics of this country, overshadowing all other considerations and issues. The fact is, the ethnic diversity phenomenon has been a legacy of British colonialism, whereby Malaysia did not have much choice in the matter, other than to accept the situation as it was and manage as best as it could. As such, the formation of a national identity that is capable of embracing its multi-ethnic citizens is indeed extremely important for Malaysia. However, efforts to forge a national identity have often clashed with deeply entrenched ethnic identifications within the society. Although constantly confronted with numerous problems, issues and resistance, Malaysia has relatively been fortunate because the matter of handling this diversity problem has been harmoniously carried out for the past five decades. This is the vital recipe for the country's political stability and socio-economic development that has been achieved up till the present time. The IMalaysia concept hatched by Datuk Seri Najib Tun Razak upon taking office as Prime Minister should be viewed in the perspective and framework of managing the abovementioned diversity. This research paper concluded that the IMalaysia concept adds a new nuance that consolidates the formation of the Bangsa Malaysia propounded by the previous prime minister, Tun Dr Mahathir Mohamad two decades ago. The current question that arises is to what extent the contents and communalistic nuances of IMalaysia can be benefitted so that it gives an effective impact in efforts to create the Bangsa Malaysia.*

**Keywords:** *Bangsa Malaysia, National Identity, Ethnic Identity, IMalaysia*

## PENGENALAN

*“...the survival of the nation-state system of the decolonised world is all the more remarkable, in that many of these states are virtually colonial*

*creations...Virtually all the boundaries of the African and Asian states were delineated during the colonial period, and followed the logic of colonial expansion rather than that of any indigenous political evolution. Quite often, the result was that distinctive ethnic regions were divided and have remained divided ever since. (Christie, 1998:223)*

Petikan tulisan Christie (1998) di atas dengan jelas menggambarkan situasi yang turut dilalui oleh Malaysia. Walaupun Malaya dan kemudiannya Malaysia adalah merupakan sebuah negara yang pada asasnya lahir hasil daripada legasi kolonialisme British dengan pelbagai masalah, isu dan cabaran masyarakat berbilang etnik yang dicipta semasa British, namun keupayaan Malaysia untuk terus kekal bertahan dalam keadaan stabil dan membangun adalah sesuatu yang sangat dikagumi oleh ramai pengkaji luar seperti Christie (1998).

Bagaimana pun, keupayaan dan kejayaan untuk kekal stabil dan membangun dengan pesatnya sejak lima dekad yang lampau yang telah dicapai oleh Malaysia ini barangkali kurang dihargai atau disedari oleh sebilangan rakyat Malaysia. Mereka mungkin sahaja beranggapan bahawa apa yang dicapai ini adalah sesuatu yang berlaku secara semula jadi, yang negara-negara lain juga turut melaluinya. Hakikatnya tidak sedemikian. Semenjak merdeka sehinggalah ke hari ini, Malaysia tidak putus-putus berhadapan dengan pelbagai halangan dan cabaran dalam mempertahankan kestabilan dan perpaduan rakyatnya. Misalnya tragedi 13 Mei 1969 dan Kg Medan 2001 memberi banyak pengajaran kepada masyarakat betapa pentingnya menjaga keharmonian dan ikatan sosial. Kejayaan Malaysia dalam mengurus kepelbagaian, kestabilan dan perpaduan rakyatnya terletak kepada tiga faktor terpenting berikut.

Pertamanya ialah sistem politik demokrasi permuafakatan yang diasaskan pada 1957 yang menyaksikan terbukanya ruang yang luas untuk kerjasama dan permuafakatan politik nasional antara kelompok-kelompok elit pelbagai etnik utama yang kemudiannya mendapat restu dan sokongan masyarakat akar umbi yang diwakili mereka. Selama lima dekad asas permuafakatan ini tidak tergugat yang dimanifestasikan menerusi kejayaan Perikatan dan kemudiannya BN terus menerajui kerajaan Persekutuan dan sebahagian besar negeri-negeri sehinggalah pada Pilihan Raya Umum ke 12 Mac 2008 (PRU 12) yang telah mencetus satu fenomena politik baru dan merubah landskap politik negara.

Kedua, ialah keupayaan dan kejayaan elit-elit pemerintahan semenjak merdeka sehinggalah elit-elit kontemporari dalam mengurus kepelbagaian, segregasi etnik dan ketaksamaan etnik dalam bidang sosioekonomi menerusi pelbagai dasar-dasar nasional, pendekatan dan mekanisme berkesan ke arah kestabilan hubungan etnik dan integrasi nasional.

Dan ketiga ialah kejayaan Malaysia menjana pertumbuhan ekonominya yang secara relatifnya konsisten dan membanggakan sehingga upaya pengagihan kekayaan dapat dilaksanakan dan disebar-luaskan di kalangan rakyatnya yang berbilang etnik. Inilah tiga resipi penting kestabilan dan kejayaan Malaysia dalam mengurus kepelbagaian etnik, kestabilan politik dan perpaduan rakyat.

Gagasan 1Malaysia yang dicetuskan oleh Dato' Seri Najib pada 2009 selepas mengambil alih teraju pemerintahan sebagai Perdana Menteri adalah merupakan satu formula yang memberikan satu nuansa baru kepada upaya memperteguh kestabilan dan survival Malaysia sebagai sebuah negara-bangsa.

Walaupun PRU12 pada Mac 2008 telah menghakis kekuatan parti pemerintah di peringkat nasional dan negeri-negeri, namun ini tidak bermakna bahawa upaya pembentukan bangsa perlu dikesampingkan untuk sementara waktu. Sebaliknya, perubahan landskap politik yang berlaku selepas Mac 2008 telah memperlihatkan betapa pergeseran etnik dalam pelbagai isu-isu politik nasional yang timbul boleh menggugat asas-asas pembentukan negara-bangsa dan kestabilan hubungan etnik yang telah melalui pelbagai kemajuan sejak lima dekad yang lampau.

Gagasan 1Malaysia dilihat muncul tepat pada masanya bagi memberikan dinamisme dan nuansa baru kepada upaya pembentukan bangsa (*nation-building*) di Malaysia. Perkara inilah yang akan cuba dibahaskan oleh kertas kerja ini.

## LATAR SOSIOPOLITIK

Dari segi demografi, penduduk Malaysia yang berjumlah dua puluh enam juta (26 juta) orang terbahagi kepada beberapa kelompok etnik utama. Melayu sebagai etnik teras membentuk kira-kira lima puluh



peratus (50%), manakala dua kelompok lain yang agak besar yang berasal daripada kelompok imigran iaitu etnik Cina berjumlah sekitar tiga puluh tujuh peratus (37%), dan India sebelas peratus (11%), serta lain-lain etnik dua peratus (2%).

Etnik Melayu bersama-sama dengan lain-lain kelompok etnik peribumi termasuk di Sabah dan Sarawak sering juga dirujuk sebagai kelompok 'Bumiputera', manakala etnik-etnik lain seperti Cina dan India diklasifikasikan sebagai 'bukan Bumiputera'. Tidak ada satu pun daripada kelompok-kelompok etnik ini yang bersifat homogen. Sementara etnik Melayu kesemuanya Islam dan bertutur bahasa Melayu, lain-lain komuniti Bumiputera dari Sabah dan Sarawak menganut pelbagai jenis agama dan bertutur bermacam-macam bahasa dan dialek etnik masing-masing. Etnik India pula ramai yang beragama Hindu dan bertutur bahasa Tamil umumnya dan selebihnya Punjabi, manakala agama serta bahasa pertuturan etnik Cina lebih rencam lagi.

Sebelum sistem politik negara Malaysia diasaskan pada tahun 1957, elit-elit politik yang mewakili etnik Melayu dipaksa Inggeris menerima konsep perkongsian kuasa bersama-sama dengan etnik-etnik imigran Cina dan India sebagai pra-syarat untuk kemerdekaan. Orang Melayu juga dipaksa untuk menerima kelompok etnik imigran dan keturunan mereka sebagai warganegara Malaysia setaraf dengan etnik peribumi yang lain. Lalu sebagai tawar-menawar ganti rugi politik (*political trade-off*), etnik Melayu pula diberi satu jaminan di dalam Perlembagaan Negara di bawah artikel 153, bahawa keterbelakangan mereka yang diwarisi daripada kepincangan dasar-dasar penjajah di dalam aspek sosioekonomi akan diberi jaminan bantuan oleh pemerintah tanpa penetapan batas waktunya.

Inilah asas dan latar belakang kepada pembentukan sistem Demokrasi Berparlimen (*parliamentary democracy*) dan Raja Berperlembagaan (*constitutional monarchy*) yang diamalkan oleh Malaysia yang telah meletakkan elit-elit politik Melayu sebagai teras kepemimpinan politik. Maka lahirlah hegemoni Melayu dalam politik Malaysia. Sistem dua dalam satu (2 in 1) yang diterajui oleh etnik Melayu ini dimanifestasikan melalui Raja-raja Melayu yang dipilih secara bergilir-gilir setiap lima tahun sekali untuk menjadi Ketua Negara (*Head of State*) dengan nama Yang Di-Pertuan Agong, manakala bagi Ketua Kerajaan (*Head of Government*) pula menurut kelazimannya disandang oleh elit politik Melayu yang

menguasai Parlimen sebagai Perdana Menteri. Perlembagaan Malaysia tidak menetapkan yang orang Melayu mesti menjadi Perdana Menteri. Namun, untuk meletakkan seorang bukan Melayu yang bukan beragama Islam sebagai Perdana Menteri barangkali merupakan sesuatu yang belum dapat dilakukan dalam jangka masa yang terdekat ini.

Ciri yang mendominasi politik Malaysia semenjak lima puluh tahun yang lampau ialah pergelutan di antara kelompok etnik Bumiputera dan bukan Bumiputera (lihat Shamsul AB, 1996). Di dalam pertarungan dua kelompok besar ini, pergelutan di antara etnik Melayu dan Cina yang telah menjadi ciri utama dalam karakter politik etnik di Malaysia, mengatasi pergelutan politik lain seperti Nasionalis lawan Islam dan lain-lainnya (lihat Mohamed Mustafa Ishak, 1999). Pergelutan politik Melayu-Cina juga ada kalanya kelihatan seperti pergelutan Islam lawan bukan Islam kerana sifat agama Islam yang menjadi ciri terpenting dalam etnisiti Melayu. Namun, sehingga kini kita belum boleh untuk mengatakan bahawa pergelutan agama telah mengambil alih pergelutan etnik dalam arena politik Malaysia, sungguh pun isu-isu dan persoalan agama semakin mendapat perhatian dalam arus perdana politik Malaysia dan juga di seluruh dunia dewasa ini.

Di dalam percaturan politik Malaysia, parti-parti utama diasaskan dan bergerak atas landas etnisiti. Sungguhpun terdapat beberapa buah parti sama ada yang berada di dalam gabungan parti pemerintah mahupun di kalangan parti-parti pembangkang, yang diasaskan atas falsafah '*multi-ethnic*', mereka bagaimana pun masih tidak dapat membebaskan diri sepenuhnya daripada pengaruh politik etnik. Justeru, setiap parti politik boleh sahaja diidentifikasi dengan kelompok etnik tertentu berasaskan keahlian dan sokongan yang diterimanya atau pun berasaskan kepada barisan kepimpinan parti berkenaan yang didominasi oleh etnik-etnik tertentu. Oleh yang demikian, nyatalah bahawa walaupun ada pihak yang cuba menggunakan pendekatan '*non-ethnic*' atau mencuba pendekatan kelas di dalam perjuangan politik mereka, namun mereka masih gagal menyaingi tuntutan dan pengaruh politik etnik yang begitu kuat mewarnai politik Malaysia.

Jika demikian sifat politik di Malaysia yang dikuasai oleh pengaruh etnisiti dan pemisahan etnik yang tajam, maka sifat politik negara ini tentunya sangat rapuh sekali. Tentunya kestabilan politik Malaysia boleh sahaja terganggu dan tergugat dengan pergelutan etnik yang tidak

berkesudahan. Malaysia mungkin sahaja akan tergolong dalam kelompok negara-negara membangun (*developing states*) yang lain yang berdepan dengan ancaman perpecahan sosial akibat pertembungan politik etnik dan nasionalisme. Sebaliknya semua hal yang dinyatakan ini tidak berlaku di Malaysia sehingga saat ini. Malaysia kekal secara relatifnya stabil, walau pun ketegangan boleh sahaja wujud pada bila-bila masa. *'The state of stable tension'*, tentunya istilah yang lebih tepat bagi menggambarkan situasi politik di Malaysia. Dalam nuansa *'stable-tension'* inilah Malaysia melakarkan pembangunan ekonomi dan transformasi sosial yang sangat pesat, mengatasi lain-lain negara yang seangkatan dengannya atau yang lebih dulu maju sewaktu negara ini baru sahaja terlepas daripada belenggu penjajahan. Justeru, apakah model dan pendekatan yang digunakan oleh Malaysia dalam mengurus kepelbagaian etnik dan politik di dalam masyarakatnya? Bagaimanakah model ini beroperasi dan apakah asas-asas pentingnya?

#### MENGURUS KEPELBAGAIAN ETNIK DAN MODEL POLITIK PERPADUAN

Walau pun Malaysia mengambil model demokrasi ala-Westminster sebagai asas sistem politik demokrasi yang diamalkannya, percubaan mempraktikkan sistem yang diguna pakai di negara kuasa kolonial terakhir yang menjajahnya itu telah dimodifikasi mengikut realiti sejarah dan situasi sosiopolitiknya yang unik. Sementara sistem demokrasi Westminster yang sebenarnya ditandai oleh pertarungan ideologi kelas sosial sepertimana yang diwakili oleh Parti Konservatif, Parti Buruh dan Liberal Demokrat tanpa penglibatan unsur-unsur etnisiti yang ketara, keadaan di Malaysia sama sekali berbeza dengan United Kingdom.

Jika sekiranya Malaysia mengambil bulat-bulat sistem tersebut tanpa sebarang modifikasi, barangkali demokrasi di Malaysia sudah menjadi satu sejarah. Anarkisme politik etnik mungkin sahaja menamatkan demokrasi untuk digantikan dengan autokrasi militer atau seumpamanya sepertimana yang berlaku di beberapa buah negara-negara berkembang yang lain. Atau mungkin juga ketidakstabilan politik akan menjadi satu ciri penting politiknya, lalu menghambat sebarang potensi pembangunan sosioekonominya.

Kepelbagaian etnik dan fenomena politik etnik yang wujud di Malaysia tidak memungkinan sistem demokrasi liberal model British itu diamalkan secara mutlak pada waktu itu. Malahan pada waktu ini juga sebarang transformasi ke arah liberalisasi politik demokrasi harus dilakukan dengan penuh cermat dan hati-hati kerana sifat politik etnik yang masih sangat rapuh itu.

Para pengasas sistem politik demokrasi di Malaysia sangat menyedari bahawa sifat etnisiti dan politik etnik yang telah diperlihatkan di sepanjang sejarah negara di era pra kemerdekaan menuntut kepada satu model politik yang unik diwujudkan jika sekiranya Malaysia ingin terus mengamalkan demokrasi, dan dalam waktu yang sama mempertahankan kestabilan politiknya. Justeru, Malaysia tidak boleh membiarkan parti-parti politik yang berasaskan etnik beradu nasib dan bertarung di antara satu sama lain di arena politik dan kemudiannya membiarkan proses demokrasi melalui pilihan raya menentukan pembentukan kerajaan yang memerintah negara. Sistem liberal sebegini bakal mengundang masalah kepada negara. Oleh itu, penyelesaian yang dikemukakan ialah, perlu ada permuafakatan politik di antara tiga etnik terbesar pra pilihan raya dan pembentukan kerajaan. Selain itu asas-asas persefahaman dari segi dasar-dasar penting negara dan formula perkongsian kuasa perlu dipersetujui terlebih dahulu sebelum pilihan raya berlangsung.

Prinsip-prinsip asasi inilah yang menjadi landas kepada kelahiran model demokrasi permuafakatan atau '*consociational democracy*' ala Malaysia pada tahun 1957. Orang Melayu sebagai etnik terbesar bersedia mengorbankan hak politik mereka dengan menerima komuniti imigran Cina dan India bukan sahaja sebagai warganegara Malaysia yang setaraf dengan mereka, malah lebih jauh daripada itu menawarkan pula ruang perkongsian kuasa bagi memerintah negara yang baru bebas dari penjajah itu. Walau pun Inggeris sendiri pada waktu itu sangat skeptikal dengan model dan formula yang direstuihnya sendiri, tetapi inilah sistem dan model yang telah menyelamatkan Malaysia daripada pertembungan konflik etnik yang boleh memporak-perandakan politik dan demokrasi negara ini.

Sistem demokrasi permuafakatan yang diasaskan oleh UMNO sebagai parti teras etnik Melayu telah membawa MCA yang mewakili etnik Cina dan MIC yang menjadi wakil etnik India ke dalam satu kerangka gabungan politik nasional (*national grand political coalition*)

yang dinamakan sebagai Parti Perikatan (*Alliance Party*) pada 1957. Model gabungan politik Perikatan ini telah mula diuji pada pilihan raya Persekutuan pertama sebelum merdeka pada 1955 dan terus tahan-uji dalam pilihan raya-pilihan raya pasca merdeka 1959 dan 1964 sebelum ia berdepan dengan masalah politik etnik yang ekstrem di luar batasan kerangka '*consociationalism*' pada pilihan raya 1969. Pilihan raya 1969 menyaksikan sistem '*consociational*' ala Malaysia itu hampir-hampir menemui keruntuhan akibat asakan konflik dan 'politiking' etnik yang terlampau. Akibatnya, tercetuslah peristiwa hitam rusuhan etnik pada 13 Mei 1969 yang terus menjadi detik pahit hubungan etnik di Malaysia.

Punca kepada rusuhan etnik yang hampir sahaja mengakhiri model '*consociational democracy*' ala Malaysia itu segera dikenal pasti. Liberalisme politik yang terlampau sehingga 'politiking' berasaskan isu-isu etnik yang sangat sensitif mencabar formula perkongsian kuasa yang diizinkan sebelum, semasa dan sebaik-baik sahaja pilihan raya berakhir menjadi punca kepada rusuhan etnik pada Mei 1969. Tiga parti etnik utama di dalam gabungan politik Perikatan dicabar hebat oleh pelbagai parti politik pembangkang atas isu-isu etnik dan perkauman sehingga mereka hampir-hampir hilang kredibiliti politik di mata pengundi. Akibatnya Perikatan hilang banyak kerusi di tangan pembangkang. Selain itu model tiga parti gabungan didapati tidak lagi mampu menampung tuntutan kepelbagaian kehendak dan kepentingan politik yang semakin berkembang, termasuklah keperluan untuk membawa bersama parti-parti politik etnik dari Sabah dan Sarawak menyertai kerangka gabungan politik besar (*grand coalition*) pelbagai etnik yang lebih besar, padu dan kuat.

Setelah pucuk pimpinan politik bertukar tangan daripada Tunku Abdul Rahman kepada Tun Abdul Razak, maka kerangka '*consociationalism*' yang baru telah dirangka. Maka, hasilnya lahir lah satu parti gabungan politik yang lebih besar yang dinamakan sebagai Barisan Nasional pada 1973. Barisan Nasional telah mengundang hampir sepuluh buah parti yang lain yang sebelumnya menjadi pembangkang termasuk juga parti-parti utama dari Sabah dan Sarawak untuk membentuk kerajaan. Di Semenanjung Malaysia hanya parti DAP dan Parti Sosialis sahaja yang tidak menyertai kerajaan. Maka, apabila pilihan raya umum diadakan pada 1974, Barisan Nasional muncul sebagai parti terkuat hampir tiada tandingannya. Banyak kerusi yang dimenangi tanpa pertandingan dan pilihan raya juga tidak lagi menjadi sesengit 1969. Sentimen politik perpaduan dan semangat

muhibah antara etnik mengambil alih sentimen politik etnik yang wujud dalam pilihan raya sebelumnya.

Nyatalah model '*consociational democracy*' yang diberi nafas dan tenaga baru itu telah mengukuhkan kembali kestabilan politik di Malaysia. Selain itu beberapa pendekatan baru dalam politik diperkenalkan oleh kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Tun Abdul Razak. Terdapat beberapa undang-undang baru yang diperkenalkan setelah Parlimen bersidang semula akibat digantung seketika di bawah undang-undang darurat, telah meletakkan batasan-batasan baru kepada kerangka politik perkauman yang agak liberal sebelumnya. Walau pun sebahagian langkah-langkah ini dilihat sebagai satu strategi 'menyah-politikkan' (*depoliticisation*) etnisiti dan perkauman daripada digunakan secara bebas sebagai isu-isu politik, namun ini dilihat sebagai satu keperluan bagi memulihkan kembali negara dan keseimbangan yang menyelubungi sentimen politik etnik pada waktu itu.

Akta Hasutan 1948 yang dikemaskinikan telah menghalang isu-isu politik etnik yang sensitif daripada dibahaskan secara terbuka. Selain itu, pengharaman rapat-rapat umum pada waktu pilihan raya serta tempoh berkempen yang telah dipendekkan juga adalah di antara beberapa langkah politik yang dimaksudkan dalam strategi menyah-politikkan isu-isu etnik dan perkauman daripada arena politik terbuka.

Demikianlah model demokrasi permuafakatan yang diamalkan oleh Malaysia semenjak merdeka yang telah melalui sedikit penambahbaikan pada tahun 1973-74 ekoran rusuhan etnik 1969. Walaupun sesudah Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn meninggal dunia manakala Tun Dr. Mahathir yang lebih dua dekad menerajui negara Malaysia dengan membawa pelbagai kemajuan dan perubahan pesat juga sudah bersara, model dan pendekatan politik yang sama masih kekal. Di bawah kerajaan Datuk Seri Abdullah Badawi juga model dan pendekatan ini pada awalnya tidak tergugat.

Bagaimanapun, pilihan raya umum Mac 2008 telah mengubah landskap politik Malaysia. '*Grand Coalition*' yang selama ini menjadi kunci kekuatan dan kestabilan BN telah dicabar dengan hebatnya gabungan parti-parti pembangkang yang menamakan diri mereka sebagai Pakatan Rakyat. BN hilang 2/3 majoriti di Parlimen. Lima (5) kerajaan negeri dikuasai

Pakatan Rakyat. Selebihnya sudah diketahui umum dan politik nasional masih terus diuji dengan pelbagai isu baru akibat asakan keras pakatan pembangkang yang telah mendapat kekuatan baru. Apakah model politik '*consociationalism*' ala Malaysia ini mampu bertahan dan menyerap semua masalah, cabaran dan tekanan-tekanan baru yang muncul satu demi satu adalah sesuatu yang menjadi minat umum untuk melihatnya. Pilihan Raya Umum Ke-13 tentunya akan menentukan sejauh manakah model ini akan kekal atau berubah.

### 1MALAYSIA: NUANSA BARU DALAM AGENDA PEMBENTUKAN BANGSA MALAYSIA

Bagi menilai setakat manakah model *consociationalism* dapat bertahan, kita harus memahami bahawa terdapat beberapa prasyarat yang harus dipenuhi sepertimana digariskan oleh beberapa orang sarjana politik (lihat Lipjhart 1977; Van den Berghe, 1981; Horowitz 1990). Pertamanya, harus wujud kesedaran di kalangan elit-elit politik pelbagai etnik tentang bahaya yang ada dalam sistem politik yang berpecah-belah dari segi etnik. Keduanya, ialah komitmen untuk mempertahankan sistem perkongsian kuasa di antara elit-elit politik yang mewakili pelbagai komuniti etnik utama. Justeru, akomodasi politik di peringkat nasional harus diwujudkan di antara elit-elit politik komuniti etnik utama. Dalam lain-lain perkataan, harus wujud sebuah '*grand coalition*' yang mewakili pelbagai etnik utama di dalam entiti kerajaan yang memerintah negara. Tujuannya ialah untuk mengawal faktor-faktor yang boleh membawa kepada ketidakstabilan politik akibat pertembungan politik etnik secara terbuka. Selain itu mekanisme ini juga dapat membendung cabaran daripada elit-elit politik di luar gabungan nasional yang mungkin menggunakan sentimen etnik dan perkauman yang ekstrem dalam percubaan mereka merebut kuasa.

Ketiganya, setiap elit politik yang memimpin parti-parti yang mewakili etnik masing-masing di dalam '*grand-coalition*' nasional itu mesti berupaya mempertahankan sokongan majoriti etnik mereka kepada parti yang mereka pimpin. Ertinya, walau pun ada cabaran daripada lawan politik daripada etnik yang sama, cabaran tersebut terkawal dan tidak mengganggu-gugat kedudukan parti mereka sebagai wakil utama etnik mereka di peringkat nasional. Keempatnya ialah keupayaan elit-elit etnik untuk mencari penyelesaian politik secara musyawarah dan kesediaan

berkompromi dalam perkara-perkara sukar dalam kerangka gabungan nasional apabila berhadapan dengan isu, tuntutan dan masalah-masalah yang ditimbulkan oleh etnik masing-masing. Menurut Lipjhart (1968:65), “*These four prerequisites must be fulfilled, if consociational democracy is to succeed*” (dipetik daripada van den Berghe, 1981:187).

Keempat-empat pra-syarat yang dikemukakan di atas sekali gus merupakan cabaran besar yang harus diharungi oleh mana-mana model demokrasi ‘*consociational*’ termasuklah Malaysia. Pra-syarat-pra-syarat itu bukanlah mudah kerana ia menuntut tahap tolak ansur, kesederhanaan, pemikiran rasional dan persefahaman yang sangat tinggi di kalangan elit-elit etnik di peringkat nasional. Permasalahan rumit yang sering dihadapi mereka ialah apabila sentimen politik etnik yang melampau dalam isu-isu tertentu berjaya dieksploitasi dengan berkesan oleh lawan politik mereka masing-masing baik di luar mahu pun di dalam parti yang mereka pimpin. Akibatnya, sentimen menguasai pemikiran rasional lalu mereka juga mungkin terjebak dalam permainan politik etnik yang melampau. Inilah perangkap politik etnik yang sedia menunggu elit-elit politik nasional pelbagai etnik jika sekiranya mereka kurang berhati-hati dengan permainan politik yang berlaku di arena politik.

PRU 12 Mac 2008 dan apa yang berlaku selepasnya telah memperlihatkan dengan agak nyata bahawa keempat-empat pra syarat yang digariskan itu sedang berhadapan dengan cabaran yang sangat hebat akibat kemunculan gabungan parti-parti pembangkang dalam Pakatan Rakyat yang telah berjaya menggugat keunggulan “*Grand Coalition*” BN yang telah bertapak sejak sekian lama. Sokongan orang Melayu di kawasan bandar, undi bukan Melayu dan generasi muda kepada BN jelas merosot dengan hebatnya. BN sedang melalui satu detik paling sukar dalam sejarah penubuhannya sejak 1974. BN memerlukan satu transformasi besar-besaran di dalam dan di antara parti-parti gabungannya bagi membentuk azimat baru dalam menghadapi asakan Pakatan Rakyat, khususnya dalam pilihan raya akan datang.

Di dalam model yang dipraktikkan di Malaysia, prinsip-prinsip kontrak sosial pra-merdeka menjadi prinsip fundamental yang dihormati oleh semua etnik. Sebarang percubaan dari mana-mana pihak bagi menggugat prinsip-prinsip kontrak sosial tersebut akan menerima tentangan sengit daripada pihak yang lain dan dianggap sebagai satu ‘penderhakaan’ ke atas prinsip asas penubuhan negara Malaysia yang menerima konsep kepelbagaian



budaya dan etnik. Menurut Milne dan Mauzy (1999:18), di dalam kerangka kerjasama politik pelbagai etnik yang dipraktikkan di Malaysia, konsep '*Malay political dominance*' atau pun orang Melayu sebagai teras politik nasional telah diterima oleh etnik-etnik yang lain. Justeru itu, nuansa politik yang lebih tepat buat amalan '*consociationalism*' di Malaysia menurut kedua-dua sarjana tersebut ialah, '*hegemonic consociationalism*'. Pasca PRU 12 juga memperlihatkan hal ini sedang diuji dengan hebatnya

Cabaran penting lain yang sering menimbulkan masalah-masalah yang belum berkesudahan kepada kepemimpinan politik nasional Malaysia ialah supaya memperbetulkan kepincangan sosioekonomi antara etnik yang ditinggalkan oleh dasar-dasar kolonial British. Bagi mengelakkan wujudnya perasaan ketinggalan dan marginalisasi sosioekonomi di antara komuniti-komuniti etnik utama, pemerintah harus berupaya menjana pertumbuhan ekonomi secara berterusan supaya upaya-upaya pengagihan semula (*redistribution*) kekayaan negara secara lebih adil dan seimbang di antara etnik dapat dicapai.

Ini bukanlah satu tugas yang mudah kerana apabila sesuatu etnik dibantu oleh pemerintah, etnik yang lain pula merasakan telah berlaku ketidakadilan kepada mereka kerana komuniti etnik mereka terpaksa berusaha sendiri tanpa bantuan pemerintah. Akibatnya ini memberi tekanan kepada elit-elit politik mereka untuk menuntut pemerintah supaya mewujudkan '*level playing field*' untuk semua orang dan melaksanakan prinsip meritokrasi dalam pengagihan kekayaan negara. Inilah teras debat politik etnik yang mencirikan proses politik Malaysia sejak lahirnya Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada 1970 sehinggalah ke hari ini setiap kali persoalan pengagihan kekayaan negara di antara komuniti etnik dibicarakan.

Terakhir dan paling penting ialah upaya melahirkan sebuah 'Bangsa Malaysia' yang bersatu padu yang mengidentifikasikan diri mereka dengan unsur-unsur identiti nasional lebih kuat daripada identifikasi mereka dengan lain-lain identiti kolektif termasuk komuniti etnik. Inilah permasalahan asasi yang dihadapi Malaysia dalam upaya pembentukan bangsa sejak lima puluh tahun yang lampau. Sementara model '*consociationalism*' menerima dan mengiktiraf kepelbagaian budaya (*multiculturalism*), sesebuah negara-bangsa yang kuat hanya dapat dibina jika sekiranya rakyatnya melihat ciri-ciri persamaan di antara mereka lebih kuat daripada ciri-ciri perbezaan yang wujud. Masalahnya ialah bagaimanakah kedua-

dua ekstrem ini mampu diperdamaikan? Inilah masalah dan cabaran terbesar dalam upaya membentuk sebuah 'Bangsa Malaysia' seperti mana yang dihasratkan oleh Wawasan 2020.

Dalam menghadapi cabaran ini dan melalui detik penentuan yang bakal muncul dalam pilihan raya umum ke 13 inilah Gagasan 1Malaysia tampil menawarkan satu landas baru kepada upaya mengurus kepelbagaian dan perpaduan rakyat dalam menghadapi fenomena politik baru. Gagasan 1Malaysia adalah satu percubaan untuk menyedarkan rakyat Malaysia betapa keterlaluan berpolitik (*excessive politiking*) dan percubaan membuat pelbagai tuntutan yang melampau atas asas-asas etnik dan agama boleh merosakkan projek dan agenda pembentukan bangsa yang telah berjalan sejak sekian lama.

Apakah maksud dan pengisian yang diharapkan daripada Gagasan 1Malaysia tersebut? Datuk Seri Najib menyebut:

“Konsep 1Malaysia tidak boleh disalah ertikan oleh pihak-pihak tertentu umpama pembangkang kata bahawa ia sama dengan konsep 'Malaysian Malaysia'. Ia tak sama. Di bawah konsep 1Malaysia ini bererti bahawa kita berdiri, kita berfikir dan bertindak sebagai Bangsa Malaysia. One People. Dan kita mengambil tindakan-tindakan berdasarkan kehendak semua kumpulan etnik dalam negara kita. Ini bukan bererti kita mengetepikan dasar afirmatif, dasar untuk menolong kaum bumiputera asalkan dasar itu dilaksanakan dengan cara yang adil dan memberi pertimbangan kepada golongan bumiputera yang layak mendapat sesuatu pertimbangan daripada kerajaan. Biar kita keluar daripada cara bertindak dalam tembok etnik yang kita amalkan sejak sekian lama. Itu juga pada saya maksud konsep 1Malaysia”. (Utusan Malaysia, 16 April 2009).

Selanjutnya Dato' Seri Najib menegaskan:

“Gagasan 1Malaysia adalah konsep yang mempunyai pengisian jitu dan bukannya kenyataan retorik politik semata-mata. Konsep berkenaan juga akan diterjemahkan secara evolusi melalui proses tertentu yang bukannya berlaku dalam satu malam sahaja. Paling penting ialah semua pihak menerima idea satu bangsa yang merupakan inti pati konsep berkenaan tanpa mengira kepelbagaian etnik, sub-etnik dan kebudayaan. Ia merupakan satu proses, satu perjalanan dan ia tidak berlaku dalam

masa satu malam, saya berharap anda semua bersama-sama saya dalam perjalanan ke arah 1Malaysia. Kita akan tiba di sana sebagai satu bangsa dan apabila ia berlaku, Malaysia akan bersatu dalam erti kata sebenar dan muncul sebagai negara yang makmur". (Utusan Malaysia, 3 Mei 2009).

Bagi memberi pengisian kepada Gagasan 1Malaysia tersebut, Najib telah menggariskan lapan nilai utama yang harus dikembangkan bagi menjayakannya. Lapan Nilai tersebut ialah, Budaya Kecemerlangan, Ketabahan, Rendah Hati, Penerimaan, Kesetiaan, Meritokrasi, Pendidikan dan Integriti. Nyatalah bahawa Gagasan 1Malaysia adalah satu percubaan untuk memberikan satu lonjakan baru kepada upaya pembentukan bangsa yang kelihatannya menghadapi tekanan yang sangat hebat di era pasca PRU 12.

Gagasan 1Malaysia kelihatannya cuba merapatkan situasi "pemisahan dan ketaksamaan" (*separate and unequal*) yang wujud dalam hubungan etnik di Malaysia kepada satu keadaan "One Malaysia" dan bukannya "Two Malaysia" yang lebih terintegrasi dan sama (*integrated and equal*) tetapi tetap menghormati dan meraikan kepelbagaian dalam kerangka konsep kepelbagaian budaya (*multiculturalism*) yang wujud di Malaysia. Nilai-nilai yang akan mengintegrasikan dan mewujudkan kesamaan tersebut ialah lapan nilai-nilai murni yang telah dikemukakan Najib, yang bakal menjadi nilai-nilai bersama (*common values*) rakyat Malaysia keseluruhannya.

Inilah nuansa baru yang bakal menyuntik satu pengisian baru kepada agenda pembentukan Bangsa Malaysia yang telah dicetuskan dua dekad yang lalu oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad menerusi Wawasan 2020. Walau pun sesetengah pihak barangkali melihat Gagasan 1Malaysia sebagai satu lagi percubaan untuk "*defuse*" atau meredakan ketegangan antara etnik akibat keterlaluan berpolitik sejak berakhirnya PRU 12, atau sebagai satu strategi '*depoliticisation*', namun hakikatnya ia mampu mencetuskan "*euphoria*" baru kepada agenda pembentukan bangsa. Pelbagai tafsiran atau salah tafsiran mengenai Gagasan 1Malaysia pasti timbul dan perdebatan mengenainya juga pasti terus berpanjangan. Namun, kehadiran Gagasan 1Malaysia nyata memberikan satu nuansa dan dimensi baru kepada pengertian konsep Bangsa Malaysia yang telah sedia wujud sebelum ini.

Gagasan 1Malaysia juga dapat dilihat sebagai satu "creative engagement" yang mengajak seluruh Rakyat Malaysia berfikir, bertindak dan berbangga sebagai rakyat Malaysia yang satu dalam sebuah negara yang berbilang etnik. Gagasan ini juga berpotensi memberikan pengukuhan kepada jati diri atau identiti nasional rakyat Malaysia jika sekiranya upaya pengisian dan pemasyarakatannya berjaya dilakukan secara konsisten dan berkesan. Walaupun akar umbi darah keturunan (*roots in the blood*) rakyat Malaysia mungkin berbeza, namun akar umbi tanah kelahiran (*roots in the soil*) mampu menyatukan mereka menerusi kerangka 1Malaysia.

Demikianlah Gagasan 1Malaysia mampu bertindak sebagai satu nuansa baru dalam kerangka agenda pembentukan Bangsa Malaysia yang masih melalui proses pembentukannya. Justeru, kejayaan upaya pengisian dan pemasyarakatan nuansa baru ini kelihatannya mampu membuka satu lembaran baru dalam upaya pembentukan bangsa di Malaysia.

## RUMUSAN

Perbahasan makalah ini telah melihat beberapa perkara penting berikut. Pertama, asas politik Malaysia adalah berpaksikan kepada etnisiti akibat kompleksiti demografi dan ketidakseimbangan sosioekonomi yang diwarisi daripada penjajah. Kedua, model dan pendekatan mengurus kepelbagaian dan politik etnik di Malaysia walaupun unik bagi negara tersebut, tetapi prinsip asasnya sesuai diamalkan di mana-mana negara yang menghadapi masalah yang serupa. Ketiga, walaupun Malaysia berjaya dalam mengamalkan sistem dan model politik 'consociational' yang sedemikian rupa, sehingga berjaya mewujudkan kestabilan politik yang telah menyumbang kepada peningkatan tahap kemajuan ekonominya, namun sistem dan model ini tidak sunyi daripada kelemahan dan masalahnya yang tersendiri.

Kelahiran Gagasan 1Malaysia dilihat sebagai satu percubaan sedar di pihak pemerintah untuk memperkukuhkan kembali asas kerjasama politik pelbagai etnik menerusi model "consociationalism" dengan mencetuskan satu euforia baru ke arah integrasi nasional dan kesamaan dalam kalangan rakyat menerusi nuansa baru ini. Walau apa pun natijah yang bakal timbul selepas ini, upaya meneguhkan identiti nasional dan memupuk integrasi nasional ke arah satu Bangsa Malaysia yang bersatu padu nyata mendapat satu nafas baru, sungguhpun etnisiti akan terus menjadi unsur definitif dan fundamental dalam politik Malaysia untuk satu tempoh waktu yang panjang.

## RUJUKAN

- Christie, Clive J. 1998. *Race and Nation*, London: I.B. Tauris & CO. Ltd.
- Esman, Milton. J. 1973. 'The Management of Communal Conflict', *Public Policy* 21 (Winter). pp.49-78
- Horowitz, Donald L. 1985. *Ethnic Groups in Conflict*. Berkeley, California: University of California Press.
- Horowitz, Donald L. 1990. 'Democracy in Divided Society', in Diamond L. and Plattner M.F. (eds.), *Ethnicity: Theory and Experience*. Mass: Harvard University Press.
- Lipjhart, Arendt. 1968. *The Politics of Accommodation, Pluralism and Democracy in the Netherlands*, Berkeley: University of California Press.
- Lipjhart, Arendt. 1977. *Democracy in Plural Societies*, New Haven: Yale University Press.
- Milne, R.S. & Mauzy, D.K. 1999. *Malaysian politics under Mahathir*, Routledge: London
- Mohamed Mustafa Ishak. 1999. 'From Plural Society to Bangsa Malaysia: Ethnicity and nationalism in the politics of nation-building in Malaysia', *Unpublished PhD Thesis*, University of Leeds, United Kingdom.
- Nordlinger, Eric. A. 1972. *Conflict Regulation in Divided Societies*, Cambridge, Occasional Paper No. 29, Center for International Affairs, Mass: Harvard University.
- Shamsul A.B. 1996. 'Nation-of-Intent in Malaysia', in Stein Tonnesson and Hans Antloev (eds.), *Asian Forms of the Nation*, London: Curzon Press.
- Utusan Malaysia, 16 April 2009
- Utusan Malaysia, 3 Mei 2009
- Van den Berghe, P. (1981) *The Ethnic Phenomenon*. New York: Elsevier.

### *Profil Penulis*

**Mohamed Mustafa Ishak, PhD**

*Naib Canselor*

*Universiti Utara Malaysia*

*mustafa@uu.edu.my*

## **BELIA DAN 1MALAYSIA: ANTARA CABARAN DAN HARAPAN**

SHAHARUDDIN BADARUDDIN, AZMAN AYOB  
& MAZLAN CHE SOH

### **ABSTRAK**

*Perpaduan kaum merupakan salah satu daripada cabaran terbesar yang perlu ditangani dan diuruskan oleh Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang kaum. Cabaran ini ternyata amat getir apabila negara pernah mengalami peristiwa berdarah 13 Mei 1969. Peristiwa ini memberi kesan yang amat ketara kepada negara dan ini dapat dilihat menerusi kelahiran Dasar Ekonomi Baru (DEB), gagasan Rukun Negara, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Bahasa Kebangsaan di mana semua ini adalah merupakan satu manifestasi terhadap kesungguhan Kerajaan dalam menyuburkan perpaduan di antara kaum di negara ini. Kelihatan ia begitu signifikan apabila kita kaitkan perpaduan kaum dengan golongan belia. Golongan yang merangkumi hampir separuh daripada populasi Malaysia mempunyai pengaruh yang amat besar dalam mencorak masa depan negara. Ini dilihat amat relevan apabila Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak memperkenalkan konsep 1Malaysia pada bulan April 2009 sebaik sahaja mengambilalih tampuk pemerintahan dari Tun Abdullah Ahmad Badawi. 1Malaysia adalah merupakan kemuncak kepada keinginan dan hasrat beliau untuk melihat erti perpaduan dalam maksud yang sebenar dan asli. Kertas ini akan meninjau cabaran-cabaran yang dilihat merintang usaha mencapai kejayaan konsep 1Malaysia dari perspektif belia. Selain itu juga, kertas ini akan merencanakan harapan golongan ini pada masa depan, dari sudut perpaduan kaum.*

**Kata Kunci:** *Belia, Perpaduan Kaum, Malaysia, Cabaran, Harapan*

### **ABSTRACT**

*As a multiethnic nation, managing ethnic relation is one of the major challenges that need to be delicately handled with a care from the Government of Malaysia. This challenges even true since the country had experienced the bloodshed in 13 May 1969. This incidents contribute a huge effects towards the nation and this could be witnessed from the introduction of the New Economic Policy (NEP), Rukun Negara, National*

*Education Policy, National Cultural Policy, National Language Policy and a few others policies in order to strengthen the unity among its people. All of this policies aims to manifest and signify the importance of the unity among multiethnic in Malaysia. This isr seems to be relevants especially among its youth, which contribute a nearly half of the population. YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abd Razak introduced 1Malaysia concept on April 2009 as soon as he took over the helm from former premier Tun Abdullah Ahmad Badawi. 1Malaysia actually are the ultimate hope from Prime Minister to the people, whom later can achieve the unity in a meaningful and original way. This paper aims to discuss about the challenges that can be a barrier to achieve it from the youth perspective. Besides that, this paper also highlight some of the hopes from the youth in order to achieve and fulfill the 1Malaysia.*

**Keywords:** *Youth, Ethnic Unity, Malaysia, Challenges, Hopes*

## PENGENALAN

Belia adalah aset negara. Siapakah yang termasuk di dalam golongan belia? Mengikut Dasar Pembangunan Belia Negara, belia mengikut perspektif Malaysia ditakrifkan sebagai mereka yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun (Dasar Pembangunan Belia Negara, 1997). Kohot umur di Malaysia jauh melebar jika dibandingkan dengan tafsiran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang mentafsirkan belia daripada mereka yang berumur 15 hingga 25 tahun (*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization, 2006*) dan Pertubuhan Komanwel yang mengkategorikan belia bagi mereka yang berumur antara 15 hingga 29 tahun (*Commonwealth Youth Program, Strategic Plan, 2003-2006*). Belia sebagai tiang negara. Tentu sekali kita sudah acapkali mendengar pernyataan penuh keramat ini. Kenyataan ini ternyata amat tepat sekiranya kita melihat kepada realiti sebenar yang membentuk demografi penduduk Malaysia. Pada tahun 2005, seramai 11 juta atau pun 42.5% daripada 26.13 juta penduduk terdiri daripada golongan belia. Statistik ini dilihat agak berbeza pada tahun 2008 apabila di dapati jumlah penduduk Malaysia dari kategori belia meliputi 11.26 juta atau 40.6% berbanding 27.7 juta keseluruhan penduduk Malaysia. Terkini, bagi tahun 2010, golongan belia terus meningkat kepada 11.65 juta dengan membentuk 40.2% daripada keseluruhan populasi Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010).

Satu persoalan yang amat menarik untuk ditinjau adalah bagaimanakah belia ini perlu berhadapan dengan cabaran-cabaran yang sedang melanda negara. Perpaduan adalah merupakan salah satu daripada cabaran yang mana suka atau tidak perlu didepani oleh seluruh rakyat Malaysia, dan ini tidak terkecuali bagi golongan belia. Bagi maksud tersebut, kertas ini antara lain akan cuba untuk mengupas apakah cabaran dan rintangan yang akan dihadapi oleh golongan belia terutama dalam usaha kerajaan untuk memastikan keberhasilan dan kejayaan konsep 1Malaysia. Konsep 1Malaysia jelas mendokong dan selari dengan konsep yang diperjuangkan oleh negara menerusi prinsip Rukun Negara. Konsep 1Malaysia membawa aspirasi untuk memperbaiki hubungan kaum bagi memastikan rakyat Malaysia dapat menjalin perpaduan yang lebih erat. Perkara asas yang perlu diwujudkan dalam semangat perpaduan adalah perasaan hormat menghormati, keikhlasan dan sikap saling mempercayai antara kaum. 1Malaysia juga akan mewujudkan sebuah kerajaan yang mengutamakan pencapaian berpaksikan keutamaan rakyat sebagai mana slogan YAB Perdana Menteri iaitu “Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan” (Jabatan Penerangan Malaysia, 2009). Justeru amatlah jelas kepada kita bahawa konsep 1Malaysia sebagaimana penjelasan yang diberikan oleh Perdana Menteri, YAB Dato’ Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak seperti dibawah membawa makna yang amat mendalam berkait dengan erti perpaduan iaitu:

“Kita berdiri, kita berfikir dan bertindak sebagai bangsa Malaysia. *One People*. Dan kita mengambil tindakan-tindakan berdasarkan kehendak semua kumpulan etnik dalam negara kita; Ini bukan bererti kita mengetepikan dasar afirmatif, dasar untuk menolong kaum Bumiputera asalkan dasar itu dilaksanakan dengan cara yang adil dan memberi pertimbangan kepada golongan Bumiputera yang layak mendapat sesuatu pertimbangan daripada kerajaan. Kita keluar daripada cara bertindak dalam tembok etnik yang kita amalkan sejak sekian lama”.

### KONSEP 1MALAYSIA SEPINTAS LALU

Secara ringkasnya, gagasan 1Malaysia telah diperkenalkan oleh YAB Dato’ Sri Najib Tun Abd Razak, Perdana Menteri Malaysia ke-6 sebaik sahaja mengambilalih tampuk pemerintahan daripada Tun Abdullah Ahmad Badawi pada 03 April 2009. Konsep 1Malaysia adalah sebenarnya



kelangsungan terhadap dasar-dasar pro-perpaduan yang sebenarnya telah bermula sejak era Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj lagi (Mahadzir dan Mohd Shah 2010,10). Justeru, dasar dan konsep ini bukanlah merupakan suatu perkara yang baru. Ini ditegaskan oleh Perdana Menteri semasa berucap di Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) pada 28 April 2009 di Putrajaya International Convention Centre (Najib, 2009). Menerusi konsep 1Malaysia ini adalah menjadi hasrat dan kesungguhan politik Kerajaan pimpinan Dato' Sri Mohd Najib untuk memberikan keutamaan dan mendahulukan kepentingan serta kesejahteraan rakyat meliputi semua etnik dan kaum tanpa ada pun yang akan tercicir dan diketepikan dari arus perdana serta pembangunan. Meskipun begitu, ini tidak pula bermakna bahawa dasar afirmatif bagi membantu bangsa Melayu dan kaum Bumiputera yang lain akan diketepikan. Cuma apa yang berbeza adalah dari segi pendekatan dan pelaksanaannya.

1Malaysia itu berdiri kukuh dengan lapan nilai-nilai teras di dalamnya yang diharapkan akan dapat dihayati oleh setiap warganegara secara mendalam. Natiujahnya apa yang diimpikan adalah agar ia akan menyatupadukan rakyat Malaysia dengan satu pemikiran dipusatkan dan tindakan strategik diambil bagi mencapai satu matlamat, iaitu perpaduan kaum dalam ertikata yang sebenar, 1Malaysia. Nilai-nilai berkenaan antara lain adalah ketabahan, rendah hati, penerimaan, kesetiaan, meritkorasi, pendidikan, integriti serta budaya kecemerlangan (Najib, 2009). Teras bagi konsep ini dapat dibahagikan kepada dua teras utama. Teras pertama adalah konsep penerimaan berbanding dengan toleransi dan ia pula dibahagikan kepada tiga perkara pokok iaitu perbezaan bangsa, keadilan sosial dan prinsip kenegaraan berlandaskan prinsip yang digariskan oleh Perlembagaan dan Rukun Negara. Manakala teras ke dua pula adalah asimilasi prinsip perpaduan dan nilai aspirasi (Asri Salleh 2010).

## CABARAN YANG MERINTANGI USAHA KE ARAH PERPADUAN KAUM

Terdapat beberapa faktor yang merintang, atau setidak-tidaknya berpotensi untuk menjadi penghalang kepada perpaduan kaum di Malaysia, terutama dalam kalangan golongan belia. Faktor-faktor yang didapati telah berjaya merintang usaha-usaha ke arah perpaduan rakyat berbilang kaum di negara ini ialah ketidakfahaman sesuatu kaum itu akan

budaya dan adat resam sesuatu kaum yang lain, proses sosialisasi antara kaum yang terhad, suasana politik dalam negara yang berasaskan kaum, dan cabaran mentaliti.

### **Tidak Memahami Budaya dan Adat Resam Kaum Lain**

Rakyat Malaysia rata-rata hidup dalam lingkungan budaya kaum sendiri sahaja. Mereka jarang bergaul dengan kaum-kaum yang lain. Justeru, kefahaman mereka terhadap budaya dan adat resam kaum-kaum lain menjadi dangkal. Kebanyakan kaum di negara ini berasa lebih selesa dan selamat hidup dalam kelompok sendiri sahaja. Melayu akan berasa selesa dan selamat jika ada Melayu lain yang tinggal berhampiran dengannya, walaupun Melayu yang hampir dengannya itu bukan saudara-mara atau sahabat-handainya. Begitu juga perihalnya dengan Cina dan India, mempunyai rasa yang serupa. Apabila tiada interaksi antara kaum, maka akan rendahlah kefahaman sesuatu kaum itu terhadap budaya dan adat resam kaum-kaum yang lain.

Mengapa perlunya kita memahami budaya dan adat resam kaum-kaum yang ada di negara kita ini? Jawapannya sudah pasti untuk mewujudkan sikap toleransi serta tolak ansur sesama kaum. Jika ditinjau taburan penduduk, terutamanya di kawasan bandar dan sub-bandar sekarang ini, ia telah berubah di mana sesuatu kawasan itu tidak lagi didiami oleh sesuatu kaum tertentu sahaja. Di setiap kawasan perumahan di bandar-bandar kita dapati wujud penduduk yang terdiri daripada kaum-kaum Melayu, Cina dan India, yang mendiaminya. Jika ditinjau dari segi peratusan penduduk di setiap kawasan perumahan, mungkin ada kaum yang menjadi majoriti dan minoriti, tetapi hakikatnya sekarang ini adalah sukar untuk mencari kawasan-kawasan perumahan yang hanya didiami oleh sesuatu kaum tertentu sahaja.

Memang kita semua mengetahui beberapa budaya dan adat resam utama sesuatu kaum itu, misalnya Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha bagi kaum Melayu-Islam, Gong Xi Fa Cai bagi kaum Cina, Deepavali dan Thaipusam bagi kaum India yang beragama Hindu, serta Krismas bagi penganut Kristian. Ini semua merupakan budaya dan adat resam utama kaum-kaum yang ada di Malaysia. Akan tetapi, apa yang perlu diberikan penekanan di sini bukan semata-mata pengetahuan, tetapi kefahaman.

Terdapat perbezaan yang jelas di antara ‘mengetahui’ dan ‘memahami’. ‘Tahu’ tidak semestinya ‘faham’, dan ‘faham’ tidak akan wujud tanpa ‘tahu’ terlebih dahulu. Kita sebagai rakyat Malaysia yang berbilang kaum perlu memahami budaya dan adat resam kaum ini. Sekali lagi persoalan serupa ditimbulkan – mengapa kita perlu memahami budaya dan adat resam kaum lain di negara ini? Jawapannya ialah supaya kita menjadi lebih bertolak ansur sesama kaum dan lebih bertoleransi. Jika perkara ini berjaya diwujudkan dan dihayati serta diinsafi sepenuhnya, maka hasilnya ialah, tidak lain dan tidak bukan, perpaduan kaum yang jitu.

Sebagai contoh, ada kaum-kaum lain yang bukan Islam di negara ini yang mungkin tertanya-tanya mengapa perlunya azan dikumandangkan di corong-corong pembesar suara di masjid-masjid dan surau-surau, sehinggakan wujud tanggapan ekstrem (walaupun mungkin tidak begitu ketara) yang mengatakan bahawa ia (mengkumandangkan azan) suatu bentuk pencemaran bunyi serta mengganggu keselesaan dan ketenteraman kaum lain yang bukan beragama Islam yang tinggal berhampiran masjid dan surau dalam satu-satu kawasan perumahan. Perkara ini menjadi semakin melebar apabila wujud pemikiran di kalangan kaum bukan Islam (walaupun mungkin hanya desas-desus atau segelintir daripada mereka sahaja) yang beranggapan bahawa jika mereka hendak membeli rumah, dua perkara yang mereka akan pastikan, pertama rumah jauh dari masjid atau surau, kedua rumah jauh dari loji atau kolam tapisan syarikat pembetungan Indah Water Konsortium (IWK). Mereka tertanya-tanya mengapa perlunya mengkumandangkan azan ini? Tidak bolehkah orang Islam menunaikan ibadat mereka tanpa azan? Cuba bayangkan, bagaimanakah agaknya perasaan dan reaksi kaum Melayu-Islam di satu-satu kawasan perumahan itu apabila ada kaum lain yang mempertikaikan perkara ini?

Ada pula kaum lain yang bukan penganut agama Hindu ‘merungut’ bahawa setiap kali penganut Hindu menunaikan ibadat mereka sempena perayaan Thaipusam, maka harga buah kelapa akan naik mendadak, terutamanya di sekitar Batu Caves. Ini disebabkan oleh penganut Hindu yang menjalankan upacara memecahkan buah kelapa, bukan sebiji dua, bahkan beratus-ratus biji. Bukan orang India-Hindu sahaja yang menggunakan buah kelapa, dan peningkatan mendadak harga buah kelapa ketika perayaan Thaipusam ini telah menyusahkan kaum lain. Tidak bolehkah buah kelapa digantikan dengan buah-buahan yang lain yang tidak digunakan oleh setiap kaum? Cuba bayangkan, bagaimanakah

agaknya perasaan dan reaksi kaum India-Hindu ini apabila ada kaum lain yang mempertikaikan perkara ini?

Ada juga kaum lain selain daripada kaum Cina yang menganggap perayaan Qing Ming itu suatu pencemaran alam sekitar. Ini kerana ketika perayaan itu dilangsungkan, kaum Cina yang menyambutnya akan membakar ribuan kertas 'wang neraka' dan replika pelbagai barangan seperti kereta, rumah, dan lain-lain yang diperbuat daripada kertas sempena memperingati saudara-mara, kaum-kerabat serta nenek-moyang mereka yang telah meninggal dunia. Tidak bolehkan benda-benda yang diperbuat daripada kertas itu tidak dibakar, sebaliknya ditanam sahaja di dalam tanah? Cuba bayangkan, bagaimanakah agaknya perasaan dan reaksi kaum Cina ini apabila ada kaum lain yang mempertikaikan perkara ini?

Contoh-contoh di atas hanyalah sebahagian kecil sahaja daripada persoalan-persoalan yang mungkin timbul di benak fikiran kaum-kaum di negara ini tentang amalan agama, budaya dan adat resam kaum lain. Mengapa timbulnya persoalan sebegini? Jawapannya ialah, tidak lain dan tidak bukan, kerana kita tidak memahami maksud simbolik budaya dan adat resam sesuatu kaum itu. Kita hanya sekadar mengetahui, tetapi tidak pernah berusaha untuk memahami dengan lebih mendalam mengapa kaum-kaum di Malaysia ini mengamalkan sesuatu budaya dan adat resam itu. Mungkin ramai di antara rakyat berbilang kaum di negara ini yang beranggapan bahawa 'itu bukan budaya dan adat resam kaum saya, jadi mengapa saya perlu mengambil tahu dan memahaminya?' Jika ini berlaku, maka amatlah malang sekali bagi negara Malaysia dan rakyatnya yang berbilang kaum kerana toleransi dan sikap tolak ansur sesama kaum tidak akan dapat diwujudkan dengan sikap sebegini.

Konteks di atas kian melebar terutama di kalangan generasi muda dan sekiranya tiada usaha konkrit diambil untuk memastikan kefahaman terhadap budaya kaum lain diambil dengan segera, dikhawatiri ia bakal menghalang kejayaan konsep 1Malaysia di kalangan belia.

Sarjit et.al (2008) dalam kajian mereka untuk mengenal pasti persepsi dan amalan nilai budaya belia Malaysia mendapati secara umumnya majoriti responden mempunyai persepsi yang positif terhadap nilai budaya yang biasa diamalkan mengikut budaya setempat iaitu seramai

494 orang responden atau pun 98.8% berbanding hanya 6 orang atau 1.2% yang mempunyai tahap negatif terhadap nilai budaya positif. Manakala pada tahap amalan pula kajian ini menunjukkan 66.4% atau 332 orang daripada 500 responden kajian ini mengamalkan nilai budaya pada tahap sederhana, manakala tahap tinggi seramai 161 orang atau 32.3% dan pada tahap rendah adalah seramai 7 orang sahaja atau pun 1.4% (Sarjit et al., 2008). Umumnya hasil kajian ini jelas menunjukkan bahawa jika diukur pada tahap persepsi masyarakat Malaysia terhadap nilai budaya yang diamalkan adalah pada tahap yang positif. Walau bagaimanapun hasil kajian ini secara realitinya, menunjukkan nilai budaya tidak menjadi amalan seharian dalam kehidupan masyarakat. Ini bermakna persepsi positif belum tentu akan menentukan tingkah laku atau amalan seseorang individu. Ini ditegaskan lagi apabila kajian ini mendapati nilai budaya tidak menjadi amalan rutin terutama di kalangan belia apabila majoriti responden belia dalam kajian ini mengamalkan nilai budaya pada tahap sederhana sahaja (Sarjit et al., 2008). Pendapat empirikal dari kajian ini jelas selari dengan hujah-hujah yang dikemukakan di atas.

### **Proses Sosialisasi yang Terhad**

Rakyat berbilang kaum di Malaysia terutama golongan muda dibesarkan dalam kepompong budaya dan persekitaran etnik yang berlainan. Mereka tidak bersosialisasi bersama. Apa itu proses sosialisasi? Menurut Ting Chew Peh, sosialisasi merupakan suatu proses sosial yang dilalui oleh seseorang individu dalam usaha untuk menjadi ahli sesuatu kelompok kaum dengan mempelajari budaya dan adat resam kelompok kaum itu, serta peranannya dalam kelompok kaum tersebut. Proses sosialisasi bermula sejak seseorang individu itu dilahirkan. Seseorang individu itu mempelajari dan menerima nilai-nilai, sikap, kemahiran dan peranan yang dapat membentuk personalitinya, dan seterusnya menyatukannya ke dalam kelompok kaum atau masyarakatnya. Sosialisasi adalah suatu proses sepanjang hayat yang dilalui oleh seseorang individu ( Chew Peh. T. 1979, 120).

Terdapat sekurang-kurangnya dua agen utama dalam proses sosialisasi seseorang individu ibu bapa (keluarga) dan sekolah (termasuk juga kelompok sebaya atau peer group, kelab, persatuan). Agen pertama, iaitu ibu bapa (keluarga), yang juga dikenali sebagai sosialisasi primer (Chew Peh. T. 1979, 120) akan mengajar anak-anak mereka tentang

sikap, kelakuan dan nilai-nilai yang baik, umpamanya tentang baik atau buruknya sesuatu perkara atau apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan. Sosialisasi primer ini lebih bersifat emosi dan afektual (Chew Peh. T. 1979, 120). Agen kedua, iaitu sekolah, yang mana proses sosialisasinya dikenali sebagai sosialisasi sekunder (Chew Peh. T 1979, 120) merupakan proses bercampur-gaul dengan kelompok kaum (sama ada kelompok kaum yang sama dengan individu itu atau kelompok kaum lain) yang setara atau sebaya dengan pelajar itu. Dalam proses menjadi dewasa ini, seseorang pelajar atau individu itu akan melalui proses sosialisasi, mempelajari tugas-tugas, peranan, nilai-nilai, budaya dan kefahaman baru. Kedua-dua bentuk sosialisasi ini primer dan sekunder adalah amat penting bagi seseorang individu. Ia membolehkan seseorang individu itu mempelajari kebudayaan dan adat resam masyarakat atau kaumnya.

Bagaimanakah proses sosialisasi ini menjadi rintangan ke arah perpaduan kaum di Malaysia? Rintangan ini terjadi disebabkan kaum-kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain dibesarkan dalam persekitaran kaum masing-masing sahaja. Perkara ini pada awal pembesaran seseorang individu itu mungkin suatu kemestian bagi setiap kaum untuk membolehkan anak-anak mereka mempelajari dan memahami nilai-nilai dan norma-norma masyarakat atau kaumnya, supaya identitinya sebagai Melayu, Cina atau India tetap kekal. Rasional proses sosialisasi primer ini amat mudah untuk difahami dan diterima. Ibu bapa Melayu pastilah akan membesarkan anak-anak mereka supaya menjadi Melayu bila dewasa kelak. Begitu juga perihalnya dengan ibu bapa Cina, India, dan lain-lain kaum yang terdapat di negara ini.

Akan tetapi, proses sosialisasi sekunder sepertimana yang telah dijelaskan tadi amatlah penting dalam usaha untuk menyatu-padukan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Malangnya, proses sosialisasi peringkat ini menjadi terhad. Sekolah merupakan tempat kedua di mana seseorang pelajar atau individu itu menghabiskan lebih kurang 13 tahun daripada usianya (11 tahun bagi sesetengah rakyat Malaysia). Tempoh persekolahan selama enam tahun di peringkat rendah dan lima tahun (tujuh tahun bagi pelajar yang melanjutkan pendidikan ke tahap Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia) di sekolah menengah merupakan suatu tempoh waktu yang boleh dianggap kritikal dalam proses sosialisasi seseorang pelajar atau individu itu, untuk menjadi dewasa, saling mengenali antara satu kaum dengan kaum yang lain, lantas mewujudkan suatu semangat kekitaan sesama rakyat pelbagai kaum di Malaysia.

Namun, apa yang menjadi amalan di negara ini ialah sistem persekolahan terbahagi kepada tiga jenis aliran – Sekolah Kebangsaan (SK) rendah dan menengah, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SKJT). Ketiga-tiga jenis sekolah ini menggunakan bahasa pengantar yang berbeza. SK menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, manakala SJKC dan SKJT menggunakan bahasa pengantar Cina dan Tamil. Jika ditinjau pula daripada aspek tren ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah, ia menunjukkan satu pembahagian yang ketara. Majoriti ibu bapa Melayu pastinya menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Kebangsaan, manakala ibu bapa Cina dan India pula menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil. Alasan utama para ibu bapa ini mungkin kerana faktor bahasa pengantar yang digunakan. Ibu bapa di kalangan kaum Cina dan India pula ‘takut’ hendak menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Kebangsaan, kononnya dengan alasan tidak mahu anak-anak mereka menjadi ‘Melayu’ (kerana majoriti anak-anak Melayu bersekolah di Sekolah Kebangsaan), ditakuti anak-anak mereka nanti tidak lagi pandai menggunakan bahasa ibunda mereka. Paling ditakuti oleh mereka barangkali ialah jika anak-anak mereka dihantar belajar di Sekolah Kebangsaan, maka nanti anak-anak mereka akan ‘masuk Melayu’ lantas melupakan budaya dan adat resam kaum sendiri. Keadaan ini dimomokkan lagi oleh dakyah pihak-pihak tertentu yang berkepentingan, terutamanya dalam usaha mereka meraih sokongan kaum Cina dan India untuk memenangi pilihanraya. Soalnya di sini, apakah perkara ini benar-benar terjadi? Berapa ramaikah anak-anak Cina dan India yang ‘masuk Melayu’ akibat bersekolah di Sekolah Kebangsaan? Ada juga sebilangan kecil ibu bapa Melayu yang menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Jenis Kebangsaan, terutamanya Cina. Adakah anak-anak mereka ‘masuk Cina’ dan tidak lagi boleh bercakap bahasa Melayu? Tidak ada statistik yang menunjukkan hal demikian, maka dapat dikatakan bahawa hal sebegini tidak wujud.

Walaupun pihak kerajaan telah menjalankan pelbagai usaha sosial, umpamanya penggubalan Dasar Pelajaran Kebangsaan, dengan memasukkan penggunaan bahasa Mandarin dan Tamil di Sekolah Kebangsaan sebagai mata pelajaran elektif, ia masih belum dapat menarik perhatian ibu bapa kaum Cina dan India untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah tersebut. Jadi, bagaimanakah kita harapkan proses sosialisasi ini dapat membantu menyatu-padukan rakyat Malaysia yang

berbilang kaum ini? Trend tidak bercampur-gaul dan berinteraksi secara aktif di kalangan kaum di peringkat sekolah ini diteruskan pula di pusat-pusat pengajian tinggi. Anak-anak Melayu, Cina dan India lebih berasa selesa dan selamat bercampur-gaul dengan kaum masing-masing. Sikap berpuak-puak mengikut kaum di pusat-pusat pengajian tinggi di Malaysia terus wujud. Pelajar-pelajarnya hanya bercampur-gaul dengan kaum sendiri sahaja, menjadikan interaksi dan komunikasi antara kaum amat terhad.

Berbalik semula kepada proses sosialisasi sekunder, iaitu sekolah, maka salah satu usaha kerajaan bagi melahirkan rakyat Malaysia yang bersatu padu dan cintakan negara, Sekolah Wawasan telah dicadangkan dan diusahakan. Apa itu Sekolah Wawasan? Ia adalah suatu pengelompokan sekolah di mana Sekolah Kebangsaan, Sekolah rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah rendah Jenis Kebangsaan Tamil diletakkan dalam satu kawasan sekolah yang sama. Struktur organisasi dan pentadbiran sekolah-sekolah ini tidak berubah. Apa yang berbeza ialah sekolah-sekolah ini tidak lagi terletak berasingan, tetapi diletakkan dalam satu kawasan yang sama. Kemudahan-kemudahan infrastruktur sekolah seperti padang, kantin, dan sebagainya dikongsi bersama ( Sarok dan Kadam Ki 2001, 1-2). Konsep Sekolah Wawasan ini telah diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 1997 hasil kesedaran pemimpin-pemimpin negara akan pentingnya perpaduan kaum di negara ini dipupuk sejak dari awal lagi, ibarat kata pepatah “melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Perintis kepada konsep Sekolah Wawasan ini ialah Sekolah Wawasan Lurah Bilut. Di atas sebidang tanah seluas 10 ekar tanpa dipisahkan oleh sempadan dan pagar, Sekolah Wawasan Lurah Bilut ini dibina bagi menempatkan tiga buah sekolah – Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (Sarok dan Kadam Ki 2001, 4). Ini bermakna, para pelajar Sekolah Wawasan ini berpeluang untuk berinteraksi dan berkomunikasi secara efektif sesama mereka. Mereka juga berpeluang untuk mengenali dan memahami bahasa, budaya dan adat resam kaum-kaum lain di negara ini.

Konsep Sekolah Wawasan ini dirasakan suatu konsep yang terbaik bagi kerajaan dalam usahanya untuk mengintegrasikan rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini. Ia dapat merapatkan lagi jurang pemisahan etnik yang wujud di kalangan rakyat Malaysia. Proses integrasi dan asimilasi dapat berjalan dengan lancar, lantas melahirkan sebuah masyarakat berbilang



kaum yang bersatu padu. Malangnya, konsep Sekolah Wawasan ini telah dipolitikkan dengan begitu hebat sekali. Ahli-ahli politik melalui parti-parti politik pimpinan mereka telah memberikan reaksi yang berbeza-beza terhadap konsep Sekolah Wawasan ini. Tentangan terhadap konsep sekolah ini paling ketara datangnya daripada sebuah parti pembangkang yang mendakwa kononnya mereka membela nasib kaum Cina di negara ini. Parti pembangkang ini telah begitu bersungguh-sungguh mempolitikkan konsep Sekolah Wawasan dengan berhujah bahawa setiap kaum di Malaysia ini berhak mendapat pendidikan menggunakan bahasa ibunda masing-masing (Sarak dan Kadam Ki 2001, 4). Demi meraih sokongan undi dalam pilihanraya, mereka telah memomokkan konsep Sekolah Wawasan ini dengan meyakinkan rakyat Malaysia, terutamanya kaum Cina, bahawa identiti Sekolah Jenis Kebangsaan Cina akan terjejas dan terhakis. Ramai kaum Cina yang terpengaruh dengan dakwah ini telah memberikan undi pilihanraya mereka kepada parti pembangkang ini.

Mana lagi pentas atau platform yang hendak digunakan oleh kita dalam usaha untuk menjayakan proses sosialisasi sekunder anak-anak Malaysia yang berbilang kaum ini supaya mereka cenderung ke arah integrasi kaum, jika Sekolah Wawasan ini dipolitikkan dengan cukup hebat menyebabkan ia ditolak masyarakat sehingga ke hari ini? Apakah kita mengharapkan anak-anak Malaysia yang berbilang kaum ini akan berintegrasi dan bersatu padu secara semula jadi atau automatik apabila mereka meningkat dewasa kelak? Proses sosialisasi, terutamanya sosialisasi sekunder, amat penting dalam usaha menjayakan misi perpaduan kaum di negara ini. Anak-anak Malaysia yang berbilang kaum ini menghabiskan banyak waktu di sekolah bersama guru-guru dan rakan-rakan mereka dan mereka akan membesar menjadi dewasa dengan begitu pantas. Anak-anak Malaysia yang dibesarkan dalam persekitaran sekolah yang wujud berbilang kaum di dalamnya akan menjadi lebih toleran apabila dewasa kelak, berbanding dengan anak-anak yang membesar dalam kelompok kaum sendiri sahaja. Inilah yang kita harapkan. Jika pentas ini tidak digunakan sepenuhnya, jika ia dipolitikkan, maka usaha murni kerajaan untuk melahirkan sebuah masyarakat yang bersatu padu, sepertimana yang termaktub dalam Wawasan 2020, akan gagal.

Perhubungan dan interaksi di antara belia pelbagai kaum di negara ini sewajarnya diperkukuhkan dan institusi pendidikan serta bahasa dilihat antara medium terbaik dalam menanganinya. Usaha yang berterusan

dan istiqamah di segenap peringkat dilihat amat relevan dan signifikan seandainya kita bercita-cita untuk menggapai kejayaan konsep 1Malaysia, terutama di kalangan golongan muda.

### **Suasana Politik dalam Negara yang Berasaskan Kaum**

Tidak dapat dinafikan bahawa suasana politik di Malaysia ini sememangnya berasaskan kaum. Kaum Melayu mempunyai parti politiknya sendiri yang memperjuangkan hak dan kepentingan Melayu, iaitu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO. Selain daripada UMNO, sesetengah orang Melayu menganggotai Parti Islam SeMalaysia atau PAS yang juga memperjuangkan kepentingan Melayu dan Islam. Begitu juga dengan kaum Cina dan India yang masing-masing mempunyai Persatuan Cina Malaysia atau MCA dan Kongress India Malaysia atau MIC, yang mana kewujudan parti-parti politik ini adalah untuk memperjuangkan hak dan kepentingan kaum Cina dan India di negara ini. Selain daripada MCA, kaum Cina juga sesetengahnya menganggotai parti-parti politik seperti Gerakan dan Parti Tindakan Demokratik atau DAP. Bagi kaum India pula, sesetengah daripada mereka menganggotai Parti Progresif Rakyat atau PPP. Di Sabah dan Sarawak juga wujud parti-parti politik yang berasaskan kaum tertentu seperti Parti Bangsa Dayak Sarawak atau PBDS yang majoritinya dianggotai oleh orang Iban, Parti Pesaka Bumiputera Bersatu atau PBB yang majoriti anggotanya ialah kaum Melayu dan Melanau, Parti Bersatu Rakyat Sarawak atau SUPP yang majoritinya disokong oleh kaum Cina dan Parti Bersatu Sabah atau PBS, yang mana majoriti anggotanya ialah orang-orang Kadazan-Dusun.

Walaupun terdapat parti-parti politik yang berasaskan konsep berbilang kaum seperti Gerakan, DAP, Parti Keadilan Rakyat Malaysia atau PKR dan PPP yang mana keanggotaan parti-parti politik ini dibuka untuk semua kaum, namun jika ditinjau dari sudut dominasi, kita akan dapat melihat bahawa parti-parti ini didominasi oleh satu-satu kaum sahaja. Contohnya, Parti Gerakan didominasi oleh kaum Cina, DAP juga dipengaruhi oleh kaum Cina, PKR dimonopoli oleh orang Melayu, manakala PPP pula didominasi oleh kaum India. Oleh yang demikian, adalah jelas dapat dilihat bahawa suasana politik dalam negara ini adalah bersifat komunal atau communal politics, yang berteraskan kaum. Keadaan ini sedikit sebanyak menjejaskan usaha ke arah perpaduan kaum di Malaysia, kerana parti-parti politik ini masing-masing memperjuangkan kepentingan kaum sendiri sahaja. Dalam

kata lain, kaum-kaum di Malaysia yang pelbagai ini mempunyai sekurang-kurangnya satu parti politik bagi memperjuangkan hak dan kepentingan kaum mereka.

Namun begitu, Malaysia bernasib baik kerana telah berjaya menemui satu formula politik bagi mengatasi masalah pertelagahan politik berasaskan kaum ini dengan wujudnya parti Barisan Nasional. Sejarah parti politik bernama Barisan Nasional ini agak panjang diwarnai pahit manis politik. Ia bermula sejak tahun 1952 lagi dengan nama Parti Perikatan (sebelum ia berevolusi menjadi Barisan Nasional). Barisan Nasional sekarang ini yang merupakan parti memerintah di Malaysia telah dibentuk pada tahun 1973 (Mauzy 1983, 76). merupakan sebuah parti majoriti. Ia dianggotai oleh 13 buah parti komponen. Barisan Nasional sedikit sebanyak telah dapat meredakan iklim perkauman yang dinaungi oleh pelbagai parti politik yang berasaskan kaum. Konsep perkongsian kuasa antara kaum yang diperkenalkan oleh Barisan Nasional sejak lebih 50 tahun yang lalu telah berjaya menghakis rasa perkauman di kalangan rakyat Malaysia. Keadaan ini adalah disebabkan oleh dasar Barisan Nasional yang menginginkan dan membolehkan setiap kaum di negara ini diwakili dalam proses politik dan pembangunan negara.

Sememangnya wujud idea dan pandangan daripada sesetengah rakyat Malaysia sendiri yang mengatakan bahawa jika perpaduan kaum hendak dicapai, maka sistem parti berasaskan kaum perlulah dihapuskan. Langkah ini patut pula dimulakan oleh Barisan Nasional sendiri. Namun, perkara ini sukar untuk dilaksanakan pada masa sekarang disebabkan oleh faktor kepelbagaian kepentingan yang masih berasaskan kaum. Buat masa ini Barisan Nasional dengan konsep sedia ada masih lagi relevan. Amalan perkongsian kuasa yang diamalkan oleh Barisan Nasional masa kini telah dapat membangkitkan semangat perpaduan di kalangan kaum di negara ini. Memang wujud konflik dalaman dalam Barisan Nasional sebagai sebuah parti politik yang besar apabila parti-parti komponen masing-masing meminta hak dan kepentingan kaum mereka diberikan perhatian. Setiap kali satu-satu parti komponen Barisan Nasional mengadakan perhimpunan agung tahunan, maka parti-parti komponen yang lain akan menumpukan perhatian dan mengikuti perjalanan perhimpunan tersebut bagi mengetahui apakah perbincangan dan tuntutan mereka untuk kaum atau kelompok yang mereka wakili. Kadang-kala perkara ini menimbulkan salah faham di kalangan parti-parti komponen tersebut. Akan tetapi, konflik seperti ini telah dapat diselesaikan secara kompromi dan tolak ansur. Malah, Pengerusi Barisan

Nasional yang juga Perdana Menteri seringkali menegaskan bahawa tiada kaum di negara ini yang mendapat semuanya apa yang mereka minta, dan tiada satu kaum pun yang tidak mendapat apa-apa langsung. Semua kaum di negara ini diwakili menerusi konsep perkongsian kuasa Barisan Nasional dan perkara ini sedikit sebanyak membantu usaha integrasi dan perpaduan kaum.

### **Rintangan Mentaliti**

Sejarah hubungan kaum di Malaysia telah membuktikan wujudnya masalah antara kaum. Salah satu daripada bentuk rintangan ke arah perpaduan kaum di Malaysia ini ialah rintangan mentaliti. Rintangan ini lebih bersifat psikologi, iaitu perkara-perkara yang mempunyai kaitan dengan persepsi dan tingkah laku yang mempunyai hubung kait dengan jiwa dan minda. Persepsi merupakan suatu tanggapan yang mana dalam beberapa keadaan, ia tidak menggambarkan hakikat atau keadaan sebenar tentang sesuatu perkara. Dalam konteks hubungan kaum di Malaysia, persepsi satu kaum yang tidak tepat atau salah terhadap satu kaum yang lain boleh menjejaskan hubungan dan perpaduan antara kaum. Pembentukan persepsi yang tidak tepat atau salah ini perlu dijawab, jika perselisihan faham antara kaum ingin dielakkan. Ini kerana persepsi tidak tepat atau salah yang terbina di dalam minda dan jiwa satu kaum itu terhadap satu kaum yang lain akan diterjemahkan pula melalui tindakan atau tingkah laku. Jika kita bertindak dan bertingkah laku hasil daripada dorongan persepsi kita yang tidak tepat atau salah itu, maka perselisihan faham antara kaum boleh berlaku, dan ini akan membawa kepada masalah yang lebih besar. Antara rintangan mentaliti yang didapati wujud di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini ialah stereotaip, prasangka (prejudis), diskriminasi dan etnosentrisme. Rintangan mentaliti ini biasanya bermula di peringkat individu dan ia saling kait-mengait antara satu sama lain. Apabila ramai individu dalam satu kelompok kaum itu berfikiran atau bertanggapan serupa (sama ada tanggapan atau pemikiran itu benar atau sebaliknya) maka ia akan bertukar menjadi prasangka (prejudis), seterusnya menjadi diskriminasi dan merebak menjadi etnosentrisme.

### **Stereotaip**

Dalam ilmu Sosiologi, stereotaip bermaksud pernyataan-pernyataan yang ditanggapi terlebih dahulu yang wujud atau terbentuk di dalam

pemikiran atau minda seseorang. Individu yang mempunyai tanggapan negatif terhadap sesuatu kaum itu tidak akan dapat bertindak secara objektif dalam hubungannya dengan kaum tersebut (Ahmad 2006, 117). Tindakan seseorang individu atau sesuatu kaum yang terbina hasil daripada stereotaip ini biasanya bersifat berat sebelah atau bias, dan selalunya tidak objektif (Ahmad 2006, 117).

Antara contoh-contoh stereotaip yang didengari pernah wujud di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini ialah orang Melayu dikatakan sebagai satu kaum yang malas bekerja, berasa selesa dengan konsep 'ala kadar' atau 'cukup makan' sahaja. Orang Cina pula dikatakan tidak ada perkara lain yang lebih penting dalam hidup mereka di dunia ini melainkan *fatt choy* (buat duit) atau *fatt dai choy* (buat lebih banyak duit). Maksudnya apa yang menjadi keutamaan mereka dalam hidup ini ialah mencari wang dan kekayaan sebanyak yang mungkin. Asalkan mendapat wang mereka akan lakukan apa sahaja. Orang India pula dikatakan sebagai 'tidak boleh dipercayai' yang bermaksud tidak amanah. Seringkali juga kedengaran apabila ibu-ibu (kaum lain) ingin menyuruh anak-anak kecil mereka berhenti bermain dan masuk ke dalam rumah, ada di antara ibu-ibu ini akan mengatakan "Masuk cepat! Nanti ditangkap oleh India kutip botol". Soalnya, mengapa India? Mengapa tidak kaum lain?

Ini merupakan sebahagian kecil daripada stereotaip yang wujud di kalangan pelbagai kaum di negara ini. Persoalannya, apakah semua tanggapan ini benar? Sudah pastinya tidak. Jika benarpun, ia hanya berlaku di peringkat individu sahaja, dan kita tidak boleh beranggapan setiap individu dalam kaum tersebut berperangai sedemikian. Kesan stereotaip ini adalah buruk. Ia tidak membantu mewujudkan keharmonian antara kaum. Ia membawa kepada satu lagi rintangan mentaliti, iaitu prasangka atau prejudis.

### **Prasangka (prejudis)**

Kaum-kaum di Malaysia telah didapati berprasangka atau prejudis antara satu sama lain. Prasangka ialah pernyataan, pandangan, pendapat atau tanggapan yang dilemparkan oleh sesuatu kaum itu terhadap sesuatu kaum yang lain tanpa usul periksa dan bukti yang kukuh. Prasangka merupakan suatu sikap (biasanya negatif) terhadap individu atau

kelompok kaum kerana ciri-ciri tertentu seperti ras (bangsa atau kaum), jantina, agama, pekerjaan dan kelas sosial. Prasangka biasanya bersifat prejudgment, iaitu sikap yang terbentuk sebelum mengetahui fakta-fakta yang sebenarnya. Sikap ini tidak berubah walaupun individu atau kaum itu telah didedahkan dengan pengetahuan dan bukti-bukti baru (Chew Peh. T 1979, 104). Prasangka merupakan suatu keadaan pemikiran.

Prasangka atau prejudis ini memberikan beberapa kesan sosial. Ia dapat membangkitkan suasana tidak harmoni dalam masyarakat berbilang kaum di negara ini. Seseorang individu yang berprasangka negatif terhadap satu kaum akan bercakap dengan rakan-rakannya (dari kaum yang sama) tentang prasangkanya itu dan cuba mengelak daripada bertemu atau berhubung dengan kelompok kaum yang dia berprasangka itu. Prasangka boleh mencetuskan konflik, dan ia akan menjurus kepada timbulnya perasaan tidak puas hati satu kaum terhadap satu kaum yang lain. Prasangka membolehkan seseorang individu atau satu kelompok kaum itu melemparkan tuduhan-tuduhan terhadap individu atau kaum lain jika berlaku sebarang kesilapan pada diri individu atau kaum tersebut (Roucek dan Warren 1986, 168). Prasangka juga berpotensi mewujudkan rintangan mentaliti yang lebih besar, iaitu diskriminasi (mengasingkan kumpulan atau kaum tertentu dari segi pendidikan, perumahan, pekerjaan, dan sebagainya) (Chew Peh, T. 1979, 104) . Diskriminasi pula boleh mencetuskan kekacauan dan ketidakstabilan politik, ekonomi dan sosial dalam negara.

Nyatalah di sini bahawa faktor utama yang menyebabkan timbulnya prasangka ialah pandangan dan tanggapan yang tidak benar tentang sesuatu kaum itu. Dari manakah datangnya prasangka ini? Ia mungkin diwarisi daripada generasi terdahulu (Ahmad 2006, 117) yang tidak dikawal dan dihapuskan, lalu disampaikan kepada generasi seterusnya, menyebabkan wujudnya perasaan tidak senang atau benci serta saling tidak mempercayai antara satu kaum dengan satu kaum yang lain di negara ini.

## **Diskriminasi**

Diskriminasi merupakan lanjutan daripada rintangan mentaliti stereotaip dan prasangka (Roucek dan Warren, 1986). Diskriminasi bukan sekadar suatu keadaan pemikiran, bahkan suatu tingkah laku. Diskriminasi

agak berbeza sedikit dengan prasangka. Diskriminasi ialah satu bentuk hubungan sosial atau tingkah laku yang jelas dapat dilihat, manakala prasangka hanyalah berbentuk perasaan atau tanggapan minda yang subjektif (Roucek dan Warren, 1986). Diskriminasi adalah satu proses dan juga keadaan di mana sesuatu kaum atau kumpulan itu dinafikan hak untuk mendapat layanan saksama dalam menikmati faedah-faedah perundangan dan nikmat sosial yang lain. Diskriminasi juga bermaksud layanan tidak sama rata yang diberikan kepada anggota sesuatu masyarakat atau kumpulan itu berdasarkan ras, jantina, agama, umur, dan sebagainya (Yok Fee 2006, 10). Layanan berbentuk diskriminasi ini biasanya tidak berkait dengan kebolehan atau tingkah laku seseorang individu atau sesuatu kaum yang didiskriminasikan itu. Diskriminasi juga berfungsi dalam menguatkan lagi prasangka terhadap seseorang individu atau sesuatu kelompok kaum.

Dalam sebuah negara berbilang kaum seperti Malaysia, diskriminasi pastinya akan meninggalkan kesan yang amat buruk kepada rakyat dan negara. Ia boleh mencetuskan huru-hara dalam negara. Rakyat Malaysia pada umumnya amat bernasib baik kerana diskriminasi utama seperti penafian hak untuk mendapatkan faedah-faedah pendidikan, perumahan, dan lain-lain faedah sosial tidak berlaku dalam negara. Setiap rakyat dilindungi di bawah undang-undang dan perlembagaan negara. Hak setiap rakyat Malaysia dijamin. Namun begitu, mungkin terdapat sedikit sebanyak diskriminasi jenis lembut atau soft discrimination. Salah satu contoh diskriminasi lembut ini ialah dalam mendapatkan pekerjaan. Seringkali ditemui dalam akhbar-akhbar tempatan di mana majikan mengiklankan pekerjaan dengan meletakkan syarat-syarat yang berbaur diskriminasi, seperti “keutamaan diberikan kepada calon yang mahir berbahasa Mandarin sahaja (atau Tamil atau Bahasa Melayu)”, “hanya lelaki (atau wanita) layak memohon”, “Melayu (atau India dan Cina) digalakkan memohon”, “hanya calon wanita 18-30 tahun layak memohon”, dan sebagainya. Namun demikian, kita tidak boleh berprasangka bahawa semua majikan yang terdiri daripada pelbagai kaum ini mengamalkan diskriminasi lembut seperti ini. Ia mungkin hanya berlaku di peringkat individu sahaja.

### **Etnosentrisme**

Pelbagai kaum di Malaysia juga didapati bersifat etnosentrik. Masing-masing menganggap kaum sendiri lebih tinggi kedudukannya berbanding

kaum lain. Apakah dia etnocentrisme? Ia merujuk kepada sikap dan kepercayaan bahawa budaya dan nilai-nilai kaum sendiri lebih baik dan mulia berbanding budaya dan nilai-nilai kaum yang lain. (Ahmad 2006, 117). Sesuatu kaum itu dikatakan etnosentrik apabila anggota masyarakat atau kaum itu menilai budaya kaum lain berdasarkan kepada ukuran atau standard budaya kaum itu sendiri sahaja, dan menganggap nilai-nilai budaya kaum lain itu lebih rendah tarafnya. Etnosentrisme ini lebih memperlihatkan keengganan atau ketidakmampuan satu-satu kaum itu untuk mengiktiraf atau menghargai kebudayaan masyarakat atau kaum lain (Chew Peh. T. 1979, 23).

Apa yang lebih memburukkan keadaan ialah etnocentrisme ini menyebabkan sesuatu kaum itu beranggapan bahawa hanya budaya dan nilai-nilai masyarakatnya sahaja yang paling baik dan mulia, manakala budaya dan nilai-nilai masyarakat lain adalah rendah kedudukannya. Akibat daripada etnosentrisme ini, masyarakat berbilang kaum di Malaysia gagal untuk memahami ciri-ciri budaya dan sistem nilai yang wujud dalam kaum atau masyarakat yang lain. Salah faham juga akan wujud, terutama sekali dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan agama dan kepercayaan. Tingkah laku yang melanggar nilai-nilai kepercayaan atau agama ini boleh menyebabkan kemarahan dan pergaduhan kaum. Sebagai contoh, insiden pergaduhan kaum di Kampung Medan, Petaling Jaya dalam bulan Mac 2001 tercetus akibat pertembungan dua nilai budaya yang berbeza dalam tempoh masa yang sama perkahwinan dan kematian.

Etnosentrisme juga melahirkan ekstrimis dan pelampau, baik yang berunsurkan agama dan kepercayaan, mahu pun budaya. Dalam konteks masyarakat berbilang kaum ini, etnosentrisme mesti dijauhi. Pelampau atau ektremis dalam bentuk apa sekali pun tidak boleh dibiarkan wujud dalam setiap kaum di negara ini. Setiap kaum di Malaysia mesti menerima seadanya kebudayaan dan nilai-nilai yang terdapat pada kaum-kaum lain secara positif.

Selain daripada cabaran-cabaran yang dinyatakan di atas, terdapat beberapa lagi cabaran yang melingkari golongan belia terutama dalam menggapai dan mencapai hasrat serta cita-cita menjayakan konsep 1Malaysia. Salah satu cabaran tersebut ialah isu polarisasi. Isu polarisasi kaum berasaskan kepada persepsi bias kaum masing-masing yang melihatnya secara negatif seringkali diakhiri dengan polemik dan perdebatan yang bukan kecil sifatnya. Antaranya seperti yang disebutkan oleh (Muzaffar



1996, 37-41), menerusi salah satu bab berjudul Cabaran Membina Bangsa Malaysia, di dalam buku Pembentukan Bangsa Malaysia, terbitan 1996. Cabaran tersebut dibahagikan kepada dua perspektif iaitu persepsi bukan Melayu kepada Melayu. Perspektif ini meliputi sikap negatif terhadap bahasa Melayu dimana mereka menggunakannya untuk kepentingan urusan harian tanpa menghayati bahasa Melayu sebagai bahasa yang kompeten yang ada nilai ekonomi dan penyatuan. Kedua adalah kurang menghayati sejarah dan latarbelakang negara ini walaupun sudah lama berada di sini. Ketiga sikap mementingkan kaum sendiri dan kurang simpati dengan kaum lain. Keempat sikap yang menghalang pertumbuhan nilai murni atas alasan liberalisasi dan hak demokrasi dan kelima ialah kalau hendak dibuat tambahan, sikap merasakan bahawa diri sentiasa ditindas dan merasakan bangsa mereka adalah bangsa kelas kedua di negara ini. Perspektif berikutnya adalah persepsi Melayu terhadap bukan Melayu. Pertama adalah masih ragu-ragu dengan kejujuran dan kesetiaan orang bukan Melayu terhadap negara ini. Kedua tidak bersimpati dengan penderitaan dan kesengsaraan yang dialami oleh bangsa bukan Melayu. Ketiga prejudis dan stereotype kepada golongan bukan Melayu dan terakhir enggan menerima kepelbagaian bahasa, budaya dan agama yang wujud sebagai satu aset yang sangat berharga yang boleh membantu dalam membina bangsa Malaysia.

Cabaran lain dalam membina bangsa Malaysia menerusi pendekatan 1Malaysia ialah bagaimana kita harus menyegarkan dan mengukuhkan keyakinan budaya dalam masyarakat. Keyakinan Budaya (cultural confidence) di kalangan bangsa-bangsa Timur perlu dipupuk menerusi strategi pengakaran nilai-nilai budaya pada agama dan tradisi sendiri demi memelihara keutuhan jati diri dan keunggulan martabat bangsa. (Fadzil 2007, 187).

Pemeriksaan budaya menjadi dimensi pembangunan yang terabai. Pemimpin bangsa lazimnya gagal sebagai pembina budaya (culture builder). Pengabaianya dapat dilihat melalui tiga aspek iaitu pembangunan ekonomi tanpa agenda pemeraksanaan budaya, penyediaan sarana ekonomi tanpa pembinaan mentaliti ekonomi dan mengambil sains dan teknologi Barat tanpa menyerasi, mengintegrasikan dan mengakarkannya ke dalam budaya dan tradisi keilmuan peribumi. (Fadzil 2007,188).

Disebalik kebangkitan bangsa adalah dinamika budaya. Di kalangan bangsa-bangsa Timur telah tumbuh kesedaran jati diri sebagaimana yang diungkapkan oleh Kishore Mahbubani sebagai cultural confidence atau

keyakinan budaya. Menyemaraknya wacana tentang nilai-nilai Asia (Asian Values) adalah petanda jelas keyakinan bangsa timur terhadap kekuatan nilai-nilai budaya tradisi mereka sendiri dan sekaligus membayangkan kebulatan tekad untuk membangun secara Asia. ( Fadzil 2007, 202).

## HARAPAN

Menggalas cabaran-cabaran yang telah digariskan di atas terutama dibahu para belia sesungguhnya mendorong setiap pihak untuk sama-sama membantu bagi memastikan konsep yang diutarakan ini dapat dicapai objektifnya dengan berkesan. Belia sebagai pewaris harapan bangsa dan negara di dekad-dekad mendatang sewajarnya didedahkan dengan pena sejarah bagi memberikan erti dan kewajaran terhadap pentingnya kejayaan ditinta dalam mencanai konsep 1Malaysia. Di bahu belialah harapan yang menggunung tertancap dalam memastikan agar konsep ini tidak hanya tinggal cantik di atas kertas atau sekadar menjadi retorik politik semata.

Persepsi dan bias sesungguhnya masih menjadi isu dan polemik yang mendasari politik Malaysia sehingga kini. Sehingga dalam waktu-waktu tertentu terutamanya sebelum waktu Pilihanraya Umum, isu-isu sensitif akan dibangkitkan semula sehingga menimbulkan keresahan kepada seluruh lapisan masyarakat. Atas dasar itulah dicadangkan penyelesaian kepada masalah ini dengan beberapa pendekatan. Ia adalah manisfestasi terhadap harapan terutama bagi golongan belia untuk bersama-sama menggembelengkan pemikiran dan tenaga bagi mencapai hasrat ini. Antara cadangan untuk menyelesaikan masalah ini ialah melalui;

- a. Penggunaan bahasa Melayu dipertingkatkan dalam sektor swasta dan awam
- b. Penekanan kepada sejarah latar belakang negara Malaysia supaya semua rakyat mengenali tentang evolusi pertumbuhan masyarakat Malaysia di negara ini
- c. Keadilan sosial dijadikan asas kepada pembinaan bangsa Malaysia
- d. Keadilan sosial hanya boleh tercapai dalam satu sistem ekonomi yang tidak menekankan dan didorong kepada sifat kapitalisma yang tidak berperikemanusiaan
- e. Sistem budaya berasaskan kepada kepelbagaian (diversity)
- f. Kerajaan, media, badan korporat dan badan sektor ketiga

bertanggungjawab untuk menghapuskan stereotype di kalangan masyarakat berbilang bangsa di negara ini.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kepada rintangan-rintangan yang wujud dan dijelaskan di atas, maka mengintegrasikan dan menyatu-padukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini bukanlah suatu tugas yang mudah. Ia memerlukan usaha dan tenaga daripada segenap lapisan masyarakat Malaysia. Apa yang paling penting ialah setiap rakyat Malaysia tidak kira siapa, apa keturunan, petani atau menteri, penyokong kerajaan atau pembangkang, semuanya mestilah jujur dan ikhlas dalam berusaha mencapai perpaduan kaum di negara ini. Tidak ada seorang pun yang boleh berkecuali dalam usaha ini. Kita tidak boleh mengharap orang lain untuk menggerakkan usaha perpaduan ini. Usaha-usaha ke arah perpaduan tidak boleh dipolitikkan sama sekali. Amat menjijikkan serta hina sekali jika ada pihak yang mengambil kesempatan menggugat usaha-usaha ke arah perpaduan kaum di negara ini dengan menjadikannya modal politik demi memenangi pilihan raya semata-mata.

Terdapat suatu tanggapan bahawa wujud suatu keadaan yang stabil di kalangan pelbagai kaum di Malaysia, tetapi dalam masa yang sama mempunyai krisis di sana sini. Rakyat Malaysia hidup aman dan damai, tetapi terasing. Rakyat Malaysia hidup aman damai, tetapi dalam masa yang sama sebenarnya mereka tidak bersatu hati. Luaran nampak bersatu tetapi dalaman menunjukkan sebaliknya. Keadaan ini dikenali sebagai *stable tension*. Sejauh mana kenyataan ini benar masih belum dapat dipastikan. Ia memerlukan suatu kajian lanjut. Memang benar secara relatifnya Malaysia merupakan sebuah negara yang stabil dan aman. Rakyatnya yang berbilang kaum dilihat bersatu-padu. Jika diperhatikan iklan-iklan Petronas yang ditayangkan di kaca-kaca televisyen di seluruh negara sempena sambutan 50 tahun kemerdekaan negara baru-baru ini, kita akan terfikir bahawa inilah bentuk perpaduan yang ingin kita capai. Proses sosialisasi sekunder seperti inilah yang kita harap berlaku di semua sekolah di negara kita. Iklan Berita Harian yang menggambarkan seorang budak Melayu cacat penglihatan berkawan baik dengan seorang budak Punjabi ketika kecil tetapi terpisah oleh sebuah kebakaran sehinggalah mereka dewasa baru bertemu semula, dengan dialog "...kalau pegang saja tiada guna, nak saya bacakan surat khabar hari ini," cukup menyentuh perasaan rakyat Malaysia yang patriotik. Namun, meminjam soalan

mantan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato Seri Utama Dr. Rais Yatim, ketika menyampaikan ucapan di Perhimpunan Perpaduan 2006 di Universiti Sains Malaysia pada 8 Februari 2006:

“...apakah perpaduan yang ada sekarang bersandar kepada dinding yang rapuh atau benar-benar bersandar kepada benteng tegap dan unggul?”

Oleh yang demikian, rintangan-rintangan ke arah perpaduan ini mestilah diatasi segera dan usaha-usaha pembasmiannya mestilah juga dibuat sepanjang masa. Usaha ke arah perpaduan kaum bukan kerja bermusim. Adalah diharapkan bahawa perpaduan kaum di Malaysia ini dapat benar-benar menjadi sepertimana apa yang digambarkan dalam iklan-iklan Petronas dan Berita Harian di atas, terutama dalam menggapai kejayaan konsep 1Malaysia.

#### RUJUKAN

- Asri Salleh. 26 April 2010. *1Malaysia dan La Convivencia*. Utusan Malaysia, p. 10.
- Chandra Muzafar. 1996. *Cabaran Membina Bangsa Malaysia, dalam Abdul Razak Omar, Pembentukan Bangsa Malaysia*, Kuala Lumpur: Yayasan Nurul Yaqeen.
- Chew Peh, Ting. 1979. *Konsep Asas Sosiologi, Edisi kedua cetakan ketiga 1997*, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur.
- Commonwealth Youth Program Strategic Plan, 2003-2006*.
- Dasar Pembangunan Belia Negara, 1997*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010*.
- Mauzy, Diane K. 1983. *Coalition Government In Malaysia, Marican & Sons*, Kuala Lumpur.
- Roucek, Joseph S. & Warren, Roland L. 1986. *Sosiologi: Suatu Pengenalan (terj. Mohamad Hj. Yusuf)*, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur.
- Sarjit, S.Gill dan W.A.Amir Zal Wan Ismail. 2008. *Perubahan Nilai Budaya Belia Malaysia Menuju Wawasan 2020*. *Jurnal Pembangunan Belia Malaysia*, Bil. 1,15-34.
- Sarok, Ahi & Kadam Ki, S.B. 2001. *Sekolah Wawasan: Cabaran dan HalaTujunya Dalam Abad Ke-21*, *Simposium Kebangsaan Masyarakat Malaysia: Isu dan Cabaran Abad Ke-21, 22-24 Julai*

- 2001, *Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya*, Kuala Lumpur.
- Siddiq Fadzil. 2007. *Pemeriksaan Budaya Demi Keunggulan Bangsa. Dalam Ahmad Mohamad Said et al. Pendidikan Sebagai Wahana Pentamadunan Ummah, Kolej Dar al-Hikmah* : Selangor.
- Syed Mahadzir Syed Ibrahim dan Mohd Shah Al'Shaari. 2010. *Gagasan Najib: 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Warisan InKED*, Shah Alam.
- Ucapan YAB Dato' Sri Najib Tun Razak di Majlis Perdana Perkhidmatan Awam ke Sepuluh (MAPPAX) di Putrajaya International Convention Centre pada 28 April 2009.*
- United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization. 2006.
- Zaid Ahmad. 2006. "*Cabaran Hubungan Etnik di Malaysia dan Global,*" dalam *Hubungan Etnik di Malaysia, Oxford Fajar Sdn. Bhd.*, Shah Alam.
- [www.pmo.gov.my](http://www.pmo.gov.my).
- [www.parlimen.gov.my](http://www.parlimen.gov.my)
- [www.heritage.gov.my/kekkwa](http://www.heritage.gov.my/kekkwa)
- [www.penerangan.gov.my](http://www.penerangan.gov.my)

Profil Penulis

**Shaharuddin Badaruddin**

Profesor Madya

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Shah Alam

**Azman Ayob**

Pensyarah

Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Shah Alam

**Mazlan Bin Che Soh**

Pensyarah

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Shah Alam

## ISEMANGAT PATRIOTISME MENJANA KONSEP 1MALAYSIA: REALITI ATAU FANTASI

NOOR SULASTRY YURNI AHMAD

### ABSTRAK

*Semangat patriotisme di kalangan masyarakat majmuk Malaysia amat signifikan dalam menjayakan konsep perjuangan 1Malaysia. Kemajmukan ini bukanlah hanya ditentukan oleh kepelbagaian kaum, etnik dan ras malah kepelbagaian budaya, amalan, agama dan sebagainya adalah penggerak kepada keharmonian masyarakat Malaysia. Kebelakangan ini terdapat beberapa unsur yang berbaur perkauman mula dibincangkan secara terbuka sehingga menimbulkan perasaan yang sensitif di antara satu kaum dengan kaum yang lain. Perbincangan konsep 1Malaysia bukanlah sekadar bicara kosong tetapi merupakan sebuah dorongan jitu untuk membentuk sebuah masyarakat yang mempunyai Isemangat cintakan negara. Justeru, ideologi ini perlu disokong oleh semua lapisan masyarakat dengan bersatu hati demi mempertahankan maruah negara. Kertas ini akan membincangkan hala tuju 1Malaysia dalam membentuk masyarakat terutama golongan belia yang berhati waja dan semangat patriotisme tinggi. Malah, perbezaan dari ideologi, kaum dan parti dalam Malaysia sepatutnya tidak dijadikan sebagai suatu halangan kepada usaha mencapai 1Malaysia.*

**Kata Kunci:** *Patriotisme, Masyarakat Majmuk, Belia, Pengundi Muda*

### ABSTRACT

*The significance spirits of patriotism among Malaysian are very dominant to ensure the success of 1Malaysia. Malaysia is not only divided ethnically and racial based but the people of our country has its uniqueness of multi cultural, beliefs, religions and others as the drive to build harmonious Malaysian. In the current situation, the issues of racial sensitivity were commonly discussed and created tense between Malaysian who are ethnically differed. However, the discussion of the concept of 1Malaysia is current and to support the creation of 1 spirit among the Malaysian. Hence, this ideology needs to be supported by every level of community*

*with a strong heart to preserve the country's pride and honour. This paper discusses the success of 1Malaysia in building the society especially the youth generation. In fact, ideology differences, ethnically-divided and politically based should be the bridging gap to establish and fulfill 1Malaysia handsomely.*

**Keywords:** *Patriotism, Multiracial, Youth, Young Voters*

## PENGENALAN

Sejarah politik di Asia Tenggara telah menyaksikan kepimpinan golongan muda seperti Tun Dr. Ismail, Lee Kuan Yew, Jose Rizal, Soe Hok Gie antara pemimpin yang sangat menyerlah dan tergolong dalam kepimpinan luar biasa dan hebat suatu ketika dahulu. Memang tidak dinafikan perjuangan politik tokoh-tokoh tersebut bermula seawal usia mereka 26 tahun. Jika disingkap sejarah pemimpin seperti Jose Rizal yang mula terserlah kredibiliti beliau seawal usia 26 tahun telah berjaya membakar semangat kebangsaan rakyat Filipina dan mendapat sokongan besar kerana menentang penjajahan Sepanyol sehingga beliau ditangkap dan dihukum bunuh. Malah, kredibiliti kepimpinan yang dimiliki Tun Dr. Ismail pula telah meletakkan beliau sebagai ikon pemimpin muda Malaysia dan dilantik sebagai Timbalan Presiden UMNO pada usia 36 tahun. Malah sikap tegas dan keberanian beliau dipuji oleh Lee Kuan Yew dalam buku yang bertajuk 'Kisah Singapura' (1998).

Penglibatan generasi muda dalam dunia politik menunjukkan peningkatan yang amat positif. Kecenderungan generasi muda ini untuk berbincang secara terbuka dalam urusan pentadbiran politik mula diatur sejak mereka layak untuk mendaftar sebagai pengundi seawal usia 21 tahun. Walaupun di negara maju seperti Amerika Syarikat sudah memohon supaya pindaan akta dilakukan bagi mengurangkan umur layak mengundi dalam pilihan raya peringkat persekutuan dari 21 kepada 18 tahun. Ini kerana golongan dalam lingkungan usia 18 hingga 24 sudah mula bekerja dan membayar cukai. Ini menjadikan mereka layak untuk mengundi. Manakala negara seperti Brazil dan Nicaragua pula melayakkan mereka yang berumur 16 tahun untuk mengundi. Begitu juga dengan Filipina yang membenarkan penduduk yang berusia 15 tahun untuk mengundi dalam pilihan raya. Malah rekod pilihan raya negara-negara yang terlibat mempunyai golongan remaja yang berusia muda iaitu seawal 15 ke 16

tahun dibenarkan terlibat dalam proses pengundian. Ini membuktikan bahawa kerajaan negara tersebut memberikan kepercayaan terhadap generasi muda untuk membuat keputusan terhadap perjalanan sistem politik negara. Walaupun Malaysia mengamalkan pendaftaran pengundian bermula seawal 21 tahun, keyakinan yang diletakkan kepada kuasa pengundi muda ini tidak pernah dipersiapkan sama sekali seperti dapat dilihat dalam gelombang perubahan sewaktu keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12 diumumkan.

Ternyata kegemilangan perjalanan demokrasi politik di Malaysia bukan hanya terletak pada penglibatan generasi muda ini dalam arena politik. Namun, perbincangan ini memfokus kepada kesedaran masyarakat generasi ini tentang persekitaran politik mereka. Apabila mereka mendapat 'lesen' untuk mengundi dan layak sebagai pengundi berdaftar yang sah, mereka sudah mengatur langkah dan bersedia dengan sebarang liku dan cabaran dalam bidang politik ini. Fokus penulisan ini bukan sahaja tertumpu kepada peningkatan partisipasi generasi muda dalam politik tetapi tahap kesedaran mereka tentang semangat nasionalisme, kenegaraan, patriotisme terhadap cintakan negara sejajar dengan perkembangan arus pemodenan demokrasi Malaysia.

Perbincangan tentang kemunculan pemimpin-pemimpin muda dalam arena politik Malaysia sangat menarik untuk diwacanakan. Kemunculan beberapa pemimpin muda seperti Tun Dr. Mahathir, Tun Musa Hitam, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib, Tan Sri Rahim Tamby Chik dan jika senarai ini diteruskan pasti mempunyai senarai yang panjang kerana angka bilangan pemimpin-pemimpin muda kini semakin ketara penglibatan mereka dalam arena politik.

Pilihan Raya Umum Ke-12 sebelum ini telah menyaksikan kebangkitan dan penyertaan pengundi muda sama ada dikategorikan sebagai pengundi aktif atau silent voters bukan lagi suatu mainan mimpi. Pilihan raya 2008 telah mengubah persepsi masyarakat tentang peranan pengundi muda dalam menentukan peratusan kemenangan undi sesebuah parti yang bertanding. Pengundi-pengundi muda dan golongan pemimpin muda yang lebih dinamik sifatnya sentiasa dahagakan perubahan dan mempunyai keseronokan yang tersendiri yang tinggi dalam menghadapi pilihan raya 2008 termasuklah pada pilihan raya di Permatang Pauh, Bukit Selambau, Bukit Gantang, Manek Urai, Kuala Terengganu, Penanti, Batang Ai dan



Permatang Pasir. Malah, golongan ini sangat sensitif kepada pelbagai isu kontemporari yang melibatkan persoalan hak asasi, ketelusan, perjuangan parti, pemeraksanaan wanita, kerajaan yang baik dan sebagainya. Tuntutan sebegini kelihatan semakin lantang disuarakan sehingga masyarakat berpesta dengan perubahan yang berlaku dari satu pilihan raya kepada satu pilihan raya yang lain (Sulastry Yurni 2009: 36-38 ).

Pengundi muda telah membuat pilihan yang jauh berbeza daripada jangkaan Barisan Nasional dengan memilih parti pembangkang sebagai parti pilihan untuk memerintah. Mereka sudah mula menyukai anti-establishment dan tidak seharusnya partisipasi mereka dalam arena politik secara langsung atau tidak langsung dipinggirkan dan dianggap tidak memberi sebarang manfaat kepada politik negara. Yang terkini, kemenangan Pas dalam Pilihan Raya Kecil kerusi Parlimen Kuala Terengganu membuktikan isu calon atau isu 'gah' seperti pembangunan, pendidikan, kewangan menjadi isu lapuk yang menyebabkan punca BN gagal untuk kekal mandat. Suasana mendung menyelubungi keghairahan BN untuk terus menyambut kemenangan yang tidak dijangka. Sebaliknya pula berlaku di pihak Pas yang berterusan mencanang isu Islam telah berjaya memenangi sokongan pengundi Melayu di Kuala Terengganu yang mewakili sebanyak 88 peratus. Walaupun BN mempunyai kelebihan yang sudah diketahui umum, kelemahan BN tidak seharusnya diketepikan sama sekali. Kemampuan Pas tidak sehebat kekuatan BN secara struktural tetapi faktor kewibawaan parti, latar belakang dan peribadi calon antara unsur penting yang dipilih oleh pengundi-pengundi muda. Media melalui laman blog dan portal sangat lantang memberi kritikan dan teguran mendorong kepada kejatuhan BN sekaligus mempengaruhi keputusan undi pengundi muda terutama 40 tahun ke bawah. Ini mengukuhkan bahawa peranan media dan politik mesti bergerak seiringan untuk membekalkan maklumat yang tepat dan sah kepada masyarakat Malaysia.

Di samping itu juga, peranan media alternatif banyak menyumbang kepada kemerosotan peratusan undi berpihak kepada BN seiring dengan perkembangan ICT dan media alternatif yang membuka ruang '*resistance*' dan politik protes (terhadap parti dan sistem pilihan raya) tidak harus diperlekehkan. Mengikut Abu Hassan Abdullah (2008), sebanyak 70 peratus keputusan pilihan raya 2008 dipengaruhi oleh maklumat dalam blog-blog. Malaysia merupakan antara negara yang mempunyai 500,000 active bloggers selepas Indonesia dan Negara-negara Eropah. Mengikut

beliau lagi, blog berupaya mempengaruhi cara pemikiran masyarakat terutamanya dalam aspek politik. Kebanyakan pengguna blog terdiri daripada golongan belia yang sentiasa meluangkan masa mereka hampir setiap hari untuk mendapatkan informasi terkini tentang dunia politik di negara Malaysia. Ini berpunca daripada rakyat memilih media alternatif kerana tulisan atau suara mereka yang kritikal tidak disiarkan dalam media perdana dan diharamkan sekiranya menentang kerajaan BN atau mengutarakan isu-isu yang kontroversi dalam politik. Ternyata media alternatif telah digunakan sebagai *weapon of the weak* atau senjata kepada masyarakat yang lemah.

Pilihan raya Kuala Terengganu memperlihatkan sokongan anak-anak muda terhadap Pas secara terang-terangan atau senyap amat memeranjatkan BN. Mereka mempamerkan bendera pembangkang, berarak beramai-ramai, berpesta di jalan raya secara terbuka menjelaskan betapa senario politik Malaysia meronta-ronta mahukan perubahan. Kemenangan Pas memang sudah dijangka rentetan daripada kemenangan di Permatang Pauh. Walaupun keadaannya berbeza tetapi lebih unik senario yang digambarkan sewaktu pilihan raya di Kuala Terengganu. Ini turut diakui oleh penyokong-penyokong BN yang berkempen pada masa itu, fenomena anak muda menyokong parti pembangkang secara terang-terangan ini adalah satu situasi yang baru berlaku di Kuala Terengganu (Muhamad Nadzri 2009: 61).

Kemenangan calon Pas tempoh hari menyebabkan BN kini terpaksa melepaskan satu lagi kerusi keramat Parlimen Terengganu di Dewan Rakyat. Kegirangan Pakatan Rakyat kali ini semakin terpancar sinarnya apabila mereka berjaya menakluk kubu BN sekali lagi. Ini menjelaskan BN semakin hilang taringnya di persada pilihan raya Malaysia. BN harus peka dengan kemenangan sorak hingga membuatkan kedudukan parti yang tidak lama lagi akan tergedai sekiranya mereka terus-terusan mewarisi kekalahan dan seharusnya BN menerajui perubahan yang lebih radikal. Masih teringat lagi perjuangan Kaum Tua yang amat sinonim dengan perjuangan BN dalam sejarah masyarakat Islam di Tanah Melayu yang terlalu berpegang kepada perjuangan ideologi-ideologi tradisi sehingga menolak kemunculan Kaum Muda yang lebih agresif dan dianggap tidak menghormati sistem yang sedia ada (Andaya & Andaya, 1982). Bukan perjuangan ideologi lapuk yang diminta oleh rakyat Malaysia terutama golongan muda ini tetapi perjuangan yang lebih baik dan terjamin kebebasannya dalam memperjuangkan hak asasi, pentadbiran yang lebih telus, cekap serta akauntabiliti (Ahmad Adam

1976). Faktor pengundi-pengundi muda merupakan faktor lonjakan besar ke arah pemerintahan yang lebih demokrasi di bawah kepimpinan pemimpin-pemimpin muda pada masa kini adalah pilihan popular masyarakat Malaysia.

Lihat sahaja barisan kepimpinan muda yang ada dalam BN yang telah dikalahkan oleh parti pembangkang seperti Nurul Izzah, Teresa Kok, Mohamed Azmin Ali, Gobind Singh Deo, Gwo-Burne Loh, Yeow Tseow Suan Nik Nazmi Nik Ahmad dan ramai lagi antara pemimpin muda yang bersemangat tinggi dalam menuntut perubahan dan keadilan dalam politik Malaysia. Ternyata kejayaan ini adalah didorong oleh gerakan pembangkang yang menjayakan tenaga sukarelawan mereka yang terdiri daripada golongan muda yang sangat komited kepada parti. Fenomena ini merupakan antara punca UMNO atau BN kecundang dalam agenda politiknya dan gagal mendapatkan perhatian generasi muda.

Fenomena gelombang kuasa pengundi muda ini kelihatan semakin pasang dan belum surut nampaknya. Kebangkitan golongan muda bukan lagi satu retorik dalam arena politik di Malaysia (Ghazali 2008: 1-10). Setelah diberi mandat oleh rakyat Malaysia, negara dapat menyaksikan gema suara muda di Parlimen yang terdiri daripada kapasiti maksima seperti Mukhriz Mahathir, Khairy Jamaludin, Nurul Izzah Anwar, Chua Tee Yong, Dr. Wee Ka Siong, Datuk Noraini Ahmad, Mohd Yusmadi Yusuf, Tony Pua Kiam Wee, Mohd Nasir Zakaria, Mohd Firdaus Jaafar yang menggamatkan sidang Parlimen dengan pelbagai isu menarik demi perjuangan semua walaupun ideologi mereka ternyata berbeza antara satu sama lain. Dari sudut teraju kepimpinan, semakin ramai pemimpin muda yang membarisi barisan hadapan sistem politik Malaysia. Tanpa sokongan dan pengaruh pengundi muda dari peringkat akar umbi, pemimpin-pemimpin muda ini tidak akan mendapat tempat yang selesa dalam agenda politik yang mereka perjuangkan selama ini. Kegagalan BN kali ini harus didorong dengan tindakan yang lebih progresif dan mesti cepat membaca isyarat yang ditunjukkan oleh pengundi terutama pengundi-pengundi muda.

Realiti kebangkitan golongan muda ternyata bersemangat mahukan perubahan. Seperti yang dapat dilihat sewaktu perarakan Bersih, kes Hindraf, kes blog penahanan Raja Petra Kamaruddin, Teresa Kok, Sin Chew Daily, Syed Azidi, penulisan Farish Noor (antara golongan intelektual muda) dan terdapat juga golongan yang bukan daripada intelektual yang lebih

gemar memilih untuk berdemostrasi di jalanan bagi memprotes tindakan pihak kerajaan dan berusaha mendapatkan hak mereka yang sepatutnya diberikan dan disediakan oleh pihak pemerintah. Ternyata perjuangan golongan muda ini tidak akan berhenti setakat pilihan raya kecil Kuala Terengganu sahaja kerana mereka akan terus-terusan memperhebatkan perjuangan. Sudah cukuplah dengan perjuangan BN yang terlalu banyak terlalu terikut-ikut dengan tradisi politik lampau nenek moyang mereka pada suatu masa dulu. Jangan lupa dengan kelantangan suara muda dan semakin kedengaran sehingga menggegarkan sistem politik negara serta menjadi perhatian dunia luar tentang kebangkitan dan gelombang besar di kalangan pengundi muda yang menuntut perubahan. Jika dibandingkan dengan negara-negara lain, Malaysia merupakan antara negara yang agak lambat mengalami perubahan seperti ini kerana jiran-jiran Malaysia sudah pun merasai perubahan tampuk pemerintahan seperti sekarang. Sekurang-kurangnya gelombang ini tidak sia-sia dan membuka mata semua pihak.

#### SEJAUHMANA HALA TUJU 1MALAYSIA DAN 1BELIA

Matlamat utama pengenalan konsep 1Malaysia berorientasikan membantu rakyat khususnya golongan muda mencapai gagasan 1Malaysia. Setiap belia di negara ini perlu diterapkan dalam diri mereka supaya dapat menjadi pewaris untuk memupuk dan mengharmonikan perpaduan nasional. Kerajaan Malaysia di bawah kepimpinan Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak menjamin suatu anjakan paradigma yang lebih progresif dalam memartabatkan kedudukan pada tahap yang lebih membanggakan sehingga berupaya bersaing ke peringkat global atau antarabangsa. Malah, kejayaan ini disuburkan lagi dengan pelancaran logo 1Belia 1Malaysia baru-baru ini oleh Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ahmad Shabery Cheek di Putrajaya (Utusan Malaysia 1 Ogos, 2009). Pelancaran logo baru ini menggamil lebih ramai belia untuk terlibat sama dalam program yang dianjurkan oleh pihak kementerian.

Golongan belia merupakan antara golongan masyarakat yang menjadi tumpuan dalam menjayakan konsep 1Malaysia ini sehingga komuniti belia ini telah diberi penghargaan yang tinggi dengan pelancaran logo 1Belia. Pembentukan masyarakat Malaysia yang lebih seimbang, semangat cintakan negara serta bersatu padu harus diletakkan sebagai cita-cita negara untuk memastikan kejayaan pelaksanaan konsep ini sehingga ke tahap yang membanggakan dan bukan setakat mainan fantasi. Peranan yang dimainkan

oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sentiasa memastikan pelbagai pendekatan digunakan bagi mencari formula yang terbaik dalam melahirkan barisan kepimpinan muda sebagai pelapis kepada kepimpinan sedia ada.

Namun, dalam perspektif perbincangan politik ini, ternyata semangat patriotisme di kalangan generasi muda di negara Malaysia sering mencetuskan beberapa siri kebuntuan terhadap tindakan-tindakan pihak kerajaan dan agensi-agensi yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kadar jenayah sosial di kalangan mereka semakin meningkat dan merunsingkan semua pihak. Tidak cukup sekadar dengan aktiviti samseng, merempit, penyalahgunaan dadah, gejala ragut, ponteng sekolah, budaya hisap rokok, buli, lari dari rumah, kes cabul dan sebagainya. Adakah semua gejala negatif ini mampu dibendung oleh pihak kerajaan sekaligus menyedarkan dan memupuk mereka untuk pulang ke pangkal jalan hingga membentuk modal insan yang lebih berguna seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak tentang konsep 1Malaysia? Malaysia sudahpun menyediakan jalan penyelesaian bagi menangani masalah ini melalui pelbagai pelaksanaan, program dan lain-lain untuk membantu menangani gejala yang semakin popular kian menular di Malaysia.

Walaupun generasi muda ini amat teruja untuk melakukan kegiatan-kegiatan yang dianggap 'tidak bermoral' oleh segelintir kelompok masyarakat ini, mereka juga sangat peka dengan persekitaran politik negara. Jangan dinafikan peranan dan tanggungjawab generasi muda ini terhadap trend pengundian di Malaysia. Statistik, kajian, analisis dan laporan-laporan yang diperoleh oleh organisasi-organisasi yang terlibat menunjukkan betapa signifikannya kehadiran mereka pada setiap proses pilihan raya yang dijalankan.

Sejarah pilihan raya yang berlangsung di Malaysia memperlihatkan generasi muda merupakan pelaku atau aktor utama dalam menentukan jatuh bangun sesebuah parti politik. Keagresifan mereka untuk menyuarakan hak dan keistimewaan mereka secara lantang sememangnya patut dikagumi semangat yang ditunjukkan. Mereka bijak memilih laluan yang memudahkan mereka menyampaikan isi hati terhadap tindakan-tindakan kerajaan. Lihat sahaja apa yang telah berlaku pada pilihan raya yang baru-baru ini berlangsung di Bukit Gantang dan Bukit Selambau.

Penglibatan mereka sebagai peraih undi di luar kawasan pengundian menyemarakkan lagi proses pembuangan undi pada masa itu. Negara Malaysia juga masih menantikan sebuah lagi pilihan raya yang bakal berlangsung ada 31 Mei 2009. Kehadiran generasi muda di setiap pilihan raya yang berlangsung sememangnya dinanti-nantikan kerana mereka meninggalkan impak yang ketara terhadap kemenangan sesebuah parti (Merdeka Centre 2009. 8 Februari).

Persoalan tunjang tentang generasi muda yang sentiasa menjadi perbualan di kalangan masyarakat Malaysia kini tertumpu kepada sejauh mana tahap semangat nasionalisme atau semangat cintakan tanah air. Adakah partisipasi politik generasi muda yang semakin meningkat dapat kita samakan dengan tahap semangat nasionalisme mereka yang tinggi? Ternyata persoalan ini agak sukar untuk dirungkai bagi menjelaskan sejauhmanakah kebenarannya.

Di samping itu juga, keprihatinan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pengajian Tinggi terhadap masa depan dalam membangunkan generasi muda ini sukar untuk disangkal. Satu demi satu pelaksanaan melalui dasar, program diperkenalkan kepada rakyat oleh pihak kerajaan terhadap masa depan dalam membangunkan generasi muda ini memang tidak dapat disangkal lagi. Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), Program Jati Diri Kesukarelaan Nasional, Program Bakti Belia, Latihan Pengukuhan Sukarelawan antara contoh program-program yang dijalankan bagi memupuk semangat jati diri di kalangan generasi belia ini. Selain itu juga, terdapat beberapa program yang dijalankan oleh badan-badan NGO yang turut terlibat seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Pertubuhan Kebajikan dan Dakwah Islamiah (Pekida) dan Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) untuk memupuk sikap ke arah yang lebih positif melalui pendekatan agama, motivasi, kepimpinan dan sebagainya.

Rungutan, kritikan, tohmahan hinggalah mendapat pujian dapat kedengaran di ruang Dewan Rakyat dan sidang Parlimen apabila kerajaan ingin memperkenalkan sesebuah dasar atau program untuk tujuan penambahbaikan. Malah, kerajaan juga disarankan untuk melantik wakil belia sebagai Senator di Dewan Negara (DN) bagi mengiktiraf golongan tersebut yang turut membantu pembangunan negara. Ini membuktikan

keseriusan kerajaan terhadap peranan generasi muda ini dalam membantu kemajuan negara. Bekas Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah berkata, wakil belia akan dapat memberi input secara langsung kepada kerajaan mengenai kehendak dan keperluan golongan tersebut. Hubungan secara langsung dengan kerajaan juga katanya, akan membolehkan pembangunan yang hendak dilaksanakan menepati kehendak kumpulan sasaran. Saifuddin turut mencadangkan supaya lebih ramai pemimpin belia diberi peluang menduduki kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Menurut beliau lagi, “Kini lebih 40 peratus daripada 26 juta penduduk di negara ini terdiri daripada golongan belia dan statistik itu menunjukkan belia mempunyai peranan dan tanggungjawab yang besar bagi mengisi proses kemajuan negara”. Kenyataan ini memang jelas memberi gambaran tentang kedudukan generasi muda dan sistem pemerintahan negara. Namun, kelantangan barisan pemimpin-pemimpin muda dalam mempertahankan hak generasi muda ini membuahkan kejayaan. Tidak kiralah sama ada seseorang pemimpin itu mewakili pihak kerajaan Barisan Nasional atau pembangkang, mereka tetap berusaha untuk memperjuangkan suara generasi muda ini.

Persatuan belia atau pertubuhan-pertubuhan belia Malaysia yang bertindak sebagai ejen pembangunan juga perlu bergerak secara agresif dan komprehensif dalam membantu program-program yang dijalankan oleh pihak kerajaan. Penggunaan pertubuhan belia ini haruslah secara total bagi mengelakkan masyarakat menganggap mereka tidak berperanan dan hanya bersifat statik atau kaku dan lebih ketara lagi hanya diperlukan sebagai ad-hoc sahaja. Sedangkan pada masa yang sama, pertubuhan belia ini berhak diberi peluang dan digalakkan untuk bergerak secara aktif dalam setiap program yang dilaksanakan kerana melalui program-program seperti Rakan Muda, Unit Beruniform Sekolah, Hari Mahasiswa, Program Sukan, Festival Muzik, Pidato dan sebagainya boleh dijadikan contoh bagi mencapai perjuangan konsep 1Malaysia. Jiwa muda golongan ini lebih mudah tertarik dengan program-program yang dekat dengan jiwa dan minat mereka. Mereka lebih tertarik dengan aktiviti yang membawa keceriaan, hiburan serta dapat memberi ketenangan dalam kehidupan mereka. Oleh itu, perpaduan dapat dipupuk dan mengembangkan bakat semulajadi di kalangan mereka malah ruang epistemologi pemikiran belia ini tidak tersasar ke arah yang negatif dan merugikan pembangunan masyarakat Malaysia.

Ternyata, semangat nasionalisme atau patriotisme di kalangan generasi muda harus dipupuk dan disemai bermula daripada institusi kekeluargaan. Institusi tersebut berupaya menyuntik sifat sayangkan keluarga dan seterusnya cintakan negara tanah air mereka. Langkah ini kelihatan seperti mudah dilaksanakan namun jika tidak disulami dengan sokongan, galakan, kesedaran yang cukup, misi ini akan menemui kegagalan. Inilah yang membawa kepada peningkatan kadar gejala sosial yang semakin membimbangkan semua pihak. Galakan dan sokongan terus-menerus diberikan kepada generasi muda bermula dari kandungan ibu, rumah, prasekolah, sekolah hinggalah mereka melangkah ke dunia universiti. Tidak pernah putus semangat disuntik kepada mereka dan masyarakat sudah pun melaksanakan tanggungjawab yang sepatutnya.

Mengikut Muhamad Ali (2009: 7), dalam suasana masyarakat majmuk di Malaysia ini sebagai rakyat yang mempunyai semangat patriotisme, mereka perlu memikirkan tentang masa depan, survival bangsa Malaysia dan perlu menjadikan sebagai wahana dalam mengecapi kehidupan yang lebih bermakna. Jati diri atau identiti kaum harus dikekalkan seperti ucapan Dr. Mahathir Mohamad “Rakyat Malaysia mungkin daripada pelbagai keturunan tetapi Malaysia adalah negara kita bersama. Oleh itu, walaupun kita boleh mengekalkan budaya turun-temurun kita tetapi ia tidak boleh tulen dan terlalu eksklusif. Sebaliknya unsur-unsur budaya kaum lain mestilah terdapat dalam budaya semua kaum dengan budaya asli Malaysia sebagai tonggak kepada budaya semua kaum untuk menentukan identiti Malaysia kita” (Utusan Malaysia 2002: 6)

Walau bagaimanapun jika diimbau sejarah politik era zaman sebelum Malayan Union diperkenalkan 1946, generasi muda sudahpun membentuk sebuah kelompok komuniti yang sedar untuk memperjuangkan hak dan tanggungjawab mereka terhadap negara (Khoo Kay Kim 1993: 123-124). Semangat patriotisme anak-anak muda pada masa itu sangat mengagumkan hingga bermandikan darah demi memartabatkan bangsa, bahasa, sultan dan tanah air mereka dari belunggu penjajah. Kelahiran pemimpin muda seperti Tun Dr. Ismail, Tun Mahathir, Tan Cheng Lock, Roslie Dhobie dan ramai lagi mengharmonikan demokrasi politik Tanah Melayu. Perjuangan mereka tidak terhenti sehinggalah mereka berupaya untuk memerdekakan Tanah Melayu daripada kolonial British. Semangat yang tersemat dalam jiwa generasi muda pada era sebelum penubuhan Malaysia ini, didorong oleh rasa tanggungjawab



mereka untuk memperjuangkan hak dan tidak sanggup berputih mata menyaksikan negara tergadai di tangan orang luar.

“Zaman dahulu lain, zaman sekarang dah lain”, itulah ungkapan yang sering didengar apabila masyarakat menyuarakan tentang dua set generasi yang berbeza era ini. Perbezaan dapat dilihat daripada sejarah kehidupan yang telah mereka lalui, faktor persekitaran pada masa itu mendesak masyarakat untuk bangkit berjuang mempertahankan hak. Kesemua pernyataan ini seharusnya menjadikan generasi muda secara khusus dan masyarakat Malaysia secara amnya, lebih bersyukur dan menghargai kelebihan yang tersedia kini. Dengan krisis politik yang tidak menentu, krisis kewangan dunia, penyebaran wabak penyakit yang berbahaya seharusnya dapat memamatkan generasi ini. Desakan-desakan hidup membentuk generasi muda yang lebih proaktif, progresif, berfikiran matang dan bijaksana. Sebaliknya pula dapat dilihat apabila terdapat segelintir daripada golongan masyarakat ini bertindak di luar jangkaan apabila terlibat dengan masalah-masalah sosial yang telah dibincangkan sebelum ini. Adakah desakan-desakan hidup yang telah mereka lalui ini berupaya melahirkan generasi yang sudah lupa tentang adab sopan dan santunnya, suka memberontak, menganggap keputusan yang diambil itu benar belaka dan perlu didengar oleh pihak-pihak tertentu? Adakah masyarakat Malaysia perlu menuding jari kepada pelaksanaan kerajaan yang gagal menangani masalah generasi muda ini? Salahkan sistem pendidikan, sistem politik, pelaksanaan program dan sebagainya?

Ini bukanlah salah satu daripada konspirasi politik yang sengaja dipropagandakan oleh pihak pemerintah. Bak kata pepatah “anak kera di hutan disusukan, anak sendiri di rumah mati kelaparan.” Situasi ini menjelaskan bahawa kerajaan harus campur tangan secara berterusan bagi mengekang gejala ini daripada terus menular dengan progresif. Tidak seharusnya dilupakan bahawa generasi muda kini semakin bijak menyerap pengaruh sekeliling dalam usaha mendepani realiti kehidupan. Keburukan generasi muda ini semakin merebak secepat virus kanser apabila media memainkan peranan yang sangat proaktif dalam menyebarkan keruntuhan akhlak masyarakat muda ini sehingga mengaburi kisah kehebatan dan kecemerlangan mereka yang kurang disensasikan di saluran media massa.

Seiring dengan konsep 1Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak telah menarik perhatian

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan iaitu Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim untuk menyusun strategi melalui program-program televisyen dengan menetapkan dasar untuk menyiarkan program sisipan selama dua minit pada setiap jam untuk mendidik penonton dengan konsep jati diri serta meletakkan kumpulan generasi muda sebagai sasaran utama. Setidak-tidaknya program yang hanya dua minit ini dapat menyuntik sedikit rasa cintakan negara dan dapat membentuk keperibadian yang budiman dan mulia di kalangan penonton masyarakat Malaysia (Abdul Rahman 2002).

Apa yang jelas, pengenalan dan pelaksanaan sudahpun diambil oleh pihak yang bertanggungjawab. Berjaya atau tidak sesuatu program itu terletak pada pelaksanaan dan penerimaan masyarakat yang terlibat dalam sesebuah program tersebut serta bagaimana pendekatan yang mereka mahukan. Namun tidak dinafikan bahawa peribadi generasi muda harus terus dipupuk, disemai bagi melahirkan sebuah masyarakat seperti yang diterjemahkan dalam konsep 1Malaysia, iaitu sebuah konsep yang berani menghadapi cabaran, penuh tanggungjawab, kredibiliti yang sangat tinggi dan mudah diserap dalam jiwa masyarakat Malaysia.

#### KESIMPULAN: 1MALAYSIA DAN PERPADUAN BUKANLAH BERSIFAT KOSMETIK

Strategi pemisahan kaum oleh pihak British melalui dasar pecah dan perintah suatu ketika dulu berjaya merealisasikan kerapuhan perpaduan dan penyatuan semua bangsa di Tanah Melayu sehingga tercetusnya Peristiwa 13 Mei 1969. Walaupun ramai yang kurang bersetuju dengan pernyataan ini, serba sedikit impak yang ditinggalkan daripada dasar kolonial ini meletakkan jurang pemisahan kaum yang amat nyata. Perpaduan dalam erti kata sebenar membawa kejayaan kepada kemerdekaan di Tanah Melayu merupakan sebuah usaha yang penuh dengan cabaran dan liku-liku yang terpaksa dilalui.

Perpaduan dan konsep 1Malaysia harus dijadikan pengajaran kepada peristiwa rusuhan kaum 1969 yang pernah menggegarkan negara suatu masa dahulu sehingga terpahat dalam jiwa dan pemikiran masyarakat Malaysia. Bukan mudah untuk dilupakan peristiwa berdarah itu kerana punca utama yang menjadi tonggak kegagalan perpaduan adalah sentimen perkauman yang sangat kuat di kalangan masyarakat Malaysia. Bagaimana

memastikan peristiwa sebegini tidak akan berulang dan sentiasa diingati oleh semua masyarakat Malaysia? Peristiwa masalah perpaduan ini boleh dielakkan dengan memastikan pendidikan patriotisme di kalangan masyarakat sebagai perkara tunjang atau fundamental dan bukan sesuatu yang remeh dan tidak serius.

Tidak cukup hanya melaungkan lagu patriotik, mempelajari subjek Sejarah di sekolah, mengibarkan bendera negara, menyambut hari kemerdekaan, menghadiri PLKN sahaja dapat mendefinisikan makna cintakan negara. Semuanya tidak lengkap sekiranya masih tertanam sikap terlalu taksud dan sayangkan bangsa atau kaum masing-masing. Bagaimana konsep 1Malaysia dapat dicapai sekiranya masyarakat terlalu submisif kepada bangsa masing-masing? Konsep 1Malaysia merupakan sebuah konsep yang membatasi perbezaan kaum yang nyata dan bersifat dalaman dan luaran. Tanpa semangat patriotisme yang tinggi konsep 1Malaysia akan gagal mencapai perpaduan sebenar di kalangan masyarakat Malaysia. Untuk mencapai perpaduan, jiwa dan pemikiran masyarakat perlu merdeka, berbicara berdasarkan pengetahuan yang tinggi dan bukannya berada dalam situasi yang penuh kekeliruan dan sentiasa berkhayal sehingga tersasar dari matlamat asal perjuangan perpaduan.

Perpaduan yang diperjuangkan kebelakangan ini membuktikan betapa nipisnya perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia. Pemerintahan Barisan Nasional yang dijadikan sebagai tunggak kepada perjuangan 1Malaysia ini umpama pillar of the sand yang menantikan sebuah gelombang air untuk meruntuhkan tiang-tiang perpaduan. Sekiranya ikatan dalaman di kalangan kepimpinan Barisan Nasional berada pada tahap yang membinggakan, semestinya konsep perpaduan ini tidak bersifat kosmetik yang hanya nampak indah dari sifat luaran sahaja. Dengan pelbagai konflik dan masalah yang dihebahkan melalui media cetak dan media elektronik, persepsi masyarakat boleh berubah dan mengalihkan sokongan mereka terhadap gagasan 1Malaysia ini. Golongan belia yang sangat tegar dengan penggunaan media elektronik mudah terpengaruh dengan penyebaran maklumat yang digembar-gemburkan oleh pihak-pihak yang cintakan propaganda politik kerajaan Barisan Nasional (Haris 2009: 89-93). Kesedaran politik di kalangan kelompok ini masih perlu diasuh dan pelbagai pendekatan harus diambil bagi memastikan mereka bijak dalam menapis segala informasi yang diperolehi atau filtering the information.

Bukan mudah untuk membentuk masyarakat yang lebih seimbang dengan pelbagai rintangan dan anasir-anasir yang cuba mempropagandakan ideologi konsep 1Malaysia yang murni. Tembok-tembok pemisah yang wujud di antara kaum harus direnovasi sebaik mungkin supaya 1Malaysia berjaya. Namun, harus diingatkan bahawa peribahasa bersatu kita teguh bercerai kita roboh perlu diaplikasi dalam bangsa Malaysia dan bukan bangsa Melayu, Cina dan India sahaja serta tidak berorientasikan perjuangan kaum, etnik dan ras semata-mata walaupun perkara ini sukar hendak dielakkan. Sejarah mengajar kita untuk mengambil iktibar daripada peristiwa yang telah berlaku dan dijadikan sebagai senjata untuk memerangi mana-mana pihak. Pakatan murni yang dicapai dalam kontrak sosial jangan dianggap sebagai sejarah yang hanya tinggal sejarah. Perit jerih pahlawan Melayu, Cina dan India mencapai kemerdekaan bukanlah suatu noktah perjuangan sejarah lama tetapi sebagai anak bangsa Malaysia yang didasari 1Malaysia perlu meneruskan perjuangan lampau supaya lebih merdeka pemikiran, jiwa dan kehidupan. Sudah cukup Malaysia dijajah jangan dibiarkan masyarakat Malaysia dijajah dengan kejelikan dan keegoan bangsa sendiri.

#### RUJUKAN

- Abraham, C.E.R. 1997. *Divide and rule: the roots of race relations in Malaysia*. Kuala Lumpur: INSAN.
- Ahmad Adam. 1976. *Gerakan Kebangsaan Awal di Tanah Melayu: harapan dan kenyataan*. Bangi: Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Fawzi Basri et. al. 1987. *Isu-isu perpaduan nasional: Cabaran, pencapaian dan perpaduan*. Jitra: Sekolah Pengajian Asasi, Universiti Utara Malaysia.
- Andaya, B.W. & Andaya, L.Y. 1982. *A history of Malaysia*. London: The Macmillan Press.
- Forbes, H.D. 1985. *Nationalism, Ethnocentrism and Personality*. Chicago: University of Chicago Press.
- Ghazali Mayudin. 2008. *Analisis PRU 2008, Kertas kerja Analisis Pilihan raya Umum*, Bangi: Anjuran Institut kajian Malaysia dan Antarabangsa dan Persatuan Sains Sosial Malaysia.
- Haris Zalkapli. *Cabaran Politik Baharu Malaysia*. Kuala Lumpur: Media Icon Sdn. Bhd.

- Khoo Kay Kim. 1993. *Perkembangan Perlembagaan dan Politik Selepas Perang Dunia Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lee Kuan Yew. 1998. *The Singapore story: memoirs of Lee Kuan Yew*. Singapore: Times Edition.
- Merdeka Centre. 2009. 'Perak state opinion survey: Perak political development'. 8 Februari.
- Muhamad Ali Embi. 2009. *Patritiotisme dan kepercayaan rakyat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- MuhamadNadzri MohamedNoor. 2009. *Politik Malaysia di Persimpangan: Praktik politik dalam PRU 2008 dan kontemporari*. Petaling Jaya: SIRD.
- Shamsul A. B. 2008. *Pembangking dan "Kepembangkingan"*. Dalam. *Dewan Masyarakat*, hlm. 8-10. Kuala Lumpur: DBP.
- Shellabear, W.G. (ed. 3) 1982. *Sejarah Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Slimming, J. 1969. *Malaysia: Death of democracy*. London: John Murray.
- Sulastry Yurni Ahmad. 2009. *Idealisme Politik Generasi Muda*. Dlm. *Dewan Masyarakat Julai 2009*, 36-38.
- Syed Hussein Alattas. 1972. *Feudalism in Malaysian society: a study in historical continuity and social change*. Australia: Sydney University Press.
- Utusan Malaysia. 2009. *Usaha Martabat Golongan Belia*. 1 Ogos 2009.
- Wan Hashim. 1983. *Race relations in Malaysia*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia).

Profil Penulis

**Noor Sulastry Yurni Ahmad, PhD.**

Jabatan Antropologi dan Sosiologi

Fakulti Sastera dan Sains Sosial

Universiti Malaya

sulastryyurni@um.edu.my

## DYNAMICS OF THE MEDIA AND YOUTH TRANSFORMATION IN MALAYSIA: AN OBSERVATION

CHIN YEE MUN & LEE YOK FEE

### ABSTRACT

*The changes in the government approach of managing the media sector and the proliferation of internet have transformed the politico-cultural values of youths in Malaysia. Such changes generated youths who are informed, democratically inclined, demanding and contentious. As a country where youths command control over the electorate register, measures to respond to the transformation are imminent especially from the ruling party point of view. Their votes become more appealing in the Malaysian political scene especially after the March 2008 General Election. The 1Malaysia concept reflects the Barisan Nasional government aspiration to reconnect and reconcile with Malaysians. However, will 1Malaysia be able to reconnect and reconcile with the youths? To provide an answer for this question, this paper is intended to explore the social transformation of Malaysian youths in the first decade of the second millennia. The concept of 1Malaysia was brought by Dato' Seri Mohd. Najib Abdul Razak is analyzed to gauge its potential to reconnect and reconcile with the transformed youth of Malaysia. Various aspects of how the youths were transformed through the structural changes in the media industry and technology are discussed.*

**Keywords:** 1Malaysia, Youth Transformation, Social Change

### ABSTRAK

*Perubahan dalam pendekatan kerajaan untuk memantau sektor media dan impak penggunaan internet telah mengubah nilai politik dan budaya belia Malaysia. Kini belia lebih berpengetahuan, lebih mendesak dan cenderung dalam mengejar idealisme demokrasi. Transformasi sedemikian tidak boleh dipandang remeh. Parti-parti politik terutamanya parti pemerintah memandang serius perubahan tersebut memandangkan majoriti pengundi terdiri daripada belia. Kepentingan belia dalam menentukan keputusan pilihan raya menjadi semakin nyata selepas pilihan raya umum 2008. Kerajaan Barisan Nasional mengorak langkah untuk cuba membina semula hubungan dengan golongan belia yang sudah berubah melalui konsep 1Malaysia. Namun begitu, mampukah konsep tersebut membantu*

*kerajaan Barisan Nasional untuk mendapat sokongan belia? Bagi menjawab persoalan ini, artikel ini menyorot transformasi sosial yang melanda belia Malaysia. Konsep 1Malaysia yang diperkenalkan oleh Dato' Seri Mohd. Najib Abdul Razak dianalisis bagi menilai potensi konsep tersebut dalam meraih sokongan belia. Pelbagai aspek yang berkaitan dengan transformasi belia akibat perubahan struktural dalam industri media dan juga teknologi turut dibincangkan.*

***Kata Kunci:*** *1Malaysia, Transformasi Belia, Perubahan Sosial*

## INTRODUCTION

Social change is an ongoing process which reforms meanings and structures (Sztompka, 1994:11). Through this process, various elements of society are relabeled. Consequently new meanings will be developed. The new meanings produce another chain of changes. This ongoing process is part and parcel of societal development. A change triggers another change in some other part of a society. However, it is important to note that the changes generate differing implications to different parties who are engaged in the process. To some, change implies the need to restructure but to some others, change reflects the need to change for good. The effects of how the implications of change are perceived vary. If the effect of a particular change implies the need to restructure, it is also indicating social change can be managed by proper planning and maneuvering (Crowfoot, 1974). Contrary, if the change is perceived as a sign to change for good, the perception will empower change to happen naturally, disregarding whatever consequence that may occur.

The dichotomy of whether to allow change to happen naturally or to manage it with plans is not new. It has been the key to the differences between structural functionalist and social conflict theorist. Both parties comprehend the fact that society is always changing. What they cannot agree on is the nature in which the change will lead to. One of the products of social change is social transformation. A society which has gone through social change will experience how its members have transformed economically, politically and also culturally. Proponents of functionalism believe social change is manageable and ultimately society will achieve its equilibrium again after undergoing some maneuvering (Parsons, 1966). On the contrary, social conflict theorists argue that

social change is the natural output of conflict and therefore should not be controlled. In fact, proponents of this perspective which is found in Marxism encourage total change which to them is a type of solution to whatever that has triggered change (Harolambos and Holborn, 2000: 12; Giddens, 1994: 582). Their views suggest that social transformation can be either managed to control its effect or to allow it to progress so that the transformation will lead to a change where everything has been revolutionized.

As an entity of the socially constructed world, youth cannot refrain themselves from being transformed. Youth transformation has a lot of impact on many areas. In the political context, the impact is detrimental since youth are voters for now and also for future. If they have transformed culturally and economically, their political views may also transformed. As such, politicians are fully aware of the potential changes which can be brought by the social transformation of youth. Some may want the change to be controlled while some prefer the change to be full blown especially if the change incurs a transformation of political views. In the Malaysian context, youth are undergoing changes which have somehow resulted social transformation in many aspects. Ruling politicians maybe affected by the change while the opposing politicians may see it as an opportunity to ride the tide of change. Hitherto, the Malaysian political scene is on the verge of transformation too. While the ruling party is trying to manage the change, the opposition is fanning the wave of change.

The social transformation of youth in Malaysia which is increasingly noticeable will paint a new picture of Malaysian political communication. This paper explores the social transformation of Malaysian youths in the first decade of the second millennia and also to analyze whether the 1Malaysia concept brought by Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak will be able to connect with the transforming youth of Malaysia. 1Malaysia acted as a platform for Najib's administration to be politically connected with the people of Malaysia. Obviously, his approach is to manage change by expressing his political will. However, will his plan be able to reconnect with the youths who in the next few decades decide the make up of Malaysian political scene? Success of 1Malaysia to get connected with the youths will ensure youth reconciliation and stability of Barisan Nasional (BN) as the ruling party of Malaysia. Otherwise, the effect of change and transformation will favor the opposition as described earlier.



## DYNAMICS OF THE MEDIA AND YOUTH TRANSFORMATION IN MALAYSIA: AN OBSERVATION

The development of late modern democracy has fueled political change worldwide. Western countries experienced the change in 1970s and the effect take center stage in the 1980s. These two decades were filled with economic measures by these countries to include more participation from market forces and private enterprises (Dahlgren, 2001:66). Similar measures were taken by countries in other parts of the world. Asians and South Americans transformed their economic model. Participation from private sectors in building as well as management of the country's economic surged in the 1980s.

Moog and Sluyter-Beltrao (2001) observed this change in countries such as South Korea, Thailand, Malaysia and Indonesia. The liberal approach that affected almost all the countries around the world during that period certainly affected the meaning of democracy and its implementation. State control over economic and social institution loosened. Media being the fourth estate has seen a lot of transformation ever since. Media is no longer in total state control. In Malaysia, the establishment of TV3, followed by other private television and radio stations in the 80s and 90s indicated the decreasing role played by the state in the media industry. Even though the industry is still governed by various regulations, the privatization policy has benefited Malaysians who were then looking for more alternatives either for entertainment or for seeking information.

The media commercialization has molded a revolution in television programming. Private commercial stations are adopting new formats of news presentation which is fast paced and aesthetic (Moog and Beltrao, 2001:49). This worldwide phenomenon became full bloom in the first decade of the second millennium. Political news is dramatized and sensationalized. Private commercial stations in Malaysia developed programs which reflected the above change. Television stations produced investigative cum community champion programs. Programs such as *Edisi Siasat*, *Bersamamu* and *360* highlighted various issues which are plaguing Malaysians. Some of the issues highlighted were related to the efficacy of the government and politicians. Very often too politicians were brought into talk shows. In these talk shows, politicians were bombarded with questions which again may demonstrate efficacy of them and also of the political parties or government bodies which they are representing. An example of such programs is *Hujah*.

Due to the popularity of such programs, government owned stations joined the fray and produced programs of similar nature. Debat and What Say You were some of the programs produced by RTM and are of similar nature to the programs mentioned earlier.

The changes in how media is managed have to a certain extent influenced the culture of the people. Media has the capability to shape and influence messages which are discussed and used in everyday life and become integrated into the cultural world (Dorothy Hobson, 1980; Samovar and Porter, 2007). Sassi Sinikka (2001:89-108) explained precisely how semiotic public sphere is influencing the construction of civil society. Mass media circulates ideas, texts and visions which spur the development of civil society. Culturally, the political public sphere is filled with individuals who are socially connected and yet individually the sense of being responsible to their community.

The development of media industry in Malaysia has inadvertently or may also advertently introduce the civil society vision to Malaysian youth. Generally, Malaysians are becoming more concerned on the issues which are revolving in their individual as well as their community life. Their sensitivity and response to issues such as the fall of Pakatan Rakyat government in Perak and also the cow head march in 2009 are evidences of the change in the political public sphere of Malaysians. Wide coverage from the print and electronic media has once again stirred public interest on the development of politics in Malaysia. Public discourse on these issues is a sign of their consciousness on the issues surrounding them which are then translated into a range expressive reaction.

#### REINTERPRETING POLITICAL CULTURE OF THE YOUTH: THE EFFECT OF SOCIAL CHANGE

Another agent which has been radically influencing the culture of the second millennium people will be none other than the “net”. The rapid development of multimedia information communication technology has changed the meaning of communication. The internet which emerges and became popular in the 1990s has revolutionized not only communication but also how people live and think. It has been termed as the agent behind social changes particularly in the political arena (Tang, 2009; Sinikka, 2001).

The emergence of social media network and other multimedia communication tools in the internet have to a certain extent works the same way how television and radio broadcasting work; influencing public sphere discussion to shape culture. Facebook, Friendster and other social media have hooked many especially the youth to be engaged in electronic meetings where views are shared almost unregulated. Similarly, bloggers are actively seeking attention from their readers and views are also shared almost freely. The phenomenon of youth dependency on the internet affect youth globally. In a study conducted in Australia, respondents claimed high usage of online resources to get their access to their daily news (Knight and Basu, 2009: 5-5).

Malaysian youths are no strangers to all these development. The “net” society in Malaysia emerge along with the shift of technology which Malaysia in the 1990s. Through the Multimedia Super Corridor (MSC) project which was launched by the Malaysian government on 1st August 1996, internet was introduced to Malaysians. MSC was essential for Malaysia to shift her economy which was then ferociously challenged by the emerging economies such as Vietnam and China. As a measure to develop the internet, the Malaysian government pledged not to censor the internet content. Consequently, Malaysians became involved in internet commercially and also politically. However, political blogging activities did not pick up its momentum. It was only after the arrest of Anwar Ibrahim, political blogging and political websites became popular. After the arrest of Anwar, 50 websites which were related to reformasi emerged (Abbott, 2004: 82). . The internet has since become an alternative medium to the traditional media and played an important role in determining the political scene of Malaysia (Abbott, 2004; Tang, 2009).

Besides disseminating information, the internet has provided a platform for Malaysians to exchange views and subsequently shapes their mind and action. The internet was attributed to the poor performance of BN in the 2008 election (Tang, 2009: 17). Malaysian youths in particular relied heavily on the information laid in the internet. 60% of respondents between the ages of 21 to 40 years trusted blogs and online news for reliable information (Tang: 17). Political blogs and websites mushroomed in the Malaysian cyberspace. News portal such as Malaysiakini emerged as a very popular website. It was identified as an independent, gutsy and willing to tell it all news portals (Steele, 2009: 94).

Numerous other political sites as well as pseudo news portal were created. Some became very popular and to a certain extent has command on the political views of Malaysia. Malaysia Today is one of such websites. Views presented by Raja Petra, founder and chief editor of Malaysia Today were critical, bold and has the potential to shape the views of his readers. Due to the influence of the internet, politicians set up their blogs in the internet. Some were quite successful. Politicians either from BN or Pakatan Rakyat expressed their views via their blogs. The dynamic relationship between readers of blogs and online news with the author has indicated not only the effectiveness of internet but also the expressive side of the readers. Discussion threads which normally follow every piece of information released through blogs and websites will exhibit the criticality and expressive side of Malaysians.

Development in the Malaysian media and information communication technology has significantly contributed to the shifting intrinsic and extrinsic politico-cultural paradigm of Malaysian youths. Extrinsically, the youth are more vocal in their opinion and choices. Intrinsically, they are more inquisitive and demanding for more of expression and choices. Media and the internet have brought many changes to how the youth interpret and respond to the various issues surrounding them in their everyday life. The detonation of the information reservoir and the construction of a more expressive society have generated a generation of youth who are informed, democratically inclined, demanding and contentious. Karen Kueh and Boo Ho Voon (2007) who had conducted a research on the evidence of the proliferation of Generation Y in Malaysia discovered transformation of cultural patterns among Malaysian undergraduates. Their study which was done by using Hofstede's Value Dimension (Hofstede, 2000) as an instrument had proven the shift of the youth cultural value. Youth studied exhibited demanding traits which reflected their low power distance nature.

## 1MALAYSIA: RECONNECTING AND RECONCILLING?

In summary, the technological and media landscape of Malaysia have changed. The first decade of the second millennia is witnessing the effect of change brought by internet and government polices to liberalize the media sector. These changes have resulted in changes in the welstanchuung of youths in Malaysia. With such changes, BN is in jeopardy. After ruling

for more than five decades, BN is in a disadvantaged position if compared to the opposing Pakatan Rakyat. Malaysian, in particular the youths will be scrutinizing the steps taken by BN. Therefore, the opposition may be hoping the transformation of Malaysian youths politico-cultural values will benefit them either immediately or in the near future. They are projecting themselves as the alternative, a step they have taken in the 1999 general election and the step was repeated in 2008. Their move had shown positive result in the 2008 general election (New Straits Times, 10 March 2008) the time when the effect of media and internet on youth was at their full swing.

When Najib took over as the sixth prime minister of Malaysia in 2009, his primary task would be to regain Malaysians trust on BN. Various issues which are related to the plural nature of the Malaysian society cropped up. Results of the 2008 election indicated the support from the non-Malays particularly in Peninsular Malaysia had shifted to the opposition. Issues related to the execution of democracy in Malaysia were also imminent. BN was definitely sliding down the curve of support while Pakatan Rakyat ascending. The change which is fueled by the politico-cultural shift demanded urgent attention from Najib.

The culture of change seems to be in his top priority. This move is evident when he while giving his maiden speech as the president of UMNO in the 2009 UMNO General Assembly requested all UMNO members to adopt the culture of change. Obviously, Najib is aware Malaysians have changed. His plan for the changes that have to be made is apparently conceptualized and operationalized in his idea of 1Malaysia. In other words, Najib need to reconnect with the people of Malaysia by changing and by doing so the process of reconciliation will materialize. Youth being at the forefront of change will definitely have to be the targeted audience.

1Malaysia slogan reflected Najib's view of how the government should be responsible the people. The idea of people first and result oriented government is trying to portray his government commitment to deliver and abide by the demand of the people. This idea will be appealing to the youth who at this point of time are looking forward to have a more democratic government, i.e. government for the people and by the people.

While promoting the idea that his government will deliver, Najib has also unveiled his aspiration of what Malaysia should be in the year

2020 through 1Malaysia. Malaysia ought to become a develop nation by then and the key to deliver such result is the unity of Malaysians. The conceptualization of 1Malaysia is anchored on two aspects which are the unity of Malaysians and the socio-economic development of Malaysia. 1Malaysia dictates the idea of inter-ethnic acceptance and not merely tolerance. In order to develop the atmosphere of acceptance, Malaysians must abide by the principles of Rukun Negara and the Federation Constitution. The 1Malaysia governments will also strive for the people of Malaysia and guarantees social justice is enjoyed by all Malaysians. Through 1Malaysia, Najib urged Malaysians to adopt the 8 Aspiration Values which are designed to promote a result oriented society with integrity. For a start, his government has implemented the Key Performance Index (KPI) system where performance of the members of his cabinet will be measured objectively and systematically.

By judging from the above elaboration, 1Malaysia represents Najib aspiration to reconnect and to seek reconciliation. Malaysians in particular the youths have changed. Although the idea of 1Malaysia is somewhat similar to the idea of Bangsa Malaysia, 1Malaysia is more comprehensive. 1Malaysia includes the culture of high performance and socio-economic development as part of the concept. Such inclusion is in tandem with the outcome of the transformation which the youths have gone through. Civic minded Malaysians youths as described earlier are civic demanding and contentious. They have access to information which is abundant in the cyber space. As Malaysians, they demanded quality and professional service by the government. A quick glance into the threads of discussion of any socio-politico websites and blogs will reveal the true demanding and contentious faces of their readers. Hence, by promoting the culture of excellence among members of his government, Najib should be able to reconnect with the youth.

The nature of transformed youth in Malaysia may complicate the already complex inter-ethnic relation. Freedom of expression which they are now enjoying in the internet has provided a room for them to divulge their feelings on issues related to inter-ethnic relation. It has created expressiveness among Malaysian youths. 1Malaysia should be able to combat the negative impact of expressiveness by urging Malaysians to inculcate the spirit of acceptance instead of tolerance. Policies which are seem to be fair such as development package to assist the various

ethnic groups living in the interior of Sabah and Sarawak will portray BN government objective to uphold social justice for all Malaysians.

Despite having the potential to reconnect with the youth, 1Malaysia does not guarantee reconciliation. This could be due to the transformation the youth had gone through and also the construct of the Malaysian society. By judging from the nature of the transformed youths in Malaysia, BN government is continuously assessed. The 2009 Auditor General report reported abuse of public fund and had caused public furore in the print and electronic media. Port Klang Free Trade Zone scandal had also generated a lot of unwanted publicity which affect BN government reputation. Such unwanted publicity has to a certain extent produced negative implication for 1Malaysia. The ethnically polarized Malaysian society may produce challenges for the implementation of 1Malaysia. Even though 1Malaysia is supposed to unite Malaysians, ethnic polarization influences how Malaysians perceive and understand the concept. Malays and non Malays in Malaysia have different interpretation of 1Malaysia. Discussion in the socio-politico blogs revealed how Malaysians of different ethnic group of different political stands reacted either positively or negatively to 1Malaysia. This trait is evidently exhibited by the youths when they responded to the high court ruling to permit on the usage of Allah term by The Herald which is a Malaysian Catholic newsletter. Demonstration held by Muslim youth movements (The Star, 9.1.2010) and articulation of opinions by the Malaysian Muslim and the non-Muslim in the cyber space sphere indicated the polarized stand of Malaysian youths on issues which are concerning their religiosity or ethnicity. Such diversity may be too much to be handled and thus the reconciliation process will not be easy.

## CONCLUSION

Perhaps the greatest challenge 1Malaysia has to faced will be the transformed youth. Youth determine the future of Malaysia political scene. Their views and actions have to be prioritized. 1Malaysia is designed to reconnect with the transformed youth but the reconciliation will be difficult. Youths in Malaysia are no longer docile and pleasing them will be difficult. As such, the implementation of 1Malaysia should not be superficial. 1Malaysia must be translated into policies and programs which reflect BN's government aspiration to change and to improve.

The youths' paradigm has transformed. Najib's formulas of managing the effect of the change through Malaysia may not be able to achieve his ultimate objective which is to ensure power remain with BN if the government machinery failed to respond concretely to the demand of youths. All is not well with the opposition too. Even if they have the opportunity to be in power, they must ensure their policies and executions fit in perfectly to the needs of the youths. The informed, demanding, democratically inclined and contentious youths will definitely have the ability to choose again. Therefore, in contrast to the social conflict perspective, change does not stop after a revolution. Change should not be also dealt with by merely managing it. Change requires genuine response and action.

#### REFERENCE

- Abbott, J. P. 2004. *The Internet, Reformasi and Democratization in Malaysia*. In Gomez, E.T. (ed). *The State of Malaysia* (pp 79-104). London: Routledge.
- Crowfoot, J.E. 1974. *Contemporary Perspectives on Planned Social Change: A Comparison*. *Journal of Applied Behavioral Science*. Vol. 10(3):278-303.
- Dahlgren, P. 2001. *The Transformation of Democracy?* In Axford, B and Huggins, R. *New Media and Politics* (pp 64-89). London: Sage Publications.
- Giddens, A. ed. 1994. *Introductory Sociology: Theoretical Traditions in Social Science*. London: Macmillan.
- Gomez, E.T. ed. 2004. *The State of Malaysia*. London: Routledge.
- Harolambos, M. and Holborn, M. 2000. *Sociology: Themes and Perspective*. London: Collins.
- Hobson, D. 1980. *Housewives and the Mass Media*. In Hall, S. et. al. *Culture, Media, Language*. London. Hutchison.
- Hofstede, G. 2000. *The Cultural Relativity of the Quality of Life Concept*. In Weaver, G.R. (ed) *Culture, Communication and Conflict*. Boston: Pearson.
- Huggins, R and Axford, B. *New Media and Politics* (pp 64-88). London: Sage Publications.
- Knight, A. and Basu, S. 2009. *All That Twitter is not Gold: Where will Young People Get Their News*. *Media Asia*. 36(1): 5-11.
- Kueh, K. and Boo H. V. 2007. *Culture and Services Quality*



- Expectations: Evidence from Generation Y Consumers in Malaysia. Managing Service Quality.*  
17(6): 656-680.
- March 8 – *A day of reckoning by BN leaders.* New Straits Times. March 10, 2008.
- Moog, S. and Beltrao, J.S. 2001. *The Transformation of Political Communication.* In Axford, B and Huggins, R. *New Media and Politics* (pp 64- 89). London: Sage Publications.
- Parsons, T. 1966. *Societies: Evolutionary and Comparative Perspective.* New Jersey: Prentice-Hall.
- Quiet Protest at the Mosques. The Star. January 9, 2010, p. 4.
- Sinikka, S. 2004. *The Transformation of the Public Sphere.* In Axford, B and Huggins, R. *New Media and Politics* (pp 89-108). London: Sage Publications.
- Steele, J. 2009. *Professionalisme Online: How Malaysiakini Challenged Authoritarianism.* *The International Journal of Press/Politics.* 14(1): 91-110.
- Sztompka, P. 1994. *The Sociology of Social Change.* Oxford: Blackwell.
- Tang, H.W. 2009. *The Networked Electorate: The Internet and the Quiet Democratic Revolution in Malaysia and Singapore.* *Journal of Information, Law and Technology.*

Profil Penulis

**Chin Yee Mun, M.A**

Timbalan Dekan

Universiti Tunku Abdul Rahman

chinym@utar.edu.my

**Lee Yok Fee, PhD.**

Pensyarah Kanan

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

leeyokfee@putra.upm.edu.my

## PERANAN DAN CABARAN MAHASISWA MELESTARIKAN GAGASAN 1MALAYSIA

SARJIT S. GILL & CHARANJIT KAUR

### ABSTRAK

*Perpaduan dan integrasi nasional merupakan agenda utama kerajaan Malaysia terutama pemimpin negara sehingga hari ini. Pelbagai slogan, moto dan cogan kata serta program telah dianjurkan bertujuan mengeratkan perpaduan dan hubungan antara kaum melalui pelbagai dasar yang direncana. Rakyat Malaysia wajar memainkan peranan aktif dan positif sebagai ejen dalam mengurangkan konflik antara kaum di satu pihak dan meningkatkan perpaduan negara di satu pihak lain. Negara kita, Malaysia amat bertuah kerana memiliki kekayaan pelbagai budaya, agama dan bahasa. Gagasan 1Malaysia anjuran Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak memberi perhatian kepada “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”. Apakah belia terutama mahasiswa Malaysia memahami amanat Perdana Menteri? Apakah peranan dan cabaran yang perlu diberikan perhatian oleh golongan belia terutama mahasiswa dalam usaha mereka melestarikan gagasan murni ini? Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan peranan mahasiswa dan cabaran yang bakal ditempuhi dalam melestarikan Gagasan 1Malaysia.*

**Kata Kunci:** *Perpaduan, Integrasi, Belia, Mahasiswa, 1Malaysia*

### ABSTRACT

*Unity and national integration is the main agenda of the Malaysian government, especially the country's leaders up till the present time. Various slogans, mottos and programs have been organised for the purpose of fostering unity and relationship between races by means of various policies that have been planned. It is indeed appropriate that Malaysian citizens play an active, positive role as agents in reducing conflicts among races on one hand and increasing unity among them on the other. Our country, Malaysia, has been very fortunate as it possesses a wealth of diverse cultures, religions and languages. The idea of 1Malaysia put forward by the Prime Minister of Malaysia, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak gives importance to the slogan “People First, Performance Now”.*

*Do youths, particularly university students understand this message of the Prime Minister? What are the roles and the challenges that need to be given attention by the youth groups especially university students in their efforts to realise this noble aspiration? Hence, this article will discuss the roles of university students and challenges which they might encounter while promoting 1Malaysia.*

**Keywords:** *Unity, Integration, Youths, University Students, 1Malaysia*

## PENGENALAN

Perpaduan dan integrasi nasional merupakan agenda utama yang menjadi tumpuan kepimpinan negara sejak awal kemerdekaan lagi. Pelbagai slogan, moto dan cogan kata serta program telah dianjurkan bertujuan mengeratkan perpaduan dan hubungan antara kaum melalui pelbagai dasar yang direncana. Menurut Ding Choo Ming (2005: 17), perpaduan negara yang berkait erat dengan keselamatan dan juga yang boleh menentukan pembangunan negara adalah asas kepada pengekalan kemakmuran kita bersama. Oleh sebab itu, setiap rakyat Malaysia dikehendaki memainkan peranan aktif dan positif sebagai ejen dalam mengurangkan konflik antara kaum di satu pihak dan meningkatkan perpaduan negara di satu pihak yang lain.

Negara kita, Malaysia amat bertuah kerana memiliki kekayaan pelbagai budaya, agama dan bahasa. Keunikan, kekayaan dan kepelbagaian ini menjadi mercu tanda kejayaan negara dalam pengurusan hubungan etnik yang mementingkan aspek toleransi, budi pekerti dan kerjasama. Oleh itu, gagasan 1Malaysia yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak pada bulan April 2009 sebenarnya mementingkan slogan berbunyi “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”. Ungkapan ini perlu dihayati dengan minda terbuka kerana ia bertitik tolak di atas peristiwa Pilihan Raya Umum (PRU-12) yang lalu.

Gagasan 1Malaysia anjuran Datuk Seri Najib merupakan satu kesinambungan dan perjuangan para mantan Perdana Menteri Malaysia seperti Almarhum Tunku Abdul Rahman, agenda perpaduan kaum telah diperjuangkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad menerusi ‘Wawasan 2020’ dan slogan ‘Cemerlang, Gemilang dan Terbilang’ yang dipopularkan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi. Penulis percaya semua gagasan dan slogan

yang diilhamkan oleh para YAB Perdana Menteri mempunyai mesej untuk meningkatkan semangat perpaduan yang harmoni dalam kehidupan seharian. Perlu ditegaskan usaha meningkatkan semangat perpaduan bukan satu perkara mudah kerana ia perlu disemai dan disuburkan sejak dari kecil lagi. Oleh itu peranan institusi sosial seperti institusi keluarga dan pendidikan amat penting dalam menyemai benih dan baja bermutu untuk meningkatkan semangat perpaduan. Penulis optimis gagasan 1Malaysia merupakan satu cetusan idea yang bernas pada masanya untuk meningkatkan nilai tambah dalam memupuk semangat perpaduan dan hubungan etnik yang bersepadu dalam kalangan rakyat Malaysia.

## LATAR BELAKANG PERPADUAN KAUM DI MALAYSIA

Peristiwa 13 Mei 1969 telah memberi amaran yang keras kepada pemimpin dan rakyat Malaysia untuk bersatu padu agar dapat hidup bersama-sama dengan aman dan damai (Tunku Abdul Rahman, 1969; Ting Chew Peh, 1986; Ding Choo Ming, 2005). Apakah asas perpaduan kaum selepas tragedi rusuhan kaum pada 1969? Secara umumnya, ideologi negara, iaitu Rukun Negara yang diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 selepas Peristiwa 13 Mei 1969 membuktikan pihak kerajaan menyedari bahawa penumpuan pembangunan negara sebelum itu terlalu menitikberatkan aspek fizikal. Peristiwa 13 Mei 1969 ternyata memberi kesan yang mendalam kepada semua pihak. Keamanan serta kesejahteraan masyarakat perlu dipelihara (Tunku Abdul Rahman, 1969). Melalui buku Rancangan Malaysia Kedua (RM ke 2), kita mengetahui terdapat pemecahan dan pemisahan yang wujud dalam masyarakat. RM ke 2 telah menyatakan dengan tegas dan jelas bahawa perpaduan nasional merupakan tujuan pencapaian terpentingnya, mengatasi dua objektif Dasar Ekonomi Baru (DEB), iaitu pertama membasmi kemiskinan dan kedua menyusun semula masyarakat.

Kerajaan mula berusaha ke arah mengisi kekosongan dalam kehidupan masyarakat di Malaysia supaya dapat membina satu bangsa Malaysia yang bersatu padu dan membangkitkan semangat cintakan tanah air. Badan yang bertanggungjawab atas penggubalan Rukun Negara ialah Majlis Perundingan Negara (MPN). Draf Rukun Negara telah dibincangkan dan dibuat pindaan beberapa kali oleh MPN sebelum diluluskan oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). Setelah Rukun Negara digubalkan, ia

telah disampaikan kepada rakyat Malaysia, terutama generasi muda melalui pendidikan dan media massa. Pelajar di sekolah dipastikan boleh menghafal lima prinsip Rukun Negara dan berikrar untuk mematuhiinya sebelum memulakan aktiviti pelajaran harian dan semasa perhimpunan mingguan. Rukun Negara dipaparkan di pelbagai medium seperti di muka belakang buku latihan sekolah, poster di dinding pejabat dan juga di tembok bangunan awam dan swasta. Selain itu, ia juga digubal dalam bentuk lagu untuk mempopularkan peri penting dan manfaat mematuhiinya.

Namun, sejauh manakah rakyat Malaysia benar-benar memahami dan menghayati ideologi negara tersebut secara murni? Penghafalan Rukun Negara sahaja adalah tidak mencukupi. Lebih-lebih lagi, penghafalan pelajar adalah tidak lengkap dan boleh mengelirukan. Pada pengetahuan dan pengalaman penulis, penghafalan Rukun Negara semasa di sekolah bermula dengan bahagian tengah intisarinya, iaitu bermula dengan bahagian "Maka kami rakyat Malaysia berikrar akan mencapai cita-cita tersebut..." dan seterusnya lima prinsip Rukun Negara. Penghafalan yang bermula dengan bahagian tersebut menyebabkan pelajar tidak tahu atau tidak ingat apakah tujuan utama Rukun Negara dan cita-cita yang ingin dicapai. Maksud lima prinsip Rukun Negara juga tidak diterangkan dengan jelas. Mata pelajaran yang memainkan peranan penting dalam menyampaikan pengetahuan tersebut seperti Sivik atau Tata Rakyat sentiasa diabaikan dalam kurikulum sekolah. Hal tersebut disebabkan pihak pelajar dan juga sekolah lebih mementingkan subjek yang menyumbang kepada keputusan dalam peperiksaan utama seperti Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Perkara ini menyebabkan penghafalan Rukun Negara dan berikrar di perhimpunan awam hanyalah satu obligasi sebagai rakyat dan ritual yang tidak bermakna. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa ideologi negara yang ideal ini belum lagi disemai dengan betul dan turut tidak berakar dan berkembang dalam kalangan jiwa rakyat Malaysia. Secara ringkas, walaupun penggubalan Rukun Negara adalah akibat Peristiwa 13 Mei 1969, namun Rukun Negara seharusnya dilihat pada perspektif yang lebih luas dan dijadikan teras utama untuk pembinaan modal insan yang seimbang. Rukun Negara merupakan satu ideologi yang penting kerana ia merangkumi aspek penting kehidupan seseorang insan dalam masyarakat terutama dari segi perpaduan, keadilan, demokrasi dan kebebasan. Reka bentuknya sesuai untuk semua kumpulan etnik dan setiap lapisan dalam masyarakat (Lee & Sarjit 2008: 111).

## EPISTEMOLOGI GAGASAN 1MALAYSIA

Gagasan 1Malaysia yang diilhamkan oleh Datuk Seri Mohd Najib mulai popular selepas pelancaran laman web [www.1Malaysia.com.my](http://www.1Malaysia.com.my) yang jelas membuktikan kesungguhan Perdana Menteri mendapatkan terus daripada rakyat untuk membangunkan masyarakat dan negara. Beliau menegaskan:

“Apa yang menjadikan Malaysia unik adalah kepelbagaian rakyat kita. Matlamat 1Malaysia adalah untuk mengekalkan dan meningkatkan perpaduan di dalam kepelbagaian ini yang selama ini menjadi kekuatan kita dan akan kekal sebagai bekalan terbaik kita untuk masa hadapan”.

(YAB Datuk Seri Najib Tun Razak, 2009  
Dipetik dari [www.1Malaysia.com.my](http://www.1Malaysia.com.my))

Gagasan 1Malaysia memberi harapan baru kepada semua lapisan masyarakat termasuk komuniti minoriti dan kelompok belia seperti mahasiswa tentang tema perpaduan dan hubungan etnik. Peranan semua ahli masyarakat amat penting untuk menyemarakkan semangat perpaduan kerana teras utama gagasan 1Malaysia bertunjangkan prinsip mesra rakyat, iaitu “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”. Dalam usaha kita meningkatkan hubungan majoriti-minoriti, gagasan 1Malaysia juga bertujuan meningkatkan kesejahteraan dan kestabilan sosial dalam kehidupan ahli masyarakat.

Gagasan 1Malaysia mengutamakan kepentingan rakyat tanpa mengira latar sosio-budaya dan ekonomi. Ia turut menyarankan agar warga Malaysia terutama generasi muda untuk mengamalkan semangat patriotik dan menumpahkan taat setia, kecintaan dan menabur bakti kepada negara sepanjang masa. Oleh itu, adalah amat wajar bagi kita semua mencintai Malaysia dan memajukan negara dalam pelbagai lapangan yang diceburi. Para pemimpin mahasiswa juga mempunyai peranan dalam memajukan negara dan memperkasa imej Malaysia terutama di persada antarabangsa. Dasar Belia Negara dan Dasar Sosial Negara yang telah direncana oleh kerajaan perlu diberikan perhatian oleh komuniti mahasiswa. Ia penting kerana menuntut mahasiswa untuk memajukan masyarakat dan negara Malaysia. Komuniti mahasiswa juga perlu terus aktif dalam menjana idea kerana mahasiswa memiliki kemahiran insaniah yang lebih baik berbanding masyarakat massa.

## LAPAN NILAI UTAMA 1MALAYSIA

Dato' Seri Mohd Najib telah menzahirkan lapan nilai utama dalam gagasan 1Malaysia sebagai rujukan dan panduan ahli masyarakat dalam kehidupan seharian. Beliau menegaskan bahawa semua nilai tersebut saling melengkapi antara satu sama lain, justeru ia tidak harus dilihat secara terpisah tetapi secara keseluruhan dan bersepadu. Dato' Seri Mohd Najib juga menyarankan bahawa semua nilai tersebut harus dipupuk dan dibina sebagai asas gagasan 1Malaysia bagi membangun Bangsa Malaysia yang bersatu dan maju. Penulis percaya semua nilai 1Malaysia tersebut berpegang teguh kepada ajaran agama yang mementingkan nilai sejagat serta diamalkan oleh masyarakat Malaysia. Antara lapan nilai 1Malaysia ialah budaya kecemerlangan, ketabahan, rendah hati, penerimaan, kesetiaan, meritokrasi, pendidikan dan integriti.

## PERANAN MAHASISWA MELESTARI GAGASAN 1MALAYSIA

Komuniti mahasiswa memainkan peranan penting dalam menjayakan gagasan 1Malaysia. Mahasiswa adalah golongan belia yang mempunyai potensi untuk memajukan negara dan meningkatkan asas semangat perpaduan kaum. Justeru pengiktirafan dan sumbangan mahasiswa adalah amat perlu kerana mereka adalah aset bernilai dan barisan pelapis kepimpinan negara. Penulis berpendapat ada tiga peranan utama mahasiswa dalam memajukan gagasan 1Malaysia dalam konteks perpaduan kaum di negara tercinta ini.

Pertama, peranan mahasiswa dalam memahami dan menghormati kepelbagaian budaya etnik di Malaysia. Perkara ini penting kerana golongan mahasiswa sering berinteraksi dengan pelbagai kumpulan etnik semasa pembelajaran dan bergiat dalam aktiviti ko-kurikulum di kampus. Kedua-dua aktiviti ilmiah dan bukan ilmiah ini adalah satu cara terbaik dalam meningkatkan semangat perpaduan. Pada masa sama ia penting untuk mengikis stigma sosial yang dilabel oleh segelintir pihak terutama media massa bahawa jurang polarisasi kaum semakin bermasalah di universiti. Persepsi negatif tentang hal berkenaan perlu diubah oleh komuniti mahasiswa sendiri dengan mengemukakan pelbagai pendekatan dan strategi melalui program yang selaras dengan gagasan 1Malaysia. Perlu ditegaskan jalinan persahabatan, toleransi dan rasa hormat menghormati banyak dipelajari semasa di kampus. Dengan menerima pandangan

mahasiswa dalam pembangunan universiti maka kita dapat mengubah persepsi seperti yang disebutkan tadi.

Lawatan Dato' Seri Mohd Najib meraikan Hari Vaisakhi bersama masyarakat Sikh pada 14 April 2009 di sebuah Gurdwara berpusat di Kuala Lumpur dan perayaan Hari Wesak di Kuil Fo Guang Shan (FGS) Dong Zen, pada 9 Mei 2009 memberi pelbagai mesej penting kepada semua lapisan masyarakat dan pemimpin politik. Antaranya ia membuktikan hasrat Dato' Seri Mohd Najib untuk menjadi Perdana Menteri Rakyat yang memberi perhatian kepada usaha untuk meningkatkan semangat perpaduan dalam jiwa warga Malaysia. Penulis berpendapat golongan mahasiswa juga boleh memainkan peranan dengan mencontohi keprihatinan Perdana Menteri untuk meraikan perayaan pelbagai kaum untuk meningkatkan perpaduan dan persahabatan sebagai warga Malaysia. Gagasan Malaysia tidak meminggirkan mana-mana etnik sebaliknya mementingkan konsep mesra rakyat. Oleh sebab itu, penulis percaya kita semua mempunyai peranan untuk meningkatkan semangat perpaduan sepanjang masa.

Kedua, peranan mahasiswa dalam memartabatkan nilai-nilai moral dan rohaniah dalam kehidupan manusia dan masyarakat. Perlu ditegaskan agama menjadi pegangan dan panduan utama dalam kehidupan seharian kita. Oleh itu, mahasiswa sebagai pemimpin perlu menunjukkan teladan yang baik kepada masyarakat dari segi tingkah laku, adab sopan dan tutur kata. Hal ini kerana masyarakat melihat mahasiswa sebagai orang yang berilmu dan seharusnya menjaga tingkah laku selaras dengan nilai moral dan kerohanian. Menurut Chandra Muzaffar (2007: 135), dalam masyarakat berbilang agama, perkongsian prinsip serta nilai moral dan rohaniah seharusnya disebarkan menerusi institusi keluarga, sekolah, media dan lain-lain kaedah komunikasi massa. Semua masyarakat mampu mengenal pasti nilai dan prinsip tersebut. Ringkasnya, nilai dan prinsip ini adalah milik setiap komuniti namun menjangkau pada komuniti lain. Ini merupakan sebahagian daripada warisan moral dan rohaniah universal manusia.

Ketiga, peranan mahasiswa menyalurkan pandangan secara berhemah kepada pihak berwajib untuk tujuan meningkatkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Pandangan mahasiswa amat penting dan seharusnya dimajukan melalui pelbagai saluran terutama wacana ilmiah. Pemimpin mahasiswa yang peka dengan perkembangan semasa dalam dan luar negara perlu mengambil sikap proaktif untuk menjana idea dan menasihati pihak berwajib tentang isu kemasyarakatan dan pembangunan serta hala tuju negara. Sekiranya tidak, maka masyarakat akan melabel



komuniti mahasiswa sebagai lesu, kurang peka dan kurang prihatin dengan perkembangan semasa. Penulis percaya komuniti mahasiswa perlu membincangkan isu makro tentang hal ehwal kemasyarakatan seperti jenayah, polarisasi kaum, masalah sosial, pengangguran belia dan sebagainya. Namun penulis jarang membaca pemimpin mahasiswa menulis dalam media arus perdana tentang pelbagai isu tersebut terutama yang berkaitan dengan tema perpaduan. Sebaliknya pemimpin mahasiswa lebih cenderung menulis dan memperjuangkan isu mikro yang berlegar dalam kampus seperti harga makanan kantin mahal, bantuan PTPTN lewat dan kekurangan bas. Penulis berharap pemimpin mahasiswa perlu menilai kembali peranan mereka dan membantu agensi berwajib menjana idea bernas untuk tujuan pembangunan masyarakat dan negara. Hal ini kerana komuniti mahasiswa dipandang sebagai aset yang bernilai dan modal insan yang berkualiti sebagai pemimpin masa depan negara.

## CABARAN MAHASISWA MENJAYAKAN 1MALAYSIA

Penulis membayangkan dua cabaran besar mungkin dihadapi oleh mahasiswa dalam menyemarakkan semangat untuk menjayakan gagasan 1Malaysia, iaitu cabaran dalaman dan luaran. Kedua-dua cabaran ini perlu ditangani secara profesional oleh pemimpin mahasiswa dari semasa ke semasa.

Antara cabaran dalaman yang mungkin perlu diberikan perhatian adalah aspek pembangunan minda mahasiswa. Hal ini kerana sebagai pemimpin mahasiswa mereka seharusnya berperanan dalam menjana idea baru untuk menyemarakkan dan mempromosikan semangat perpaduan di kalangan mahasiswa terutama di dalam kampus. Misalnya program perpaduan perlu dipertingkatkan oleh barisan Majlis Perwakilan Mahasiswa (MPP) sama ada melalui aktiviti ilmiah, ko-kurikulum, kesukanan, sambutan perayaan dan sebagainya. Namun kebanyakan aktiviti yang dijalankan lebih cenderung kepada persatuan mahasiswa Melayu, Cina dan India. Inilah masalah utama yang membelenggu pemikiran mereka kerana melihat perpaduan lebih kepada intra etnik (dalam masyarakat sendiri) berbanding inter etnik (kepelbagaian masyarakat). Ia secara tidak langsung membina semangat etnosentrisme dalam sanubari mereka.

Etnosentrisme merujuk kepada kepercayaan atau rasa bangga yang wujud di kalangan anggota sesebuah kelompok etnik bahawa budaya

dan etnisiti mereka adalah jauh lebih baik dan hebat daripada kelompok lain. Etnosentrisme juga membawa makna suatu perspektif yang melihat kelompok etnik lain menerusi lensa dan kaca mata etnik sendiri (Shamsul Amri Baharuddin 2007: 11). Penulis berpendapat bahawa semangat etnosentrisme inilah yang melebarkan jurang polarisasi kaum dalam kalangan mahasiswa di kampus. Penulis percaya perubahan minda ini perlu disegerakan dalam usaha menyahut amanat Datuk Seri Najib untuk meningkatkan semangat perpaduan melalui gagasan 1Malaysia.

Cabaran luaran pula adalah berkait rapat dengan penguasaan dan penggunaan komunikasi dan teknologi maklumat (ICT). Penulis berpendapat pemimpin mahasiswa perlu mengambil inisiatif untuk menyampaikan mesej gagasan 1Malaysia kepada ahli masyarakat dengan menggunakan pelbagai kemudahan ICT. Tugasan ini perlu diberikan perhatian kerana bukan semua ahli masyarakat mempunyai kemudahan (akses) dengan ICT terutama mereka yang mendiami kawasan luar bandar. Oleh itu, pemimpin mahasiswa perlu memahami gagasan 1Malaysia untuk tujuan perbincangan dan perkongsian ilmu sama ada di dalam mahupun luar kampus. Mahasiswa boleh menguasai kemudahan medium ICT terkini seperti facebook, blog, twitter untuk tujuan perkongsian ilmu mengenai gagasan 1Malaysia. Malah laman blog Dato' Seri Mohd Najib, iaitu [www.1Malaysia.com](http://www.1Malaysia.com) juga banyak membantu ahli masyarakat untuk berkongsi idea dan mencatat komentar. Perlu ditegaskan ahli masyarakat memerlukan bantuan mahasiswa untuk menerangkan gagasan 1Malaysia dalam bahasa yang mereka mudah difahami. Sudah tentu cabaran ini harus dipikul secara objektif oleh mahasiswa kerana kedudukan mereka dipandang tinggi oleh ahli masyarakat sebagai barisan pelapis kepimpinan negara. Penulis percaya mahasiswa mempunyai potensi dan sumbangan yang besar untuk membantu pemimpin negara bagi menterjemahkan amanat gagasan 1Malaysia secara berterusan kepada semua kelompok masyarakat di Malaysia dan peringkat antarabangsa.

## REAKSI AWAL GAGASAN 1MALAYSIA

Bukan semua manusia suka melihat pembaharuan untuk memajukan gagasan 1Malaysia dengan kanta mata yang sama. Ada yang suka memberikan tekanan untuk melemahkan pihak pemerintah. Sayang sekali, gagasan 1Malaysia yang boleh membawa satu transformasi sosial

dan perubahan kepada masyarakat Malaysia telah diperkotak-katikkan dengan sewenang-wenangnya. Respons yang diberikan mengenai gagasan 1Malaysia dalam blog dan media massa banyak sekali. Ada yang cuba mengelirukan dengan memberikan tafsiran yang sempit untuk tujuan politik seperti menyamakan dengan 'Malaysian Malaysia' yang pernah dipopularkan oleh Menteri Mentor Singapura Lee Kuan Yew.

Memandangkan dalam era informasi yang sarat dengan pelbagai ilmu dan maklumat yang mudah dan pantas diperolehi, maka pihak kerajaan perlu memastikan tiada pihak yang cuba memperlekehkan agenda perpaduan melalui gagasan 1Malaysia. Ketegasan Tan Sri Muhyiddin Yassin dengan lantang menegaskan konsep 1Malaysia ini sangat jauh berbeda dengan konsep 'Malaysian Malaysia'. Menurut beliau, sebagai rakyat kita seharusnya mempunyai perasaan 'keMalaysianan' dan bertanggungjawab untuk bersama-sama berganding bahu memajukan lagi sosio-ekonomi negara ini tanpa memperlekehkan semangat kerjasama dan perpaduan. Justeru, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim turut menggesa semua stesyen televisyen di negara ini untuk menerbitkan lebih banyak drama dan program yang berwajahkan 1Malaysia agar masyarakat sentiasa merasakan mereka juga sebahagian daripada program yang ditayangkan sama ada berita, rencana, budaya, seni warisan dan sebagainya. Secara ringkas, peranan agensi media massa juga amat penting untuk menyampaikan maklumat yang tepat dan telus tentang 1Malaysia (Sarjit & Charanjit 2009: 118-119).

Nilai yang murni dalam setiap prinsip Rukun Negara harus dijadikan teras pembinaan modal insan. Seperti yang disarankan oleh Abdul Rahman Embong (2006), kemahiran yang tinggi dan pengetahuan yang banyak tidak semestinya dapat menjamin seseorang rakyat menyumbang kepada pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat. Bahkan kita sering membaca dan mengetahui bahawa orang yang berpendidikan dan berpengetahuan boleh menjadi perosak masyarakat, penjenayah, perasuah, penipu serta manusia yang rakus dan angkuh. Dia juga boleh menjadi seorang yang sempit pandangannya, buruk prasangka, tidak jujur, dan tidak toleran terhadap pandangan orang lain dan tidak bertanggungjawab. Nilai dan sikap yang murni seperti yang terdapat dalam ideologi negara kita adalah penting untuk membina modal insan yang lebih unggul. Tanpa set nilai tersebut, ilmu pengetahuan dan kemahiran tidak semestinya mendatangkan manfaat kepada masyarakat dan negara (Lee & Sarjit 2008: 113).

Menurut Abdul Rahman Embong (2009: 30), gagasan 1Malaysia memang kesinambungan satu perjuangan tetapi ia juga sesuatu yang membawa tumpuan atau fokus baru sesuai dengan tuntutan zaman sejarah baru. Seperti diungkapkan oleh Datuk Seri Najib, keutamaan dalam gagasan ini tetap pada perpaduan, yakni, perpaduan yang lebih kental dan mendalam, perpaduan yang berlandaskan tuntutan bahawa semua kaum harus keluar dari tembok atau bingkai kaum masing-masing dan melihat diri sebagai orang Malaysia atau Bangsa Malaysia. Pelbagai rancangan dan program pembangunan juga adakah untuk semua kaum, lapisan dan wilayah. Maka boleh kita simpulkan bahawa gagasan ini bukanlah satu anomali atau terasing dan terpisah daripada alur sejarah dan tradisi. Ia memang penerusan cita-cita perjuangan para pendahulu pemimpin negara dalam zaman sejarah yang baru selaras dengan tuntutan keadaan yang baru di samping memberi penegasan, warna dan semangat tersendiri kepimpinan yang berada pada hari ini. Gagasan ini secara khusus mengambil kira struktur dan wajah masyarakat dan ekonomi Malaysia yang sudah berubah secara mendalam dan juga senario antarabangsa yang semakin mencabar khususnya dari segi tuntutan daya saingnya (Abdul Rahman Embong 2009: 30).

## PENUTUP

Gagasan “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” mencerminkan transformasi atau perubahan yang ingin dibawa secara bersepadu oleh Dato’ Seri Mohd Najib. Penulis berharap agar pemimpin mahasiswa memberikan perhatian dan minat kepada gagasan tersebut untuk tujuan pendidikan kepada ahli masyarakat. Tema utama gagasan 1Malaysia yang berpaksikan kepada semangat perpaduan perlu diperjuangkan kerana ia mementingkan konsep masyarakat penyayang dan mesra rakyat. Secara ringkas, gagasan 1Malaysia mementingkan perasaan kekitaan (sense of belonging) dan ia mudah difahami. Hubungan etnik wajar dimantapkan dari semasa ke semasa agar mencapai satu tahap integrasi yang lebih bersepadu. Peranan mahasiswa sebagai komuniti berilmu dan berdaya saing perlu mementingkan lapan nilai 1Malaysia yang disaran oleh YAB Perdana Menteri. Perlu ditegaskan bahawa masa depan negara kita ditentukan oleh perpaduan rakyat berbilang kaum. Apa yang pasti, dengan penglibatan aktif semua pihak terutama mahasiswa sebagai pelapis dan aset bernilai maka cita-cita negara untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang mengutamakan prestasi berpaksikan keutamaan rakyat bukanlah sesuatu yang mustahil.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. 2006. *Pembangunan insan dalam agenda pembangunan negara. Kertas Plenari Seminar Kebangsaan "Psikologi Pembangunan Komuniti ISM-UKM – Pendekatan Psikologi Dalam Pemerkasaan Pembangunan Komuniti"*, Kuala Lumpur, 20-21 Disember.
- Abdul Rahman Embong. 2009. *Gagasan 1Malaysia: Pemahaman dan Takrifan. Kertas kerja Seminar Gagasan 1Malaysia: Kesenambungan Satu Perjuangan. Anjuran Kerajaan Negeri Terengganu dengan kerjasama Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 7 Jun, Terengganu.*
- Chandra Muzaffar. 2007. *Mewujudkan sebuah masyarakat berintegriti. Dalam. Anis Yusaf et.al (Editor), Integriti Politik di Malaysia: ke arah kefahaman yang lebih sempurna, hlm. 133-161.* Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia.
- Ding Choo Ming. 2005. *Perpadaun Kaum dan Toleransi Agama di Malaysia. Pemikir, Julai-September: 15-36.*
- Lee Yok Fee & Sarjit S. Gill. 2008. *Rukun Negara Teras Pembinaan Modal Insan: Satu Komentar. Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities, Vol. 16 (1) Mar: 107-113.*
- Ting Chew Peh. 1986. *Masalah Perkauman dan Perpaduan.* Kuala Lumpur: Buku Kreatif.
- Tunku Abdul Rahman. 1969. *May 13: Before & After.* Kuala Lumpur: Utusan Melayu Press.
- Sarjit S. Gill & Lee Yok Fee. 2008. *Islam Hadhari dan Pembinaan Modal Insan: Satu Komentar. Jurnal Manusia & Masyarakat, Vol. 16: 254-267.*
- Sarjit S. Gill. 2009. *Gagasan 1Malaysia dari perspektif belia. Kertas kerja Konvensyen Belia Kebangsaan 2009: Belia Berwawasan Penggerak Kejayaan. Anjuran Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dan Majlis Belia Malaysia, 14-16 Mei, Melaka.*
- Sarjit S. Gill & Charanjit Kaur. 2009. *Gagasan 1Malaysia: pelaksanaan & strategi dari perspektif minoriti. Kertas kerja Seminar Gagasan 1Malaysia: Kesenambungan Satu Perjuangan. Anjuran Kerajaan Negeri Terengganu dengan kerjasama Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 7 Jun, Terengganu.*
- Shamsul Amri Baharuddin (Ketua Editor). 2007. *Modul Hubungan Etnik. Shah Alam: Penerbit UiTM.*

Profil Penulis

**Sarjit S. Gill, PhD**

Ketua Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan  
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Merangkap

Felo Adjung di Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia  
(IPPBM)

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Ahli Institut Integriti Malaysia (IIM)

sarjit@putra.upm.edu.my

**Charanjit Kaur**

Pensyarah Sosiologi

Jabatan Pengajian Umum

Fakulti Industri Kreatif

Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)

charanjit@utar.edu.my

## **PERANAN BELIAWANIS SEBAGAI MODAL INSAN MEMENUHI GAGASAN 1MALAYSIA**

SITI KHARIAH MOHD ZUBIR & MOHD RA'IN SHAARI

### **ABSTRAK**

*Makalah ini membicarakan tentang peranan beliawanis sebagai modal insan yang memenuhi gagasan 1Malaysia. Beliawanis menjadi aset bernilai kepada negara dan menjadi harapan nusa bangsa menuju kemajuan selaras dengan gagasan 1Malaysia. Berdasarkan penelitian, pengkaji mendapati bahawa beliawanis memainkan peranan penting dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, ekonomi, politik dan sosial. Dalam bidang pendidikan, didapati 68% beliawanis terlibat dalam sektor pendidikan seperti sebagai pelajar atau guru. Dalam bidang politik, beliawanis telah bertanding menjadi ahli DUN atau Parlimen sehingga layak menjadi Menteri atau Timbalan Menteri. Dalam bidang sosial, beliawanis memainkan peranan penting dalam persatuan atau NGO. Justeru, sumbangan beliawanis sebagai modal insan dalam memajukan negara perlu diteliti dan dihargai.*

**Kata Kunci:** *Beliawanis, Institusi, Kesaksamaan, Kualiti Diri, Modal Insan*

### **ABSTRACT**

*This article discusses the role of female youths as role models to achieve the 1Malaysia concept. Female youths are valuable assets to the nation and are the hope towards national development in view of 1Malaysia. Based on the researcher's findings, female youths play an important role in a variety of domains like education, economy, politics and social. In the field of education, it is found that 68% of female youths are involved both as teachers or students. In politics, female youths have successfully secured positions as State Exco and Parliament members, not to mention Deputy Ministers and Ministers. In the social environment female youths play important roles in societies and NGOs. Therefore, the contributions of female youths as role models towards national development must be given due considerations and appreciated.*

**Keywords:** *Female Youth, Institution, Equity, Person Quality, Human Capital*

## PENGENALAN

Dalam memastikan pembangunan negara berjalan dengan lancar, maka peranan beliawanis tidak boleh diketepikan. Sumbangan beliawanis dari pelbagai aspek kehidupan seperti ekonomi, sosial dan politik di kebanyakan negara di dunia begitu dominan sekali. Pembentangan Rancangan Malaysia ke-9 (RMK 9) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi baru-baru ini telah menyasarkan pembangunan modal insan sebagai teras utama pembangunan negara dalam mencapai Wawasan 2020. Penumpuan kepada tiga strategi utama untuk melahirkan modal insan kelas pertama iaitu meningkatkan keupayaan dan penguasaan ilmu, mengukuhkan keupayaan sains, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta inovasi dan memupuk masyarakat berbudaya serta memiliki kekuatan moral merupakan langkah bijak yang harus didukung bersama-sama dan mahasiswa khususnya perlu menyahut seruan ini. Hal ini amat bertepatan dengan kehendak Perdana Menteri sendiri yang meminta seluruh rakyat terlibat secara langsung dalam proses RMK-9 tanpa memikirkan kepentingan diri.

Modal insan merupakan aset yang boleh disuntik nilai tambahnya, ditingkatkan nilai inteleknya serta diperkaya modal budayanya. Pembangunan modal insan adalah penentu bagi meningkatkan daya saing dan produktiviti negara. Bersesuaian dengan kehendak industri serta pasaran semasa dan masa hadapan, pembangunan modal insan perlu dirancang dengan rapi agar dapat melahirkan guna tenaga yang terlatih dan berdaya saing, sepadan dan mencukupi dengan keperluan negara pada 2020.

## KONSEP MODAL INSAN

Modal insan dapat ditakrifkan sebagai satu usaha untuk melahirkan masyarakat yang berketerampilan cemerlang, gemilang dan terbilang. Satu usaha yang baik pada julung-julung kalinya diperkenalkan oleh mantan Perdana Menteri yang ke-5, iaitu Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi. Hal yang demikian adalah disebabkan inisiatif beliau supaya masyarakat Malaysia berkualiti tinggi demi pelbagai aspek kehidupan seperti aspek politik, ekonomi dan sosial yang merangkumi sahsiah, berpengetahuan, berkemahiran, inovatif, memiliki nilai jati diri, beretika, mempunyai pendidikan, terlatih dan mempunyai pekerjaan sewajarnya.



Mohd. Arifin Ghazali (2007: 288) mentakrifkan modal insan sebagai sumber manusia yang akan menyumbang bakti apabila bekerja atau mendapat pekerjaan nanti. Pendek kata modal insan merupakan tenaga manusia yang akan menentukan gagal jaya sesuatu perancangan untuk mencapai sesuatu matlamat. Sekiranya modal insan yang dilakukan tidak menepati kriteria yang diharapkan, pastinya aspirasi, objektif dan matlamat organisasi tidak akan berjaya.

Selanjutnya, Ratna Rozhida Abd. Razak (2007: 468) mendefinisikan modal insan sebagai idea atau buah fikiran. Mungkin masih ada manusia yang tidak mengenali diri mereka secara jelas. Perkara ini jika dibiarkan boleh menghalang seseorang untuk melakukan yang terbaik untuk dirinya. Janganlah sampai kita berada di dalam kesesatan oleh kerana tidak mengenali diri sendiri. Bukan itu sahaja, malahan jatuh bangun bangsa, sejarah dan peradaban, begitu juga dengan keagungan dan keadilan bangsa kita juga berpunca dari kegagalan manusia mengenali diri mereka sendiri.

Manakala menurut Abdul Rahman Embong (2006: 120) pada konsep pembangunan modal insan adalah sebahagian daripada konsep pembangunan insan atau (pembangunan manusia) yang lebih luas, yang sudah diterima pakai oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mulai tahun 1990. Mahbub ul-Haq (1995) merupakan salah seorang pakar ekonomi dari Pakistan yang mempelopori konsep ini menjelaskan bahawa pembangunan modal insan ialah pembangunan yang berpusatkan manusia, di mana manusia menjadi ejen pembangunan dan sekali gus matlamat akhir pembangunan.

Sarjit S. Gill dan Lee Yoke Fee (2007: 51) menyatakan secara keseluruhan, modal insan merupakan individu yang tidak bersifat individualistik tetapi bersifat sebahagian daripada masyarakat Malaysia, berilmu, berkeyakinan, memiliki nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan santun, keluarga mantap, berdisiplin, dinamik, berdaya tahan tinggi, berinovasi, kreatif, sihat, bersemangat patriotik dan nasionalisme, adil, bersikap progresif, cekal, berintegrasi dan budaya saing. Modal insan penting kerana memiliki personaliti unggul dan masyarakat perlu mengamalkannya demi menentukan hala tuju pembangunan negara pada masa hadapan.

Shaharuddin Baharuddin (2007: 527) memberikan tafsiran modal insan secara umum ialah merujuk kepada manusia yang dikategorikan

berdasarkan kepada keupayaan atau kebolehan dan kemahiran yang ada pada diri seseorang di dalam perkongsian atau bagaimana seseorang pekerja itu boleh memberikan pulangan pendapatan kepada organisasi atau sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi bagi sesebuah negara. Dia juga menjelaskan bahawa modal insan merujuk kepada usaha dalam meletakkan nilai tara di antara diri dan pekerjaan yang akan dilakukan atau pengukuran nilai ekonomi terhadap aset kemahiran yang dimiliki oleh para pekerja berasaskan kepada aset yang dimiliki oleh seseorang individu. Aset yang dimaksudkan di sini merujuk kepada keupayaan, kebolehan, kemahiran seseorang pekerja tersebut bagi melakukan pekerjaannya.

Lanoche dan Menette (dalam Abd Rahman Ahmad, 2006:12), mengatakan bahawa modal insan boleh diertikan sebagai satu himpunan keupayaan dalaman, pengetahuan dan kemahiran yang dibina dan dimiliki oleh setiap individu sepanjang hayatnya. Keupayaan dalaman bermaksud gambaran tentang potensi intrinsik dalam memperoleh kemahiran oleh seseorang individu. Pendapat ini bolehlah dirumuskan sebagai keseluruhan aspek keupayaan fizikal, intelektual dan psikologi yang dimiliki oleh seseorang individu sejak dilahirkan ke alam ini untuk dimanfaatkan oleh organisasi.

Becker (dalam Abd. Rahman Ahmad, 2006: 13), pula berpendapat bahawa modal insan turut menekankan kepada pengetahuan, maklumat, idea-idea, kemahiran dan tahap kesihatan yang dimiliki oleh seseorang individu dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab. Beliau telah mengklasifikasikan modal insan kepada dua kategori, iaitu modal insan khusus dan modal insan umum merujuk kepada pengetahuan atau kemahiran yang dimiliki oleh setiap individu dan berguna untuk dirinya sahaja. Manakala modal insan umum merujuk kepada pengetahuan atau kemahiran yang boleh digunakan oleh semua individu yang terlibat.

Menurut pendapat Prof. Dr. Sidek Baba dalam kertas kerjanya yang dipetik oleh Hasliza Hassan (2006: 15) menyatakan bahawa modal insan dalam erti yang luas memerlukan ilmu, keterampilan dan nilai berguna supaya gerak kerja pengurusan sumber bernilai ekonomi dan saintifik sifatnya terarah. Namun, sering berlaku salah guna dan penyelewengan terhadap sumber akibat insan tidak dibentuk secara seimbang terutama apabila pengetahuan dan kemahiran tidak dikaitkan dengan nilai, “nilai teras seperti amanah, adil, jujur dan bijaksana amat penting dalam pengurusan

sumber. Tanpa nilai yang dikaitkan dengan Allah s.w.t manusia cenderung tamak, melakukan salah guna yang akhirnya merosakkan sistem”.

## PERANAN BELIAWANIS SEBAGAI MODAL INSAN

Beliawanis memainkan peranan yang penting di dalam pelbagai bidang khususnya dalam bidang antaranya pendidikan, ekonomi, politik dan sosial.

### **Takrifan Beliawanis**

Takrif belia menurut Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia dalam kertas kerja “Cadangan Dasar Pembangunan Belia Negara” (1995), belia ialah orang yang berumur antara 15 hingga 40 tahun dengan alasan-alasan berikut:

1. Ia adalah takrif Majlis Belia Malaysia 1985.
2. Ia dianggap golongan yang sudah mencapai taraf matang yang memuaskan dan dapat menerima manfaat maksimum daripada rancangan-rancangan yang disusun.
3. Ia adalah sebahagian besar daripada jumlah rakyat negara ini. Apa-apa usaha bagi membina masyarakat, meninggal-kan kesan secara menyeluruh.

Beliawanis boleh ditafsirkan sebagai golongan belia wanita yang berumur antara 15-40 tahun. Dalia Ismail (2010:7) menyatakan bahawa menerusi konsep 1Malaysia kerajaan berhasrat menyatupadukan masyarakat tanpa mengira kaum dan umur dan membolehkan mereka menikmati kemajuan dan kemakmuran negara secara adil dan saksama. Di sebabkan masih baru, ramai yang belum jelas dengan slogan Gagasan 1Malaysia. Konsep 1Malaysia bermakna rakyat tidak lagi bersikap prejudis terhadap mana-mana kaum terutamanya dalam bidang pendidikan. Kebelakangan ini kebanjiran kaum beliawanis di IPTA dan IPTS tidak dapat sangkal lagi terutamanya dalam bidang pendidikan. Untuk memperjelaskan lagi konsep Gagasan 1Malaysia, beliawanis sebagai pendidikan berperanan memberi penerangan kepada pelajar dan masyarakat.

## **Peranan Beliawanis dalam Bidang Pendidikan**

Peranan beliawanis dalam bidang pendidikan boleh dilihat daripada dua perspektif, iaitu perspektif barat dan perspektif Islam. Dari perspektif barat, golongan cendekiawan dan ahli-ahli falsafah barat beranggapan bahawa beliawanis adalah insan yang lemah, kurang dan hina. Oleh yang demikian beliawanis tidak boleh disamatarafkan dengan kaum belia. Pengaruh ahli falsafah yang begitu kuat telah mendorong ahli fikir serta ketua-ketua masyarakat barat pada ketika itu tidak membenarkan anak-anak perempuan atau beliawanis diberi pendidikan atau pengajaran di dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan.

Oleh yang demikian, peranan beliawanis sebagai pendidik tidak begitu ketara kerana pelbagai kerjaya telah didominasi oleh kaum belia. Dipercayai bahawa kerjaya kaum beliawanis dalam bidang pendidikan telah bermula pada tahun 1600, tetapi ia hanya cenderung untuk mendidik anak-anak. (Siti Khariah dan Zarima, 2009:102)

Menjelang Abad Ke- 20, ahli-ahli pemikir barat telah mengubah cara pemikiran mereka dan mula memberi kebebasan kepada kaum beliawanisnya seperti kebebasan yang dinikmati oleh kaum belia. Beliawanis telah diberi kebebasan seperti, bebas bersuara, mencari ilmu, bekerja mencari rezeki, memimpin dan sebagainya. Bermula pada abad inilah, profesion beliawanis sebagai pendidik mula terserlah (Zainal Abidin Borhan , 2007:28).

Dari perspektif Islam, Islam telah menyebarkan dasarnya dengan jelas mengenai beliawanis di dalam segala aspek kehidupan terutamanya di dalam bidang pendidikan. Rasulullah s.a.w. bersabda, “mempelajari ilmu itu wajib bagi setiap orang Islam, belia dan beliawanis” (Jabir Qamihah, 1996:106). Dasar ini telah ditegaskan sejak kemunculan Islam pada abad ke enam Masihi, dan ia masih terpakai dan terus menjadi tunjang kepada dasar pengajaran Islam hingga ke hari ini.

Islam bukan sahaja meletakkan beliawanis di tempat yang paling wajar sebagai manusia dan sebagai teman hidup bagi seorang belia, tetapi Islam menghargai sifat kehalusan dan ketajaman perasaan beliawanis yang menjadikan mereka layak untuk memegang tugas sebagai seorang pendidik dibandingkan dengan kaum belia. Sebab itulah dari satu aspek, beliawanis lebih penting diberi pengajaran atau pendidikan yang secukupnya kerana

kaum beliawanis merupakan pendidik atau guru yang paling layak untuk mendidik anak-anak dan anak bangsa mereka bertepatan dengan gagasan 1Malaysia yang menyatakan pendidikan dan pengetahuan adalah prasyarat untuk mana-mana negara mencapai kejayaan. Kekuatan dan ketahanan adalah berasaskan masyarakat beliawanis yang berpendidikan dan berpengetahuan mengatasi kekuatan ketenteraan.

Sesuatu bangsa akan berjaya apabila beliawanisnya mendapat pendidikan yang lengkap dan tinggi harga diri dan akhlaknya kerana kehalusan sifat beliawanis serta ketajaman perasaan seseorang ibu boleh memindahkan segala kebaikan yang ada padanya untuk diwarisi oleh anak-anaknya. Menurut Abdullah Bin Sa'ad Bin Al-As seorang ahli falsafah Islam, "Bila pendidikan telah begitu lengkap bagi beliawanis, biarlah kaum belia tidak begitu dipentingkan pendidikannya, kerana beliawanis-beliawanis itulah kelak akan mendidik kaum belia".

Peranan beliawanis dalam bidang pendidikan di Malaysia, boleh dilihat dengan kemunculan maktab-maktab perguruan. Untuk merealisasikan peranan beliawanis sebagai seorang pendidik, maka sebuah maktab telah ditubuhkan untuk beliawanis pada tahun 1935 iaitu Maktab Perguruan Perempuan Durian Daun, Melaka.

Sejak kebelakangan ini, beliawanis telah mendominasi sistem pendidikan di Malaysia. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Bahagian Penerangan dan Penyelidikan, Kementerian Sumber Manusia, terdapat 68% beliawanis terlibat di dalam sektor pendidikan (Ungku Abdul Aziz, 2006). Namun demikian, jumlah peratusan kaum beliawanis yang memegang jawatan penting di dalam sektor pendidikan adalah kecil. Menurut N.Siva Subramaniam, Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Malaysia, terdapat 5% sahaja kaum beliawanis yang memegang jawatan penting di sektor pendidikan seperti Pegawai Pendidikan, Pengetua, Guru Besar dan Guru Penolong Kanan (Ungku Abdul Aziz, 2006).

Kebanjiran beliawanis di maktab-maktab perguruan memang tidak dapat dinafikan. Lebih 75% beliawanis merupakan pelatih-pelatih di kebanyakan maktab perguruan. Sebagai contoh Ziauddin Shamsussin (2006) menyatakan bahawa enrolmen Guru Pelatih dan Peserta Kursus, Maktab Perguruan Batu Pahat pada April 1997, menunjukkan bahawa pelatih beliawanis lebih ramai dengan jumlah 471 orang berbanding dengan pelatih belia lelaki hanya 182 orang.

Jumlah guru beliawanis yang terlalu ramai kadangkala boleh menimbulkan beberapa masalah. Pertama, pelajar-pelajar lelaki tidak mendapat pendedahan yang secukupnya untuk melakukan aktiviti-aktiviti luar kelas yang mana kebanyakannya guru terdiri daripada beliawanis tidak tahan lasak, tidak berkebolehan untuk memimpin permainan-permainan tertentu seperti ragbi, bola sepak, sepak takraw dan lain-lain. Kedua, sesetengah guru beliawanis merungut bila dibebankan dengan mata pelajaran di luar bidang dan kesanggupan mereka. Ketiga, apabila guru-guru beliawanis bercuti panjang kerana bersalin kemungkinan pelajar-pelajarnya akan mengalami risiko ketinggalan kelas.

Beliawanis perlu mendapatkan pendidikan tinggi bagi menjamin keberkesanan peranannya sebagai salah satu daripada tunjang pembangunan negara terutamanya dalam bidang pendidikan. Menurut Nik Safiah Karim (1976), di dalam ceramahnya anjuran Pertiwi di Kolej Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, antara lain berkata “Perbezaan antara beliawanis berilmu dengan beliawanis terpelajar amat jauh. Beliawanis terpelajar dapat bertindak dalam apa jua keadaan; kalau orang berbicara A beliawanis yang terpelajar boleh menyambung kepada B dan terus kepada Z. Sebaliknya bagi beliawanis berilmu, pelajaran hanya menjadi tiket untuk mendapatkan pekerjaan, bukan sebagai kegunaan untuk hidup sempurna”.

Keluarga adalah di antara institusi yang paling utama dan mulia di dalam kehidupan orang Islam. Ini kerana keluarga mempunyai peranan paling besar dalam membentuk generasi sebagai harapan dan benteng negara. Keluarga berjaya akan menjadi keluarga sejahtera dan kukuh, seterusnya akan menjadikan masyarakat sejahtera dan kukuh. Itulah pentingnya keluarga berjaya, seterusnya menjadi tonggak negara. Negara akan kuat dan selamat. Setiap keluarga yang diterajui oleh ibu bapa dan dianggotai oleh anak-anak ingin menjadi keluarga bahagia, lagi berjaya. Sememangnya setiap insan ingin berjaya dan bahagia dalam hidupnya. Seorang belia apabila berkahwin ingin menjadi seorang suami dan bapa yang berjaya. Begitu juga dengan seorang beliawanis ingin berjaya dalam rumah tangga sebagai seorang isteri dan ibu. Anak pula ingin berjaya sebagai anak yang soleh dan berbakti kepada ibu bapa. Bagaimana kita boleh berperanan melalui tugas dan tanggungjawab kita supaya keluarga menjadi bahagia dan berjaya? Sekiranya budaya ini diamalkan, ia selaras dengan konsep 1Malaysia yang menekankan budaya cemerlang. Pengalaman budaya

cemerlang yang diamalkan oleh beliawanis yang bermula di rumah akan diteruskan dalam lingkungan masyarakat dan negara. Budaya cemerlang akan membawa Malaysia ke tahap kejayaan serta pencapaian lebih tinggi. Saban tahun negara memilih beberapa individu sebagai tokoh ibu mithali. Apabila diteliti riwayat hidup penyandang tokoh itu, dapat dirumuskan bahawa mereka berjaya kerana berperanan dalam keluarga sebagai ibu yang membesarkan dan mendidik anak menjadi orang berguna dalam masyarakat. Anak mereka terdidik dan ada yang berjaya ke menara gading, seterusnya memegang jawatan tinggi dalam sektor awam dan swasta. Ibu bapa begini yang berjaya memikul amanah daripada Allah. Mereka sedar anak adalah anugerah Allah. Anugerah yang perlu disyukuri dan dibesarkan dengan sebaiknya. Mereka faham bahawa keturunan itu adalah pemberian Allah. Firman-Nya bermaksud: “Tuhan menjadikan daripada diri kamu itu pasangan suami isteri dan dari pasangan suami isteri itu pula anak-anak dan cucu-cicit (keturunan)...” – (Surah an-Nahl, ayat 72).

Peranan beliawanis sebagai pengurus rumah tangga telah mengalami perubahan dengan adanya bantuan dari pembantu rumah, pengetahuan sains dan teknologi yang telah mencipta pelbagai perkakas rumah tangga untuk memudahkan kerja-kerja mereka. Tugas sebagai ibu dan jentera penambah zuriat juga telah mengalami perubahan dalam erti kata beliawanis tidak lagi menyerahkan nasib mereka bulat-bulat kepada takdir, oleh kerana dengan adanya pengetahuan sains perubatan yang dapat mencipta alat-alat pencegah kehamilan. Ini menjadikan beliawanis perlu bangkit seiring dengan kemajuan yang dicapai tanpa meninggalkan sikap keluhuran, kemurnian dan tatasusila seorang beliawanis. Sesuatu perkara yang dilakukan, sekiranya dirancang dengan baik akan menghasilkan yang baik. Rakyat Malaysia perlu tabah menghadapi dugaan dan cabaran untuk kejayaan diri dan negara. Beliawanis hendaklah merancang keluarga mereka sendiri untuk mendapatkan kesejahteraan hidup. Kesejahteraan hidup yang bermula di rumah akan berkembang maju dalam masyarakat dan negara yang terdiri daripada pelbagai kaum dan bersesuaian dengan konsep 1Malaysia. Elakkan daripada melakukan sesuatu perkara yang boleh menimbulkan krisis.

Keadaan sesuatu krisis ini mampu menebalkan amalan bercirikan individualistik di kalangan masyarakatnya. Akibatnya sistem nilai yang berteraskan keagamaan dan sosiobudaya mula kehilangan mekanisme kawalannya. Kelonggaran pegangan pada sistem nilai tradisi yang tidak

diimbangi dengan penerapan nilai positif baru yang berkesan boleh mendorong generasi muda kita terpengaruh dengan nilai yang bersifat negatif yang diperoleh melalui media massa dan persekitaran di luar keluarga dan sekolah. Ini akan mengakibatkan potensi salah laku murid-murid di sekolah, penglibatan remaja dengan amalan lepak dan gejala dadah kian berleluasa. Oleh yang demikian alternatif yang diperlukan untuk mengatasi masalah ini dengan menjadikan peranan kaum beliawanis sebagai ibu, penasihat dan pengasuh supaya dapat memulihkan keutuhan fungsi institusi keluarga.

Di sinilah peranan yang dimainkan oleh kaum ibu yang bergelar beliawanis adalah penting agar pembangunan dan kemakmuran negara dapat dimajukan dengan baik tanpa mengorbankan pembangunan institusi keluarga. Ini kerana sekiranya diperhatikan dalam institusi keluarga, kaum ibulah yang paling rapat dengan anak-anak dan sumbangan mereka dalam melahirkan generasi yang berpekerti mulia banyak terletak di tangan mereka. Seperti mana yang diulas oleh Dr. Muhammad Nur Manuty, Presiden Angkatan Belia Islam (ABIM), yang mengatakan tugas dan peranan beliawanis sebagai ibu adalah penting dalam menghalang anasir dan unsur yang cuba untuk mempengaruhi pemikiran dan budaya anak-anak (Yusof Ismail, 1994).

Sekiranya diteliti peranan itu beliawanis sebagai ibu di dalam sistem kekeluargaan bukanlah semata-mata untuk menjaga makan minum, kesihatan dan kesejahteraan hidup anak-anak tetapi juga yang terpenting ialah untuk mendidik, mengasuh dan membimbing. Ini kerana kesan kepada didikan pada anak-anak itu akan memberikan manfaat kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara secara keseluruhannya. Sesungguhnya watak, keperibadian anak-anak terletak sebahagian besar di atas isi dan cara pendidikan yang diberikan oleh ibu bapa. Di dalam hal ini Rasulullah s.a.w dalam hadisnya mengatakan;

“Tiap-tiap anak Adam itu dilahirkan dalam keadaan fitrah sehingga kedua ibu bapanyalah yang akan menjadikannya seorang Nasrani, Yahudi ataupun Majusi” (Al-Hadis diriwayatkan oleh Bukhari).

Dalam menentukan pembentukan anak-anak adalah yang terbaik dalam keluarga, banyak kaum beliawanis sanggup menyetepikan kerjaya mereka bagi menumpukan sepenuh perhatian kepada keluarga. Dengan ini



tidak hairanlah fakta yang menunjukkan peningkatan bilangan ibu yang berhenti kerja untuk menjadi pengasuh sepenuhnya di dalam keluarga adalah bertambah dari masa ke masa terutamanya bagi keluarga yang mempunyai anak lebih dari 2 orang (Ruangan Fokus Wanita, 2007).

## PERANAN BELIAWANIS SEBAGAI PENDIDIK DALAM MASYARAKAT

Dari segi amalan sosial ini, kaum beliawanis berperanan mempersiapkan diri dengan ilmu yang bukan hanya tertumpu kepada ilmu undang-undang dan politik tetapi juga ilmu syariah. Ilmu tersebut akan membawa kepada keimanan dan akhirnya melahirkan amalan-amalan yang baik bagi membentuk sebuah masyarakat madani. Justeru itu, bagi Abad Ke-21 ini merupakan pemangkin bagi penghijrahan bagi kaum beliawanis agar berjaya memikul tanggungjawab ini dalam membentuk sebuah masyarakat yang berketerampilan dan bukannya membentuk sebuah masyarakat yang ekstrem.

Dengan senario sosial yang makin menjadi-jadi kebelakangan ini, kaum beliawanis berperanan menangani dengan baik sesuatu perkara yang berbahaya agar masyarakat tidak terlibat dengan arus ekstrem dan akhirnya akan menimbulkan keadaan yang gawat. Kegawatan di sini membawa maksud dengan keadaan pembangunan dan modenisasi yang pantas tetapi menolak beberapa unsur lain yang terdapat dalam zaman tradisional seperti lari daripada prinsip dalam memuliakan agama kerana terlalu bangga dengan kecanggihan yang dicapai. Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama perlu menganggap diri mereka sebagai bangsa Malaysia yang berfikiran dan bertindak ke arah mencapai satu matlamat. Seajar dengan ini, perpaduan beliawanis yang terdiri daripada pelbagai kaum akan terjalin di negara ini perlu diperkukuhkan lagi bagi mewujudkan suasana negara yang lebih aman, maju, selamat dan makmur ke arah gagasan 1Malaysia.

Pada situasi yang sama juga penglibatan kaum beliawanis dengan lebih luas dan mendalam pada hal-hal yang satu ketika dahulu dianggap tugas dan peranan perseorangan. Umpamanya peranan pengasuh kanak-kanak telah dikembangkan lagi dengan mengambil berat terhadap pelajaran dan pendidikan kanak-kanak atau anak-anak mereka. Kaum beliawanis

bertanggungjawab secara langsung terhadap perkembangan terbaru dalam sistem pendidikan negara yang akan mempengaruhi anak mereka keseluruhannya. Kaum beliawanis yang menjadi ibu dan ahli masyarakat mestilah mengutamakan pendidikan dan pengetahuan dari segala segi. Sebagai seorang ibu, kaum beliawanis perlulah menerapkan budaya membaca kepada anak-anak mereka bagi melahirkan rakyat Malaysia yang mempunyai minda terbuka dan peka dengan hal-hal semasa.

Atas peranan yang besar dalam memberikan bimbingan ini, tidak mustahil mereka mampu membentuk satu generasi yang matang, berwibawa dan berkemampuan dalam membangunkan negara ke arah perkembangan yang padu dan berwawasan. Ini bertepatan dengan pandangan Senator Kamalia Ibrahim dalam menjawab persoalan Bicara Beliawanis 1 anjuran Biro Perpaduan dan Pembangunan Beliawanis UMNO pada 8 Mac 2008 yang menyatakan bahawa perspektif yang berlandaskan sosial dalam pembangunan beliawanis adalah penting sebagai kuasa pembentukan ketamadunan manusia dan negara.

Selain itu, kaum beliawanis juga berperanan sebagai orang yang bertanggungjawab dalam menjamin kebajikan masyarakat secara amnya. Kaum beliawanis hari ini telah berjaya meluaskan lagi rasa penglibatan mereka dalam soal-soal kebajikan kepada bidang yang lebih serius dan besar. Mereka telah berani memperjuangkan perubahan-perubahan pada peraturan-peraturan bekerja dan hak-hak pekerja beliawanis supaya mendapat layanan yang baik dan taraf yang sama dengan kaum belia.

Kejayaan dalam menentang diskriminasi yang dikenakan kepada kaum beliawanis dalam soal gaji dan pembayaran cukai membayangkan betapa besarnya nilai peranan golongan ini dalam membentuk kebajikan dan pembangunan keluarga serta negara. Perjuangan ini banyak dilakukan melalui saluran-saluran yang betul seperti melalui badan pertubuhan beliawanis bukan kerajaan di bawah naungan Pertubuhan-pertubuhan Belia Malaysia. Melalui pertubuhan ini juga banyak perbincangan diadakan yang berkisar pada isu-isu semasa yang menjurus pada matlamat membangunkan negara.

Dari segi sosiobudaya, peranan beliawanis dalam pembangunan sebuah negara juga adalah besar. Contohnya di Malaysia, sejak tahun 1970an, perangkaan menunjukkan penghijrahan beliawanis dari desa ke kota telah meningkat dengan pesat. Kesan perubahan sosiobudaya ini

telah mewujudkan masyarakat bandaran dan masyarakat yang menuju ke arah zaman perindustrian matang yang akan meningkatkan pelbagai industri perkhidmatan, perindustrian dan sebagainya. Ini menunjukan pada kita bahawa dengan kesan penghijrahan kaum beliawanis ini, beberapa sektor yang memerlukan tenaga kerja beliawanis telah membangun dengan pesat dan ini akan menjurus pada pembangunan negara. Dengan ini, pertembungan budaya bangsa dan kerja terpaksa dipikul oleh beliawanis. Nilai-nilai murni diharapkan dapat menyatupadukan beliawanis yang terdiri daripada pelbagai kaum dengan fikiran dan tindakan yang menjurus kepada satu matlamat iaitu negara melalui konsep 1Malaysia. Ini tidak akan wujud perasaan tidak berpuas hati kepada mana-mana kaum kerana semua rakyat adalah bangsa Malaysia yang mempunyai satu hala tuju dan cita rasa untuk bersama memajukan negara.

Selain itu, tugas-tugas yang memerlukan penglibatan kaum beliawanis sepenuhnya seperti bidang kejururawatan, doktor sakit puan dan sebagainya menambahkan lagi keperluan dan peranan kaum beliawanis. Inilah tugas-tugas penting yang diperlukan oleh masyarakat dan dalam hubungan ini masyarakat mempunyai hak untuk mewajibkan kaum beliawanis memenuhi bidang pekerjaan ini sepertimana masyarakat berhak mengarahkan kaum belia memikul tugas-tugas berperang dan keselamatan negara.

Kesimpulannya, peranan beliawanis amat besar dan harus berganding bahu bersama-sama dengan kaum belia dalam membangunkan negara. Rasanya tidak lengkap sekiranya tugas pembangunan negara hanya disandarkan di bahu kaum Adam kerana maksud pembangunan itu sendiri adalah amat luas. Pembangunan sesebuah negara itu bukanlah hanya semata-mata merujuk pada pembangunan ekonomi tetapi meliputi pembangunan dari segi sosial, sahsiah dan perpaduan ummah. Untuk itu, pembangunan dari unsur-unsur yang melibatkan faktor-faktor sosial memerlukan tindakan dan perjuangan yang lebih berani daripada kaum beliawanis. Sememangnya perbezaan fizikal beliawanis akan menyebabkan perbezaan tugas dan tanggungjawab daripada pandangan umum.

Justeru itu, untuk menampilkan imej beliawanis sebagai berketerampilan selain memiliki ilmu, beliawanis juga hendaklah memiliki sifat ketakwaan. Melalui ilmu, seorang beliawanis mampu mempertingkatkan kualiti diri sebagai beliawanis mithali yang dapat menyumbang ke arah pembangunan negara. Sementara itu, ketakwaan menjadikan beliawanis itu mantap, memiliki ketahanan diri yang kuat dengan erti kata keimanan menjadi

benteng menahan arus cabaran yang mendatang. Keimanan menjadikan beliawanis kebal, umpamanya seekor ikan, jika dicampakkan ke laut masin, ia tetap tidak masin melainkan ia sudah mati dan digaramkan.

Beliawanis hari ini kian bergerak maju dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, kemahiran pekerjaan kepimpinan dan sebagainya. Keadaan beliawanis boleh dibanggakan berbanding lebih lima puluh tahun dahulu. Kita harus membetulkan tanggapan masyarakat hari ini yang meletakkan beliawanis sebagai pihak kedua dalam pembangunan. Ini adalah kerana tuntutan untuk memperkemaskan generasi dan ummah yang akan datang tidak lagi hanya dibebani pada bahu belia tetapi sebaliknya memerlukan sokongan dan dukungan beliawanis. Apabila kita mengatakan beliawanis itu amat penting dalam masyarakat dan negara ia boleh ditafsirkan sebagai melengkap antara satu sama lain.

Memang kita akui beliawanis sendiri kadangkala tidak dapat melakukan sesuatu kerja sepertimana kaum belia, namun dalam sesetengah keadaan golongan belia juga tidak boleh melakukan sesuatu kerja yang boleh dilakukan oleh beliawanis. Justeru itu, kita harus ingat bahawa tanggapan ini harus dibuat secara positif dan rasional. Kita tidak harus meletakkan beliawanis sebagai golongan lemah kerana mereka juga berkemampuan dan berkredibiliti. Beliawanis sebagai isteri, ibu dan tidak kurang juga sebagai pemimpin.

Maka beliawanis harus mengubah paradigma untuk melihat bahawa mereka juga mampu bersama-sama setaraf dengan belia dalam semua keadaan. Dalam Islam ketokohan Saidatina Khadijah sebagai tokoh korporat dan ahli perniagaan yang berjaya menjadi inspirasi beliawanis dan belia. Tidak kurang juga ketokohan Aisyah sebagai seorang ilmuwan dan pakar rujuk kepada sahabat dan keluarga baginda rasul telah membuktikan bahawa Islam meletakkan beliawanis atau wanita pada tempat yang tinggi.

Peranan mendidik generasi serta kerjasama semua pihak sama ada dalam keluarga, tempat kerja, jiran tetangga dan masyarakat setempat perlu diperhebat untuk menjadikan beliawanis kepada penyumbang pembangunan negara. Untuk menjayakan matlamat ini, kurikulum yang mantap hendaklah dibangunkan untuk menekankan nilai-nilai bersama yang perlu dipupuk untuk membentuk 1Malaysia.

## PERANAN BELIAWANIS DALAM POLITIK

Pembabitan beliawanis dalam bidang politik tidak boleh disangkal kecemerlangannya kini. Jika dahulu, beliawanis sering ditolak daripada menjadi salah seorang yang penting dalam pucuk pimpinan politik, tetapi semuanya telah berubah. Beliawanis mula diberikan hak untuk bersuara dan menyuarakan pendapat tentang sesuatu isu. Tidak keterlaluan jika dikatakan beliawanis kini mampu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi bersama belia dalam agenda pembangunan negara. Dalam bidang politik dan pemerintahan, status kaum beliawanis telah bertambah baik dan jika dilihat dalam perkembangan status, taraf mereka adalah sama tinggi dengan belia. Ini dapat dilihat apabila kaum beliawanis diberikan hak mengundi seawal-awal usia penubuhan negara kita ini (Aishah Ghani, 1992). Menerusi cetusan idea Wawasan 2020, ternyata hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju begitu tinggi sekali. Pelbagai perubahan telah, sedang dan akan dilakukan untuk mencapai matlamat tersebut. Ini termasuklah di dalam bidang politik negara supaya sistem perundangan dan pentadbiran negara dapat berjalan dengan lancar tanpa wujud sebarang pertelingkahan serta bangkangan yang boleh membantutkan pembangunan negara. Oleh yang demikian penglibatan semua pihak adalah amat diambil berat untuk menguruskan pembangunan negara. Dan ini tidak terkecuali penglibatan kaum beliawanis di dalam pembangunan negara.

Apabila membicarakan politik, Imam Al-Ghazali mendefinisikan politik sebagai suatu kehidupan manusia. Setiap manusia yang berkecimpung dalam bidang politik memerlukan diri mereka terlibat dengan masyarakat. Justeru itu, politik amat berkait rapat di antara individu dengan masyarakat. Oleh yang demikian apabila beliawanis melibatkan diri dalam politik menyebabkan penyertaan mereka di dalam bidang-bidang di luar rumah tangga untuk bersama dengan masyarakat bagi turut sama menyumbangkan kepada pembangunan negara. Di Malaysia khususnya apabila kaum beliawanis terutama kaum beliawanis melibatkan diri di dalam bidang politik untuk sama-sama membangunkan negara maka, akan terdengar pelbagai pandangan akan penglibatan mereka. Maka timbullah pelbagai persoalan dari penglibatan mereka dalam politik seperti sejauh manakah Islam membenarkan kaum Muslimah bergerak cergas dalam arena politik? Bolehkah seseorang beliawanis Islam bertanding untuk menjadi wakil rakyat di Dewan Undangan Negeri atau Parlimen? Oleh yang

demikian jika diteliti akan peranan yang boleh diberikan oleh beliawanis dalam membangunkan negara khususnya dari segi politik antaranya ialah beliawanis itu boleh menjadi penasihat kepada suami mereka. Ini dapat kita lihat jika seseorang beliawanis itu bersuamikan orang politik maka ianya boleh melibatkan dirinya secara tidak langsung dengan memberi pandangan, nasihat dan sokongan dari segi keputusan yang telah dibuat atau dilaksanakan oleh suaminya. Sebagai contoh, kejayaan Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak banyak dibantu dan disokong oleh isteri beliau, iaitu Datin Seri Rosmah Mansor. Sebagai isteri, mereka boleh memberi pandangan bahawa peraturan yang dilaksanakan itu mungkin tidak bersesuaian dengan kehendak pembangunan masa kini yang mahukan kaum beliawanis sama-sama melibatkan diri dalam arus pembangunan negara. Ini adalah dikhuatiri beliawanis yang menceburi bidang politik tidak dapat mengawal batas-batas agama seperti pergaulan bebas dengan belia yang boleh membawa kepada kerosakan akhlak dalam masyarakat yang seterusnya akan membantutkan pembangunan negara. Manakala aliran yang kedua pula adalah berpendapat beliawanis boleh berpolitik untuk pembangunan dan kemajuan negara dan umat keseluruhannya. Menurut Dato' Harussani, beliawanis boleh berpolitik termasuk menjadi wakil rakyat sama ada di Dewan Undangan Negeri atau Parlimen. Malah dalam sejarah sendiri telah tercatat bahawa khalifah Umar Ibnu Al khatab juga pernah mendapat nasihat dan teguran dalam melaksanakan undang-undang dan pentadbiran negara dari kaum Muslimah pada masa zaman pemerintahan khalifah. Ini menunjukkan peranan beliawanis dalam pembangunan sesebuah negara adalah tidak boleh disisihkan dan diketepikan.

Demikian juga beliawanis boleh melibatkan diri untuk membangunkan negara secara aktif melalui pelbagai pertubuhan NGO seperti PERTIWI dan HAWA. Melalui pertubuhan-pertubuhan inilah mereka boleh menyalurkan pelbagai idea dan cadangan dalam usaha untuk membangunkan negara sama ada dari segi pendidikan, keagamaan, sosial, budaya dan ekonomi. Melalui NGO juga mereka boleh membantu membangunkan negara dengan memastikan kesejahteraan dan keharmonian masyarakat terutamanya mengemaskinikan undang-undang dan akta-akta yang boleh mengawal kemakmuran. Selain itu beliawanis juga boleh memainkan peranan membangunkan negara melalui idea-idea yang dikemukakan menerusi bidang penulisan. Ini adalah merupakan jalan yang terbaik bagi beliawanis kaum muslimah yang terkongkong oleh peraturan serta

hukum yang tidak membenarkan mereka bergaul secara bebas dengan golongan bukan muhrim mereka serta perlu menjaga dan mengawal aurat mereka daripada dicerobohi. Oleh itu, menerusi penulisan dengan mengemukakan pandangan dan pendapat diharapkan ianya akan dapat membantu dalam mentadbir negara. Menerusi penulisan juga mereka berpeluang mengemukakan pandangan serta komen ke atas pembangunan yang sedang dilaksanakan dan telah dilaksanakan sama ada bersesuaian dengan peredaran zaman dan kehendak negara.

Pembangunan dan kesaksamaan gender dalam pelbagai bidang sama ada politik, ekonomi, sosial dan budaya merupakan satu matlamat yang mesti dicapai, bukan hanya kerana ia membawa manfaat kepada beliawanis, tetapi kerana ianya dapat menyumbang kepada peningkatan mutu hidup rakyat keseluruhannya. Walaupun begitu, sering kali matlamat ini tidak tercapai kerana kurang kesedaran serta bimbingan mengenai bagaimana untuk mencapai matlamat kesaksamaan gender.

Pengalaman telah membuktikan bahawa kesaksamaan gender tidak dapat diwujudkan melalui penggubalan undang-undang dan dasar-dasar sahaja. Sikap dan minda masyarakat terhadap peranan beliawanis di dalam masyarakat juga harus diubah. Hanya dengan perubahan minda dan sokongan padu masyarakat akan dapat kita merealisasikan aspirasi kesaksamaan gender yang sebenar, yakni saling mengiktiraf dan saling menghormati antara belia dan beliawanis. Justeru itu, semua pihak sama ada dari peringkat atasan, termasuklah ahli politik, pegawai tinggi kerajaan atau pemimpin korporat, berserta seluruh peringkat akar umbi perlulah terus menyokong dan bekerjasama dengan pihak kementerian ke arah mencapai kesaksamaan gender. Terbuktilah di sini modal insan beliawanis begitu penting dan diperlukan untuk mencapai perpaduan, memelihara hidup yang harmoni dan mencipta satu masyarakat yang sejahtera, di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara lebih adil dan saksama selaras dengan konsep 1Malaysia.

## PERANAN BELIAWANIS DALAM SOSIOEKONOMI NEGARA

Mungkin ada benar pepatah Melayu mengatakan ‘Tangan yang menghayun buaian juga mampu menggoncangkan dunia’. Itulah senario sebenar beliawanis-beliawanis pada hari ini. Kini beliawanis bukan lagi

dianggap sebagai ‘penghuni tetap’ ceruk dapur semata-mata tetapi telah menjadi salah satu entiti penting dalam pembangunan ummah. Kredibiliti mereka tidak lagi dipandang enteng kerana keupayaan beliawanis mampu membuatkan mereka duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan kaum belia yang lain.

Berdirinya beliawanis-beliawanis di Malaysia pada hari ini sedikit sebanyak merupakan kesinambungan daripada ‘keperkasaan’ beliawanis di alam sejarah Islam. Beliawanis-beliawanis Islam dahulu telah membuktikan bahawa mereka bukanlah calang-calang orang. Sumbangan mereka terhadap pembangunan Islam amnya dan ummah khususnya tidak dapat dipertikaikan lagi. Nama-nama seperti Saidatina Khadijah, Aisyah, Fatimah, Ramlah Abu Sufiyan, Ummu Salamah, Zainab Al-Ghazali menjadi sebutan kerana pencapaian serta sumbangan yang amat bermakna kepada pembangunan Islam. Namun, dewasa ini anjakan nilai hidup menyebabkan berlakunya perubahan kepada beliawanis. Secara tidak langsung menyebabkan kaum beliawanis perlu mempersiapkan diri bagi memenuhi cabaran dan saingan globalisasi pada hari ini. Kepesatan pembangunan negara menyebabkan peranan beliawanis juga turut berubah. Mereka kini lebih bersifat multifunctional disebabkan peranan mereka yang pelbagai. Merekalah anak, isteri, ibu, kakak atau adik dan dalam masa yang sama juga bertindak sebagai beliawanis berkarier yang menyumbang kepada pembangunan negara. Oleh sebab ramai beliawanis pada masa ini yang menunjukkan kebolehan dan kepimpinan yang membanggakan menyebabkan sumbangan mereka amat diperlukan (Muhammad Iqbal, 2002). Penglibatan kaum beliawanis sebagai pencari rezeki sudah diterima sebagai suatu realiti dalam masyarakat Islam moden. Mungkin kerana kos kehidupan yang semakin meningkat terutamanya di bandar menyebabkan kaum beliawanis harus sama-sama keluar mencari rezeki untuk keluarga.

Oleh itu tidak hairanlah ketika ini, ramai beliawanis yang mempunyai pekerjaan kerana masing-masing memerlukan sumber pendapatan yang ada mereka bukan sahaja boleh membantu keluarga, malahan juga berperanan untuk membantu masyarakat Islam yang memerlukan. Memperoleh pendapatan daripada sumber yang bersih akan lebih berkat sekiranya kewajipan zakat itu dapat ditunaikan. Di sinilah beliawanis-beliawanis yang bekerja memainkan peranan untuk turut sama membangunkan umah terutamanya dari segi pembangunan ekonomi



masyarakat yang masih dikekang kemiskinan. Menunaikan zakat bukan hanya memenuhi tuntutan sebagai seorang Islam tetapi perlu difikirkan tentang manfaat dalam menyuburkan dan membersihkan pendapatan dan kehidupan.

Pelbagai jenis pendapatan beliawanis yang boleh dikaitkan dengan zakat. Antaranya zakat pendapatan, zakat emas, zakat perniagaan, zakat saham dan sebagainya. Zakat pendapatan menjadi tanggungjawab beliawanis-beliawanis yang bekerja untuk menunaikannya. Bukan itu sahaja, apabila sudah bekerja tentu kebanyakan mereka akan mencarum di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Maka seperti yang diketahui sekiranya wang caruman tersebut dikeluarkan, hendaklah dizakatkan sebanyak 2.5 peratus. Selain itu juga, beliawanis hari ini semakin bijak untuk mengumpul harta. Apatah lagi kebanyakannya berkerjaya dan berpeluang untuk mengembangkan harta mereka. Mereka turut mempelbagaikan sumber harta tidak kira sama ada menyimpan emas, wang simpanan, membuat pelaburan dan sebagainya. Jika dilihat dari segi syarak, beliawanis diizinkan untuk melaburkan hartanya mengikut apa-apa cara yang difikirkan baik. Mereka bebas dan tidak terikat dengan sesiapa untuk mentadbir harta miliknya. Dengan kata lain, tiada sesiapa yang boleh menghalangnya untuk melabur dan mengembangkan harta peribadinya. Di sinilah beliawanis dapat menjana peranannya melalui potongan zakat seperti zakat simpanan, zakat emas dan zakat saham sebagaimana yang ditetapkan oleh Islam.

Bayangkanlah betapa besar jumlah zakat yang dikumpulkan hanya melalui sumbangan kaum beliawanis. Tidak ketinggalan bagi beliawanis-beliawanis yang berniaga. Dewasa ini, semakin ramai beliawanis yang menjadi usahawan berjaya. Mereka ini mewarisi bakat beliawanis-beliawanis Islam pada zaman dahulu seperti Saidatina Khadijah binti Khuwailid dan Shifa' binti Abdullah yang merupakan contoh dua orang peniaga dan pengurus perniagaan berjaya dan cekap. Kecenderungan beliawanis-beliawanis kini untuk berniaga tidak wajar dipertikaikan dan keupayaan mereka untuk merealisasikan impian menjadi usahawan yang berjaya tidak harus diperlekehkan. Oleh itu, tidak hairanlah jika ada di antara usahawan-usahawan ini mampu untuk mengeluarkan zakat perniagaan untuk 'dikongsi' bersama asnaf yang memerlukan. Walaupun, sumbangan mereka kecil, tetapi nilainya tetap besar di sisi Allah s.w.t.

Kaum beliawanis merupakan aset yang penting dalam perkembangan ekonomi negara dan hakikat ini telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam tahun 70-an. Sejak itu kaum beliawanis di seluruh dunia mulai mendapat perhatian yang sewajarnya dan antara resolusi yang telah diambil ialah menentukan persamaan hak di antara beliawanis dan kaum belia, menghormati hak asasi manusia dan memupuk kemajuan sosial serta meningkatkan cara hidup yang lebih berkualiti. Secara langsung PBB telah menekankan pentingnya melibatkan kaum beliawanis dalam pembangunan ekonomi, sosial dan politik negara. Negara-negara anggota juga digesa merancang tentang keperluan kaum beliawanis, memastikan supaya mekanisme pelaksanaan sistem perundangan adalah licin serta teratur dan menentukan supaya pembiayaan program-program untuk kaum beliawanis adalah mencukupi.

Lain-lain pertubuhan antarabangsa seperti International Fund for Agricultural Development (IFAD) telah mengusahakan The Geneva Declaration di mana beliawanis-beliawanis pertama seluruh dunia bersetuju meningkatkan status sosio-ekonomi kaum beliawanis di luar bandar di peringkat wilayah dan negara masing-masing (Aishah Ghani, 1992). Ini berikutan kesedaran bahawa bilangan kaum beliawanis luar bandar yang hidup dalam keadaan kemiskinan mutlak kian meningkat sebanyak 50 peratus dalam tempoh 20 tahun yang lalu, iaitu daripada 370 juta kepada 565 juta berbanding dengan hanya 30 peratus bagi kaum belia luar bandar (Rujukan). Dalam konteks ini negara-negara yang masih mempunyai peratusan penduduk luar bandar yang tinggi harus mencari jalan yang sesuai bagi membantu golongan ini tidak terus berada dalam kemiskinan. Nasib kaum beliawanis di negara ini telah lama mendapat perhatian serius kerajaan, terutama golongan beliawanis luar bandar dengan wujudnya agensi-agensi seperti RIDA, MARA dan sebagainya di mana unsur-unsur kemiskinan, kesihatan, dan pendidikan menjadi faktor-faktor penting dalam pembentukan program-program pembangunan tertentu. Justeru itu, seminar Beliawanis dalam Pembangunan Luar Bandar ini amat sesuai dan relevan dalam usaha kerajaan meningkatkan kualiti hidup rakyat khususnya rakyat di luar bandar.

Di Malaysia kaum belia merupakan golongan paling ramai daripada seluruh penduduk Malaysia. Daripada jumlah penduduk pada tahun 2005, sebanyak 11.10 juta (42.5%) terdiri daripada golongan belia manakala pada tahun 2000 adalah sebanyak 9.85 juta. Dijangka pada tahun 2010, bilangan

belia akan meningkat kepada 11.65 juta. Peningkatan ini adalah anggaran daripada kadar pertumbuhan penduduk sebanyak 1.6% iaitu jangkaan daripada tahun 2006 hingga 2010. Pada tahun 2000, belia lelaki adalah seramai 4.99 juta dan belia wanita adalah seramai 4.86 juta. Pada tahun 2005 pula, daripada 11.10 juta belia sebanyak 5.6 juta adalah lelaki dan selebihnya 5.5 juta adalah belia wanita. Justeru itu kita harus lebih prihatin kepada masalah dan keperluan kaum belia wanita terutamanya belia wanita luar bandar. Kerajaan Malaysia telah melaksanakan banyak program yang telah memanfaatkan semua golongan, baik belia wanita ataupun belia. Kaum belia wanita tidak ketinggalan dalam proses pembangunan negara.

Ini membuktikan bahawa kaum belia wanita di negara ini telah berjaya meningkatkan pencapaian mereka dalam berbagai-bagai bidang. Statistik juga menunjukkan bahawa pendapatan isi rumah di kawasan luar bandar Malaysia telah meningkat dengan lebih cepat. Sementara itu, kadar kemiskinan di Malaysia terus berkurangan daripada 17.1 peratus pada 1990 kepada 13.3 peratus pada 1993. Bagi kemiskinan luar bandar pula kadar ini telah kadar ini telah berkurangan dan dijangka akan menurun kepada 17.5 peratus pada tahun 1995. Namun demikian masih terdapat 60,402 keluarga isi rumah yang masih berada di dalam keadaan termiskin. Kaum belia wanita di dalam golongan termiskin ini akan mengalami keadaan yang lebih teruk jika mereka adalah juga ketua isi rumah yang perlu menanggung segala bebanan keluarga dan pendidikan kanak-kanak. Walaupun banyak program telah memanfaatkan golongan belia wanita yang daif dan miskin di negara ini, masih ada ruang bagi kita untuk mempertingkatkan mutu hidup golongan ini supaya tidak tersisih daripada arus pembangunan. Sumbangan kaum belia wanita luar bandar kepada perkembangan ekonomi negara perlu diberi pengiktirafan sewajarnya. Kemajuan negara bergantung kepada kualiti masyarakatnya.

Masyarakat yang berilmu, bersikap dinamis dan beretika mulia adalah fakta penentuan pembangunan sosioekonomi negara. Dalam usaha untuk membentuk satu masyarakat desa yang cemerlang, kaum belia wanita harus diberi peluang untuk memainkan peranan yang lebih penting dan aktif dalam pertumbuhan ekonomi negara. Dalam usaha-usaha untuk memupuk corak hidup anak-anak mereka dengan lebih berkesan. Dalam dunia yang moden ini kaum belia wanita juga perlu menempuh beberapa cabaran hidup. Selain daripada penglibatan dalam bidang ekonomi, kaum belia wanita juga menghadapi berbagai-bagai cabaran dalam pengurusan keluarga

mereka kerana perubahan pembangunan sosioekonomi telah memberi beberapa tekanan kepada usaha pembangunan keluarga. Dalam usaha untuk mempertingkatkan ekonomi ada kalanya tugas pembangunan keluarga di rumah terpaksa diabaikan sehingga berlakulah berbagai-bagai masalah sosial. Malaysia perlu menghadapi cabaran-cabaran yang lebih genting dalam usaha menuju ke arah abad yang ke-21 di mana persekitaran dunia sejagat menjadi lebih terbuka dan arus pembangunan ini akan bertambah pesat. Untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 semua lapisan masyarakat harus berganding bahu untuk mencapai taraf negara maju daripada segi perpaduan, keutuhan sosial, kemajuan ekonomi, keadilan sosial dan pencapaian kualiti hidup yang tinggi. Pembangunan yang pesat ini seharusnya tidak berlaku di kawasan bandar sahaja.

Justeru itu, kaum beliawanis luar bandar perlu diberi persediaan yang mencukupi untuk menghadapi cabaran yang kian bersifat moden. Cabaran-cabaran ke atas beliawanis sebagai isteri dan ibu dalam keluarga, sebagai pemimpin dan penggerak ekonomi negara akan menjadi lebih mencabar. Hanya beliawanis yang peka kepada perubahan alam sekeliling dan yang sentiasa berusaha ke arah peningkatan pengetahuan dan kemahiran sahaja akan dapat mengatasi cabaran-cabaran tersebut. Peranan ibu bapa dan institusi keluarga juga akan menjadi lebih kritikal dalam menentukan kesejahteraan hidup. Untuk meningkatkan pembangunan luar bandar dengan pesat dan berkualiti, program-program tertentu hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan lebih rapi dan bersepadu supaya memberi peluang kepada beliawanis luar bandar untuk bergerak dengan lebih aktif.

Penggemblengan beliawanis dalam pembangunan memerlukan usaha yang bersepadu daripada kalangan para perancang, pelaksana dan ejen-ejen pembangunan. Aspek-aspek yang perlu diberi perhatian meliputi pembangunan insan, peningkatan kegiatan ekonomi dan pengukuhan institusi-institusi sosial dalam membantu pembangunan beliawanis luar bandar ke arah kemajuan yang lebih bermakna. Tidak kurang penting juga ialah perkara-perkara seperti:

- 1) Dasar-dasar makro dan mikro yang menggalakkan penglibatan kaum beliawanis luar bandar dalam kegiatan-kegiatan yang menghasilkan pendapatan.
- 2) Infrastruktur di luar bandar seperti jalan raya, sistem komunikasi, sistem perairan yang baik harus dipertingkatkan.

- 3) Penyediaan satu 'delivery system' yang lebih efisien dan sesuai kepada keperluan kaum beliawanis luar bandar.
- 4) Sistem kredit yang lebih senang dan memuaskan.
- 5) Pendidikan.

## KESIMPULAN

Pembangunan negara tidak hanya bergantung kepada kaum belia sahaja tetapi kaum beliawanis juga memainkan peranan dalam membangunkan negara memang tidak dapat dipertikaikan lagi. Oleh itu, langkah yang sewajarnya harus diambil untuk memartabatkan beliawanis dalam pembangunan negara. Peranan yang dimainkan oleh beliawanis akan memacukan lagi kemajuan negara seiring dengan zaman globalisasi ini. Golongan beliawanis juga merupakan aset yang bernilai untuk negara dan akan menjadi pewaris yang akan meneruskan kesinambungan pembangunan negara dan sumber tenaga kerja yang penting. Beliawanis menjadi harapan negara dan bangsa untuk membawa negara kepada kemajuan dan pembangunan selari dengan matlamat yang digariskan bagi menghadapi cabaran Wawasan 2020 ke arah gagasan 1Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Ahmad, Dr. Haji. 2006. *Pembangunan Modal Insan: Apa dan Kenapa Perlu Dalam Kutub Organisasi di Malaysia*. Kedah Darul Aman: Human Resources Academy
- Abdul Rahman Embong. 2006. *Pembangunan dan Kesejahteraan: Agenda Kemanusiaan Abad ke-21*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Abu Urwah, 1986. *Wanita & Keluarga*. Petaling Jaya: Penerbitan Pustaka Salam.
- Aishah Ghani, *Memoir Seorang Pejuang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dalia Ismail, 2009. *Milenia Muslim*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).
- Haq Mahbub ul. 1995. *Reflections an Human Development*. New York: Oxford Universiti Press
- Hasliza Hassan. *Modal Insan Teras Pembangunan Ikut Acuan Sendiri*.

- Berita Minggu, 15 Julai 2006: 15
- Jabil Qamihah, 1996. *Nilai Islam Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Mohd. Ariffin Ghazali “*Pembinaan Modal Insan Dalam Program Kokurikulum IPTA.*” *Kertas Kerja Seminar Peradaban Melayu III Modal Insan Bersepadu Teras Bangsa Terbilang*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Februari 2007
- Majalah Wanita , Mei 2007. *Ruangan Fokus Wanita*, muka surat 122/129
- Muhammad Iqbal, 2002. *Wanita Islam & Hak Asasi Manusia*. Kuala Lumpur: Progras.
- Profil penduduk Malaysia. <http://www.ippbm.gov.my>
- Rafeah Saidon “*Minda Kelas Pertama Menurut Perspektif Syariah, Menyorot Pandangan Prof. Dr. Yusuf Al-Qaudawi*” *Kertas Kerja Seminar Peradaban Melayu III Modal Insan Bersepadu Teras Bangsa Terbilang*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Februari 2007
- Rahmat Ismail. 2002. *Setiausaha dan Kesetiausahaan Tugas dan Profesional*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Ratna Roshida Abd. Razak “*Peranan Sastera Dalam Memperkasakan Modal Insan. Satu Tinjauan Awal.*” *Kertas Kerja Seminar Peradaban Melayu III Modal Insan Bersepadu Teras Bangsa Terbilang*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Februari 2007
- Rost, J. 1991. *Leadership for the 21st Century*. New York: Praegan
- Sarjit S. Gill dan Lee Yah Fee “*Islam Hadhari Dan Pembinaan Modal Insan: Perspektif Bukan Melayu*”. *Kertas Kerja Seminar Peradaban Melayu III Modal Insan Bersepadu Teras Bangsa Terbilang*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Februari 2007
- Shahrudin Baharuddin “*Isu Modal Insan Dalam Pilihanraya Sarawak 2006*”. *Kertas Kerja Seminar Peradaban Melayu III Modal Insan Bersepadu Teras Bangsa Terbilang*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Februari 2007
- Sh’ban Muftah Ismail. 1997. *Women Economic Growth and Development In Malaysia*. Shah Alam: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Siti Khariah Mohd Zubir dan Zarima Mohd Zakaria, 2009. *Peranan Wanita Melayu Untuk Melaksanakan Modal Insan Bagi Memperkembangkan Minda Kelas Pertama Menuju Kepada Pembangunan Negara*. Penyelidikan Di Bawah Geran Za’ba UPSI.
- Yusof Ismail. 1994. *Muslim Women in Organizations- A Malaysian*

*Perspective: A.S Noordeen, Kuala Lumpur*

Zainal Abidin Borhan “*Pembentukan Minda Kelas Pertama Di Dalam Pendidikan Malaysia: Satu Analisa Dekonstruksi*” *Kertas Kerja Seminar Peradaban Melayu III Modal Insan Bersepadu Teras Bangsa Terbilang*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Februari 2007

Ziauddin Shamsuddin. *Wanita Tingkatkan Kejayaan Melayu*. Berita Minggu, 15 Oktober 2006.

Ziauddin Shamsuddin bersama Prof Diraja Ungku Abdul Aziz. *Meritokrasi Ke Universiti Resahkan Harapan Melayu*. *Berita Minggu*, 15 Oktober 2006.

Profil Penulis

**Siti Khariah Mohd Zubir, Ph.D**

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu

Fakulti Bahasa

Universiti Pendidikan Sultan Idris

khariah@fb.upsi.edu.my

**Mohd Ra'in Shaari**

Jabatan Bahasa Melayu

Fakulti Bahasa dan Kesusteraan Melayu

Universiti Pendidikan Sultan Idris

mohdrain@yahoo.com

## GAGASAN 1MALAYSIA DAN SEMANGAT PATRIOTISME BELIA PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PLKN)

AHMAD TARMIZI TALIB, SARJIT S. GILL, MOHD MAHADEE ISMAIL, JAYUM A. JAWAN & ZAID AHMAD

### ABSTRAK

*Makalah ini mengupas semangat patriotisme dan nasionalisme belia Malaysia dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Belia dari pelbagai latar belakang dan etnik mengikuti program ini selama 3 bulan bertujuan meningkatkan semangat patriotisme dan nasionalisme dalam jiwa generasi muda. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui teknik survei ke atas pelatih-pelatih PLKN. Seramai 800 orang responden telah dipilih sebagai sampel kajian di mana mereka perlu menjawab borang soal selidik sebanyak dua kali, iaitu di peringkat awal penyertaan mereka PLKN dan kedua ketika mereka hampir tamat menjalani PLKN. Kaedah ini digunakan untuk melihat sejauh mana PLKN dapat menerapkan dan memupuk semangat patriotisme dan nasionalisme dalam kalangan peserta. Dapatan kajian menunjukkan bahawa semangat patriotisme dan nasionalisme dalam kalangan belia Malaysia adalah tinggi. Oleh itu, pihak kerajaan perlu meneruskan program ini demi kesejahteraan dan masa depan negara dalam konteks membangunkan semangat patriotisme dan nasionalisme golongan belia.*

**Kata Kunci:** *Belia, Patriotisme, Nasionalisme, Program Latihan Khidmat Negara, 1Malaysia*

### ABSTRACT

*This article analyses the patriotism and nationalism of Malaysian youths involved in the National Service Training Program (NSTP). Youths from various backgrounds and ethnicities undergo this program for three months, and it was intended to boost the patriotism and nationalism spirit among the younger generation. This study utilised the quantitative approach, by means of survey technique, on NSTP trainees. A total of 800 respondents were selected as study samples and they were required to answer two questionnaires – one in the early stages of their participation in training and the other at the end stages of their training. This method was used to find*



*out the extent to which the NSTP had managed to instil and foster patriotic and nationalistic spirit among the participants. Research findings indicated that patriotic and nationalistic spirit among Malaysian youths is at a high level. Thus the government needs to continue this program for the well-being and future of the country in the context of developing the patriotism and nationalism spirit of youths.*

**Keywords:** *Youth, Patriotism, Nasionalism, National Service Training Program, 1Malaysia*

## PENGENALAN

Patriotisme dan nasionalisme dalam satu pengertian khusus mencerminkan semangat keinginan dan keupayaan dalam memperjuangkan maruah dan harga diri sebuah negara bangsa yang berdaulat. Semangat ini boleh dicapai apabila seluruh anggota sesebuah negara dapat menghayati erti kata sebenar nasionalisme yang menjadi ideologi bagi sesebuah negara. Dalam menghayati erti nasionalisme, rakyat perlu mempertahankan dan memenuhi hasrat nasionalisme yang menjadi aspirasi negara. Dalam konteks Malaysia sebelum merdeka, rakyat yang sedia berkorban untuk membebaskan tanah air dari kuasa penjajah disanjung sebagai wira bangsa dalam menuntut kemerdekaan. Hari ini, semangat nasionalisme tidak lagi menuntut semangat seperti itu, kerana cabaran negara dalam dekad ini adalah berbeza. Pengisian kemerdekaan adalah amat penting untuk memacu kepada pembangunan negara, kesejahteraan masyarakat dan keharmonian sejagat. Tuntutan pengisian kemerdekaan menuntut jati diri yang lebih kental serta semangat cintakan negara yang lebih utuh. Justeru itu, dalam konteks memenuhi erti kemerdekaan, seluruh masyarakat Malaysia mesti mengambil bahagian secara aktif dalam merealisasikan wawasan dan aspirasi negara dalam usaha membentuk sebuah negara bangsa yang bersatu-padu, harmoni, mantap, unggul dan berdaya maju.

Persoalan mengenai pembinaan negara bangsa bukanlah sesuatu yang mudah seperti yang dipertuturkan. Terdapat pelbagai faktor yang perlu dipenuhi untuk mencapai kejayaan tersebut serta memerlukan jalinan strategi terbaik. Penglibatan secara holistik dalam kalangan seluruh anggota masyarakat menjadi kayu ukur kepada kejayaan pembinaan negara bangsa kerana keunikan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kumpulan ras dan etnik. Kepelbagaian etnik memaparkan wujudnya

perbezaan agama, budaya, cara hidup dan tradisi yang kaya dan corak yang pelbagai. Oleh itu, pembinaan negara bangsa memerlukan perbincangan yang lebih mendalam dan terperinci bagaimana pihak pemerintah dapat menyatupadukan seluruh anggota masyarakat yang pelbagai ragam ini. Dalam kegigihan masyarakat Malaysia berusaha mencapai Wawasan 2020, entiti untuk pembinaan negara bangsa amatlah penting ditekankan supaya pengisian kemerdekaan dapat dipenuhi selari dengan aspirasi negara. Ini adalah cabaran bersama rakyat Malaysia supaya wujud satu bangsa bermaruah yang dikenali sebagai bangsa Malaysia.

Negara bangsa Malaysia tidak akan lahir tanpa penghayatan sepenuhnya semangat patriotisme dan nasionalisme kepada negara. Pemupukan semangat ini memerlukan penggemblengan tenaga seluruh lapisan masyarakat. Tanggungjawab ini tidak boleh diletakkan hanya kepada bahu pemerintah sahaja. Oleh yang demikian, apa yang harus difokuskan ialah pemupukan semangat patriotisme dan nasionalisme dalam kalangan belia yang menjadi tonggak masa depan negara. Namun begitu, timbul beberapa persoalan dalam konteks ini, iaitu bagaimana pula dengan kedudukan dan semangat golongan belia yang tidak menjalani PLKN khususnya dalam usaha kerajaan mempromosikan semangat dan gagasan 1Malaysia?

## PATRIOTISME DAN NASIONALISME

Semangat patriotisme merupakan satu perasaan kecintaan dan ketaatan kepada negara yang membuahkan tindakan sedia berkorban demi kecintaan tersebut, manakala nasionalisme adalah ideologi kebangsaan yang dianuti oleh sesebuah negara di mana ia penting serta berpengaruh dalam pembangunan dan kesinambungan politik sesebuah negara. Kepentingannya menyebabkan ramai sarjana telah melakukan kajian dari pelbagai sudut. Kohn (1967) menyatakan nasionalisme ialah keadaan minda yang mencetuskan gerak kesedaran anggota sesebuah masyarakat untuk menyumbangkan jasa melalui aktiviti yang teratur dengan matlamat akhirnya ialah untuk menegakkan sebuah negara yang berdaulat. Kohn mengiktiraf negara bangsa sebagai bentuk organisasi politik yang unggul. Beliau juga mengiktiraf bangsa sebagai punca bagi segala kehidupan budaya yang membina dan punca kesejahteraan ekonomi. Nasionalisme menuntut pembinaan negara bangsa manakala kewujudan negara bangsa pula memperkukuhkan gerakan nasionalisme dan menyemarakkan lagi semangat patriotisme.

Menurut kajian Abd. Rahim (2004), patriotisme ialah perjuangan yang menjiwai kepentingan bangsa dan negara. Ia menonjolkan semangat juang yang tinggi dalam mendaulatkan kedudukan, status serta pengaruh bangsa dan negara. Manakala nasionalisme merupakan satu konsep yang menonjolkan kewibawaan bangsa dalam pelbagai bidang khususnya dalam merealisasikan wawasan dan ideologi negara bagi pembangunan ekonomi, sosial dan politik. Ia memerlukan komitmen tinggi pemimpin dan semua golongan rakyat dengan mempertahankan asas pembinaan dan kedaulatan negara. Mempertahankan negara daripada musuh dan ancaman luar merupakan salah satu tanggungjawab bersama rakyat dan kerajaan. Dalam konteks Malaysia, kesetiaan kepada Raja dan Negara yang ditunjukkan oleh warganegara melalui sumbangan dan pengorbanan merupakan unsur patriotisme dan nasionalisme yang amat penting. Unsur ini amat penting untuk diterapkan dalam kalangan generasi muda masa kini. Nilai patriotisme dan nasionalisme seperti kesetiaan, keberanian, rela berkorban, kesukarelaan, cintakan bangsa dan negara perlu dipertingkatkan bagi membentuk rakyat Malaysia yang patriotik dan penuh tanggungjawab pada bangsa dan negara.

Berdasarkan penelitian Radin Soernarno (1960), pertumbuhan semangat nasionalisme Melayu mencapai tahap kesedaran politik bermula dengan penubuhan Kesatuan Melayu Singapura. Kesedaran tersebut dicetuskan oleh perkembangan politik di Indonesia yang menyaksikan kegagalan dalam rampasan kuasa oleh pihak komunis dan penubuhan Partai Nasional Indonesia oleh Sukarno. Selain itu kegiatan pelajar Melayu di Universiti Al-Azhar turut memperkasa perkembangan nasionalisme orang-orang Melayu. Pertumbuhan gerakan ini mendapat momentum dengan tertubuhnya Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada tahun 1938 oleh Ibrahim Yaakob, seorang pemimpin Melayu yang berpengaruh pada masa itu.

Soernarno (1960) dalam penelitian mengenai nasionalisme Melayu berpendapat bahawa penubuhan KMM juga menandakan kewujudan dua aliran, iaitu kiri dan kanan dalam perkembangan nasionalisme Melayu. Aliran perkembangan politik yang diterajui oleh KMM dilihat sebagai politik Melayu aliran kiri. Pembentukan KMM dengan kepimpinan dan keanggotaan golongan desa-tani menampilkan perubahan dan cabaran kepada golongan aristokrat yang merupakan pemimpin masyarakat Melayu yang sedia ada. Tambahan pula, oleh sebab terdapat persamaan

latar belakang sosial para pemimpinnya, maka sebahagian besar gerakan politik Melayu yang diterajui golongan reformis Islam juga merupakan bahagian daripada aliran gerakan nasionalisme kiri (Rustam, 2004). Dari pengungkapan fahamannya, gerakan ini mengambil bentuk budaya dan etnik dalam perjuangan mereka. Hasratnya adalah untuk mendirikan sebuah negara bangsa Melayu dengan kesatuan etnik dan budaya Melayu sebagai asas simboliknya.

Sementara itu aliran gerakan nasionalisme Melayu ‘kanan’ diperjuangkan oleh golongan elit aristokrat Melayu tradisional. Sebagai golongan yang mempunyai pengalaman dalam pentadbiran kolonial, mereka selalu diberikan kepercayaan untuk memimpin pertubuhan dan organisasi politik yang wujud terutamanya pada tahun 1930-an (Rustam 2004). Perjuangan politik kumpulan kanan ini ditumpukan kepada usaha mempertahankan kesinambungan kuasa pemerintahan negeri-negeri Melayu tradisional dan pentadbiran kolonial (Roff 1967, Rustam 2004).

Apa yang nyata, ketika bumi Melayu dihimpit oleh kuasa penjajah barat, semangat patriotisme dan nasionalisme mudah terpacu di hati dan sanubari para pejuang tanah air yang rela berkorban demi mengembalikan kedaulatan bangsa dan negara. Hari ini, semangat seperti ini telah pudar akibat kelekaan belia kepada kehidupan semasa dan semakin alpa dengan kepentingan kedaulatan bangsa. Berdasarkan hakikat tersebut pihak kerajaan melaksanakan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) bagi memupuk kembali semangat cintakan tanah air khususnya dalam mengisi kemerdekaan. PLKN bertujuan membentuk generasi remaja yang bersemangat patriotik, berdisiplin, mempunyai perwatakan yang positif dan bersemangat juang yang tinggi. Pelatih PLKN dipilih secara rawak daripada golongan remaja yang berumur 17 tahun ke atas, khususnya lepasan SPM. Program ini diperkenalkan pada 1 Februari 2004 dan masih berjalan dengan jayanya.

Penggerak kepada perkembangan nasionalisme dan semangat patriotisme kebiasaannya wujud lantaran kesedaran sesuatu kelompok bangsa apabila mereka merasa terancam oleh bangsa atau kumpulan etnik lain. Akibat ancaman yang sedemikian, kebangkitan nasionalisme sesuatu bangsa berkemungkinan berkembang menjadi etno-nasionalisme yang memperjuangkan hegemoni dan dominasi sesuatu bangsa terhadap bangsa yang lain. Hari ini, cabaran bukan lagi dalam bentuk ancaman

dari kelompok etnik dalam negara, tetapi cabaran yang datang dari luar yang perlu didepani secara bersama sebagai sebuah negara bangsa. Oleh itu, perpecahan dalaman antara kelompok etnik harus diselesaikan segera demi menghadapi cabaran globalisasi yang lebih besar. Cabaran semangat etno-nasionalisme harus ditangani dengan bijak agar perkembangan pembangunan negara tidak terbantut oleh masalah dalaman. Bagi mengelakkan perkembangan etno-nasionalisme ini pihak kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bijak dengan melaksanakan pelbagai bentuk program khususnya untuk golongan remaja bagi memupuk semangat patriotisme dan nasionalisme yang bersifat menyeluruh dan bersepadu dalam kalangan kepelbagaian kumpulan etnik.

Dari tinjauan literatur yang dibuat, kebanyakan sarjana yang mengkaji persoalan semangat patriotisme dan nasionalisme lebih menumpukan kepada perkembangan sejarah silam dan melihat bagaimana semangat itu terbentuk. Namun, penyelidikan ini cuba melihat semangat patriotisme dan nasionalisme dalam kalangan remaja kini sebelum dan selepas usaha kerajaan melaksanakan PLKN khususnya dalam mengembalikan jati diri anak bangsa berdasarkan acuan negara bangsa Malaysia. Satu cabaran yang harus ditempuhi oleh remaja Malaysia ialah semangat patriotisme dan nasionalisme yang bersifat holistik dan bukan etno-nasionalisme.

Satu penyelidikan terhadap penghayatan semangat patriotisme dan nasionalisme dalam kalangan remaja di Semenanjung Malaysia telah dilakukan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif serta memberi fokus kepada golongan remaja yang mengikuti PLKN. Bagi pendekatan kualitatif, kaedah temu bual secara mendalam telah dijalankan ke atas para pemimpin, pembuat polisi dan mereka yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan PLKN khususnya bagi memahami situasi sebenar program yang dilaksanakan. Kumpulan pengkaji telah menemu bual Komandan Kem atau Ketua Jurulatih di kebanyakan kem-kem PLKN yang dikunjungi dalam usaha mendapatkan gambaran sebenar tentang perkembangan semangat patriotisme dan nasionalisme pelatih.

Kajian ini juga menggunakan pendekatan kuantitatif melalui teknik survei ke atas pelatih-pelatih PLKN. Kajian Rintis dijalankan di peringkat awal bagi memastikan ketepatan instrumen secara ilmiah. Seramai 800 orang responden diambil sebagai sampel kajian di mana mereka perlu menjawab borang soal selidik sebanyak dua kali, iaitu di peringkat awal penyertaan

mereka PLKN dan fasa kedua ketika mereka hampir tamat PLKN. Kaedah ini digunakan untuk melihat sejauh mana PLKN dapat menerapkan dan memupuk semangat patriotisme dan nasionalisme dalam kalangan pelatih PLKN. Pada masa sama, kajian ini menilai perkembangan semangat patriotisme dan nasionalisme berdasarkan data yang diperoleh dari kedua-dua sesi tersebut.

Kajian dibahagikan kepada empat zon utama, iaitu Zon Utara (Perlis, Penang dan Kedah), Zon Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang), Zon Tengah (Perak, Selangor dan Kuala Lumpur) dan Zon Selatan (Johor, Negeri Sembilan dan Melaka). Seramai 200 orang responden dipilih bagi setiap zon. Pembahagian lokasi berdasarkan zon bertujuan memudahkan kajian dilaksanakan dan mengambil sampel daripada remaja pelbagai negeri.

#### PROFIL RESPONDEN

Daripada jumlah 800 orang responden, remaja yang berasal daripada Zon Utara (57.1%) adalah yang tertinggi manakala responden yang paling sedikit berasal dari Zon Tengah (1.8%). Kebanyakan responden berumur 18 tahun iaitu seramai 500 orang (62.2%), 17 tahun seramai 274 orang (34.1%), manakala yang berumur 19 tahun seramai 28 orang (3.5 %). Daripada bilangan responden ini, seramai 418 orang (52%) adalah lelaki manakala selebihnya iaitu 384 orang (47.8%) adalah perempuan.

Dari segi taburan agama responden, 59.6% adalah beragama Islam, 26.9% beragama Buddha, 9.3% beragama Hindu, 2.1% beragama Kristian, 1.7% beragama Taoism, dan 0.1% masing-masing beragama Sikh dan Buddha Thai. Taburan responden berasaskan etnik, data menunjukkan bahawa jumlah responden yang diambil adalah selaras dengan kedudukan peratusan etnik semasa yang terdapat di Malaysia iaitu 61% Bumiputera, 25% Cina, 11% India dan 3% lain-lain. Peratusan responden mengikut kumpulan etnik pula adalah seperti berikut di mana Melayu sebanyak 59.1%, Cina (30.1%), India (9.5%), Siam (0.5%), Punjabi (0.1%) dan Bumiputera Sabah (0.2%). Dalam pada itu, sebahagian besar responden masih bujang (98.9%) manakala selebihnya (1%) telah berkahwin. Taburan responden berdasarkan kawasan kediaman, adalah seperti berikut; seramai 47.5% responden tinggal di kawasan bandar, 18.4% tinggal di kawasan pinggir bandar, manakala 33.8% tinggal di kawasan desa. Dari segi sifat kawasan kediaman pula, majoriti responden tinggal di kawasan kediaman

pelbagai etnik, iaitu seramai 65.3% dan selebihnya sebanyak 34.6% responden tinggal di kawasan kediaman yang mempunyai satu etnik.

Dari segi latar belakang pendidikan, kebanyakan responden mendapat pendidikan yang sempurna di mana majoriti responden 97.8% mendapat pendidikan formal hingga ke peringkat menengah. Manakala 2.0% responden hanya berpendidikan formal peringkat rendah dan yang telah mendapat pendidikan peringkat sijil adalah 0.1%. Responden yang mendapat pendidikan di sekolah menengah dan di asrama penuh ialah seramai 375 orang (48%), sekolah jenis kebangsaan seramai 368 orang (47%) dan sekolah agama atau pondok adalah seramai 39 orang (5%).

Dari segi profil keluarga pula, seramai 19.7% bapa responden bekerja di sektor awam, 25.7% bekerja di sektor swasta, 48.5% bekerja sendiri (seperti petani, nelayan, penoreh dan peniaga) manakala selebihnya sebanyak 6% tidak bekerja termasuk pesara dan telah meninggal dunia. Sebanyak 19.7% ibu responden bekerja di sektor awam, 11.3% di sektor swasta, 13% bekerja sendiri dan selebihnya adalah suri rumah iaitu sebanyak 63.5% serta tidak bekerja termasuk pesara dan yang telah meninggal dunia.

## PENGHAYATAN SEMANGAT PATRIOTISME

Dapatan kajian ini dapat memberi menggambarkan kasar tentang penghayatan semangat patriotisme dan nasionalisme dalam kalangan remaja kini walaupun ia hanya terbatas kepada pelatih PLKN. Daripada hasil analisis dapatan kajian, didapati tahap pengetahuan remaja terhadap semangat patriotisme dan nasionalisme adalah tinggi, iaitu min = 4.2390. Keadaan ini menjelaskan bahawa, secara umumnya golongan remaja di Semenanjung Malaysia ini telah mengetahui nilai-nilai kenegaraan yang sepatutnya wujud dalam diri mereka. Ia menunjukkan bahawa usaha pihak pemerintah yang telah melancarkan melalui pelbagai bentuk program khusus untuk mendidik dan memupuk semangat cintakan negara dalam kalangan remaja sekurang-kurangnya membuahkan hasil. Perbincangan seterusnya akan menghuraikan secara terperinci tentang hasil kajian yang merangkumi analisis mengenai pengetahuan am responden, pemahaman mengenai patriotisme dan nasionalisme, dan akhirnya tahap keberkesanan PLKN.

## PENGETAHUAN AM MENGENAI PATRIOTISME DAN NASIONALISME

Tahap pengetahuan am tentang perkara-perkara asas, patriotisme dan nasionalisme serta nilai-nilai kenegaraan responden telah diukur menggunakan Skala Likert dengan pembahagian skor seperti berikut; Sangat Tidak Setuju = 1, Tidak Setuju = 2, Tidak Pasti = 3, Setuju = 4 dan Sangat Setuju = 5. Manakala klasifikasi purata pengetahuan pula telah dibahagikan kepada tiga tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 : Klasifikasi Purata

KELAS/TAHAP	SKALA
Rendah	1.00 – 2.33
Sederhana	2.34 – 3.67
Tinggi	3.68 – 5.00

Berdasarkan kepada analisis statistik yang ditunjukkan melalui Jadual 2, tahap pengetahuan am responden secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi dengan purata skor responden adalah 4.239.

Jadual 2 : Pengetahuan Am Responden

Pengetahuan Am	Kekerapan (n)	Peratusan (%)
Rendah (skor 23 hingga 51)	0	0
Sederhana (skor 52 hingga 81)	9	1.1
Tinggi (skor 82 hingga 110)	787	98.9

Sebanyak 98.9 % mendapat skor tinggi sementara hanya 1.1 % responden mempunyai tahap sederhana. Peratusan ini telah memberi gambaran bahawa tahap pengetahuan am responden terhadap semangat patriotisme dan nasionalisme, nilai-nilai kenegaraan dan kenegaraan adalah berada pada tahap yang membanggakan. Pengetahuan am responden yang tinggi ini juga memberi gambaran bahawa golongan



remaja masa kini sudah mendapat pendedahan yang sepatutnya dari segi asas-asas ketatanegaraan. Namun begitu, timbul beberapa persoalan; adakah dengan tahap pengetahuan am responden yang tinggi terhadap hal-ehwal patriotisme, nasionalisme dan nilai-nilai kenegaraan ini dapat difahami, dihayati dan diaplikasikan sepenuhnya dalam pembentukan jati diri mereka, atau sekadar pengetahuan am semata-mata? Walau bagaimanapun, tahap pertama dalam proses perkembangan ilmu sudah mencapai tahap yang diperlukan.

Tahap pengetahuan responden yang tinggi ini mungkin boleh dikaitkan dengan kejayaan sistem pembelajaran di sekolah, walaupun tiada ujian khusus dijalankan untuk membuktikannya. Perkaitan ini dapat dilihat melalui fakta di mana majoriti responden adalah lepasan alam persekolahan dan ada yang baru sahaja selesai menduduki peperiksaan seperti Sijil Penilaian Menengah (SPM) dan Sijil Tinggi Penilaian Menengah (STPM). Secara tidak langsung keadaan ini mempengaruhi tahap pengetahuan golongan remaja tentang hal-ehwal kenegaraan. Pembentukan dasar-dasar kebangsaan serta wawasan pendidikan telah membuahkan hasil dalam membentuk dan mengukuhkan jati diri bangsa Malaysia.

Pada masa yang sama golongan remaja yang mengikut PLKN banyak diberikan pendedahan tentang ilmu patriotisme, nasionalisme dan nilai-nilai kenegaraan. PLKN amat menitik-beratkan perkembangan semangat patriotisme dan nasionalisme dalam kalangan remaja. Patriotisme dan nasionalisme dalam konteks ini dianggap satu unsur yang penting dalam mempengaruhi idea dan semangat pembangunan khususnya dalam konteks pembentukan jati diri mereka. Ianya bertepatan dengan hasrat kerajaan yang melaksanakan PLKN berteraskan objektif untuk membina dan mengukuhkan semangat patriotisme dalam kalangan anak-anak muda di Malaysia. Satu modul khusus telah dirangka, iaitu Modul Kenegaraan bertujuan meluaskan lagi pengetahuan dan penghayatan remaja tentang nilai kenegaraan dan perasaan cinta kepada negara serta menanam satu semangat waja kesanggupan untuk mempertahankan kedaulatan negara.

Faktor sistem pelaksanaan PLKN yang efektif sebenarnya memberikan impak yang besar terhadap pengetahuan tentang penghayatan patriotisme dan nasionalisme dalam kalangan pelatih. Usaha murni pihak pemerintah ini dalam usaha menjana perkembangan pengetahuan remaja sewajarnya diteruskan untuk satu jangka masa yang panjang. Hal ini memandangkan proses pemantapan dan pendedahan ilmu pengetahuan yang bersifat kenegaraan memerlukan usaha yang bersungguh-sungguh dan bersepadu

serta masa yang panjang dalam memastikan kumpulan sasaran yang difokuskan akan mendapat manfaatnya.

## PEMAHAMAN MENGENAI PATRIOTISME DAN NASIONALISME

Sepertimana analisis mengenai pengetahuan am responden dalam perbincangan terdahulu, analisis tahap pemahaman responden mengenai patriotisme dan nasionalisme juga diukur mengikut taburan purata yang diperoleh setiap responden. Skor tertinggi adalah lima dan yang paling rendah adalah satu. Ia dibahagikan kepada tiga tahap seperti dalam Jadual 3 di bawah:

Jadual 3 : Klasifikasi Purata

KELAS/TAHAP	SKALA
Rendah	1.00 – 2.33
Sederhana	2.34 – 3.67
Tinggi	3.68 – 5.00

Klasifikasi purata yang digunakan sama dengan apa yang ditetapkan semasa mengukur tahap pengetahuan am responden. Berdasarkan Jadual 3, kajian ini mendapati bahawa majoriti responden mempunyai tahap pemahaman yang tinggi mengenai patriotisme dan nasionalisme dengan purata skor responden 4.318.

Jadual 4: Pemahaman Mengenai Patriotisme dan Nasionalisme

Pemahaman Mengenai Patriotisme dan Nasionalisme	Kekerapan (n)	Peratusan (%)
Rendah (skor 25 hingga 58)	1	0
Sederhana (skor 59 hingga 92)	103	12.3
Tinggi (skor 92 hingga 125)	697	87

Berdasarkan analisis statistik deskriptif berkaitan dengan pemahaman responden mengenai patriotisme dan nasionalisme sepertimana yang ditunjukkan oleh Jadual 4, sebanyak 87% mendapat skor tinggi manakala 12.3% responden mempunyai tahap pemahaman yang sederhana. Pendidikan di sekolah yang menitik-beratkan hal-hal sejarah dan kenegaraan memainkan peranan dalam pembinaan pemahaman ini. Namun begitu, usaha menanam kefahaman dan mewujudkan kesedaran dalam kalangan remaja ini tidak terletak di tangan pihak sekolah semata-mata malah perlu dilihat dalam skop yang lebih meluas lagi seperti persekitaran sosial yang bermula pada peringkat awal lagi. Dalam konteks ini, institusi keluarga dan masyarakat berperanan penting dalam pembinaan negara bangsa yang mempunyai perasaan cintakan negara yang tinggi.

Ibu bapa dilihat perlu memainkan peranan utama dalam membentuk sebuah keluarga yang mempunyai tanggungjawab terhadap negara, melahirkan satu generasi yang berjiwa merdeka dan perasaan serta semangat kenegaraan yang padu. Tidak ketinggalan masyarakat setempat turut terlibat memberikan sumbangan yang besar dalam melahirkan golongan remaja yang mempunyai pemahaman yang jelas tentang semangat patriotisme dan nasionalisme.

PLKN yang dilaksanakan oleh kerajaan tidak dinafikan berperanan besar dalam meningkatkan pemahaman remaja tentang semangat patriotisme dan nasionalisme. Dengan penekanan yang diberikan melalui modul kenegaraan dapat memantapkan pemahaman golongan remaja kita. Pengupasan konsep tanah air dalam modul kenegaraan PLKN bertujuan untuk menimbulkan perasaan bangga dan sayang kepada negara yang dapat melahirkan perasaan berbakti kepada negara. Sementara pengupasan konsep rakyat bertujuan melahirkan perpaduan yang lebih erat dalam kalangan remaja Malaysia, manakala penekanan tentang konsep kerajaan lebih kepada kesedaran bagaimana kerajaan dibentuk, jentera kerajaan, perlembagaan dan sistem perundangan, serta bagaimana kerajaan mentadbir negara ini. Kupasan konsep kedaulatan pula bertujuan untuk menimbulkan kesedaran tentang pentingnya mempertahankan tanah air dari dijajah lagi, mungkin dalam bentuk yang berlainan dari yang pernah dialami sebelum ini.

Namun begitu terdapat 12.3% responden yang mana pemahaman mereka terhadap patriotisme dan nasionalisme berada pada tahap sederhana. Golongan ini seharusnya diberikan lebih perhatian memandangkan jumlah

mereka yang agak besar dan berkemungkinan akan membawa impak sampingan kepada negara. Mereka ini sudah mempunyai pengetahuan am yang baik tetapi memerlukan lebih penjelasan lagi tentang patriotisme, nasionalisme dan nilai-nilai kenegaraan. Pemahaman tentang perkara-perkara asas perlu diutamakan seperti erti sebenar 'kemerdekaan'. Menurut Saifuddin Abdullah (2005), nilai yang paling utama ialah penghayatan kemerdekaan. Untuk memberikan kefahaman yang jelas tentang persoalan ini, pihak pemerintah perlu menumpukan usaha bersepadu dengan kerjasama pelbagai pihak untuk menambah baik lagi pemahaman golongan remaja yang berada pada tahap ini. Oleh yang demikian, soal pembangunan golongan remaja perlu dirancang dan diuruskan dengan teratur agar dapat membawa perubahan yang diharapkan.

#### KEBERKESANAN PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA

PLKN satu bentuk mekanisme yang diperkenalkan secara rapi dan terancang dengan slogan 'satu hasrat, satu semangat dan satu tekad' bertujuan membentuk generasi akan datang yang matang dalam menghadapi cabaran pembinaan 1Malaysia.

Keberkesanan pelaksanaan PLKN dalam kajian ini ditinjau khususnya dalam konteks penghayatan semangat patriotisme dan nasionalisme dalam kalangan remaja masa kini. Berdasarkan kepada hasil kajian sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5 di bawah, sebanyak 90.29% responden dapat menghayati semangat patriotisme dan nasionalisme pada tahap yang tinggi. Keadaan ini membuktikan bahawa objektif pertama PLKN dalam menerapkan semangat patriotisme dan cintakan negara pada remaja telah terhasil dan membuahkan kejayaan yang diharapkan oleh kerajaan. Hal ini kerana, pendekatan yang digunakan adalah bersesuaian dengan jiwa remaja di mana mereka ditempatkan di kem-kem yang mempunyai pelbagai bentuk kemudahan asas, program yang tidak terlalu akademik dan tidak bersifat kerahan tenaga, serta turut memberikan lebih tumpuan kepada aktiviti fizikal yang boleh melahirkan remaja yang cergas dan berdaya saing. Pendekatan ini telah melahirkan rasa seronok pelatih dalam menjalani latihan tersebut. Kejayaan menerapkan elemen-elemen ini dalam diri remaja merupakan perkara yang menentukan keberkesanan PLKN. Hal ini diukur melalui soalan yang dikemukakan kepada pelatih PLKN selepas mereka menamatkan latihan. Kebanyakan mereka mempunyai semangat

yang berkebar-kobar untuk menjadi seorang warganegara yang berguna dan bersedia menyumbangkan jasa bakti kepada negara. Mereka juga bersedia untuk mempertahankan negara dari sebarang ancaman yang boleh membawa kebinasaan kepada negara dan menyatakan kesediaan yang tinggi untuk mengorbankan apa saja yang mereka ada untuk negara.

Jadual 5 : Keberkesanan Program Latihan Khidmat Negara

Keberkesanan PLKN	Kekerapan (n)	Peratusan (%)
Rendah	4	0.49
Sederhana	73	9.07
Tinggi	726	90.29

Berasaskan kepada perkembangan yang sedemikian, nilai patriotik dan nasionalis yang didedahkan kepada pelatih PLKN amat besar maknanya bagi pembangunan jati diri golongan remaja. Aspek ini menekankan tentang ciri-ciri seorang rakyat Malaysia yang mempunyai semangat kenegaraan, menghayati nilai-nilai utama yang ditekankan oleh pihak pemerintah seperti perpaduan, toleransi, berbudi bahasa dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga nilai-nilai murni yang diterapkan di dalam diri remaja seperti warganegara yang berhemah, bertanggungjawab, berdikari, berpendirian dan berkeyakinan diri yang tinggi. Perkara ini terbukti melalui penilaian sendiri remaja selepas menjalani latihan PLKN yang dijalankan selama tiga bulan.

Namun begitu berdasarkan statistik yang diperoleh terdapat kurang dari 10% peserta PLKN berada tahap keberkesanan yang sederhana dan 0.49% pada tahap rendah. Dapatan kajian memperlihatkan tidak terdapat perbezaan signifikan yang ketara sama ada sebelum atau selepas pelatih mengikuti PLKN. Perkara ini merupakan satu perkara biasa dalam lumrah kehidupan di mana di kalangan sebilangan besar remaja yang diberi latihan, terdapat sebilangan kecil remaja dalam lingkungan 10% yang tidak dapat menumpukan perhatian sepenuhnya semasa latihan atau berkemungkinan juga golongan remaja ini adalah dalam kategori yang agak ketinggalan dari segi pendidikan. Ini kerana dalam Siri Tiga PLKN, terdapat sebahagian daripada para pesertanya yang sudah bekerja, sudah berumah-tangga, sekolah sehingga darjah enam sahaja malah masih ramai yang tidak tahu membaca mahupun menulis. Golongan ini biasanya menjalani latihan sambil lewa

dan tidak mengutamakan apakah mesej sebenar yang hendak disampaikan oleh pihak pemerintah melalui program yang dilaksanakan ini. Bagi yang tidak dapat membaca dan menulis pula, ia turut menjejaskan latihan yang diterima. Oleh yang demikian, pihak pemerintah perlu memikirkan langkah penyelesaian bagaimana menghadapi dan menyusun atur latihan yang lebih berkesan khususnya untuk Siri Kumpulan Tiga PLKN.

Secara keseluruhannya, berdasarkan kepada dapatan kajian, tahap pengetahuan dan pemahaman golongan remaja terhadap patriotisme dan nasionalisme adalah tinggi khususnya apabila tamat menjalani PLKN. Dalam pada itu, keberkesanan PLKN juga tinggi terutamanya dalam aspek penerapan semangat patriotisme, nasionalisme dan juga nilai-nilai kenegaraan. Sehubungan dengan itu, adalah wajar sekiranya pihak pemerintah meneruskan program ini demi kesejahteraan dan masa depan negara dalam konteks membangunkan semangat patriotisme dan nasionalisme golongan remaja. Namun begitu, timbul beberapa persoalan dalam konteks ini iaitu bagaimana pula dengan kedudukan dan semangat golongan remaja yang tidak menjalani PLKN? Apakah perasaan mereka terhadap negara? Adakah mereka juga mempunyai semangat patriotisme yang tinggi? Oleh itu, satu kajian khusus perlu dilaksanakan ke atas golongan remaja tersebut. Penilaian yang komprehensif perlu dilakukan dalam mengukur secara saintifik jati diri mereka.

PLKN seharusnya diperluaskan lagi supaya semua golongan remaja berpeluang melalui pengalaman yang sama dan menimba pengetahuan yang dapat membina jati diri mereka. Dalam era globalisasi ini serta zaman pembangunan yang mementingkan kemajuan berdasarkan nilai ekonomi dan kecekapan menguasai teknologi maklumat, manusia semakin lama semakin melupakan nilai budaya bangsanya sendiri (Hassan Ahmad, 2003). Nilai-nilai keagungan bangsa sendiri semakin terhapus, adat-resam tempatan semakin ditinggalkan dan budaya sejagat semakin diagungkan. Perkembangan inilah yang bakal menjejaskan jati diri remaja Malaysia seandainya persiapan rapi tidak dibuat. Pendidikan mengenai isu-isu remaja di negara ini perlu sejajar dengan hasrat pihak pemerintah untuk membina jati diri golongan remaja yang berdaya maju, tinggi dengan semangat patriotik dan bersifat nasionalis serta dapat memahami nilai-nilai kenegaraan dengan sempurna. PLKN mesti dimantapkan supaya dapat mendidik anak bangsa menjadi insan yang berwibawa, berdedikasi dan berjiwa merdeka dengan semangat yang kental untuk mendaulatkan negara.

## KESIMPULAN

Pelbagai program telah dilaksanakan oleh pihak pemerintah dalam usaha untuk menjana generasi remaja yang teguh dengan semangat cintakan negara. PLKN perlu dijadikan satu wadah baru bagi pihak pemerintah untuk menerapkan nilai-nilai utama yang seharusnya menjadi pegangan remaja kita. Ternyata program ini dapat memupuk semangat patriotisme dan nasionalisme yang tinggi dalam kalangan remaja yang menyertainya. Namun begitu segala usaha murni ini tidak boleh diserahkan pada pihak pemerintah semata-mata. Seluruh anggota masyarakat perlu berganding bahu bersama-sama mendukung usaha ini demi melihat masa depan negara yang terjamin. Justeru agensi bertanggungjawab, yakni Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) perlu menilai kembali modul PLKN secara teliti dan membuat penambahbaikan terutama mesej dan amanat yang ditekankan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd. Najib Tun Razak mengenai 'Gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

Setiap perancangan dan tindakan perlu idealistik agar seiring dengan tuntutan perubahan zaman yang semakin mencabar kini. Pembangunan ilmu perlu diutamakan dalam kerangka mengekalkan dan membentuk generasi remaja yang berpengetahuan tinggi supaya mereka mampu menangkis segala bentuk cabaran yang bakal ditempuhi. Penghayatan semangat patriotisme dan nasionalisme akan melahirkan jati diri remaja yang berjiwa merdeka, berwawasan, berketerampilan dan dapat memberikan sumbangan bermakna ke arah pembangunan negara, kesejahteraan masyarakat mencapai impian 1Malaysia.

## RUJUKAN

- Abd. Rahim Abd. Rashid 2004. *Patriotisme : Agenda Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Hassan Ahmad. 2003. "Budaya Bangsa dan Tahap Penghayatan Generasi Muda dalam Masyarakat Malaysia". *Kertas Kerja Kolokium Kefahaman Seni dan Budaya di IPT, 27 Disember*, KUTKM, Melaka.
- Kohn, Hans. 1967. *Idea of Nasionalisme*. New York: Collier Book.
- Radin Soenarno. 1960. *Malay Nationalism 1900-1941*. *Journal of South East Asian History*. 1 (1 Mac): 1-28.

- Roff, W.R. 1967. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Rustam A. Sani. 2004. *Ke Mana Nasionalisme Melayu?* Kuala Lumpur: Publishing Services.
- Saifuddin Abdullah. 2005. "*Patriotisme Alaf Baru: Dari Semangat Kepada Khidmat*". *Dalam Belia dan Patriotisme Malaysia*. Ed. Hussain Mohamed. Melaka : Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.

Profil Penulis

**Ahmad Tarmizi Talib, PhD**

Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan  
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)  
tarmizi@putra.upm.edu.my

**Sarjit S. Gill, PhD**

Ketua Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan  
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)  
Merangkap  
Felo Adjung di Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia  
(IPBPM)  
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.  
Ahli Institut Integriti Malaysia (IIM)  
sarjit@putra.upm.edu.my

**Mohd Mahadee Ismail, M.A**

Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan  
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)  
mahadee@putra.upm.edu.my

**Jayum A Jawan, PhD**

Timbalan Dekan Siswazah  
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)  
jayum@putra.upm.edu.my

**Zaid Ahmad, PhD**

Ketua Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan  
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)  
zaid@putra.upm.edu.my



## **FENOMENA MAT REMPLIT: CABARAN DAN PELUANG KEPADA PENGISIAN GAGASAN 1MALAYSIA**

**MOHD MURSYID ARSHAD, ISMI ARIF ISMAIL,  
STEVEN ERIC KRAUSS & TURIMAN SUANDI**

### **ABSTRAK**

*Makalah ini menerokai fenomena remplit dengan menjawab beberapa persoalan berkaitan iaitu; 1) Siapakah Belia Rempit? dan 2) Apakah makna menjadi Belia Rempit? Persoalan tentang fenomena ini kemudiannya dibincangkan dalam konteks Gagasan 1Malaysia. Bagaimana fenomena remplit ini dilihat sebagai cabaran dan peluang kepada pengisian Gagasan 1Malaysia? Dengan menggunakan pendekatan kajian kes fenomenologi, penerokaan empirikal ini menganalisis fenomena remplit dari perspektif pembangunan belia bagi mentransformasikannya daripada satu cabaran kepada satu peluang untuk 1Malaysia.*

**Kata Kunci:** *Belia 'Rempit', Sub-Budaya Belia, Pembangunan Belia, Gagasan 1Malaysia*

### **ABSTRACT**

*This article explores the 'rempit' phenomenon by answering a number of questions namely: 1) Who are the 'rempit' youth? and 2) What does it mean to become a 'rempit' youth? Questions related to this phenomenon are then discussed in the context of 1Malaysia Vision. How does this the 'rempit' phenomenon viewed as a challenge and an opportunity to enhance 1Malaysia Vision? By using the phenomenological case study, this empirical exploration analyses 'rempit' phenomenon from the youth development perspective so as to transform it from being a challenge, into an opportunity for 1Malaysia.*

**Keywords:** *'Rempit' Youth, Youth Sub-Culture, Youth Development, 1Malaysia*

## PENGENALAN

Belia di Malaysia merupakan struktur tunjang dan tulang belakang kepada negara. Merekalah pemegang amanah serta tanggungjawab sebagai pewaris kepimpinan dan pentadbiran negara pada masa akan datang. Sehingga tahun 2008, perangkaan statistik menunjukkan dari 28.31 juta rakyat Malaysia, sejumlah 18.5 juta adalah dianggarkan terdiri daripada golongan awal belia yang berusia di antara 15 hingga 24 tahun (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2009). Dengan perangkaan sumber manusia belia yang begitu tinggi ini, memang tidak dapat dinafikan lagi betapa pentingnya usaha ke arah membimbing mereka untuk bersedia menjadi agen pembangunan negara.

Dalam mendepani cabaran membina sebuah negara maju menjelang 2020, kita dikejutkan dengan pertambahan bilangan belia Malaysia yang terlibat dengan fenomena lumba haram dan perlakuan aksi jananan yang dikenali sebagai Rempit. Kebimbangan ini diakui sendiri oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan ketika membentangkan kertas kerja bertajuk “Gejala Sosial: Hakikat Masa Kini” di Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur (Utusan Malaysia, 1 November 2006). Selain daripada salah laku sosial dan jenayah lain seperti merompak, meragut, mengambil dadah, seks bebas, lumba haram dan ‘rempit’ menjadi salah satu tumpuan utama belia berisiko di Malaysia dan ini juga merupakan suatu ancaman kepada pembinaan masyarakat Malaysia maju sepertimana yang digariskan dalam Wawasan 2020.

‘Rempit’ merujuk kepada kecenderungan untuk melakukan aksi-aksi ngeri bermotosikal di jalan raya dan ia bukan sahaja membahayakan nyawa dan harta benda si penunggang, tetapi juga membahayakan nyawa dan harta benda orang lain (Utusan Malaysia, 17 Ogos 2008). ‘Mat Rempit’ adalah fenomena belia bermotosikal yang gemar menunggang secara berkumpulan yang besar hingga mengganggu ketenteraman di jalan awam tanpa menghiraukan peraturan lalu lintas (Yahya, 2009). Kebanyakan motosikal yang digunakan tidak memenuhi piawai, atau telah diubahsuai. Mat Rempit biasanya juga dicap sebagai samseng jalan raya kerana sering menimbulkan kekecohan di jalan raya dan dikaitkan dengan pelbagai masalah sosial seperti merompak, merogol dan menyerang serta membunuh (Rozmi & Norhayati, 2007). Aksi Mat Rempit tidak terbatas kepada perlakuan ketika melakukan tunggangan motosikal sahaja malah hingga melibatkan keganasan, menyerang pihak berkuasa termasuk polis yang menjalankan penguatkuasaan undang-undang hingga mendatangkan kebencian awam (Utusan Malaysia, 26 Jun 2008). Fenomena ‘rempit’ ini juga sebenarnya

adalah manifestasi evolusi perlumbaan motosikal haram yang telah wujud di Malaysia sejak tahun-tahun 1970 an lagi.

Persoalan yang menimbulkan kebimbangan kita semua adalah; Bagaimanakah keadaan negara kita pada masa akan datang sekiranya fenomena 'rempit' ini tidak ditangani dengan sebaik-baiknya? Sejauh manakah kita mampu untuk membimbing belia berisiko ini, khususnya belia rempit untuk bersama-sama membina negara kita tercinta? Adakah usaha membimbing belia 'rempit' ini untuk kembali bersama-sama membina negara bersama ahli komuniti yang lain adalah sesuatu yang mustahil untuk dilaksanakan? dan akhirnya, Apakah cara atau pendekatan yang terbaik untuk merealisasikan usaha ini? Makalah yang ditulis berdasarkan kajian empirikal tentang 'rempit' ini akan berusaha menjawab persoalan-persoalan yang telah dikemukakan dengan memahami dan menganalisis fenomena 'rempit' dari perspektif pembangunan belia bagi mentransformasikannya daripada dilihat sebagai satu cabaran kepada satu peluang untuk merealisasikan matlamat Gagasan 1Malaysia.

## PERSOALAN KAJIAN

Dua persoalan kajian yang telah dikenal pasti bagi memahami fenomena Rempit secara mendalam adalah 1) Apakah profil belia yang terlibat dengan gejala Mat Rempit? dan 2) Apakah makna untuk menjadi Mat Rempit daripada perspektif belia yang terlibat? Persoalan kajian di atas adalah bertujuan untuk memahami siapakah belia yang terlibat dalam fenomena Rempit di jalanan dan mengapa mereka terlibat. Dengan menggunakan pendekatan kajian kes fenomenologi, penerokaan empirikal tentang sejarah kehidupan dan pengalaman aktiviti Mat Rempit ini boleh digunakan untuk mencadangkan beberapa program pendidikan dan program intervensi terhadap permasalahan yang melibatkan golongan belia berisiko ini.

## SOROTAN LITERATUR

### **Definisi 'Rempit'**

Terdapat beberapa definisi yang menjelaskan pengertian terma Mat Rempit di kalangan belia. Terma rempit berasal daripada perkataan Bahasa Inggeris 'remp-it' yang mencirikan pelumba yang sedang

memeras minyak di jalan raya (litar) yang mana menjadi nama jolokan bagi individu yang terlibat (Rozmi, 2005). Menurut Yahya Don (2009), Mat Rempit adalah penunggang motosikal yang melakukan aksi-aksi merbahaya. Dalam erti kata yang lain, Mat Rempit adalah kumpulan belia yang terbabit dalam perlumbaan haram dengan menggunakan motosikal kapcai, menunggang motosikal secara merbahaya di jalan raya yang membahayakan pengguna dan menggugat ketenteraman (Samsuddin, 2007). Mat Rempit juga didefinisikan sebagai individu yang menyertai perlumbaan haram menggunakan motosikal berkuasa kecil (Rozmi & Norhayati, 2007). Secara umumnya, terma Mat Rempit sebenarnya adalah gelaran yang diberikan oleh orang ramai kepada individu yang merempit. Secara kesimpulannya, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji, istilah Mat Rempit adalah gelaran yang diberikan kepada seseorang individu lelaki yang terlibat dalam salah laku jalanan dengan menunggang motosikal secara berlumba dan aksi-aksi yang merbahaya untuk mencari titik kepuasan dari penglibatannya.

### **‘Rempit’ sebagai Sub-Budaya Belia**

Penglibatan belia yang terlibat dalam aktiviti ini adalah secara berkumpulan atau sekelompok kecil kumpulan yang menyebabkan belia mudah untuk dimanipulasikan dengan pembentukan subbudaya (subculture) yang wujud secara tidak langsung bagi membezakan diri dan kumpulan dengan budaya dan norma sebenar sesebuah masyarakat. Di dalam konteks sosiologi, subbudaya merupakan sekumpulan atau sekelompok manusia dengan budaya tersendiri yang membezakan mereka daripada sebuah budaya sebenar masyarakat sama ada nyata atau tersembunyi. Hebdige (1979) menyatakan bahawa subbudaya adalah pemberontakan terhadap perkara normal. Subbudaya juga boleh dirasakan sebagai negatif merujuk kepada budaya mereka yang mengkritik kepada kelompok biasa dominan sosial. Subbudaya membawa bersama-sama pemikiran individu yang merasakan dirinya terabai oleh kebiasaan sosial dan mendorong mereka untuk membentuk identiti tersendiri. Subbudaya adalah sesuatu yang sosial di mana sesama mereka berkongsi persetujuan, nilai dan upacara (ritual), tetapi mereka juga dilihat menyelami (immersed) dan menyerap (self-absorbed) rupa yang membezakan mereka daripada penentangan budaya (Gelder, 2007). Oleh yang demikian, subbudaya terbentuk adalah kerana penolakan terhadap norma sebenar sesebuah masyarakat besar.

Subbudaya sering kali ditumpukan secara khusus melalui usia, bangsa, etnik, kelas, lokasi, dan rakan sejawat yang terdiri daripada simbolisme yang dikaitkan dengan cara berpakaian, muzik dan keengganan yang jelas oleh ahli subbudaya dan juga mempunyai simbol yang sama yang diterjemahkan oleh ahli sesebuah budaya dominan. Keupayaan dalam mengenal pasti subbudaya yang mungkin lebih jelas kelihatan pada linguistik, nilai estetika, agama, politik, seksual, geografi atau kombinasi pelbagai faktor. Ahli sesebuah subbudaya sering kali memberikan isyarat keahlian melalui pengkhususan dan simbolik gaya yang meliputi fesyen, sifat kelakuan dan pertuturan (*mannerism*) dan bahasa (Hebdige, 1979). Menurutya lagi, ia adalah simbolik yang nyata terhadap apa yang dipilih, misalnya cara berpakaian, gaya rambut dan kasut yang dipakai. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa elemen yang tidak mudah difahami, seperti minat umum, dialek dan slang, aliran muzik dan tempat perjumpaan (berkumpul) yang juga boleh menjadi faktor yang penting. Menurut Rozmi (2003) dalam Rozmi & Norhayati (2007) menyatakan bahawa aktiviti *Mat Rempit* adalah ruangan bagi interaksi sosial di antara individu dan 'klik' yang mana mereka dapat membentuk satu komuniti dengan matlamat, minat dan cara hidup yang sama.

Selain itu juga, pengelasan sosial, gender dan etnik turut merupakan faktor penting dalam menghubungkannya kepada subbudaya belia. Subbudaya belia boleh definisikan sebagai maksud sesuatu sistem, mod ekspresi atau gaya hidup yang terbina oleh kumpulan dalam kedudukan struktur subordinat dalam memberi respons kepada sistem dominan (Brake, 1985). Menurut Straw (1991), dalam subbudaya belia wujud terma *scene* yang merujuk kepada subbudaya yang eksklusif serta pengisiannya, di mana ia membezakannya daripada budaya yang besar melalui sama ada fesyen, pengenalan melalui aliran muzik yang spesifik atau perspektif politik dan kekuatan kumpulan atau mentaliti suku bangsa. Terma tersebut juga boleh digunakan untuk menggambarkan sub set subbudaya yang spesifik dan kedudukan geografi. Tingkah laku dalam kumpulan kadangkala boleh menarik minat luaran yang berlawanan. Subbudaya turut menunjukkan sifat protes dan kebencian yang sistematik terhadap budaya dominan yang kadangkala menggambarkannya sebagai penentangan budaya.

Subbudaya belia sering kali didefinisikan atau data dibahagikan kepada beberapa elemen kecenderungan minat. Daripada elemen yang dapat dikenal pasti tersebut, terdapat beberapa kecenderungan yang

menjadikan sesuatu objek atau perkara sebagai medium pembentukan sesebuah subbudaya belia, seperti yang berlaku di Malaysia, iaitu gejala Mat Rempit yang berleluasa sejak kebelakangan ini.

Di Jepun, gejala lumba haram di kenali sebagai bosozoku dikesan sekitar tahun 1950, di mana dalam perkataan Jepun bermaksud kumpulan yang menjalankan keganasan. Bosozoku adalah subbudaya di Jepun yang dianggotai dengan kelab dan kumpulan motosikal. Perkataan zoku adalah terma yang merujuk kepada puak, suku atau keluarga yang akhirnya dikembangkan ke seluruh Jepun untuk mendefinisikan fenomena sesuatu subbudaya. Ahli bosozoku berkongsi minat yang sama dalam pengubahsuaian motosikal yang kebiasaannya pengubahsuaian secara haram dan juga terlibat dalam penunggangan yang berani dan merbahaya serta turut memecut laju di jalan-jalan bandar, yang dipanggil shinai boso yang bukan sekadar perlumbaan jalanan semata-mata, tetapi untuk mencari keseronokan. Ahli kumpulan bosozoku secara umumnya adalah belia di bawah umur undang-undang dewasa yang mana berusia 20 tahun.

Cara pemakaian sering kali digambarkan sebagai seragam penerjun seakan-akan baju lusuh buruh kasar atau baju tokko-foku, iaitu sejenis baju luar yang dikeluarkan pihak tentera yang tertulis perkataan kanji bertulis slogan ketenteraan, tampalan matahari terbit yang melambangkan patriotisme, yang lusuh tanpa memakai baju-T di dalamnya dan menunjukkan ikatan torso di leher seakan akan pilot jet pejuang serta memakai celana longgar yang dilipat ke dalam but tinggi. Kebiasaannya juga terdapat ahli bosozoku yang memakai jaket kulit, cermin mata (sunglasses), pengikat kepala dengan slogan peperangan dan gaya rambut kelihatan seakan akan rocker atau greaser yang mirip kepada pembunuh yakuza. Pengubahsuaian motosikal pula menggabungkan elemen gaya motosikal chopper Amerika Syarikat dan cafe racer British. Motorsikal mereka juga kebiasaannya akan turut dihias dengan pelekat atau bendera yang menggambarkan simbol kumpulan atau logo. Mereka juga secara jelas menunjukkan kumpulan bosozoku daerah atau kawasan mana melalui bentuk pengubahsuaian motosikal contohnya penggunaan warna, berwarna-warni atau aksesori yang dipasang pada motosikal.

Di sebelah negara barat pula, kumpulan motosikal yang popular antaranya adalah kumpulan Hells Angels, yang dikenali sebagai Hells Angels Motorcycle Club. Kelab ini telah diasaskan pada penghujung

1940an atau awal 1950an di California, Amerika Syarikat, melalui amalgamasi atau penyertaan daripada pelbagai kelab motosikal antaranya Boozefighters dan kumpulan The Pissed Off Bastards of Bloomington. Pada masa kini, keahlian kumpulan ini dianggarkan seramai 3,600 orang dan berasaskan etnik kulit putih. Namun begitu, di sebalik aktiviti kumpulan bermotosikal, kumpulan ini didapati terlibat dengan aktiviti jenayah seperti pengedaran dadah dan senjata api, memeras ugut, sindiket pelacuran dan penculikan. Kumpulan ini juga mempunyai pesaingnya sendiri antaranya kumpulan Bandidos, Mongols, Outlaws dan Pagans. Kumpulan ini telah membentuk subbudaya dan identiti mereka tersendiri seperti dari segi pemakaian, iaitu bentuk dan warna lambang pada jaket kulit atau denim yang dipakai mereka ditiru daripada lencana 85th Fighter Squadron dan 552nd Medium Bomber Squadron. Warna rasmi kumpulan ini adalah berlatarbelakangkan warna putih dan bertulisan merah dan kebanyakan ahli kumpulan memakai tampalan segi empat yang dikenal pasti lokasi bahagian atau kawasan masing-masing. Walau bagaimanapun, kumpulan ini menetapkan syarat kepada sesiapa yang ingin menyertai mereka, antaranya memiliki lesen memandu yang sah, menggunakan motosikal Harley Davidson dan tidak boleh kanak-kanak atau sesiapa yang memohon untuk menjadi anggota polis atau pengawal penjara serta perlu mendapat undi dari keseluruhan ahli kelab untuk keahlian penuh. Sehubungan dengan itu, Tan Sri Musa Hassan menyatakan, Mat Rempit di Malaysia mulai terikut-ikut cara hidup kumpulan Hell-Angel di Amerika Syarikat dan sedang menyebarkannya dalam kalangan ahli kumpulan yang lain, penularan ini amat membimbangkan kerana kumpulan Hell-Angel banyak terlibat dengan jenayah, penyalahgunaan dadah termasuk ganja, syabu dan heroin serta menjalinkan hubungan seks bebas (Utusan Malaysia, 1 November 2006). Di samping itu, kajian juga turut mendedahkan ramai dalam kalangan Mat Rempit membuat pengakuan mereka turut terbabit dengan penyalahgunaan dadah (Yahya, 2009).

Dalam konteks Malaysia, kajian yang dijalankan terhadap fenomena Mat Rempit di Lembah Klang oleh Rozmi (2005) mendapati bahawa wujud subbudaya baru yang mengasingkan serta membezakan mereka dari kelompok masyarakat melalui tingkah laku, personaliti, cara hidup, pergaulan, pakaian dan bahasa yang digunakan dalam kumpulan. Sub budaya yang ketara wujud dalam kalangan Mat Rempit adalah dari segi gaya pemakaian Mat Rempit, yang mana mereka lebih gemar berpakaian bersahaja (simple) tidak seperti kumpulan Bosozoku di Jepun, iaitu hanya

memakai baju-T, baju berbelang dan berseluar jeans, memakai beg posch, berkasut (Johnson, Redwin atau Sport) dan turut berseluar pendek. Sama seperti Bosozone, Mat Rempit di Lembah Kelang turut memakai cermin mata berwarna hitam atau kuning dan segelintirnya memakai jaket kulit atau sweater berspan tebal.

Bagi Minah Rempit pula yang gemar memboncong di belakang pula kebiasaannya berseluar jeans, skirt dan berbaju nipis bagi menarik perhatian Mat Rempit yang lain. Subbudaya Mat Rempit juga wujud dari segi penggunaan kod dan nama samaran sebagai panggilan kepada rakan mereka yang menggambarkan identifikasi kepada kumpulan di tempat yang berbeza serta sering mengamalkan penggunaan bahasa rahsia. Seperti Bosozone, Mat Rempit juga turut memodifikasi motosikal mereka bagi tujuan perlumbaan dan kebiasaannya ketua kumpulan memainkan peranan menguruskan perlumbaan antara mereka. Reka bentuk modifikasi dan warna motosikal menjadi simbolik yang membezakan kumpulan Mat Rempit mengikut tempat atau kumpulan yang terlibat.

Dari segi penglibatan belia pula, majoriti yang terlibat dalam gejala ini berada di lingkungan usia 10 hingga 20 tahun (Yahya, 2009). Dari kajian lain juga mendapati remaja lelaki berbangsa Melayu lingkungan umur 17 hingga 21 tahun didapati paling ramai terlibat di mana majoriti yang terlibat dalam perlumbaan haram adalah berusia 20 hingga 22 tahun (Rozmi, 2005). Bilangan Mat Rempit yang mana pembabitannya remaja kaum Melayu adalah sebanyak 95% dari keseluruhan Mat Rempit di seluruh Malaysia pada 2006 yang mana mengalami peningkatan sebanyak 15% berbanding dengan jumlah yang direkodkan pada tahun 2002, iaitu sebanyak 80% (Berita Harian, 17 Januari 2009). Berdasarkan statistik hasil tangkapan Polis Diraja Malaysia dalam Mahmood Nazar (2009) yang melibatkan golongan Mat Rempit, 85% dari jumlah pesalah adalah berumur antara 16 hingga 21 tahun yang mana kebanyakan dari mereka terdiri daripada pelajar, penganggur, bekerja sendiri dan pekerja kilang. Didapati dari sejumlah yang ditahan, sejumlah 77.5 % adalah kaum Melayu dan daripada hasil tangkapan, 5% daripadanya melibatkan pertaruhan.

Menurut Gabany, Plummer dan Grigg (1997), terdapat beberapa faktor yang membawa kepada tingkah laku memandu laju (*speeding behavior*); 1) bagi menunjukkan kehebatan, iaitu (*ego gratification*); 2) pengambilan risiko; 3) faktor tekanan masa; dan 4) bagi menunjukkan kebencian



terhadap aktiviti memandu. Hasil kajian tersebut juga turut menyediakan analisis mengapa terdapat individu yang cenderung untuk melanggar peraturan had laju di mana timbul tiga faktor, iaitu dalam keadaan cemas (thrill), tekanan masa dan hilang tumpuan. Faktor tersebut menggalakkan seseorang untuk membuat keputusan untuk melanggar had laju. Walau bagaimanapun, kehilangan tumpuan dalam pemanduan menjadi faktor yang terpenting (McKenna, 2007). Beliau juga menyatakan ketidakpatuhan kepada kelajuan adalah kombinasi daripada individu tersebut, kenderaan dan keadaan jalan (McKenna, 2006).

Di samping itu cara memandu yang melulu adalah ekoran daripada sikap anti sosial dan sikap tidak bertanggungjawab kerana kegagalan menyesuaikan diri dengan nilai sosial (Mayer, 1997). Golongan remaja sering kali melakukan aksi-aksi merbahaya di jalan raya dan bertindak ganas hingga mengganggu pengguna jalan raya yang lain (Edwards, 2001). Menurut Foss & Godwin (2003), kes-kes kemalangan yang berlaku mempunyai kaitan dengan terlalu yakin akan kemahiran pengendalian kenderaan, keseronokan, memandu pada waktu malam, dan dipengaruhi oleh dadah dan alkohol. Kebiasaannya Mat Rempit akan melakukan aktiviti perlumbaan haram atau perlakuan merbahaya di sebelah malam berbanding pada waktu siang. Kajian oleh Chen et. al. (2000) mendapati risiko kemalangan maut dalam kalangan penunggang belia yang berusia 16 dan 17 tahun adalah tiga kali ganda di antara jam 10 malam hingga tengah malam berbanding dengan hari siang dan senja (6 petang hingga 10 malam).

## METODOLOGI

### **Reka bentuk Penyelidikan**

Bagi menjawab persoalan kajian ini, pendekatan kajian kualitatif telah dijalankan terhadap belia yang terlibat dalam fenomena 'rempit' di sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia. Menggunakan paradigma penyelidikan fenomenologi, kumpulan belia 'rempit' berkenaan bersetuju untuk ditemu bual secara mendalam (in-depth), dan penyelidik juga dibenarkan melakukan pemerhatian turut serta (participant observation) dalam aktiviti lumba mereka. Kajian yang dijalankan ini amat penting kerana sebelum ini kajian lebih tertumpu kepada Mat Rempit di Lembah

Klang dan majoritinya menggunakan pendekatan kuantitatif (Rozmi, 2005; Rozmi & Norhayati, 2007; Yahya, 2009). Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah menitikberatkan garis panduan berikut:

- **Pengkaji sebagai instrumen kajian**  
Pengkaji sendiri adalah sebagai instrumen kajian pada keseluruhan proses pengumpulan data dan analisis di mana pengkaji berpengaruh terhadap subjek yang meliputi konteks kajian, memilih teknik pengumpulan data yang berpadanan, yang mana sensitif kepada aspek non-verbal semasa temu bual dijalankan dan proses berterusan, dan data tersebut dianalisis sehingga proses kajian tamat (Guba & Lincoln, 1981; ).
- **Pemerhatian turut serta**  
Pengkaji berjumpa dan mewujudkan hubungan dengan subjek kajian untuk mendapatkan kefahaman yang mendalam terhadap isu.
- **Persampelan purposif (purposive sampling) =**  
Saiz pensampelan adalah kecil dan terpilih berdasarkan kriteria berikut:
  - a) subjek kajian adalah terdiri daripada belia yang mewakili sesebuah kumpulan Mat Rempit yang aktif menjalankan kegiatan dan aktiviti di utara Semenanjung Malaysia;
  - b) subjek kajian berpengalaman dalam aktiviti ini yang sedang terlibat dengan aktif atau yang pernah terlibat dengan aktiviti Mat Rempit; dan
  - c) kesediaan subjek kajian untuk berkongsi pengalaman kehidupan mereka sebagai Mat Rempit. Beberapa kriteria yang dinyatakan ini digunakan dalam menjalankan kajian ini.

Oleh kerana kajian ini dijalankan untuk menerokai fenomena Rempit bertujuan memahami pengalaman mereka, Creswell (2007) mencadangkan bahawa kaedah fenomenologi membolehkan pengkaji mengetengahkan pengalaman subjektif kehidupan seseorang individu. Menurutnya, dalam kajian fenomenologi adalah bertujuan untuk menerangkan maksud tentang konsep dan fenomena pengalaman kehidupan bagi individu masing-masing. Othman (2007) menyatakan bahawa fenomenologi adalah suatu kerangka teori yang menekankan kajian tentang bagaimana pengalaman harian mempengaruhi dan membentuk perlakuan, di mana fenomena

mungkin merupakan suatu peristiwa, situasi, pengalaman atau konsep. Pemilihan pendekatan kajian fenomenologi adalah untuk menyelidiki semula pengalaman hidup sebagai Mat Rempit yang berkaitan dengan menggambarkan apakah pengalaman mereka sebagai Mat Rempit dan bagaimana mereka mengalami pengalaman tersebut (Moustakas, 1994). Seperti yang ditegaskan oleh Patton (2002) menyatakan bahawa sesuatu penyelidikan fenomenologi atau pengalaman kehidupan dapat memberitahu wujudnya hubungan yang signifikan di antara pengalaman kehidupan dan fenomena sosial melalui asas persoalan apakah yang dimaksudkan, struktur dan inti pati (essence) dari pengalaman kehidupan bagi sesuatu fenomena untuk seseorang individu atau berkumpulan.

### **Pengumpulan dan analisis data**

Dalam kaedah penyelidikan kualitatif, analisis data dilakukan serentak semasa proses pengumpulan data. Secara spesifiknya ia berdasarkan panduan oleh kaedah constant comparative, pengumpulan data, pensampelan, pengkategorian dan pengkodan, penemuan model semasa menulis yang termasuk pada masa yang sama terhadap keseluruhan kajian seperti yang disarankan oleh Glaser & Corbin (1990) dalam Creswell (1998). Pengkaji memulakan analisis awal data ke atas temu bual yang pertama dijalankan dengan menganalisis serta membina kategori serta tema dan kemudiannya disusuli dengan temu bual yang seterusnya.

Temu bual secara mendalam atau purposeful conversations (Dexter, 1970; Morgan, 1997) telah digunakan untuk mengumpul data yang subjektif dalam kajian ini. Seperti yang diketengahkan oleh Merriam (1998), kunci utama temu bual sebenarnya adalah untuk membuka kunci perspektif informan (emic) dan bukannya perspektif pengkaji (etic) terhadap isu yang dikaji. Oleh yang demikian, temu bual mendalam (in-depth interview) disifatkan sebagai teknik yang sangat bersesuaian untuk mengeksplorasi perasaan, pendapat dan persepsi subjek kajian (Patton, 1990).

Proses pengumpulan data dilakukan dalam tempoh dua bulan bermula awal Mei hingga pertengahan Julai 2009. Sebagai cara untuk mengurangkan keasingan antara pengkaji dengan subjek kajian, pengkaji mewujudkan rapport sebagai asas perhubungan bertujuan mendapatkan

kepercayaan subjek kajian dan penglibatan mereka dalam kajian ini. Pertama, pengkaji bergerak ke lapangan kajian, meluangkan masa dengan mereka, mengenali mereka dan mengenal pasti beberapa subjek kajian yang didapati terlibat secara aktif atau pernah terlibat. Dalam perjumpaan yang seterusnya, pengkaji memperkenalkan objektif kajian dan seterusnya mendapatkan persetujuan subjek kajian untuk ditemu bual secara in-depth dengan menetapkan tarikh dan waktu yang sesuai dengan subjek kajian. Seterusnya, pengkaji menemu bual subjek di tempat yang sesuai yang kebanyakan sesi temu bual dijalankan dalam suasana santai pada waktu mereka tidak berlumba. Bagi menguatkan kebolehppercayaan yang diperoleh dari maklumat yang diberikan subjek, pengkaji telah mendapatkan kebenaran dan kerjasama subjek kajian untuk menjalankan pemerhatian turut serta (*participant observation*). Tempoh dua bulan proses pengumpulan data digunakan sebaik-baiknya dengan pemerhatian turut serta dengan cara bersama-sama dengan mereka dan meninjau proses aktiviti yang dilakukan oleh subjek kajian di lapangan. Pada masa sama, pengkaji turut merasai suasana sebenar seperti mana yang dialami oleh subjek kajian, walaupun pengkaji memahami ia adalah suatu perkara yang berisiko untuk dilakukan.

Bagi mendapatkan maklumat tambahan, pengkaji turut menemui semula atau mendapatkan maklumat susulan (*follow up*) dengan subjek kajian sama ada berjumpa terus dengan mereka atau menghubungi mereka melalui telefon. Namun begitu, pengkaji lebih selesa untuk menemui dengan temu bual kerana menghindarkan jurang (*gap*) antara pengkaji dan subjek. Kaedah temu bual merupakan kaedah yang paling kerap digunakan dalam mengumpul data dalam penyelidikan kualitatif (Merriam, 1998). Menanyakan sesuatu kepada seseorang untuk menceritakan tentang kehidupan mereka boleh menghasilkan data yang lebih kukuh dan jitu (Holstein dan Gubrium, 1995).

Semasa menjalankan temu bual mendalam, perakam suara jenis Philips Go Vibe, sebuah perakam digital mempunyai perisian Digital Voice Editor, yang membolehkan pengguna menggunakannya sebagai transcribing machine. Ia membantu kerja pengumpulan data, mengurus data dan membantu ketika memindahkan data kepada bentuk transkrip. Seperti yang dicadangkan oleh Bogdan & Biklen (1998), perakam suara (*transcriber*) adalah peralatan yang membantu dalam jangka yang panjang, serta proses yang berpanjangan. Tempoh masa setiap temu bual ketika ia dijalankan di

antara 50 minit hingga 1 jam 45 minit. Pengkaji juga mengendalikan setiap temu bual berdasarkan kepada panduan temu bual yang berfokuskan kepada apakah yang dimaksudkan mereka dengan merempit, mengapa mereka terjebak dan bagaimana mereka melalui pengalaman tersebut.

Data yang dikumpulkan mencapai tahap ketepuan (*saturated point*) dari keseluruhan 13 orang informan yang terlibat dalam kajian ini. Pengkaji mendapatkan mereka apabila turun di lapangan kajian dan juga mendapat beberapa lagi informan yang mempunyai nama dan pengalaman yang banyak menggunakan teknik *snowball*, hasil dari hubungan yang terbina dengan beberapa orang informan. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, pensampelan *purposive* digunakan bagi mengenal pasti subjek yang beresuaian bagi kajian ini. Sampel adalah terdiri daripada mereka yang berkebolehan untuk mendapatkan semua maklumat yang diperlukan terhadap isu yang hendak dikaji (Merriam, 1998; Patton, 1990).

Hasil temu bual yang ditranskripkan telah dilihat dan diteliti beberapa kali serta tidak kurang dari dua kali. Ini adalah penting bagi pengkaji untuk mengelakkan kekeliruan pada lokasi data, di mana setiap transkrip dilabelkan dengan initial dari subjek, tarikh temu bual dan lokasi temu bual dijalankan. Perbezaan kategori terbentuk selepas pengkaji mengenal pasti pengulangan paten terhadap permasalahan kajian dalam transkrip kata-kata (*verbatim*) tersebut. Kod yang berbeza seterusnya membentuk kategori yang berbeza. Apabila kategori asas telah terbentuk daripada pemeriksaan yang teliti secara berterusan dan perbandingan data pada dua transkrip yang terawal, pengkaji seterusnya meneruskan pengukuhan senarai kategori melalui pemeriksaan yang teliti pada transkrip yang berikutnya. Ini dapat menghalang pengkaji daripada melompat ke pada kesimpulan yang sebelum waktunya (*premature*) dan membantu menguruskan data yang banyak (*voluminous*) secara lebih sistematik (Merriam, 1998).

Data dianalisis menggunakan perisian Nvivo versi ke-8, yang merupakan perisian yang dapat membantu pengkaji mengelaskan data kajian yang diperolehi. Pengkaji menyedari bahawa perisian tersebut hanya dapat membantu mengkategorikan tema dan sub tema yang ada, kerana ia masih memerlukan pengkaji untuk menentukannya. Proses pengkodan juga terbahagi kepada dua tahap. Semasa tahap yang pertama, tema atau kod utama (*major*) seperti 'keseronokan' telah terbentuk. Sub-tema atau sub-kod seharusnya menjadi 'keseronokan yang dikecapi', 'bentuk keseronokan'

dan ‘sebab keseronokan’ sama ada seronok untuk mendapatkan hadiah taruhan atau sebagainya. Keseluruhan tema dinyatakan dan sub-tema disenaraikan dan dilabelkan di bawah tema utama dalam tree nodes dalam perisian Nvivo tersebut, setelah semua data dianalisis secara terbuka (open coding) dalam free nodes di awal proses analisa ini.

### **Kesahan dan kebolehpercayaan**

Kesahan juga turut diketahui sebagai penjelmaan baru sebagai yang boleh dipercayai (trustworthiness). Ia mengandungi empat aspek utama iaitu kredibiliti, kebolehpindahan (transferability), kebolehgantungan (dependability) dan kebolehpastian (confirmability). Dalam penyelidikan kualitatif, kesahan boleh dilakukan dengan penghuraian dan penjelasan dan sama ada atau tidak, penjelasan tersebut benar-benar sesuai dengan penghuraian (Janesick, 2000). Apabila kesahan dan kepercayaan kajian dilakukan, ia bukan sahaja adalah mentaksirkan sesuatu fenomena secara teliti, tetapi turut membantu dalam meningkatkan pepadanan selepas memahami terhadap ruang kitaran punca masalah tersebut. Sebagai tambahan, kajian pengesahan dan kebolehpercayaan juga mendorong kepada pembentukan konsep yang mana boleh dipergunakan oleh penyelidik lain yang berminat mengkaji isu berkaitan dengan kajian ini. Menggunakan pendekatan yang dicadangkan oleh Lincoln & Guba (1985), kesahan dan kebolehpercayaan kajian boleh dipastikan melalui penggunaan audit trails, member checks, peer examination selagi kedudukan pengkaji adalah sebagai instrumen kajian kualitatif.

Maksud audit trail adalah merujuk kepada langkah-langkah yang diperlukan untuk diadaptasikan oleh pengkaji pada tahap pengumpulan data dan analisis data untuk memastikan kebolehpercayaan kajian (Denzin & Lincoln, 2005). Dalam kajian ini, pengkaji telah memeriksa setiap langkah yang diambil, daripada tahap awal, iaitu penyediaan penulisan kertas kerja, pembinaan panduan dan soalan temu bual, sorotan literatur, pengumpulan data serta diteruskan dengan proses menganalisis data dengan menggunakan pengekodan tema dan sub-tema.

Seterusnya, maksud member checks pula merujuk kepada usaha pengkaji untuk berhubung semula dengan informan kajian bagi pengesahan data yang diambil dari mereka. Semasa melaksanakan pengumpulan

data, segala maklumat atau nota penting dimasukkan ke dalam buku log pengkaji. Informan kajian telah dihubungi semula untuk tujuan penjelasan terhadap fakta yang dijawab mereka. Sebagai untuk peer examination, pengkaji telah cuba mendapatkan maklum balas dan konsultasi daripada pakar sains sosial.

Sebagai instrumen kepada kajian ini, pengkaji turut mempraktikkan sifat toleransi, sikap berwaspada, berempati dan mempraktikkan kemahiran komunikasi yang baik serta berada pada kesiapsiagaan yang tinggi terutama apabila mendapatkan informasi perlumbaan yang dijalankan pada tengah malam atau awal pagi, yang digunakan pada keseluruhan proses yang dinyatakan di atas.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### **Profil belia yang terlibat dengan gejala Mat Rempit**


Keseluruhan 13 orang informan kajian ini terdiri dari golongan belia yang terlibat dan pernah bergiat secara aktif dalam aktiviti Mat Rempit yang berada dalam lingkungan usia antara umur 16 tahun hingga 29 tahun di mana penglibatan terawal mereka semasa mula merempit antara seawal usia 9 dan 19 tahun. Informan juga mempunyai pengalaman merempit yang agak lama antara 4 hingga 8 tahun yang mempunyai perkaitan rapat dengan pemilihan pendekatan fenomenologi bagi kajian ini untuk melihat secara mendalam lived experiences informan terhadap sesuatu konsep atau fenomena gejala Mat Rempit dalam kalangan belia (Creswell, 2007). Purata keseluruhan jumlah informan kajian memiliki latar belakang pendidikan yang rendah dan sederhana dengan hanya di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, selain daripada 4 orang informan yang masih belajar di sekolah menengah. Hanya seorang informan sedang melanjutkan pengajian di peringkat diploma di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Ia adalah sama dengan kajian terhadap Mat Rempit sebelum ini, iaitu kebanyakan mereka adalah berpendidikan rendah, iaitu hanya setakat di peringkat SPM dan ke bawah (Rozmi & Norhayati, 2007: 21). Tahap pendidikan adalah merupakan sebagai panduan menjadikan golongan belia mudah terpengaruh dengan rakan sebaya dan perasaan ingin mencuba. Tanpa pendidikan ia berkemungkinan besar hidup dalam keadaan terdesak dan susah yang meningkatkan lagi risiko mereka terjebak dalam aktiviti berisiko tinggi (Asmawati & Fatimah, 2005).

Berdasarkan pengakuan informan dan pemerhatian turut serta pengkaji, seramai 9 orang telah terlibat dengan aktif dalam aktiviti ini pada masa kini, 2 informan kurang bergiat aktif tetapi masih melakukan aktiviti merempit dalam kadar yang amat jarang manakala 2 informan lagi telah berhenti dalam tempoh kurang dari setahun ketika data ini diambil namun mereka masih sudi berkongsi pengalaman merempit yang dilalui mereka. Informan turut mengakui mereka kerap merempit di kawasan bandar berbanding kawasan pinggir bandar (kampung). Hanya seorang sahaja informan yang telah berkahwin dan seorang telah bertunang dan bakal melangsungkan perkahwinan, manakala informan yang lain masih belum berkahwin ketika data kajian ini dikumpulkan yang turut dikenal pasti mempengaruhi keterlibatan mereka secara aktif dalam aktiviti merempit.

Berkaitan dengan tempat tinggal informan, 11 dari mereka tinggal di kawasan taman perumahan di sekitar bandar manakala bakinya tinggal di kawasan luar bandar, iaitu kawasan kampung. Kebanyakan informan juga mengaku tidak mempunyai pekerjaan tetap serta berpendapatan rendah di mana 3 orang mengaku mendapat sumber pendapatan sampingan melalui bengkel dan khidmat mengubahsuai motosikal di rumah mereka, selain dari pelayan restoran, membantu perniagaan keluarga dan mengambil upah sebagai mentara kenduri kahwin. Hasil pendapatan dari kerja sambilan yang dilakukan kebiasaannya digunakan untuk membeli barangan motosikal dan mengubahsuainya serta membeli motosikal lain bagi tujuan untuk meningkatkan keupayaan motosikal dalam perlumbaan selain dari perbelanjaan peribadi mereka.

Dari segi pemilikan lesen memandu informan, berdasarkan temu bual terhadap mereka, hanya tiga informan mengaku memiliki lesen memandu manakala selebihnya tidak memiliki lesen memandu. Di samping itu juga, tujuh daripadanya mempunyai cukai jalan motosikal yang sah. Berdasarkan pemerhatian pengkaji dan pengakuan oleh informan, golongan belia yang terlibat dengan gejala merempit ini lazimnya mempunyai didikan agama yang rendah terutama amalan ibadah yang wajib dilakukan sebagai seorang umat Islam dan perlakuan yang ditegah oleh agama. Hanya seorang sahaja informan mempunyai pekerjaan tetap sebagai pekerja kilang. Nama sebenar informan tidak didedahkan sebaliknya menggunakan nama samaran mereka bagi menjaga kerahsiaan kajian dan anonymity informan. Rajah 1 di bawah memaparkan ringkasan keseluruhan profil belia yang terlibat dengan Mat Rempit manakala Jadual 1 pula menunjukkan demografi informan dalam kajian ini.





**Rajah 1: Profil belia yang terlibat dengan gejala**

**Jadual 1 : Demografi Informan**

NAMA	UMUR (TAHUN)	TAHAP PENDIDIKAN	KAWASAN TEMPAT TINGGAL	USIA MULA MEREMPIT (TAHUN)	PENGALAMAN MEREMPIT (TAHUN)	BIL. ADIK BERADIK	STATUS	PEMILIKAN LESEN MEMANDU	CUKAI JALAN	CATATAN AKTIVITI
Azmi	23	SPM	Taman Perumahan	15	7	4	Bujang	X	Ada	Kurang aktif
Azri	25	SPM	Taman Perumahan	19	6	3	Bujang	Ada	X	Telah Berhenti (Tahun 2008)
Dan	17	Masih Bersekolah	Taman Perumahan	9	8	4	Bujang	X	X	Sangat aktif
Krie	20	SPM	Taman Perumahan	15	5	7	Bujang	X	X	Sangat aktif
Kudut	20	SPM	Taman Perumahan	6	4	6	Bujang	X	X	Sangat aktif
Man Teloq	16	Masih Bersekolah	Taman Perumahan	11	5	6	Bujang	X	Ada	Sangat aktif

Mat	19	SPM	Kampung	15	4	5	Bujang	X	X	Sangat aktif
Mie	18	IPTS	Kampung	13	5	4	Bujang	X	X	Telah Berhenti (Tahun 2008)
Param	17	Masih Bersekolah	Taman Perumahan	12	5	6	Bujang	X	Ada	Sangat aktif
Tok Wi	16	Masih Bersekolah	Taman Perumahan	12	4	7	Bujang	X	X	Sangat aktif
Tun-tung	16	Masih Bersekolah	Taman Perumahan	11	5	5	Bujang	X	Ada	Sangat aktif
Wan	22	SPM	Taman Perumahan	15	7	4	Bujang	Ada	Ada	Sangat aktif
Yus	29	SPM	Taman Perumahan	16	8	14	Telah Berkahwin	Ada	Ada	Kurang aktif

### Apakah makna untuk menjadi Mat Rempit bagi belia ini?

Kaedah constant comparative daripada analisis dapat mengenal pasti makna menjadi Mat Rempit adalah dari kehendak dan keinginan dalaman. Ia terbentuk dari gabungan sub-tema yang meliputi a) menjadi Mat Rempit bermakna menjadi terkenal umpama ‘wira jalanan’; b) menjadi Mat Rempit bermakna mempunyai kumpulan tersendiri; c) menjadi Mat Rempit bermakna menjadi ‘lelaki jantan’, iaitu satu simbol kepuasan dan keseronokan dalam kehidupan.

### Menjadi Mat Rempit umpama ‘wira jalanan’ yang terkenal

Perkara pertama yang dimaksudkan oleh informan sebagai Mat Rempit adalah untuk menjadi terkenal dalam aktiviti merempit dalam kalangan komuniti Mat Rempit. Pernyataan ini adalah jelas tentang maksud untuk seseorang belia tersebut menjadi seorang Mat Rempit. Maksud untuk menjadi terkenal adalah kerana keinginan untuk meletakkan nama mereka di atas dan menjadi sebutan (kemegahan) serta digeruni dalam kalangan komuniti Mat Rempit disebabkan kehebatan mereka, selain dari kesukaan mereka terhadap aktiviti merempit yang dilakukan. Menurut Gabany, Plummer dan Grigg (1997), terdapat beberapa faktor yang membawa kepada tingkah laku memandu laju, antaranya untuk menunjukkan

kehebatan, iaitu ego gratification. Sewaktu menceritakan maksud untuk menjadi Mat Rempit yang difahami oleh informan, Azri menegaskan:

Seronok lah. Saya seronok lah. Seronok macam saya cakap tadi lah. Nak nama, macam tu lah, orang kenal motor kita, macam ada malam tahun baru ka, kita bawa motor kita...ooo, orang kata oi, motor ni jangan main. Motor kuat ni, aku dah biasa main dah...macam tu lah. Memang minat lah. Nak nama. Semua Mat-mat Rempit ni semua nak nama.

Di samping itu, Azri menjelaskan tujuan menjadi Mat Rempit yang terkenal supaya dia turut dikenali oleh Mat Rempit di tempat yang lain.

Ok, kita bawa motor, kita menang, nama kita naik. Lepas tu kita nak pi main kat satu tempat lain lagi, ok....nak main dengan geng mana. Nak main dengan geng ni, k..Nama kita dah ada dah. Yang tu satu dia yang seronok tu.

Param pula mengakui rempit ini adalah suatu perkara kesukaannya dan dari merempit juga beliau dapat menaikkan namanya dan secara langsung turut menjadi terkenal. Tambah Param “Suka jugak la jadi Mat Rempit ni.. Minat nama Rempit tu..Penaik nama bagi tinggi sikit...”.

Sehubungan itu, kenyataan Azri dan Param diperkukuhkan oleh Man Teloq yang menyatakan untuk menjadi terkenal adalah suatu yang menjadi kesukaan dan dicari-cari oleh Mat Rempit. Nama individu Mat Rempit tersebut akan menjadi terkenal dan secara tidak langsung ia akan turut menaikkan kawasan aktiviti individu tersebut. Man Teloq menegaskan:

...suka aa, sebab naik nama.. kiranya ni bagi orang kenai la. Taman Nilam, jockey-jockey laa..nak bagi top aa..kiranya nak bagi tempat ni naik nama.

Kenyataan di atas turut dipersetujui oleh Tok Wi yang menjelaskan maksud menjadi Mat Rempit supaya nama dan kawasannya menjadi terkenal dengan menyatakan:

Saya suka race ni sebab bagi naik nama Taman Nilam. Mat Rempit ni dia duk atas highway ni kira hebat la race semua, angkat tayar semua..So bila race-race ni, bila orang jumpa saya, depa tegur saya.. dalam kalangan Mat Rempit.

Untuk menjadi terkenal dalam kalangan Mat Rempit bukan sahaja melalui kehebatan yang dilakukan semata-mata, tetapi turut untuk menjadi terkenal dengan kehebatan yang tiada tandingan oleh Mat Rempit yang lain. Dalam kata lain, menjadi terkenal secara mutlak tanpa boleh dicabar oleh sesiapa seperti yang dinyatakan oleh Mat:

Nak hebat daripada yang lain lah. Nak tunjuk kita orang buat skill macam ni, kita nak buat skill macam lain sikit. Nak bagi nama saya naik la. Macam kita buat motor tengok hari ni, apa macam motor orang ni laju, kita nak lebih laju daripada dia lagi.

Cara Mat Rempit menunjukkan aksi adalah sebagai salah satu cara mereka meningkatkan penghargaan sendiri (self-esteem) (Rozmi & Norhayati, 2007: 42). Oleh yang demikian, kenyataan Mat juga mempunyai persamaan dengan Mie tentang apa yang dimaksudkan bagi menjadi seorang Mat Rempit yang terkenal melalui kehebatan yang tidak dapat digugat:

Kalau kita wheelie lebih power daripada depa la kan, sampai depa duk habis skill lah kan, kita duk ada lagi skill kan. So,aa bila semua Mat Rempit kenal kita, pi mana pun orang tetap sanjung, Mat Rempit tetap sanjung. Terkenal lah kita.

Bagi mengukuhkan makna merempit seperti yang dinyatakan oleh Mat, Mie menyatakan:

Tapi kalau apa orang cakap dari pandangan Mat Rempit sendiri kalau kita boleh pancung motor, kira kata pancung macam wheelie kan angkat tayar, kalau boleh fight lebih dari depa, kira dia famous la.

### **Makna mempunyai kumpulan tersendiri**

Selain dari untuk menjadikan nama mereka terkenal, kefahaman informan kajian ini juga turut menyatakan bahawa fenomena ini dilakukan secara berkumpulan dan menjadi Mat Rempit membawa makna memiliki kumpulan tersendiri, yang terdiri dari gabungan individu lain yang mempunyai minat yang sama, iaitu merempit yang secara tidak langsung membentuk sebuah budaya baru dalam sekelompok masyarakat. Subbudaya adalah sesuatu yang sosial di mana sesama mereka berkongsi persetujuan, nilai dan upacara (ritual), tetapi mereka juga dilihat menyelami (immersed)

dan menyerap (self-absorbed) rupa yang membezakan mereka daripada penentangan budaya (Gelder, 2007). Sebagai salah satu jalan untuk dilabelkan sebagai Mat Rempit, mereka perlu merupakan sebahagian dari kumpulan tersebut seperti yang dinyatakan oleh Azri:

Mat Rempit...dari segi geng lah. Orang kata geng. Pasal Mat Rempit ni boleh tubuh pasal geng lah. Dia banyak geng, dia banyak kelompok. Tapi tak tau Mat Rempit jahat ni, tak tau lah. Ada setengah, tak banyak la yang jahat ni Mat Rempit. Mat Rempit ni geng lah. Geng motor lah orang kata.

Penegasan oleh Azmi juga turut seolah-olah selari dengan Azri yang menyatakan bahawa maksud menjadi Mat Rempit dan dilabelkan oleh masyarakat adalah melalui kewujudan kumpulan dan menjalankan aktiviti berkumpulan seperti berikut:

Kalau orang tua naik motor berhenti, kata awat tak pi merempit. Tu la cerita dia Mat Rempit ni, panggilan orang. Ooo..laju, Mat Rempit. Yang mana melepak tu, geng-geng muda ada tang situ, Mat Rempit lah.

Dalam konteks aktiviti Mat Rempit, ia turut diertikan sebagai aktiviti yang dilakukan secara berkumpulan misalnya bergerak secara beramai-ramai, berlumba, melakukan aksi dan sebagainya seperti yang dimaksudkan oleh Yus:

Saya pun tak berapa faham rempit ni apa dia. Tapi bila saya bercampur-campur masa tahun 2003 di Prai, baru saya faham rempit ni kira racing lah, keluar ramai-ramai, rempit lah. Baru saya faham sikit-sikit lah.

Sebagai menegaskan pendapat diatas tentang makna merempit, Krie juga memberikan maksud yang seakan-akan sama yang mana beliau menyatakan "... rempit ni syok, depa keluar ramai-ramai. Pas tu race apa semua. Dia join sekaki apa semua. Tak tau nak kata apa. Boleh la sikit-sikit. Dah bergiat lama dah ni. Kira suka jugak la."

Menjadi Mat Rempit adalah menjadi 'Lelaki Jantan': satu simbol kepuasan dan keseronokan dalam kehidupan sebagai tambahan dari dua makna merempit di atas, iaitu menjadi terkenal dan memiliki kumpulan, merempit juga adalah makna bagi lelaki 'jantan' yang merupakan simbol kepuasan dan keseronokan dalam kehidupan.

Kepuasan hidup ini wujud dari keseronokan yang dikecapi si perempuan. Keseronokan timbul pada Wan apabila digelar Mat Rempit dari rakan-rakan, sekali gus menghilangkan persepsi bahawa dia adalah lelaki lembut jika tidak menjadi Mat Rempit. Secara tidak langsung, dalam erti kata yang lain, makna Mat Rempit adalah lambang 'kejantanan' yang ada pada dirinya:

Baru kita macam orang panggil kita ni kalau tak panggil kita ni Mat Rempit kan, kita rasa, ishh, kita ni lembut la, pas tu kita rasa kita ni megah sikit kan. Seronok rasa jadi Mat Rempit. Rasa macam diri kita ni kira seronok la bila dapat orang panggil Wan ni, Wan Rempit. Kira dapat nama . Sebab tu Wan seronok.

Dalam makna kepuasan, belia mengecapi keseronokan dan dalam masa yang sama, bebas daripada tekanan. Menurut Chen et. al. (1997), antara faktor dalaman individu belia itu sendiri yang boleh mendorong mereka melakukan suatu aktiviti salah laku berpunca daripada tekanan dalaman yang dihadapi. Perkara ini dinyatakan oleh Wan apabila diajukan soalan makna untuk merempit:

Istilah Mat Rempit aaa...Mat Rempit ni dia hanya nak macam keseronokan, macam nak lepaskan tension, pas tu macam nak bagi tenang, gembira. Dengan merempit ni la kami boleh apa buang tension apa semua. Tu lah Mat Rempit ni.

Di samping itu, wujud hubungan antara makna kepuasan dengan melepaskan tekanan. Aktiviti merempit membawa makna kepuasan kepada mereka, sekali gus dapat melepaskan tekanan atau konflik yang dihadapi dalam diri mereka. Hubungan untuk melepaskan tekanan dari keseronokan yang diperoleh juga ditegaskan oleh Kudut yang menegaskan:

Istilah rempit ni..nak hilang boring apa kalau..tension apa, boring sangat-sangat, tak tau nak buat apa malam, tak boleh tidur aa..Ikut la, rempit aa, pi mai pi mai, member ramai-ramai.

Pada makna yang lain pula, Dan turut menyatakan bahawa makna merempit adalah sebagai suatu kepuasan sekiranya seseorang Mat Rempit dapat menyaingi atau melebihi Mat Rempit lain dari segi kelajuan motosikal semasa perlumbaan. Beliau menjelaskan "Saya faham Mat Rempit ni bagi kepuasan, bagi moto lain dari pada orang lain..laju daripada orang yang lain."

Informan kajian turut menyatakan bahawa keseronokan yang sebenar pada Mat Rempit adalah makna kelajuan semasa berlumba dengan kadar yang maksima. Golongan remaja seringkali melakukan pelbagai aksi merbahaya di jalan raya dan bertindak ganas hingga mengganggu pengguna jalan raya lain (Edwards, 2001). Ia menyumbang kepada pembinaan identiti mereka sebagai lelaki jantan atau 'macho' yang berani, cekap dan gaga. Ia amat berpadanan dengan apa yang dinyatakan oleh Mie:

Sebab bila kita bawak motor ni, lagi laju lagi sedap, lagi laju lagi sedap lagi kan. Lepas tu tak tau la kalau dari pandangan orang yang tak suka Mat Rempit, depa punya pasal lah.

Ada beberapa informan menyatakan makna merempit pada mereka adalah sebagai suatu kepuasan. Pada mereka, aktiviti merempit adalah sesuatu aktiviti yang membawa keseronokan dalam diri mereka. Pada Tutung, padanya Mat Rempit adalah untuk keseronokan, di mana beliau menyatakan "... Mat Rempit ni kira untuk kepuasan dia la tu. Dia bagi seronok, tengok orang ni.". Pada diri Param pula, pengertian Mat Rempit padanya adalah hampir sama seperti yang diungkapkan Tuntung, iaitu "... Mat Rempit makna dia kepuasan ja laa..emm, tak tau nak habaq macam mana."

Berdasarkan daripada perbincangan dan huraian hasil kajian, rajah berikut menunjukkan rangkuman profil dan makna fenomena 'rempit' dalam kalangan belia negeri utara Semenanjung Malaysia:

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Berdasarkan perbincangan dapatan kajian, jelas menunjukkan bagaimana makna merempit mempengaruhi keinginan dalaman belia untuk terlibat dalam gejala ini. Hasil kajian telah menunjukkan perbezaan makna untuk menjadi Mat Rempit dalam kalangan belia yang terlibat dengan gejala ini. Secara tidak langsung dengan kenyataan makna untuk menjadi rempit, setidaknya-tidaknya membantu pengkaji untuk membuka ruang yang lebih besar bagi melihat sejauh manakah keterlibatan mereka melalui mengapa mereka merempit dan bagaimana mereka mengalaminya. Pengkaji telah menemui bahawa makna untuk menjadi Mat Rempit adalah datang dari keinginan dalaman yang berbeza dari setiap individu di mana setiap dari golongan belia berkehendakkan untuk melakukan sesuatu bagi memenuhi keinginan mereka.

Persoalannya sekarang ialah: Bagaimana fenomena rempit ini boleh dilihat sebagai cabaran dan peluang kepada pengisian Gagasan 1Malaysia? Pengkaji percaya bahawa dalam menangani gejala ini, terdapat banyak cara menjadikan cabaran fenomena rempit sebagai satu peluang untuk menghalakan minat golongan Mat Rempit ini kepada pengisian Gagasan 1Malaysia.

Gagasan 1Malaysia dibentuk berdasarkan kepada aspek perpaduan yang didokongi oleh teras seperti penerimaan, prinsip-prinsip kenegaraan, keadilan sosial dan nilai-nilai murni, iaitu hormat-menghormati, rendah hati, kesederhanaan dan berbudi bahasa ([www.1Malaysia.com.my](http://www.1Malaysia.com.my), 2010). Selain itu, gagasan 1Malaysia juga dilengkapi dengan aspek nilai-nilai aspirasi yang meliputi budaya berprestasi tinggi, budaya ketepatan, budaya ilmu, integriti, ketabahan, kesetiaan, kebijaksanaan dan budaya inovasi ([www.1Malaysia.com.my](http://www.1Malaysia.com.my)).

Dengan menggunakan pendekatan yang betul, pengkaji bahawa aspek perpaduan perlu diterapkan dalam mencetus kesedaran dalam kalangan belia rempit ini. Ia hanya boleh bermula dengan aspek kedua, iaitu aspirasi untuk maju ke hadapan. Pengkaji melihat bahawa cabaran kepada pengamal pembangunan belia ialah untuk melakukan transformasi dan mengubah minat mereka ke arah pendekatan yang bersifat legal, iaitu mengikut undang-undang negara dan berfaedah kepada mereka. Bentuk program intervensi yang dicadangkan adalah memenuhi kehendak mereka, kerana dalam pada masa yang sama mampu membawa mereka kembali kepada kehidupan yang positif. Berikut adalah beberapa pendekatan yang dicadangkan bagi mengurangkan gejala ini di kalangan belia:

- Memperbanyakkan lagi program yang berkaitan permotoran pada masa yang bersesuaian secara amnya, khususnya pada hujung minggu secara terancang dan dalam masa yang sama menggalakkan penerapan aspek perpaduan yang sememangnya menjadi salah satu ciri kekuatan belia rempit selama ini dan ditala ke arah nilai-nilai aspirasi bagi menjadikan mereka golongan belia berguna
- Makna Gagasan 1Malaysia ini perlu disampaikan ke pengetahuan belia rempit sehingga ke peringkat lapisan bawahan dengan mengaitkan ciri-ciri ketepatan, berilmu, tabah, setia, bijaksana



dan inovatif yang ada pada mereka agar dibimbing ke arah aktiviti yang positif seperti keusahawanan, rekreasi dan sukan lasak berprestij. Dapat dilihat kebanyakan belia di peringkat bawahan tidak pasti dan tidak mengetahui aktiviti atau program belia yang dijalankan di peringkat daerah atau negeri yang dianjurkan oleh agensi kerajaan atau swasta kerana maklumat tersebut secara realitinya tidak sampai ke kumpulan sasaran.

- Program penerapan Gagasan 1Malaysia tersebut juga perlu berorientasikan minat dan kesukaan kumpulan sasaran supaya dapat menarik minat mereka. Belia yang terlibat dengan gejala ini berkehendakkan program sebagai langkah pencegahan supaya masa lapang mereka terisi dengan aktiviti yang berfaedah. Secara tidak langsung, sekiranya ada aktiviti yang menarik minat mereka seperti konvoi 1Malaysia dan perkhemahan ke kawasan rekreasi, ia akan dapat menarik minat kumpulan Mat Rempit yang lain untuk menyertainya. Secara tidak langsung ia dapat menarik lebih ramai penyertaan dalam aktiviti yang menjurus kepada pembinaan semangat kenegaraan yang berteraskan aspek perpaduan dan aspirasi kejayaan sepertimana yang digarap dalam Gagasan 1Malaysia.
- Program penerapan 1Malaysia yang dianjurkan untuk Belia Rempit juga tidak boleh bersifat terikat dan mengongkong mereka, tetapi memerlukan pendekatan secara santai tetapi mempunyai pengisian untuk mengajak mereka untuk meninggalkan aktiviti tersebut. Sebagai langkah awal, aktiviti tersebut perlu melibatkan keseluruhan belia yang terlibat tanpa sebarang syarat kepada penyertaan mereka. Galakan untuk mereka menyertai sukan permotoran perdana seperti Cub Prix, GP, tato dan sebagainya dapat membangkitkan rasa dihargai dan mengubah minat mereka ke arah aktiviti sukan yang bersifat positif.
- Penglibatan secara bergandingan agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) menganjurkan program kesedaran setelah penganjuran program yang dapat menarik penglibatan mereka dapat membantu Mat Rempit untuk berubah secara positif dan menyedari kepentingan aktiviti yang selari dengan minat dilakukan secara sihat. Sebagai contoh program mendapatkan lesen memandu secara mudah dan efektif,

- kededaran dari sudut keselamatan, perundangan dan sebagainya.
- Dalam merealisasikan perancangan tersebut, pihak kerajaan melalui agensi yang berkaitan serta masyarakat setempat perlu mendekati golongan Mat Rempit dan tidak hanya melemparkan tuduhan serta memberikan persepsi negatif kepada kumpulan ini. Adalah penting untuk mengurangkan jurang perhubungan antara Mat Rempit dan masyarakat, dengan harapan kedua-dua pihak mendapat maklum balas yang berkesan dan secara langsung dapat membawa semula golongan Mat Rempit kepada masyarakat.

## PENUTUP

Pendekatan yang dikemukakan tersebut adalah diperlukan bagi menangani gejala Mat Rempit dari terus berlarutan di Malaysia. Aktiviti khusus kepada Mat Rempit yang berorientasikan kepada aktiviti berkumpulan mampu menarik minat golongan belia lain untuk turut sama terlibat dan mengurangkan aktiviti belia yang tidak berfaedah. Sekiranya pendekatan yang bersesuaian kepada golongan ini dapat dilaksanakan, secara tidak langsung golongan belia dapat menghindari gejala sosial dan aktiviti yang tidak berfaedah. Langkah awal menangani fenomena 'rempit' ini akan memastikan masa depan negara kita lebih terjamin dan aman sepertimana yang dinyatakan dalam Gagasan 1Malaysia dan Wawasan 2020. Belia kita bukannya bermasalah tetapi mereka sebenarnya memerlukan bimbingan semua ahli masyarakat untuk bersama-sama membina Malaysia menjadi sebuah negara maju dan berdaya saing. Usaha ini bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dilaksanakan, namun ia memerlukan perancangan sistematik dan diwarnai dengan kasih sayang dan keprihatinan semua pihak bagi mentransformasikan cabaran fenomena belia rempit ini sebagai salah satu premis dan peluang untuk mengisi Gagasan 1Malaysia dengan mengubah mereka menjadi rakan pembangunan negara melalui potensi mereka yang tersendiri.

## RUJUKAN

- Brake, M. 1985. *Comparative youth culture: The sociology of youth culture and youth subcultures in america, britain and canada*. New York: Routledge & Kegan Paul Ltd.

- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. 1998. *Qualitative research in education: An introduction to theory and methods (3rd ed.)*. Boston: Allyn & Bacon Inc.
- Chen, Y., Arlene, R. S., Cheng, L., & Dore, P. 1997. *Mental health, social environment and sexual risk behaviours of adolescent service users: A gender comparison*. *Journal of Child and Family Studies*. 6(1): 9-25.
- Chen, L., Baker, S. P., Braver, E. R., & Li, G. 2000. Carrying passengers as a risk factor for crashes fatal to 16- and 17-year-old drivers. *Journal of the American Medical Association*. 283: 1578-1617.
- Creswell, J. W. 1998. *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five traditions*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Creswell, J. W. 2007. *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches (2nd ed.)*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (eds). 2005. *The sage handbook of qualitative research (3rd ed.)*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Edwards, M., *In Standards For Novice Driver Education and Licensing: Driver Education at the Crossroads, Proceedings of the Committee on Operator Education and Regulation, Report E-C024, 2001*.
- Foss, R. and Goodwin, A. 2003. *Enhancing the effectiveness of graduated driver licensing legislation*. *Journal of Safety Research*. 34: 79-84.
- Gabany, S.G., Plummer, P., & Grigg, P. 1997. *Why drivers speed: The speeding perception inventory*. *Journal of Safety Research*. 28 (1): 29-36.
- Gelder, K. 2007. *Subcultures cultural histories and social practice*. Oxon: Routledge.
- Guba, E. G., & Lincoln, Y. 1981. *Effective evaluation: Improving the usefulness of evaluation results through responsive and naturalistic approaches*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Hebdige, D. 1979. *Subculture the meaning of style*. London: Methuen & Co. Ltd.
- Holstein, J. A., & Gubrium, J. F. 1995. *The active interview*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications
- Jabatan Perangkaan Malaysia. *Penduduk mengikut kumpulan umur, Malaysia, 1963-2009*. Retrieved 14 February 2009 from [http://www.statistics.gov.my/bm/index.php?option=com\\_content&view=article&id=50:populasi&catid=38:kaystats&Itemid=11](http://www.statistics.gov.my/bm/index.php?option=com_content&view=article&id=50:populasi&catid=38:kaystats&Itemid=11)
- Janesick, V. J. 2000. *The choreography of qualitative research design:*

- Minutes, improvisation and crystallization, handbook of qualitative research.* Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc.
- Lincoln, Y. S., & Guba, E. G. 1985. *Naturalistic enquiry.* Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc.
- Mahmood, N. M. 2009, *Penyalahgunaan bahan di kalangan belia: Kes geng rempit, dalam pembentangan Persidangan Meja Bulat Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia Siri Ogos 2009, 6 Ogos, 2009, Hotel Marriott, Putrajaya, m/s 6*
- Mayer. R. E. 1997. *Psychological, social and cognitive characteristic of high-risk driver: A pilot study. Accident, Analysis & Prevention.* 9: 1-8.
- McKenna, F. P. *Changing Driver Behaviour? Road Safety Congress.* 2006. June, 2006, pp. 1-13.
- McKenna, F. P. *The perceived legitimacy of intervention: A key feature for road safety. 2007 AAA Foundation for Traffic Safety,* April, 2007, pp. 1-12.
- Merriam, S. B. 1998. *Qualitative research and case study applications in education.* San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Miles, M. B., & Huberman, M. A. 1994. *Qualitative data analysis: A sourcebook of new methods (2nd ed.).* Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Moustakas, C. 1994. *Phenomenological research methods.* Thousand Oaks, CA: Sage.
- Morgan, D. L. 1997. *Focus groups as qualitative research (2nd ed.).* Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc.
- Othman Lebar. 2007. *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod. Tanjung Malim, Selangor: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.*
- Patton, M. Q. 1990. *Qualitative research & evaluation methods.* Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc.
- Patton, M. Q. 2002. *Qualitative research & evaluation methods (3rd ed.).* Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc.
- Rohani Nasir, Hazita Azman, Ruzy Suliza Nasir, Mohd Yusof Abdullah, Rozmi Ismail. 2005. *Realiti generasi muda: Melangkah ke hadapan.* Putrajaya: Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia.
- Rozmi Ismail. 2005. *Remaja dan lumba motorsikal haram. Dalam Realiti Generasi Muda: Melangkah Kehadapan, ed. Rohany Nasir, Hazita Azman, Ruzy Suliza Hashim, Mohd Yusof Abdullah, dan Rozmi Ismail, pp. 315-325.* Putrajaya: Institut Penyelidikan dan

Pembangunan Belia Malaysia.

- Rozmi Ismail, & Norhayati Ibrahim. 2007. *Faktor-faktor yang mempengaruhi keterlibatan remaja dalam perlumbaan motorsikal haram dan hubungannya dalam jenis personaliti, sokongan sosial dan coping skills*. Putrajaya: Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia.
- Samsudin A. Rahim. 2007. *Generasi belia: Satu cetusan pandangan*. Putrajaya: Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia.
- Strauss, A. L., & Corbin, J. 1990. *Basic qualitative research: Grounded theory, procedures and techniques*. Newbury Park, CA: Sage Publications.
- Straw, W. 1991. *Systems of articulation, logics of change: Communities and scenes in popular music*. *Cultural Studies*. 5(3): 368–388.
- Utusan Malaysia Online*, 2006. 1 November.
- Utusan Malaysia Online*, 2008. 26 Jun.
- Utusan Malaysia*, 2008. 17 Ogos.
- Yahya Don. 2009. *Gang rempit dan penyalahgunaan dadah: Pengaruhnya dari aspek psikososial dan institusi pendidikan*. Putrajaya: Jurnal yang tidak diterbitkan Agensi Anti Dadah Kebangsaan.
- Laman web [www.1malaysia.com.my](http://www.1malaysia.com.my), diakses antara April sehingga Ogos 2010

#### Profil Penulis

##### **Mohd Mursyid Arshad**

Tutor

Unit Pengajian Pembangunan Belia

Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

##### **Ismi Arif Ismail, PhD**

Ketua Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

[ismi@putra.upm.edu.my](mailto:ismi@putra.upm.edu.my)

**Steven Eric Krauss, PhD**

Profesor Madya

Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

abd\_lateef@hotmail.com

**Turiman Suandi, PhD**

Profesor

Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

tj@putra.upm.edu.my

## **Panduan Kepada Penyumbang**

### **SKOP**

Malaysian Journal of Youth Studies ialah sebuah jurnal berwasit yang komited kepada perkembangan ilmu pengajian belia. Jurnal ini menerbitkan artikel yang menarik minat para sarjana, terutamanya daripada segi kandungan dan pendekatannya. Jurnal ini diterbitkan oleh sebuah Lembaga Editorial yang bebas, terdiri daripada Felo Adjung IPPBM. Selain itu, para sarjana dari luar negara turut dilantik untuk menganggotai Lembaga Penasihat Jurnal ini.

### **PROSEDUR PENYERAHAN MANUSKRIP**

Malaysian Journal of Youth Studies menerbitkan manuskrip yang ditulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Manuskrip yang diserahkan untuk diterbitkan dalam jurnal ini hendaklah merupakan karya asli yang belum pernah diterbitkan atau tidak dihantar untuk pertimbangan oleh mana-mana penerbitan lain.

Dua salinan manuskrip, ditaip selang dua baris di atas kertas bersaiz A4, hendaklah diserahkan kepada Ketua Editor, Malaysian Journal of Youth Studies, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, Aras 10, Menara KBS, 62570, Putrajaya Malaysia. Biodata ringkas penulis juga perlu disertakan bersama.

Para penulis yang manuskripnya telah diterima untuk penerbitan dikehendaki menghantar sesalinan manuskrip akhir yang telah disunting berserta dengan salinan fail dalam disket 3.5". Satu nota ringkas biografi penulis perlu disertakan bersama-sama dengan manuskrip. Semasa manuskrip masih dalam pertimbangan Lembaga Editorial, para penulis bertanggungjawab menghubungi editor untuk memaklumkan tentang sebarang perubahan alamat. Setiap artikel yang diterbitkan akan diberikan tiga (3) naskhah salinan Malaysian Journal of Youth Studies.

### **FORMAT DAN GAYA**

Tajuk sesuatu manuskrip perlulah ringkas, deskriptif dan seharusnya tidak melebihi 15 perkataan. Setiap manuskrip harus mempunyai abstrak (150

hingga 250 patah perkataan) dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang memerihalkan isi-isi utamanya termasuk kata kunci sekurang-kurangnya lima (5) perkataan.

Semasa ilustrasi termasuk rajah, carta dan graf, mesti dilabel dan disediakan dalam halaman yang berasingan daripada teks. Kedudukan ilustrasi seperti yang dekehendaki dalam teks hendaklah di tanda dengan jelas. Semua ilustrasi ini harus dirujuk dan di nombor secara berturutan sebagai rajah. Semua ilustrasi hendaklah sama ada dilukis dengan jelas menggunakan dakwat kekal, di fotograf dalam bentuk hitam putih atau warna dan dicetak di atas kertas yang bermutu atau dalam bentuk imej digital dan disediakan dalam bentuk camera-ready.

Rujukan dalam teks hendaklah menggunakan system nama penulis dan diikuti oleh tahun penerbitan. Satu senarai rujukan yang disusun mengikut abjad hendaklah dimasukkan di bahagian akhir sesebuah manuskrip. Kesemua rujukan yang dipetik dalam teks haruslah muncul dalam kesempurnaan maklumat dan senarai rujukan. Semua manuskrip mesti mengikut garis panduan rujukan *The Chicago Manual of Style* (University of Chicago Press)

## **HAK CIPTA**

Para penulis bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan manuskrip mereka tidak melanggar mana-mana hak cipta yang sedia ada. Penulis juga membayar ganti rugi kepada para editor dan penerbit ke atas sebarang pelanggaran terhadap hak cipta. Para penulis seharusnya mendapatkan keizinan untuk menerbitkan semula atau mengubahsuai bahan-bahan yang mempunyai hak cipta dan menunjukkan bukti keizinan tersebut semasa menyerahkan naskhah akhir manuskrip.

## **PROSES PEWASITAN**

Sesebuah manuskrip akan dinilai dan diwasitkan oleh Lembaga Editorial. Keputusan tentang penerbitan sesebuah manuskrip didasarkan kepada saranan ahli-ahli lembaga ini. Sesebuah manuskrip akan dinilai berasaskan kesesuaiannya dengan *Malaysian Journal of Youth Studies* sumbangan kepada disiplin ilmu, kejituan analisis, keluasan konseptual, persembahan yang jelas dan kesempurnaan teknikal. Bagi memastikan sesebuah manuskrip dinilai semata-mata berdasarkan meritnya, identity



penulis semasa proses perwasitan tidak didedahkan kepada wasit. Manuskrip yang diserahkan oleh mana-mana anggota Lembaga Editorial juga tertakluk kepada prosedur perwasitan yang sama.

## **Guide to Contributors**

### **SCOPE**

Malaysian Journal of Youth Studies is refereed journal committed to the advancement of youth studies. The journal publishes articles whose content and approach are of interest to a wide range of scholars. Malaysian Journal of Youth Studies is published by an autonomous Editorial Board of Malaysian Institute for Research in Youth Development. In addition, distinguished scholars from local and foreign universities have been appointed to serve on the Advisory Board of the journal.

### **SUBMISSION PROCEDURE**

The journal publishes manuscripts written in the Malay language, while submissions in English are also accepted. Manuscripts submitted to the journal for publication should be original contributions and must not have been previously published or be under consideration by any other publications.

Two copies of the manuscript, typed with double spacing on A4 paper, should be submitted to the Editor-in-Chief, Malaysian Journal of Youth Studies, Malaysian Institute for Research in Youth Development, Ministry of Youth & Sports Malaysia, Level 10, KBS Tower, 62570, Putrajaya Malaysia. The manuscript should be accompanied by a short biographical note about the authors.

An author(s) whose manuscript has been accepted for publication will be required to send a hard copy as well as an electronic file copy (on a 3.5" diskette) of the final, edited version of the manuscript. While a manuscript is under consideration, be sure to inform the editor of any change in address. Three (3) hardcopies of the journal will be given to the corresponding author of the published manuscript.

### **FORMAT AND STYLE**

The title of a manuscript should be concise, descriptive and preferably not exceeding 15 words. The manuscript must include an abstract, describing its main points, in English and Malay of within 150-200 words including key word of at least five (5) words.

All illustrations, including figures, charts and graphs, must be labeled and supplied on pages separate from the texts. The desired placement in the text should be referred to and numbered serially as figures. All illustrations should be clearly drawn in permanent ink or photographed in sharp black and white or color and reproduced in the form of high contrast glossy point or digital images and provided in camera ready form.

References in the text should be donated by giving the names (s) of the author(s) with the year of publications in parenthesis. All alphabetically ordered references list should be included at the end of the manuscript. All references cited in the text must appear in the reference list. Authors are responsible for the accuracy and completeness of all information in the reference. Manuscripts must conform to the references guidelines in *The Chicago Manual of Style* (University of Chicago Press). The reference style adopted should be consistent throughout the manuscript.

### **COPYRIGHT**

It is the author's responsibility to ensure that his or her submitted work does not infringe any existing copyright. Furthermore, the author indemnifies the editors and publisher against any breach of such a warranty. Authors should obtain permission to reproduce or adapt copyrighted material and provide evidence of approval upon submitting the final version of a manuscript.

### **REVIEW PROCESS**

Manuscripts will be reviewed by the Editorial Board. Decisions regarding the publication of a manuscript will be based on the Board's recommendations. The manuscript will be evaluated based on its appropriateness for *Malaysian Journal of Youth Studies*, contribution to the discipline, cogency of analysis, conceptual breadth, clarity of presentation, and technical adequacy. To ensure that manuscripts are evaluated solely on their merit, the author's identity is concealed from referees during the review process. Manuscripts submitted by members of the journal's Editorial Board are subjected to the same review procedure.



**BORANG PESANAN/ORDER FORM**



**INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN  
BELIA MALAYSIA (IPPBM)**  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA  
ARAS 10, MENARA KBS  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62570 PUTRAJAYA, MALAYSIA  
TEL: 03-8871 3705/3790 FAKS: 03-8871 3342  
EMAIL: info@ippbm.gov.my  
HTTP://www.ippbm.gov.my

Harap bekalkan judul berikut kepada pihak kami.  
*Please supply Malaysian Journal of Youth Studies to us.*

Judul/ <i>Title</i>	Kuantiti/ <i>Quantity</i>	Harga/ <i>Price (RM)</i>	Jumlah/ <i>Total</i>
Jurnal Pembangunan Belia Malaysia Bil. 1 2008		20.00	
Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 1 2009		20.00	
Malaysian Journal of Youth Studies (Edisi Khas: Belia dan 1Malaysia) Bil. 2 2010		25.00	
RM			

Bayar bank draf/wang kiriman atas nama/*Make your bank draft/money orders payable to* Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.

Nama Pemesan/ : \_\_\_\_\_  
*Customer*

Alamat/ : \_\_\_\_\_  
*Address*

Jabatan/Syarikat/ : \_\_\_\_\_  
*Department/*

*Company*

Jawatan/*Position* : \_\_\_\_\_

Tandatangan/ : \_\_\_\_\_  
*Signature*

Disertakan/ : bank draf/kiriman wang/  
*Attached* bank draft/money order no: \_\_\_\_\_





